

**PENTERJEMAHAN ULASAN BERITA BAHASA
MELAYU KE BAHASA TAMIL DALAM SIARAN
RADIO RTM**

SELVA KUMARAN A/L SUBRAYAN

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

**PENTERJEMAHAN ULASAN BERITA BAHASA
MELAYU KE BAHASA TAMIL DALAM SIARAN RADIO
RTM**

SELVA KUMARAN A/L SUBRAYAN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH PENGAJIAN
BAHASA MODEN**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

UNIVERSITY MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **SELVA KUMARAN A/L SUBRAYAN** I.C No:

No. Pendaftaran/Matrik: **TGA110003**

Nama Ijazah: **SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):
**PENTERJEMAHAN ULASAN BERITA BAHASA MELAYU KE BAHASA
TAMIL DALAM SIARAN RADIO RTM**

Bidang Penyelidikan:

LINGUISTIK TERAPAN

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang / penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk dan dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 12 SEP 2017

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 12 SEP 2017

Nama: DR. KRISHNAVANIE SHUNMUGAM

Jawatan: Pensyarah

Fakulti Bahasa Dan Linguistik, UM.

PENTERJEMAHAN ULASAN BERITA BAHASA MELAYU KE BAHASA TAMIL DALAM SIARAN RADIO RTM

ABSTRAK

Penterjemahan amat bermanfaat dalam kehidupan kita ekoran pesatnya perkembangan dunia ilmu pengetahuan, teknologi, dan pendidikan. Hasil kemajuan yang dinikmati kini adalah daripada hasil berkomunikasi sesama manusia. Komunikasi ini berlaku dalam pelbagai bahasa yang dituturkan oleh manusia. Perkembangan ilmu pengetahuan berjaya apabila manusia dapat memahami komunikasi sesama mereka.

Lantaran itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka keberkesanan penterjemahan teks sumber bahasa Melayu ke dalam teks sasaran bahasa Tamil. Dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif (Creswell, 2002). Data kajian ini dianalisis dan diterangkan secara diskriptif dengan menggunakan panduan Teori Penterjemahan Nida (1969). Enam (6) aspek penting daripada Teori Penterjemahan Nida (1969) telah digunakan untuk menganalisis teks penterjemahan. Seterusnya pengkaji akan mengenal pasti unsur bahasa (kata, frasa, dan ayat) serta gaya yang menyulitkan proses penterjemahan. Penentuan kualiti keseluruhan teks kajian pula dinilai berdasarkan Kriteria Penilaian Penterjemahan Holistik (Diadaptasi dan diubah suai daripada Sanjun Sun (2012,ms. 118).

Kajian ini telah menggunakan reka bentuk kajian teks yang melibatkan lima (5) teks asal ulasan berita bahasa Melayu dan lima (5) teks penterjemahan ulasan berita bahasa Tamil. Semua teks asal ulasan bahasa Melayu dan semua teks penterjemahan ulasan berita bahasa Tamil telah disiarkan di rangkaian radio RTM dalam lingkungan tempoh masa antara bulan Februari hingga bulan Mac tahun 2013.

Keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua teks yang diterjemahkan menggunakan kaedah formal dan dinamik untuk mendapatkan penterjemahan yang tepat. Manakala, penggunaan kaedah persamaan bukan keserupaan kurang pula digunakan dalam penterjemahan pada teks yang dianalisis. Hal ini demikian kerana dalam teks yang dianalisis, unsur-unsur kebudayaan kurang digunakan. Selanjutnya, hasil kajian juga menunjukkan bahawa para penterjemah menghadapi kesukaran untuk menterjemah ayat secara keseluruhan. Dapatan ini menyamai dapatan kajian rintis yang dijalankan terhadap penterjemah di RTM. Selain itu, penterjemah juga menghadapi kesukaran dalam frasa dan ayat. Ini disebabkan oleh kekangan masa untuk persiapan penyiaran ulasan berita. Berdasarkan dapatan kajian ini, boleh disimpulkan bahawa kebanyakan teks dapat diterjemahkan dengan tepat. Sejumlah empat (4) buah teks menepati kriteria tahap penterjemahan yang baik dengan ketidaktepatan minimal. Penterjemahannya menggambarkan kesemua petikan asal dengan hanya sedikit kesilapan leksikal. Manakala sebuah teks lagi menepati kriteria tahap penterjemahan yang agak baik dengan beberapa ketidaktepatan. Walaupun erti kata tunggal, frasa, ayat dan ideanya masih terdapat agak sedikit kesilapan. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa penterjemahan tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Ia harus melalui beberapa kaedah yang telah dipelopori oleh penterjemah. Penggunaan kaedah penterjemahan yang tepat dapat menghasilkan sebuah teks penterjemahan yang mantap dan berkualiti.

PENTERJEMAHAN ULASAN BERITA BAHASA MELAYU KE BAHASA TAMIL DALAM SIARAN RADIO RTM

ABSTRACT

Translations are very useful in our lives due to the rapid development of world in terms of science, technology, information technology and education. The result of the progress that has been cherished today is the result of the communication happening among people. This communication occurs in a variety of languages spoken by humans. The development of science is a success if people could understand the communication among them. Therefore, this study was conducted to explore the effectiveness of the translation from the source text of Malay language into the target text of Tamil language.

This study utilises qualitative method (Creswell, 2002). Data were analyzed and explained descriptively using the guidelines provided in Translation Theory of Eugene A. Nida (1969). Six (6) important aspects of Eugene A. Nida's Theory of Translation has been used to analyse the text translation in relation to the elements of language (words, phrases, and sentences) and style which makes it difficult for the process of translation to be executed. While the overall quality of the study text is evaluated based on the Holistic Translation Evaluation Criteria (Adapted and modified from Sanjun Sun (2012: 118). The study has employed five (5) original Malay and five (5) Tamil translation texts. All the original texts and comments of English and Tamil translation were reviewed and broadcasted on RTM radio network within the period of February to March 2013.

The findings show that all of the translated texts has adopted formal and dynamic methods for translation. The use of non-similarity equation is less used in the translation of the analysed text. This is due to the lack of cultural element in the analysed text. The

findings further reveal that generally, translators had faced difficulties in translating the the whole assigned texts. In addition, the translator also faced difficulties in prose and verse. This is due to the time constraints of the preparation for the broadcasting news. This study concludes that most of the texts can be translated accurately. The total of eight (8) texts meet the criteria of a good level of translation with minimal inaccuracies. The translations describe all of the original passage with only a few lexical errors. While another text meets the criteria of a quite good level of translation with some inaccuracies. Nonetheless, the meaning of single words, phrases, sentences and ideas is rather wrong. In summary, it is impossible for the translation to be done arbitrarily and according to the translators involved in this study, a translation has to go through a number of methods. The use of an appropriate translation method would enhance the accuracy and the quality of the text.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya merakamkan ribuan terima kasih kepada Tuhan yang Maha Berkuasa yang memberikan saya kekuatan untuk menyempurnakan disertasi ini dengan baik. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya Dr. Krishnavanie Shunmugam, dan bekas penyelia En. Supramani a/l Shoniah atas segala bimbingan dan tunjuk ajar serta sokongan moral sehinggalah saya berjaya menghasilkan disertasi ini. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga kepada semua staf Fakulti Bahasa dan Linguistik. Di samping itu, saya juga ingin berterima kasih kepada ketua Minnal FM En. Balasena dan kakitangan unit siaran berita Minnal FM, Kuala Lumpur yang telah banyak membantu saya dalam hal-hal yang berkaitan dengan pengumpulan data bagi menyempurnakan kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan buat Lakshmi Gopal, isteri saya Pn. S.Shanthini A. Sivapatha Sundram, kedua-dua anak kesayangan Tharshinie Selva Kumaran, dan Iswaren Selva Kumaran kerana sentiasa memahami kesibukan saya semasa menyiapkan kajian ini. Pengorbanan dan sokongan demikian yang menjadi perangsang kepada saya untuk menamatkan pengajian di peringkat Sarjana ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada penterjemah bertauliah En. Selvajothy Ramalingam dan En. Isai Amutan Krishnan yang membantu dalam menjalankan semakan dan pembetulan dari segi penterjemahan, tatabahasa, ejaan serta struktur ayat.

Saya juga merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan G6, Sumadi Pushpa Kandasamy, Manokaran, Selvajothy dan Isai Amutan yang menghulurkan bantuan dan sokongan moral.

Selva Kumaran Subrayan
Fakulti Bahasa dan Linguistik
Universiti Malaya
2017

KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT.....	v
PENGHARGAAN	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI RAJAH.....	xii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1	1
pengenalan	1
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar belakang kajian	1
1.2 Pengertian Penterjemahan	2
1.3 Cabaran dalam penterjemahan teks	4
1.4 Radio Televisyen Malaysia (RTM)	4
1.5 Siaran dan Berita Bahasa Melayu RTM.....	5
1.6 Siaran dan Berita Bahasa Tamil RTM.....	5
1.7 Kajian Rintis	6
1.8 Pernyataan Masalah	7
1.9 Kepentingan Kajian	9
1.10 Objektif Kajian.....	10
1.11 Persoalan Kajian.....	11

1.12	Limitasi Kajian.....	11
1.13	Definisi Operasi / Definisi istilah.....	11
1.14	Bahasa	11
1.15	Bahasa Tamil.....	12
1.16	Ulasan Berita	12
1.17	Kata	13
1.18	Frasa	14
1.19	Ayat	14
1.20	Kesimpulan	14
BAB 2	Kajian Literatur	15
2.0	Pengenalan.....	15
2.1	Ulasan Kajian Lepas.....	16
2.2	Ulasan Kritis.....	46
2.3	Kerangka Teori.....	50
2.4	Kesimpulan.....	61
BAB 3	metodologi kajian	63
3.0	Pengenalan.....	63
3.1	Proses Kajian	63
3.2	Pemilihan Analisis Data	66
3.3	Pemilihan Sempel.....	73
3.4	Lokasi Kajian.....	75
3.5	Responden	75
3.6	Batasan Kajian.....	76

3.7	Instrumen Kajian	76
3.7.1	Soal Selidik Penterjemahan	Error! Bookmark not defined.
3.7.2	Temu Bual	78
3.7.3	Temu bual berstruktur	79
3.7.4	Protokol temu bual	81
3.8	Kaedah Penganalisisan Data.....	83
3.8.1	Persoalan Kajian 1	83
3.8.2	Persoalan Kajian 2	83
3.8.3	Persoalan Kajian 3	84
3.9	Kesimpulan.....	85
BAB 4		86
Dapatan Kajian dan Perbincangan		86
4.0	Pengenalan.....	86
4.1	Analisis Data	87
4.2	Rangka analisis Data Kajian Ini	88
4.3	Perbincangan Dapatan Kajian Persoalan 1	89
4.4	Rumusan Dapatan Kajian Persoalan 1	135
4.5	Dapatan Kajian Persoalan 2.....	138
4.6	Rumusan Analisis Persoalan 2	187
4.7	Kesimpulan.....	188
4.8	Dapatan Kajian Persoalan 3.....	188
4.9	Kriteria Penilaian Penterjemahan Holistik	189
4.10	Analisis Kualiti Teks Terjemahan Ulasan berita	195

4.11	Kualiti Teks Terjemah PB1M (Pasar Bergerak 1 Malaysia)	197
4.12	Kualiti Teks Terjemahan Dadah	201
4.13	Kualiti Teks Terjemahan Malaysia-Thai	205
4.14	Kualiti Teks Terjemahan Lahad Datu 2	207
4.15	Rumusan Dapatan Kajian Persoalan ke-3	209
4.16	Kesimpulan	210
BAB 5	Perbincangan, Kesimpulan, Dan Cadangan	212
5.0	Pengenalan.....	212
5.1	Rumusan Kajian	213
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	213
5.3	Perbincangan Persoalan Kajian	214
5.3.1	Persoalan Kajian 1.....	214
5.3.2	Persoalan Kajian 2.....	217
5.3.3	Persoalan Kajian 3.....	219
5.4	batasan kajian	220
5.5	Isu-Isu Etika.....	221
5.6	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	222
5.7	Kesimpulan.....	224
RUJUKAN		225

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1: <i>Proses Kajian</i>	64
--	-----------

University of Malaya

SENARAI JADUAL

Jadual 0.1: Keputusan Soal Selidik Post Penterjemahan.....	6
Jadual 0.1: Jadual Rumusan Penggunaan Ciri-ciri Penterjemahan Ulasan Berita Bahasa Melayu Ke Dalam Bahasa Tamil.....	134
Jadual 0.2: Jadual Peratus Rumusan Penggunaan Ciri-ciri Penterjemahan Ulasan Berita Bahasa Melayu ke dalam Bahasa Tamil.....	134
Jadual 0.3: Penterjemahan Tidak Tepat dalam Teks Imbuhan Pesara ..	139
Jadual 0.4: Penterjemahan Kurang Tepat Dalam Teks Imbuhan Pesara	142
Jadual 0.5: Penterjemahan Tidak Tepat dalam Teks PB1M.....	146
Jadual 0.6: Penterjemahan Kurang Tepat dalam Teks PB1M.....	147
Jadual 0.7: Penterjemahan Tidak Tepat dalam Teks Dadah	153
Jadual 0.8: Penterjemahan Kurang Tepat dalam Teks Dadah	161
Jadual 0.9: Penterjemahan Tidak Tepat dalam Teks Malaysia-Selatan Thai	164
Jadual 0.10: <i>Penterjemahan Kurang Tepat dalam Teks Malaysia-Selatan Thai</i>	167
Jadual 0.10: <i>Penterjemahan Kurang Tepat dalam Teks Malaysia-Selatan Thai</i>	170
Jadual 0.11: Penterjemahan Tidak Tepat Teks Lahad Datu 2.....	176
Jadual 0.12: Penterjemahan Kurang Tepat dalam Teks Lahad Datu 2..	182
Jadual 0.13: Analisis Kelemahan Unsur-Unsur Bahasa Teks Terjemahan Ulasan Berita	187
Jadual 0.14: <i>Kriteria Penilaian Penterjemahan Holistik</i>	189
Jadual 0.15: <i>Analisis Peratus Ketepatan Teks Terjemahan Ulasan Berita</i>	191
Jadual 0.16: Tahap Kualiti Teks Terjemah Berdasarkan Peratus ketepatan	193

Jadual 0.17: Analisis Tahap Ketepatan Kualiti Teks Terjemah Ulasan Berita Bahasa Tamil	194
---	------------

University of Malaya

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A: Soal Selidik	233
Lampiran B: Protokol Temuduga	236
Lampiran C: Borang Kebenaran.....	239
Lampiran D: Jadual 0.14: Kriteria Penilaian Penterjemahan Holistik...	240
Lampiran E: Keratan Teks Persoalan Satu.....	242
Lampiran F: Teks Ulasan Berita Bahasa Melayu	267
Lampiran G: Teks Ulasan Berita Bahasa Tamil.....	276
Lampiran H: Teks Terjemahan Semula Ulasan Berita Tamil.....	295
Lampiran I: Sijil Bertauliah Penterjemah 1.....	304
Lampiran J: Sijil Bertauliah Penterjemah 2	305

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Penterjemahan amat bermanfaat dalam kehidupan kita ekoran pesatnya perkembangan dunia ilmu pengetahuan, teknologi, dan pendidikan. Hasil kemajuan yang dinikmati pada masa kini adalah daripada hasil komunikasi yang berlaku sesama manusia. Komunikasi ini berlaku dalam pelbagai bahasa yang dituturkan oleh manusia. Perkembangan ilmu pengetahuan berjaya apabila manusia dapat memahami komunikasi sesama mereka. Walaupun pelbagai bahasa digunakan dalam kalangan manusia, kemahiran penterjemahan daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain adalah perlu bagi menjadikan ia sebagai sebuah landasan kepada perkembangan dunia ilmu pengetahuan.

1.1 Latar belakang kajian

Penterjemahan merupakan salah satu cabang akademik yang sudah semakin lama bertapak di Malaysia. Kewujudan bidang ini adalah bertuntaskan kepada keperluan ilmu-ilmu global yang merujuk kepada ilmu-ilmu yang bersifat antarabangsa. Sudah semestinya dalam menyampaikan maklumat, idea serta ilmu yang bermanfaat, penterjemahan memainkan peranannya yang utama iaitu memindahkan inti pati daripada bahasa asal kepada bahasa sasaran. Maka seseorang pembaca asing dapat memahami maksud sebenar bahasa asal (Noor Ida Ramli, Norizah Ardi & Aini Aziz, 2011).

Penggunaan dwibahasa dalam Perjanjian Pangkor yang telah ditandatangani oleh pembesar Melayu dan Kerajaan British pada 1874 sudah cukup untuk dijadikan bukti bahawa kegiatan penterjemahan amat diperlukan oleh mana-mana negara sekalipun.

Namun dalam konteks Malaysia kini, penterjemahan sudah memainkan peranannya yang tersendiri dalam kehidupan seharian masyarakat dalam pelbagai sektor terutamanya sektor media dan teknologi (Noor Ida Ramli et al., 2011). Oleh itu, penekanan yang lebih seharusnya diberikan kepada para penterjemah yang sentiasa menterjemah bahasa daripada pelbagai bidang. Di sini, teori, kemahiran, serta pengetahuan dalam bidang yang terlibat adalah sangat penting untuk dikuasai. Lebih-lebih lagi, Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang bangsa dan agama. Maka jelas dapat ditegaskan pentingnya bagi seseorang penterjemah untuk menguasai struktur, makna dan gaya bagi setiap bahasa yang terlibat dalam proses penterjemahan.

Dalam konteks kajian ini pula, kita dapat melihat bahawa bidang penterjemahan ulasan berita bukanlah sesuatu perkara yang asing lagi memandangkan sudah terdapat banyak siaran televisyen dan radio yang menyiarkan berita dalam bahasa yang berbeza seperti berita Mandarin, berita bahasa Melayu dan berita bahasa Tamil. Namun bagi kajian pada ini, hanya terjemahan ulasan berita bahasa Tamil sahaja yang akan diberikan penekanan. Hal ini kerana bahasa Tamil juga mempunyai keindahannya yang tersendiri, namun begitu masih ramai lagi penterjemah yang gagal untuk menyampaikan maklumat daripada bahasa sumber ke dalam bahasa Tamil dengan tepat dan jelas. Perkara ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti struktur bahasa Tamil yang jauh berbeza jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain yang terdapat di Malaysia dan juga perbezaan makna konotasi dan denotasi yang terhasil melalui proses penterjemahan tersebut.

1.2 Pengertian Penterjemahan

Penterjemahan merupakan suatu proses yang menyampaikan segala maklumat daripada bahasa sumber iaitu bahasa asal kepada bahasa sasaran dengan mengekalkan segala mesej

atau inti pati wacana tersebut dengan tepatnya (Asmah Omar, 1979). ‘Penterjemahan’ atau kata dasarnya ‘Terjemah’ berasal daripada perkataan Arab ‘Tarjamah’ yang bermaksud mentaksirkan perkataan dengan menggunakan perkataan dengan bahasa lain. Menurut Puteri Roslina Abdul Wahid (2007), perkataan ‘terjemah’ itu sendiri mempunyai dua pengertian, iaitu pertama, menterjemah teks atau buku daripada satu bahasa kepada bahasa lain yang mempunyai hubungan rapat dengan pentafsiran dan penghuraian yang boleh ditemui dalam buku-buku sejarah, falsafah dan sains yang diterjemahkan oleh penterjemah bahasa Arab daripada bahasa lain. Manakala yang keduanya bermaksud autobiografi.

Nida (1969) pula mentakrifkan terjemahan sebagai penghasilan semula maklumat dalam bentuk bahasa sasaran mengikut persamaan yang terdekat dan sejadi dengan bahasa sumber dari segi makna dan gaya yang asal. Zabaidah Ibrahim-Bell (2006), menyatakan bahawa terjemahan yang baik merupakan terjemahan yang tepat dari segi makna dan kedengaran bersahaja pada penerima dalam bahasa sasaran dari segi bentuk bahasa yang digunakan.

Menurut Azizah Mokhzri (1984), perkembangan dan pemodenan sesuatu bahasa berlaku apabila banyak ilmu daripada bahasa-bahasa lain diterjemah ke dalam sesuatu bahasa tersebut. Oleh itu penterjemahan sesuatu teks perlu dilakukan dengan teliti. Ini membolehkan makna mesej dari teks asli dapat dikekalkan dan tidak terpesong demi pemantapan bahasa tersebut.

1.3 Cabaran dalam penterjemahan teks

Penggunaan struktur bahasa yang betul merupakan cabaran yang utama dalam sesuatu teks penterjemahan. Ini disebabkan oleh setiap bahasa yang mempunyai penggunaan kata dan struktur ayat yang berbeza antara satu sama lain. Perbezaan struktur bahasa misalnya struktur ayat antara pelbagai bahasa menyebabkan kemungkinannya berlaku kesilapan dalam terjemahan teks (But, Bell.1991,ms. 6).

Menurut Bell (1991,ms. 6) lagi, adalah mustahil untuk berlakunya persamaan penterjemahan yang ideal antara dua bahasa. Hal ini kerana bahasa-bahasa tersebut mempunyai perbezaan dari segi struktur bahasa dan peraturan tatabahasa yang tersendiri. Maka dalam situasi ini, para penterjemah tetap akan menghadapi cabaran untuk menterjemah teks asal kepada teks sasaran bagi mendapatkan persamaan yang tepat.

1.4 Radio Televisyen Malaysia (RTM)

Sejarah radio di Malaysia bermula pada 1921 apabila Al Birch, seorang jurutera elektrik kerajaan Johor membawa set radio pertama ke negara ini. Beliau kemudiannya menubuhkan Persatuan *Wireless* Johor yang memulakan siarannya melalui gelombang 300 meter. Beliau kemudian menubuhkan persatuan yang serupa di Pulau Pinang dan Persatuan *Wireless* Malaysia di Kuala Lumpur.

Radio dan televisyen kemudian bergabung di bawah naungan Kementerian Penerangan. Kemunculan saluran pertama, Rangkaian Satu, telah menggalakkan pembentukan saluran kedua pada 17 November 1969. Di Kompleks Angkasapuri, pembangunan pesat berlaku dalam bidang penyiaran sama ada radio atau televisyen. Rangkaian radio nasional

24 jam pula dilancarkan untuk memberi perkhidmatan kepada semua golongan pendengar.

1.5 Siaran dan Berita Bahasa Melayu RTM

RTM merupakan sebuah agensi di bawah naungan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan yang bertanggungjawab menyebarkan maklumat melalui siaran radio, TV dan media baharu. Sebagai stesen penyiaran awam, RTM kini mengendalikan 35 stesen radio, dua stesen TV iaitu TV1-7 melalui ASTRO dan Muzik Aktif melalui jalur lebar. Umum mengetahui bahawa fungsi utama RTM adalah untuk memenuhi tanggungjawab sosial dan tidak berorientasikan komersial sepenuhnya.

1.6 Siaran dan Berita Bahasa Tamil RTM

Siaran bahasa Tamil Minnal FM RTM pada awal kelahirannya lebih dikenali sebagai radio 6. Radio Malaysia Saluran 6 ini ialah sebuah stesen radio kebangsaan dalam bahasa Tamil. Saluran ini diuruskan oleh Radio Televisyen Malaysia, atau lebih dikenali sebagai RTM. Encik Raja Sekaran dilantik sebagai pengarah baru Minnal FM.

Tanggal 1 April 2005, penjenamaan semula telah dijalankan kepada semua stesen radio nasional RTM kecuali Radio 8. Ketua seksyen, Encik Parthasarathie memainkan peranan penting dalam menjenamakan semula Radio 6. Selepas penjenamaan baru, Radio 6 kini digelar sebagai Minnal FM. Pelancaran penjenamaan semula tersebut dilancarkan oleh Bekas Menteri Penerangan Dato' Seri Kadir Sheikh Fadzir di Auditorium Perdana di Angkasapuri, Kuala Lumpur. Pada tahun 2005, Encik Raja Sekaran telah dilantik sebagai ketua baru stesen Minnal FM. Kini, Minnal FM merupakan salah sebuah stesen radio yang beroperasi selama 24 jam sehari. Pada hari ini, rangkaian radio ini telah

menjadi santapan hiburan masyarakat dari seluruh pelosok dunia khususnya bagi masyarakat India di Malaysia.

1.7 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan untuk mengetahui elemen-elemen kesukaran penterjemahan yang dihadapi oleh penterjemah. Seramai sepuluh (10) orang penterjemah dari unit berita radio Minnal FM RTM terlibat dalam kajian ini. Pengkaji telah menggunakan kaedah soal selidik (Lampiran A). Soal selidik tersebut mempunyai dua (2) bahagian, iaitu 'Bahagian A' dan 'Bahagian B'. Bahagian A merupakan soalan-soalan yang berkisarkan latar belakang responden. Bahagian B pula, merangkumi soalan-soalan berkaitan dengan pengalaman penterjemah dan kesukaran yang dihadapi sewaktu proses penterjemahan.

Pengkaji telah menganalisis dapatan daripada soal selidik tersebut. Berdasarkan dapatan, pengkaji mendapati bahawa para penterjemah menghadapi masalah ataupun cabaran sewaktu menterjemah teks ulasan berita daripada bahasa Melayu (bahasa sumber) kepada bahasa Tamil (bahasa sasaran). Perincian masalah atau cabaran tersebut seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 0.1: Keputusan Soal Selidik Post Penterjemahan

B2. Antara berikut, yang manakah merupakan lebih sukar untuk anda?		
Kesukaran	Bilangan	Peratus
Memahami kandungan teks bahasa sumber	2/10	20%
Menyampaikan semula idea dalam bahasa sasaran	6/10	60%
Kedua-dua kesukaran di atas dengan kadar kesulitan yang sama	2/10	20%
dapatan	Pihak penterjemah menghadapi kesukaran pada setiap bahagian	
B3. Antara aspek-aspek berikut, yang manakah menimbulkan masalah kepada anda dalam memahami teks asal?		

kesukaran	Kesukaran 1	%	kesukaran 2	%	kesukaran 3	%
Kekurangan pengetahuan sedia ada dengan isu yang dibicarakan.	1	10%	2	20%	7	70%
Perkataan-perkataan yang sukar difahami.	4	40%	5	50%	1	10%
Ayat-ayat yang panjang	5	50%	3	30%	2	20%
Dapatan	Pihak penterjemah menghadapi masalah pada setiap bahagian					

B4. Antara aspek-aspek berikut, yang manakah menimbulkan masalah kepada anda dalam menyampaikan semula idea semasa proses penterjemahan?						
Kesukaran	Kesukaran 1	%	Kesukaran 2	%	Kesukaran 3	%
Peringkat perkataan	2	20%	3	30%	5	50%
Peringkat frasa	3	30%	4	40%	3	30%
Peringkat ayat	5	50%	5	50%	-	0%
Stail atau gaya	3	30%	2	20%	5	50%
Dapatan	Pihak penterjemah menghadapi masalah pada setiap bahagian					

Nota: Menggunakan nombor 1, 2, dan 3, yang mana 1 mewakili yang paling susah, 2 mewakili susah dan 3 mewakili sedikit susah

1.8 Penyataan Masalah

Proses penterjemahan melibatkan pengalihbahasaan teks bahasa sumber ke dalam teks bahasa sasaran. Proses ini bukan hanya melibatkan bahasa, tetapi juga berkaitan dengan aspek-aspek semantik yang dimaksudkan oleh penulis bahasa sumber (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2006). Unsur-unsur semantik, dan struktur bahasa yang diterjemahkan akan dibaca oleh pembaca dalam bahasa sasaran. Dalam proses ini, penterjemah akan menggunakan beberapa pendekatan dalam penterjemahannya.

Maka dalam kajian ini pengkaji memberi tumpuan kepada keberkesanan pendekatan teori-teori penterjemahan yang diperkenalkan oleh sarjana-sarjana penterjemahan dalam penterjemahan teks ulasan berita bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil di rangkaian radio RTM.

Keserupaan dalam penterjemahan dititikberatkan oleh semua penterjemah. Namun demikian, ia bukanlah perkara yang mudah bagi seseorang penterjemah. Menurut Puteri Roslina Abdul Wahab (2007), tiada dua perkataan yang benar-benar membawa makna yang sama dalam dua bahasa yang berlainan. Sebagai contohnya, bagi perkataan ‘pesara’, tiada perkataan tunggal (satu kata) yang seerti dalam bahasa Tamil seperti mana dalam bahasa Melayu. Maka perkataan tersebut diterjemahkan seperti berikut, ‘pathavi oivu petravargal’(பதவி ஓய்வு பெற்றவர்கள்).

Keadaan ini dapat dikesan dalam teks penterjemahan ulasan berita. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan mengenal pasti leksikal-leksikal yang sukar diterjemahkan ke dalam teks ulasan berita bahasa Tamil.

Penyusunan perkataan dalam ayat bahasa Melayu adalah dalam turutan subjek(s), kata kerja(v), dan predikat(o). Manakala turutan perkataan dalam ayat Bahasa Tamil pula ialah subjek(s), predikat(o), dan kata kerja(v) (Krishnan, 2006). Berikut adalah contoh ayat Bahasa Melayu; ‘Tiket dijual di sini’. Jika ayat tersebut diterjemah tanpa mengubah susunan kata dalam bahasa Tamil, ia akan berbuyi seperti berikut:- ‘பயணச்சீட்டுகள்

விற்கப்படும் இங்கே’ (tiket vitkapadum ingke). Penterjemahan sebegini adalah salah mengikut hukum tatabahasa bahasa Tamil. Keadaan ini juga mengelirukan pambaca

untuk memahami makna ayat tersebut. Maka ayat tersebut perlu diterjemah seperti, ‘பயணச்சீட்டுகள் இங்கே விற்கப்படும்’ (tiket ingke vitkapadum). Kesilapan penterjemahan seperti ini kadangkala dilakukan oleh penterjemah dan seterusnya menjejaskan kualiti terjemahan teks. Justeru dalam kajian ini pengkaji juga akan mengenal pasti kesilapan struktur ayat yang berlaku dalam teks penterjemahan ulasan berita RTM.

Menurut Wilss (1982), seseorang penterjemah perlu bersikap terbuka terhadap teks yang diterjemah. Di sini penterjemah bertanggungjawab untuk menyampaikan makna, pandangan, kesan, dan fahaman yang terdapat dalam teks asal ke dalam teks terjemahan. Keadaan ini amat sesuai bagi penterjemah ulasan berita siaran radio RTM. Hal ini demikian kerana mereka merupakan ejen utama yang dipertanggungjawabkan untuk menterjemah teks bahasa Melayu ke dalam teks bahasa Tamil. Maka mereka tidak boleh dengan sengaja cuba untuk memanipulasikan teks tersebut.

Keadaan ini telah mendorong pengkaji untuk membandingkan keseluruhan teks bahasa sumber dengan teks bahasa sasaran sekali gus menentukan tahap kualiti teks yang telah diterjemah.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian terhadap penterjemahan dalam bahasa Tamil amat kurang jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain di Malaysia. Walaupun bahasa Tamil tidak memperoleh status bahasa kebangsaan tetapi penggunaan bahasa Tamil amat luas dalam kalangan masyarakat Tamil di Malaysia khususnya dalam bidang pendidikan, media (Tamil) dan politik (parti politik yang berasaskan masyarakat India).

Jika diberikan tumpuan dalam bidang media penyiaran, bahasa Tamil juga digunakan dalam siaran radio dan televisyen kerajaan dan swasta. Beberapa buah rancangan yang disiarkan dalam bahasa Tamil ialah hasil terjemahan daripada rancangan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris dan antaranya merupakan rancangan berita radio yang menjadi tumpuan kajian ini.

Dalam situasi ini, penterjemahan daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain tetap akan berlaku. Khususnya dalam bidang komunikasi dan penyiaran. Penterjemahan merupakan tugas utama untuk mewartakan berita kepada masyarakat yang berbilang bahasa. Justeru, kajian ini juga berguna sebagai satu garis panduan kepada penterjemah yang menterjemahkan teks bahasa Melayu ke dalam Bahasa Tamil. Hasil kajian ini diharapkan agar dapat menyumbang dalam bidang penyiaran sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan kemahiran penterjemahan dari bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil di samping dapat menjamin kualiti hasil terjemahan dalam bahasa Tamil itu sendiri.

1.10 Objektif Kajian

Bagi kajian ini, pengkaji mempunyai tiga (3) objektif seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti ciri penterjemahan dinamik yang digunakan oleh para penterjemah dalam penterjemahan teks ulasan berita bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil.
2. Membincangkan kelemahan yang terdapat dalam ulasan berita bahasa Melayu ke dalam Bahasa Tamil pada peringkat kata, frasa, dan ayat.
3. Menentukan tahap kualiti teks penterjemahan ulasan berita bahasa Tamil berasaskan rujukan kriteria Penilaian Penterjemahan Holistik.

1.11 Persoalan Kajian

Kajian ini akan menjawab soalan-soalan kajian berikut:

1. Apakah ciri-ciri penterjemahan dinamik [enam (6) ciri penting seperti yang disarankan oleh Nida] yang digunakan oleh para penterjemah dalam penterjemahan teks ulasan berita bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil?
2. Apakah kelemahan yang terdapat dalam ulasan berita bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil pada peringkat kata, frasa, dan ayat?
3. Bagaimanakah tahap kualiti teks penterjemahan ulasan berita bahasa Tamil berlandaskan rujukan kriteria Penilaian Penterjemahan Holistik?

1.12 Limitasi Kajian

Pengkaji telah membataskan kajiannya kepada lima (5) buah teks ulasan berita bahasa Melayu dan lima (5) buah teks penterjemahannya dalam bahasa Tamil yang disiarkan di rangkaian radio RTM Minnal FM dalam tempoh masa antara bulan Februari hingga Mac tahun 2013. Analisis akan dijalankan terhadap teks-teks tersebut mengikut apa yang telah dinyatakan dalam persoalan dan objektif kajian.

1.13 Definisi Operasi / Definisi istilah

1.14 Bahasa

Menurut Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka Edisi Ketiga (2005), bahasa ialah lambang bunyi suara yang digunakan sebagai alat komunikasi dalam kumpulan manusia yang tertentu. Kamus Oxford (2005) pula mendefinisikan bahasa sebagai satu kaedah

komunikasi manusia sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan yang meliputi penggunaan perkataan dengan cara berstruktur atau konvensional.

Bahasa memainkan peranan dalam kalangan manusia untuk berkomunikasi dan mengekspresikan pemikiran di samping menjalani hubungan sosial. Harimurti Kridalaksana (1993) pula mentakrifkan bahasa sebagai satu kod lambang yang dipersetujui oleh masyarakat untuk berkomunikasi dan mempunyai pengenalan diri. Pendeknya, bahasa merupakan jentera komunikasi yang mempunyai set peraturannya yang tersendiri.

1.15 Bahasa Tamil

Bahasa Tamil ialah salah sebuah bahasa klasik. Bahasa ini merupakan bahasa induk dalam keluarga bahasa Dravidia. Bahasa ini juga dikatakan sebagai bahasa yang induk bagi bahasa-bahasa lain daripada keluarga Dravidia (bahasa Kannada, bahasa Malayalam, bahasa Tulu, bahasa Todo, bahasa Kota, bahasa Koraqa, bahasa Badaqa, bahasa Kurumba, bahasa Irula). Sehingga kini, bahasa Tamil masih digunakan secara meluas dalam pertuturan serta penulisan di beberapa buah negara seperti India, Singapura, Sri Lanka, Mauritius, Afrika Selatan dan masyarakat emigran Tamil di seluruh pelosok dunia.

1.16 Ulasan Berita

Siaran berita merupakan elemen utama dalam rancangan siaran rangkaian radio RTM. Terdapat beberapa jenis berita disiarkan oleh pihak RTM. Antaranya ialah Berita Nasional, Berita Dunia, dan Ulasan Berita. Bahasa asal penerbitan ulasan berita ialah bahasa Melayu. Kini, ulasan berita disiarkan dalam semua rangkaian bahasa iaitu bahasa

Melayu, bahasa Tamil, bahasa Inggeris, dan bahasa Cina. Teks bahasa ini akan diterjemahkan oleh penterjemah-penterjemah bahasa masing-masing, iaitu ke dalam bahasa Tamil, bahasa Inggeris, dan bahasa Cina. Selepas teks tersebut diterjemah, ia akan disiarkan melalui semua rangkaian bahasa masing-masing.

Ulasan Berita merupakan suatu teks berita yang membincangkan isu-isu semasa dalam dan luar negara. Kebanyakan isu tersebut adalah berkaitan dengan sosial, budaya, dan ekonomi. Perbincangan yang terdapat dalam teks tersebut adalah untuk memberikan pandangan dan nasihat kepada pendengar agar mereka peka terhadap isu yang diwartakan. Adakalanya teks ulasan berita merangkumi isu politik dan dasar kerajaan untuk menarik perhatian para pendengar radio.

1.17 Kata

Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Baharu (1993), “Kata” merupakan unit tatabahasa yang terkecil dan bebas. Bentuk kata yang menerima imbuhan menjadi kata terbitan. Manakala “Kata” yang tidak menerima imbuhan disebut sebagai kata dasar sementara istilah “Imbuhan” pula merujuk kepada bentuk terikat yang dicantumkan pada kata dasar dalam proses pembentukan kata. Menurut Bolinger dan Sears (1968: 43), kata adalah unit terkecil dalam bahasa yang boleh digunakan dengan sendirinya. Walau bagaimanapun, perkataan bukanlah satu-satunya elemen asas yang bermakna dalam bahasa. Hal ini kerana makna masih boleh disampaikan oleh unit-unit yang lebih kecil daripada perkataan. Abdullah Hassan (2007: 115), menyatakan bahawa golongan kata terdiri daripada kata nama, kata kerja, kata adjektif, kata adverba, dan kata tugas. Hampir kesemua bahasa di dunia, termasuklah bahasa Melayu dan bahasa Tamil mempunyai golongan kata seperti yang dinyatakan di atas. Maka pengkaji akan menggunakan

golongan kata tersebut dalam kajian kesulitan penterjemahan ulasan berita bahasa Melayu kepada ulasan berita bahasa Tamil.

1.18 Frasa

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), “Frasa” bermaksud satu kata atau lebih yang dapat bertugas sebagai subjek, predikat atau objek dalam pembinaan sesuatu ayat. Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima (2009: 279), menyatakan:

‘Frasa adalah unit yang dalam skala tatattingkat nahu menduduki peringkat di atas kata dan di bawah ayat. Ianya terdiri daripada sekurang-kurangnya dua kata yang letaknya berturutan tetapi tidak mempunyai subjek dan predikat’.

1.19 Ayat

Menurut Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima (2009: 279), ‘Ayat’ didefinisikan sebagai unsur yang paling tinggi dalam tatabahasa. Dalam sesuatu ayat, terdapat unsur-unsur seperti kata, frasa, dan klausa. Penggabungan unsur-unsur inilah yang membentuk binaan yang dikatakan sebagai ayat.

1.20 Kesimpulan

Kajian terhadap teks penterjemahan ulasan berita RTM akan membuka laluan untuk mengenal pasti elemen kesukaran penterjemahan oleh para penterjemah teks tersebut sekali gus dapat membantu penterjemah-penterjemah untuk meningkatkan kualiti teks penterjemahan. Seterusnya, pihak media khususnya RTM juga akan berjaya dalam menyiarkan penyebaran maklumat dengan tepat. Walaupun para pendengar mempunyai

latar belakang bahasa dan budaya yang berlainan, mereka akan dapat menerima maklumat dengan tepat daripada media tersebut.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Penterjemahan atau alih bahasa merujuk kepada perbuatan mentafsir makna sesuatu teks dan menerbitkannya semula ke dalam bahasa yang lain. Tujuan penterjemahan adalah untuk menghasilkan satu karya terjemahan atau lebih dikenali sebagai teks sasaran yang

membawa makna yang sama dengan sesuatu karya bahasa asing yang merupakan teks sumber. Penterjemahan merupakan satu aktiviti yang penting untuk menyebarkan ilmu pengetahuan kerana ia membolehkan masyarakat menikmati ilmu pengetahuan daripada budaya bahasa sumber (Norizah Ardi, 2011). Memandangkan ilmu penterjemahan semakin berkembang, hampir kesemua bidang kehidupan baik konvensional mahupun komersial dapat diterjemahkan ke dalam bahasa lain. Manakala dalam konteks bidang yang melibatkan penggunaan perkataan formal seperti ulasan berita, bukan kesemua bentuk penterjemahan dapat dilakukan. Hanya beberapa kaedah utama sahaja yang terlibat.

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan teori, model dan juga menyorot penulisan dan kajian yang berkaitan dengan fokus utama kajian ini iaitu penterjemahan siaran ulasan berita tamil di rangkaian radio, Radio Televisyen Malaysia (RTM). Berdasarkan penelitian yang telah dibuat, terdapat beberapa kajian atau penyelidikan tentang penterjemahan yang telah dibuat oleh pengkaji sebelum ini. Antara pengkaji yang terlibat dalam kajian berkaitan penterjemahan ialah Goh San Seong (2007), Intan Safinaz Zainudin dan Quah Chiew Kin (2004), serta Khairunisah bt Sayed Ibrahim (2008).

2.1 Ulasan Kajian Lepas

Kaedah Penterjemahan

Mohd. Zaki Bin Abdul Rahman , Ahmad Arifin Bin Sapar dan Maheram Ahmad (2013) dalam satu analisis yang dijalankan terhadap strategi penterjemahan peribahasa teks Arab-Melayu yang bertajuk Kasih dan Harapan telah melihat karya cerpen yang telah diterjemahkan daripada bahasa Arab. Cerpen asal yang bertajuk “Layl al-Hayara”

merupakan salah satu cerpen hasil tulisan Najib al-Kaylaniy dan telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Sohair Abdel Moneim Sery dan Syarifah Ruslailah Syed Ali.

Bagi mendapatkan data kajian, pengkaji telah memilih korpus-korpus yang berkaitan dengan Kasih dan Harapan. Namun begitu, hanya lima unit sampel sahaja yang diambil kira bagi proses analisis yang bersandarkan kepada teori Dinamik Nida dan Taber (1967), teori Skopos (Vermer & Reis, 1981) serta teori semantik dan komunikasi Newmark (1981). Pemilihan sampel ini telah dilakukan secara rawak. Hasil daripada analisis sampel yang telah dilakukan, jelas dapat dibuktikan bahawa terjemahan yang baik ialah terjemahan yang dapat mendukung bentuk asal daripada ungkapan asal. Dalam erti kata lain, jika bahasa sumber menggunakan peribahasa, bahasa sasaran juga harus dipadankan dengan penggunaan peribahasa. Walau bagaimanapun, sekiranya peribahasa bahasa sumber tidak mempunyai padanannya dengan bahasa sasaran disebabkan oleh faktor budaya dan sebagainya, maka dibenarkan bagi seseorang penterjemah untuk menukarkannya kepada ungkapan biasa. Selain itu, hasil kajian juga mendapati bahawa penterjemahan peribahasa merupakan suatu masalah yang agak merunsingkan bagi pihak penterjemah. Hal ini jelas dapat dilihat pada sampel yang telah dipilih kerana terdapat sampel yang tidak dapat diterjemah dengan baik.

Kertas kerja seterusnya bertajuk "*Pemindahan Mesej Mentifaks Melayu dalam Terjemahan Novel Sungai Mengalir Lesu*" yang ditulis oleh Nur Hafeza Ahmad Marekan dan Goh (2012). Makalah ini membincangkan isu pemindahan mesej mentifaks dan faktor-faktor yang mempengaruhi pemindahannya dalam terjemahan semantik mentifaks daripada bahasa Melayu ke dalam bahasa Inggeris. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah mengenal pasti korpus kajian yang diperoleh daripada novel Sungai Mengalir Lesu dan terjemahannya, *Lazy River*. Wujudnya makalah ini adalah bertujuan untuk meneliti

pengungkapan semula mesej mentifaks dalam teks terjemahan. Oleh itu, pengkaji telah merujuk konsep makna situasi yang diperkenalkan oleh Larson (1984) serta memanfaatkan pendekatan penterjemahan semantik yang telah diperkenalkan oleh Newmark (1981). Selain itu, pengkaji juga telah melihat kepada konsep budaya Herskovit (1970) bagi mengenal pasti unsur budaya mentifaks dalam teks sumber.

Berdasarkan ketiga-tiga teori atau pendekatan ini, pengkaji dapat melihat konsep pemindahan yang berlaku sewaktu proses penterjemahan. Pemindahan dalam konteks kajian ini merujuk kepada proses pemindahan makna situasi teks sumber ke dalam teks sasaran. Makna situasi pula dikaitkan dengan mesej mentifaks atau maklumat budaya pemikiran. Umumnya, mentifaks merupakan budaya abstrak. Oleh itu, mesej ini dikenal pasti melalui perlakuan atau benda yang mempunyai makna tersirat yang hadir pada peringkat perkataan, ayat atau wacana teks sumber.

Kertas kerja ini telah menggunakan kaedah perbandingan teks, serta menganalisis butiran unsur mentifaks berdasarkan pendekatan penterjemahan semantik Newmarks (1981) dan makna situasi Larson (1984). Manakala korpus berunsur mentifaks pula dikenal pasti berdasarkan konsep budaya oleh Herskovits (1970). Mentifaks diekstrak daripada pelbagai peringkat linguistik iaitu perkataan, ayat atau wacana. Bagi kajian ini, korpus yang signifikan dan tidak berulang bentuknya sahaja yang telah dipilih. Para pengkaji juga telah mengumpulkan data kajian secara manual daripada novel yang bertajuk Sungai Mengalir Lesu (1975) hasil karya A.Samad Said dan terjemahannya, berjudul *Lazy River* (1981), yang diterjemahkan oleh Harry Aveling, seorang penterjemah yang berasal dari Australia.

Pengkaji telah memilih sepuluh (10) petikan daripada novel tersebut untuk dianalisis. Analisis data dibahagikan kepada kepada teks sumber dan teks terjemahan. Seterusnya perbandingan antara kedua-dua teks telah dilakukan. Berdasarkan analisis yang telah dijalankan oleh pengkaji, jelas dapat dilihat bahawa penterjemah selalunya akan memberikan maklumat tambahan dalam usaha untuk menimbal balik makna yang berlaku pada penterjemahan mentifaks ini. Pengkaji juga mendapati bahawa mentifaks yang wujud dalam budaya bahasa sumber dan budaya bahasa sasaran lebih cenderung menepati fungsi teks jika penterjemah meletakkan maklumat tambahan ini bersama. Namun begitu, oleh sebab untuk mendapatkan kesamaan pemikiran yang mendasari sesuatu unsur budaya dalam dua bahasa yang berlainan adalah sukar, maka mesej mentifaks tidak dapat diterjemahkan secara tepat dan ini menyulitkan lagi pembaca sasaran kerana tidak dapat mengenali budaya sebenar dalam teks sumber disebabkan oleh kehilangan makna yang ketara.

Goh (2011) pula ada membuat kajian yang bertajuk “Penterjemahan Kata Kerja Bahasa Cina-Bahasa Melayu: Satu Analisis Ketepatan Makna Padanan” bagi membincangkan padanan kata kerja yang terdapat dalam penterjemahan cerpen yang bertajuk “Mahua III: Dalam Hujan Renyai”. Terjemahan cerpen bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu ini dikaji atas tujuan pengkaji untuk melihat ketepatan serta padanan makna yang terdapat dalam cerpen bagi kedua-dua bahasa yang merujuk kepada bahasa sumber dan bahasa sasaran.

Sepuluh (10) kata kerja bahasa Cina telah dijadikan sebagai data kajian yang meliputi 126 padanan yang berbeza daripada enam (6) buah cerpen yang terdapat dalam antologi yang dipilih. Kajian ini bersandarkan kepada beberapa teori. Teori-teori tersebut ialah pendekatan penterjemahan padanan kata yang diperkenalkan oleh Newmark (1981), teori semantik Kempson (1977), Chierchia & McConnell-Ginet (1990), Analisis Komponen

Makna Nida (1975), klasifikasi kata kerja Li Kong Zhi (1998) dan teori makna Lyons (1977). Hasil Kajian membuktikan kewujudan padanan kata kerja 'satu lawan banyak' dalam terjemahan kata kerja bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu. Kewujudan inilah yang melahirkan pelbagai jenis padanan yang meliputi terjemahan taksa, terjemahan tepat, terjemahan salah terjemahan berlebihan dan terjemahan berkurangan. Selain itu, data kajian juga menunjukkan bahawa makna semantik sesuatu kata kerja menentukan pemilihan kata bahasa sasaran.

Mohamad Nor Amin Samsun Baharun dan Naimah Abdullah (2011) dalam satu kertas kerja yang bertajuk "Kesilapan Terjemahan Bahasa Arab - Bahasa Melayu dalam Ejen Carian Google: Satu Kajian Semantik" pula menganalisis kewujudan makna yang pelbagai daripada hasil terjemahan mesin atau teknologi yang semakin popular pada masa kini. Bersandarkan kepada popularitinya, Google.com yang merupakan salah satu ejen carian yang mendapat tempat di hati para pengguna telah dipilih sebagai bahan kajian.

Bagi mengumpulkan dapatan kajian, pengkaji telah mengambil beberapa potongan ayat dan ungkapan daripada modul bahasa Arab Pelancongan. Modul ini telah digunakan di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Pengkaji mendapati bahawa terdapat perkataan-perkataan yang masih menghadapi kelemahan serta menjurus ke arah kesilapan terjemahan. Kesilapan-kesilapan ini digunakan untuk kajian yang dijalankan dan dibahagikan kepada empat (4) golongan iaitu, Kata Nama, Kata Kerja, Frasa, Partikel dan Ekspresi. Hasil kajian mendapati bahawa masih lagi terdapat banyak kelemahan yang dapat dilihat pada perkhidmatan penterjemahan lebih-lebih lagi dalam aspek semantik seperti kata tunggal, kata nama, kata kerja, partikel ekspresi dan frasa walaupun tidak dapat dinafikan bahawa penterjemahan menggunakan mesin dan teknologi sangat membantu dalam dunia yang penuh dengan kepantasan dan kepesatan pada hari ini.

Kesilapan yang terdapat pada terjemahan telah menampakkan lagi kelemahan terjemahan Google.com. Masih terdapat banyak perkataan yang gagal diterjemahkan dengan baik. Di samping itu, amat menyedihkan lagi apabila terdapat perkataan terjemahan yang tidak langsung berkaitan dengan perkataan asal. Dalam erti kata lain, makna terjemahan sangat menyimpang daripada makna asal perkataan. Malahan, jika terdapat perkataan yang gagal diterjemahkan, Google.com secara automatiknya akan memberikan perkataan bahasa Inggeris sebagai jalan selamat untuk menutupi kelemahan terjemahan tersebut. Di sini kita dapat lihat bahawa kelemahan seperti yang ditunjukkan oleh mesin ini menunjukkan bahawa setiap perkataan mempunyai data semantik yang berbeza mengikut budaya bahasa yang tertentu. Oleh itu, amat sukar bagi sesebuah mesin untuk mentafsir makna-makna berikut. Jadi, penguasaan bahasa sumber dan sasaran yang baik merupakan elemen penting bagi seseorang penterjemah itu sendiri untuk membantu mesin-mesin yang sedia ada.

Muthukumar B. Palanisamy (2012), menjalankan kajian kesilapan terjemahan teks bahasa Tamil ke dalam teks bahasa Melayu. Pengkaji telah melibatkan 30 orang pelajar dari tingkatan enam sebagai responden kajian. Dua (2) buah teks cerpen bahasa Tamil digunakan sebagai instrumen kajian untuk mengenal pasti kebolehan penterjemahan respondennya. Kajian pengkaji berpaksikan kepada teori dinamis yang disyorkan oleh Nida (1969). Dalam kajian ini, pengkaji berusaha untuk mengenal pasti kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar tingkatan enam di tiga (3) buah sekolah menengah daerah Manjung, Perak.

Pengumpulan data diperoleh melalui analisis data, soal selidik, dan temu bual tidak berstruktur. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif dalam kajiannya. Dapatan kajian pengkaji menyatakan bahawa pelajar melakukan banyak kesilapan

tatabahasa semasa menterjemah teks bahasa Tamil ke dalam teks bahasa Melayu. Kesilapan ketepatan makna juga terjadi dalam teks terjemahan responden pengkaji. Responden-responden pengkaji menggunakan terjemahan literal secara meluas semasa menterjemah teks bahasa Tamil ke dalam teks bahasa Melayu.

Ho dan Hasuria Che Omar (2011) dalam satu kertas kerja yang bertajuk “Analisis Laras Bahasa dan Kebolehterjemahannya dalam Drama Komedi *Ugly Betty*” pula mengkaji tentang sebuah drama bersiri bergenre komedi yang bertajuk *Ugly Betty*. Rancangan ini disiarkan buat kali pertama pada tahun 2006 di Amerika Syarikat. Kajian ini berpaksikan kepada konsep laras bahasa yang diperkenalkan oleh Malinowsky (1923) yang menjadi perintis kepada pengetahuan terhadap konteks budaya dan konteks situasi. Menurut fahaman pengkaji, konteks budaya merujuk kepada kepelbagaian budaya dalam kehidupan yang menjadi tunjang kepada sesuatu teks. Manakala konteks situasi pula bermaksud situasi langsung yang hadir dalam sesuatu teks. Konteks situasi ini meliputi situasi verbal dan bukan verbal.

Unsur-unsur laras yang wujud dalam teks audiovisual merupakan sesuatu yang jarang dapat dilihat dan dikaji. Hal ini disebabkan oleh fungsi analisis laras yang ada sebelum ini hanya berkisar tentang teks terjemahan secara umum sahaja. Menurut pengkaji lagi, terjemahan dari sumber audiovisual sangat berbeza jika ingin dibandingkan dengan bentuk terjemahan yang lain, kerana lebih banyak melibatkan pemindahan teks yang merangkumi unsur lisan dan visual. Oleh itu, seseorang penterjemah atau lebih dikenali sebagai penyari kata perlu juga menitikberatkan kedua-dua unsur ini secara serentak supaya selari dengan mesej utama setiap konteks.

Seperti yang telah dinyatakan, bagi kajian ini, pengkaji telah memilih rancangan *Ugly Betty* sebagai data kajian. Pemilihan ini didasari oleh objektif utama kajian ini yang ingin mengkaji kaedah penarikataan melalui rancangan audiovisual lebih-lebih lagi apabila sukar untuk mencari kajian yang menjurus ke arah sari kata rancangan yang berformat *Digital Versatile Disc* (DVD). Analisis yang dijalankan ini hanya melibatkan rancangan *Ugly Betty* musim kedua sahaja dan hanya beberapa episod daripada musim ini sahaja yang dipilih dan dianalisis. Data-data yang diperoleh ini pula digunakan untuk melihat unsur-unsur laras bahasa yang terdapat pada Bidang, Mod dan Tenor. Dalam pada masa yang sama, unsur-unsur ini dibahagikan kepada dua konteks iaitu konteks dalaman dan konteks luaran.

Berdasarkan hasil kajian, para pengkaji mendapati bahawa penonton rancangan ini mempunyai pengetahuan mengenai bidang yang terdapat dalam babak yang dimainkan seperti bidang perundangan, walaupun pengetahuan tersebut hanyalah secara dasar dan sedikit sahaja. Hal ini kerana sebelum ini juga para penonton telah mendapat pendedahan tentang budaya media dan media bercetak seperti buku, surat khabar dan majalah. Pendedahan sebegini membolehkan para penonton mentafsir babak-babak yang berkaitan dengan bidang-bidang yang dibicarakan. Selain itu juga, Pendedahan seperti yang dinyatakan telah menjadikan beberapa istilah atau frasa khusus bidang ini berubah kepada kata atau frasa khusus yang boleh diterima umum. Tambahan lagi, kewujudan unsur visual juga telah membantu penonton untuk memahami situasi yang sedang berlaku dalam sesuatu teks.

Sebuah buku yang ditulis oleh Noor Ida Ramli et al., (2011) yang bertajuk “Asas dan Kemahiran Menterjemah” pula membincangkan prinsip, teori, kaedah dan cara-cara penterjemahan, khususnya untuk menterjemah maklumat daripada Bahasa Melayu ke

dalam bahasa Inggeris dan bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu. Selain itu, buku tersebut juga telah membincangkan secara sepintas lalu tentang sejarah perkembangan penterjemahan di dunia dan di Malaysia. Buku ini juga telah menyediakan beberapa set latihan penterjemahan yang mencakupi bidang perniagaan, perundangan, keagamaan, komunikasi dan sebagainya.

Artikel jurnal yang bertajuk “Kaedah Terjemahan Dalam Kalangan Mahasiswa” (2011) pula mengkaji tentang penggunaan kaedah-kaedah penterjemahan oleh mahasiswa universiti tempatan. Para pengkaji telah memilih mahasiswa mengikut kaum, iaitu kaum Melayu, Cina dan India. Para pengkaji telah mengkaji kaedah yang diaplikasikan oleh setiap pelajar dengan memberi borang selidik dan sebuah artikel dalam Bahasa Inggeris untuk diterjemahkan dalam Bahasa Melayu. Kaedah yang dikaji ialah “Kaedah pinjaman, kaedah peniruan, kaedah harfiah, kaedah fungsian, kaedah tranposisi, kaedah modulasi, kaedah adaptasi, kaedah pengembangan, kaedah pengurangan, dan kaedah generalisasi.” Dapatan kajian mendapati bahawa terdapatnya perbezaan dalam penggunaan kaedah penterjemahan oleh setiap kaum. Namun begitu, jurnal ini tidak membincangkan sejarah perkembangan terjemahan. Pengkaji hanya membincangkan pertubuhan Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad sahaja.

Seterusnya ialah jurnal “Aspek-aspek Jarak Kuasa Dalam Proses Terjemahan : Satu Tinjauan Awal” yang dikaji oleh Nor Rasimah Abdul Rashid et al., (2011) yang mengkaji kepentingan aspek-aspek budaya yang dimasukkan dalam terjemahan bagi membolehkan pelajar mendalami pemahaman terhadap bahasa sumber yang dipelajari oleh mereka. Kajian dilakukan berdasarkan Taksonomi Budaya Greert Hofstede khususnya dalam topik ‘*Power distance*’ iaitu jarak kuasa. Pengkaji telah mengkaji perbezaan budaya

antara bahasa Jepun dan bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, jurnal ini tidak melihat sebarang sejarah yang berkaitan dengan penterjemahan.

Zainal Abidin Naning (2011) dalam kajiannya menyatakan bahawa proses penterjemahan melibatkan pengkaji bahasa sesuatu teks bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Selain itu, pengkaji juga telah mengupas aspek-aspek semantik yang dimaksudkan oleh bahasa sumber.

'Pada setiap kran pengontrol gas di lingkungan kerja tempat kami membantu instruktur Kanada disebut di atas terdapat lempengan pemberitahuan yang bertuliskan 'NORMALLY OPEN'. Di bawahnya terdapat terjemahan BIND berbunyi 'JANGAN TUTUP'. Sebaliknya kalau kita menemui tulisan 'NORMALLY CLOSED,' terjemahannya berbunyi 'JANGAN DIBUKA.' Kalau kita ingin menerjemahkan frasa pertama mungkin kita menulisnya 'BIASANYA TERBUKA,' tetapi pemberitahuan ini bukan larangan seperti lazimnya yang kita alami'
(Zainal, 2011, p.153 -162)

Beliau telah mengambil beberapa perkataan dan mengkaji semasa penterjemahan kumpulan secara tulisan dan lisan dilakukan.

Satu kajian yang bertajuk "A Study of Malay Pantun Translations into English" yang telah dijalankan oleh Krishnavanie Shunmugam (2010) pula melihat dengan lebih mendalam terhadap pantun Melayu empat (4) rangkap yang merupakan warisan sastera rakyat Melayu yang amat terkenal sehingga kini. Menurut pengkaji, pantun empat kerat

ini terdapat terjemahannya ke dalam bahasa Inggeris, Belanda, Perancis dan China. Walaupun bilangan penterjemahan pantun ini ke dalam bahasa-bahasa luar agak sedikit, namun terjemahan pantun ke dalam bahasa Inggeris ini mencatatkan jumlah terbesar dengan sekurang-kurangnya seribu pantun empat rangkap. Terjemahan pantun Melayu yang paling awal ke dalam bahasa Inggeris boleh didapati di dalam kamus tatabahasa yang diterbitkan oleh William Marsden pada tahun 1812. Sejak beberapa persembahan awal Marsden, terjemahan pantun Melayu empat kerat ke dalam bahasa Inggeris telah muncul dalam pelbagai jenis teks atas pelbagai sebab.

Tujuan utama kertas ini adalah untuk memberi gambaran jenis makro terhadap teks terjemahan pantun ke dalam bahasa Inggeris yang telah disebut sejak abad kesembilan belas lagi. Bukan itu sahaja, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui skopos daripada terjemahan sebagaimana yang dinyatakan dengan jelas atau tersirat oleh penterjemah dan melihat gaya terjemahan yang telah diterima pakai dalam tempoh tiga tempoh sejak sejarah terjemahan pantun ini bermula. Kajian ini telah mengetengahkan pelbagai pemboleh ubah yang telah mempengaruhi gaya peralihan yang digunakan bagi menterjemah pantun Melayu.

Pengkaji telah merujuk kepada teori fungsian tipologi yang diperkenalkan oleh Christiane Nord (1997) bagi membincangkan gaya peralihan pantun dalam terjemahan. Dengan berpandukan teori yang dinyatakan, gaya terjemahan dapat dipecahkan kepada dua (2) bahagian iaitu kategori dokumentari, dan kategori kedua yang memberi fokus kepada terjemahan instrumental. Kertas kerja ini melibatkan pemilihan sampel daripada tiga (3) pantun Melayu. Pantun empat (4) rangkap yang dipilih mempunyai sekurang-kurangnya

empat terjemahan ke dalam bahasa Inggeris dan mewakili gaya terjemahan pantun utama abad ke-19, ke-20 dan kini. Hasil kajian jelas menunjukkan bahawa terdapat beberapa elemen pantun dalam terjemahan yang dikekalkan kerana mempunyai ciri keunikan Melayu lama yang tersendiri. Mengubah atau mengadaptasi unsur ini boleh mengakibatkan kecacatan pada keindahan pantun lebih-lebih lagi pantun empat kerat (4) mempunyai pembayangannya yang selari dengan maksudnya.

Selain itu, sebuah artikel jurnal yang bertajuk “Peranan Terjemahan dalam Penguasaan Kosa Kata Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Sekolah Beraliran Cina” Goh (2010) telah mengkaji tentang sejauh manakah terjemahan Bahasa Mandarin membawa penguasaan kosa kata bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Cina.

Oleh itu, pengkaji telah membuat satu perbandingan antara pencapaian responden dalam menjawab soalan kosa kata tanpa bantuan terjemahan. Berdasarkan dapatan kajian, beliau mendapati bahawa pengajaran dan pembelajaran menunjukkan kesan yang baik melalui bantuan terjemahan. Namun dalam jurnal ini, beliau tidak membincangkan sejarah perkembangan penterjemahan.

Rokiah Awang (2009) pula dalam makalah yang bertajuk “Translating Militants Radicals and Suicide Bombers In The Malay Newspaper” melihat bagaimana istilah-istilah tertentu diterjemahkan ke dalam akhbar bahasa Melayu. Dengan menggunakan teori yang diperkenalkan oleh Nida dan Taber (1962), pengkaji mengenal pasti tiga (3) prinsip perkataan konotatif iaitu, perkaitan perkataan dengan penutur, situasi praktikal di mana ayat digunakan dan ciri-ciri perkataan dalam perkataan.

Dengan berpanduan akhbar berita harian, pengkaji telah memotong beberapa bahagian ayat dalam akhbar bagi menganalisis padanan terjemahan perkataan “Militant Radicals” dan “Suicide Bombers” dalam bahasa Melayu. Berdasarkan padanan yang ditemui, pengkaji mendapati bahawa penterjemah berita tidak menterjemah beberapa istilah tertentu sepenuhnya ke dalam bahasa Melayu. Namun penterjemah telah melakukan peminjaman terhadap istilah-istilah berikut dan menggugurkan sesetengah perkataan yang dianggap tidak sesuai dengan budaya bahasa Melayu. Secara keseluruhannya, leksikal yang diterbitkan oleh penterjemah dalam terjemahan berita memudahkan makna perkataan untuk disampaikan kepada pembaca. Penterjemahan seperti ini dipengaruhi oleh faktor sosio-politik seperti, ideologi, polisi nasional, adat dan kepercayaan agama. Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, tidak dapat dinafikan bahawa pengkaji juga telah berjaya menyampaikan maklumat secara objektif berkesan dan tepat.

Azman Che Mat, Ahmad Nazuki@Marzuki Yaakub dan Ghani Ismail (2009) dalam kajian rintis yang menganalisis terjemahan Melayu-Arab sebagai strategi pembelajaran pula melihat kepentingan pengetahuan bahasa sumber dan bahasa sasaran yang tinggi bagi tenaga pengajar. Hal ini berikutan dengan isu pelajar bahasa Arab yang merupakan golongan bumiputera. Pengkaji menganggap bahawa masih terdapat beberapa kelemahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa pilihan ini seperti struktur bahasa yang berbeza antara bahasa Melayu dan bahasa Arab. Oleh itu, kajian dilakukan atas dasar untuk melihat sejauh mana kebolehan para pelajar menjawab soalan terjemahan Melayu-Arab.

Pengkaji telah melakukan satu kajian kes dengan memberi fokus kepada skrip ujian para pelajar. Para pelajar yang terlibat pula merupakan mahasiswa UiTM Terengganu. Kajian kes ini berfungsi sebagai tindakan awal pengkaji untuk melihat kekuatan serta kelemahan

kaedah penyampaian bahasa asing. Kajian ini dilakukan berpandukan kepada sebuah kerangka teoritikal yang telah dibina oleh pengkaji. Pembinaan kerangka teoritikal ini pula dilaksanakan bersumberkan soalan-soalan kajian yang meliputi perbendaharaan kata, sebutan dan tatabahasa, serta struktur ayat.

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat pelajar yang telah memanfaatkan kemahiran berbahasa Melayu sewaktu membina dan menterjemah ayat ke dalam bahasa Arab. Selain itu, terdapat juga pelajar yang telah mengadaptasikan perbendaharaan kata bahasa Melayu di dalam bunyi bahasa Arab. Jika diteliti dengan lebih mendalam, dapat dilihat bahawa penggunaan serta penguasaan aksara bahasa Arab juga diberikan lebih penekanan sewaktu pelajar menjawab soalan terjemahan.

Khairunisah Sayed Ibrahim (2008) dalam kajiannya yang bertajuk “Unsur Budaya dalam Koleksi Terjemahan Cerita Jenaka bahasa Melayu-bahasa Jerman : Satu Analisis” pula menganggap bahawa setiap bahasa mempunyai genre dan budayanya yang tersendiri. Maka menjadi satu kemestian bagi penterjemah untuk memastikan bahawa budaya serta mesej dapat disampaikan dengan baik kepada pembaca kedua. Dalam kajiannya, pengkaji menegaskan bahawa bukan senang untuk menghasilkan kesan yang sama bagi pembaca terjemahan lebih-lebih lagi jika warta yang disampaikan mempunyai elemen humor dan jenaka. Pembaca kedua juga perlu merasai kelucuan yang ingin disampaikan apabila membaca karya terjemahan sama seperti pembaca bahasa sumber.

Dengan berpandukan kepada kaedah penterjemahan budaya yang terdapat dalam buku bertajuk “Teori dan Teknik Terjemahan” oleh Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2005), pengkaji telah memilih cerita rakyat Melayu iaitu Lebai Malang yang diterjemahkan ke dalam bahasa Jerman iaitu DerUnglücks-Geistliche dan Pak Belalang kepada Vater

Heuschreck. Menurut pengkaji, proses menterjemah teks sastera bukanlah sesuatu kerja penterjemahan yang biasa. Hal ini kerana menurut hasil kajiannya, terdapat 19 unsur budaya daripada teks asal, namun hanya dua unsur sahaja yang dikekalkan manakala selebihnya disesuaikan mengikut konteks, kefahaman, latar belakang dan pandangan dunia masyarakat Jerman yang jauh berbeza dengan masyarakat bahasa sumber.

Maria (2008) pula melihat penterjemahan dari sudut periklanan. Walaupun pengkaji tidak melakukan kajian berkaitan bidang penterjemahan, namun pengkaji menganggap bahawa bahasa Tamil mempunyai keunikannya yang tersendiri kepada rakyat berbangsa India. Maka, pengkaji mengaitkan kecantikan bahasa Tamil ini melalui pengiklanan. Hal ini kerana pengkaji ingin melihat sama ada iklan yang menggunakan bahasa Tamil dapat memberikan kesan yang sama seperti iklan yang menggunakan bahasa standard ataupun bahasa antarabangsa. Data kajian yang dikumpul daripada akhbar Tamil membolehkan pengkaji melihat bentuk kata, frasa, dan ayat dalam pembentukan iklan versi tamil di samping mengkaji elemen pemujukan yang terdapat dalam iklan.

Berpandukan teori analisis wacana Halliday (1992) dan teori linguistik terapan (Cook, 2003), pengkaji telah melakukan kajian lapangan bagi mengumpulkan data secara kuantitatif dan kualitatif daripada akhbar Tamil Nesan dan akhbar Malaysia Naban yang bertarikh antara Julai hingga Disember 2005. Hasil kajian jelas menunjukkan bahawa iklan yang terdapat dalam akhbar Tamil jauh berbeza dengan iklan biasa. Hal ini kerana penggunaan retorik yang berbeza melalui bahasa Tamil mempunyai keunikannya yang tersendiri melalui kerangka tatabahasanya dan mampu memberikan kesan yang sama kepada pembaca. Namun begitu, masih terdapat banyak lagi iklan dalam akhbar-akhbar tersebut yang masih menggunakan bahasa Inggeris bagi tajuk utamanya. Ini jelas membuktikan bahawa penggunaan bahasa Tamil tidak berada di tahap yang optimum.

Kajian tesis Halimatussa'diah (2008) yang bertajuk "*An Investigation Into The Translation of Computer-Related Terminology in a Computer Magazine: With Special Reference to CHIP Computer and Communication Magazine*" pula mengkaji kaedah terjemahan dan prosedur yang digunakan dalam penterjemahan artikel-artikel yang terdapat dalam majalah. Selain itu, kajian ini juga cuba untuk menentukan impak terhadap terjemahan teks komputer seperti ini daripada senarai istilah standard yang diterbitkan oleh Pusat Bahasa (MABBIM) yang telah diterjemahkan oleh Indonesia. Kerangka kerja yang digunakan untuk menganalisis data pula adalah berdasarkan kepada teori-teori yang dikemukakan oleh Newmark (1988) serta Vinay dan Darbelnet (1958). Secara umumnya, data kajian menunjukkan bahawa prosedur pinjaman adalah yang paling disukai oleh para penterjemah untuk menterjemah pelbagai isu-isu majalah.

Perbincangan kajian ini adalah terhad kepada terjemahan yang berkaitan dengan istilah komputer dalam majalah *CHIP Computer & Communication*. Majalah ini dipilih kerana majalah ini mudah didapati dalam versi bahasa Inggeris dan boleh dijadikan satu bentuk perbandingan untuk analisis. Seperti yang dinyatakan, Kajian ini memberi tumpuan kepada kaedah terjemahan dan prosedur yang digunakan oleh para penterjemah majalah tersebut. Oleh itu, kerangka teori bagi perbincangan terjemahan dalam teks sasaran adalah berdasarkan kepada karya rintis Vinay dan Darbelnet yang bertajuk *Stylistique Comparee du Francais* (1958).

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa pelbagai kaedah terjemahan telah digunakan bagi menterjemah artikel. Hal ini kerana terdapat beberapa istilah teknologi maklumat yang masih lagi baru dan memerlukan penterjemah untuk menterjemah berdasarkan fungsinya, bukan hanya terjemahan satu lawan satu mahupun terjemahan harfiah semata-mata. Di sini, kita dapat membuktikan bahawa penterjemah

memainkan peranan yang penting dalam pengenalan ilmu-ilmu yang baru seperti teknologi maklumat supaya pemahaman pembaca tidak terpesong.

Jeremy Munday (2008) dalam bukunya telah membincangkan konsep penterjemahan, teori-teori penterjemahan, kesamaan dan ketaksamaan penterjemahan, proses penterjemahan dan fungsi teori penterjemahan. Selain itu, beliau turut mengupas tentang sistem teori yang boleh digunakan dalam sesebuah penterjemahan di samping membincangkan cara-cara baru dalam penterjemahan.

Goh (2011) juga ada membuat kajian yang bertajuk “Penterjemahan Kata Kerja Bahasa Cina-Bahasa Melayu: Satu Analisis Ketepatan Makna Padanan” bagi membincangkan padanan kata kerja yang terdapat dalam penterjemahan cerpen yang bertajuk “Mahua III: Dalam Hujan Renyai”. Tujuan kajian terjemahan cerpen bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu ini adalah untuk melihat ketepatan serta padanan makna yang terdapat dalam cerpen bagi kedua-dua bahasa yang merujuk kepada bahasa sumber dan bahasa sasaran.

Tesis sarjana yang bertajuk “Penterjemahan Perkataan Taksa : Satu Analisis Berdasarkan Novel Harry Potter And The Chamber Of Secrets Oleh J.K Rowlings Dan Hasil Terjemahannya Harry Potter Dan Bilik Rahsia” yang dihasilkan oleh Kanchana Devi (2007) Sibeperagam pula telah menggunakan teori pendekatan pragmatik yang telah diperkenalkan oleh Baker (1992). Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang situasi “lebih terjemah” atau “kurang terjemah” yang sering kali berlaku dalam sektor penterjemahan daripada bahasa Inggeris (bahasa sumber) kepada bahasa Melayu (bahasa sasaran).

Sudah semestinya kedua-dua bahasa ini mempunyai sistem bahasa yang berbeza. Oleh itu, kajian yang dilakukan merujuk kepada konteks seperti yang diterangkan dalam teori Baker (1992) yang telah membahagikan kaedah terjemahan kepada dua bahagian iaitu tersurat dan tersirat. Dengan berpandukan teori pragmatik tersebut, pengkaji berjaya menjawab persoalan utama kajian iaitu fenomena penterjemahan perkataan taksa dalam novel. Menurut pengkaji, Ketaksaan ini hadir bukan kerana hasil ketidakcekapan penggunaan linguistik oleh penulis tetapi hasil penggunaan gaya penulisan dan kreativitinya. Namun, ketaksaan dalam novel juga boleh disengajakan untuk menyampaikan sesuatu secara tersirat, menyampaikan sesuatu perkara dengan lebih efektif dan kadangkala untuk menjaga imej penulis. Secara keseluruhannya, kajian yang dihasilkan sangat bagus namun kaedah yang digunakan kurang sesuai apabila pengkaji menggunakan laman internet untuk membantunya bagi mendapatkan senarai perkataan taksa.

Kanmani (2007) telah menjalankan kajian terhadap penterjemahan Berita Bahasa Tamil di RTM siaran televisyen. Beliau menumpukan kajiannya terhadap peranan penterjemah dalam membawa berita kepada penonton berbahasa Tamil. Dapatan kajian beliau menyatakan bahawa proses penterjemahan skrip berita asal daripada bahasa sumber hanya melibatkan isi-isi penting sahaja. Ini disebabkan oleh kekangan masa yang ditetapkan untuk penyiaran. Ini menunjukkan bahawa penterjemah menghadapi kekangan masa untuk menterjemah teks berita bahasa sumber.

Beliau juga menyatakan bahawa sebagai seorang penterjemah berita, mereka perlu memainkan peranan dengan berhati-hati tanpa menyinggung perasaan mana-mana pihak. Di samping itu, penterjemah juga perlu memahami budaya dan latar masyarakat bahasa sasaran, serta mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang prinsip-prinsip dan

prosedur penterjemahan. Khususnya, keutamaan diberi terhadap penguasaan bahasa sumber dan bahasa sasaran. Dalam kajian ini, pengkaji tidak menyentuh kajian terhadap teks penterjemahan dan penentuan kualitasnya. Ini mendorong pengkaji untuk memenuhi ruang terhadap kajian teks penterjemahan.

Seterusnya ialah buku yang ditulis oleh Ainon Mohd et.al., (2006) yang telah menyentuh tentang teori-teori linguistik yang menjadi prinsip dan teknik terjemahan. Dalam buku ini, kedua – dua penulis membincangkan tujuan terjemahan; cara terjemahan lama ; prinsip-prinsip yang perlu diikuti oleh seseorang penterjemahan; teori makna saintifik dan perkataan; perbezaan budaya dari segi tatabahasa, istilah, simpulan bahasa. Para pengkaji mengkaji tentang analisis wacana dan sebagainya namun tidak menyentuh tentang sejarah perkembangan terjemahan.

Basil Hatim and Jeremy Munday (2005) dalam buku mereka yang bertajuk “Translation An Advanced Resource Book” telah mengkaji tentang linguistik terapan teknik penterjemahan serta cara menganalisis penterjemahan secara praktikal. Mereka juga membincangkan pelbagai variasi penterjemahan seperti semantik, budaya, kesamaan, linguistik fungsional, korpus , linguistik kognitif, analisis wacana, gender dan tentang kolonisasi. Mereka juga membincangkan penterjemahan dalam pelbagai bahasa seperti Prancis, Spanish, Jerman, Rusia dan Arab.

Intan Safinaz Zainudin dan Quah (2004) dalam kertas kerja yang bertajuk “Perkhidmatan Terjemahan Dalam-Talian Malaysia: Satu Kajian Awal”, melihat satu bentuk perkhidmatan penterjemahan melalui laman web oleh individu dan syarikat swasta di Malaysia. Kajian awal ini dilaksanakan dengan menggunakan sebilangan gelintar carian tempatan dan antarabangsa bagi pengumpulan alamat laman sesawang dan maklumat

mengenai penterjemah. Antara gelintar carian yang telah dipilih ialah Yahoo.com, Google.com, Msn.com.my, Catcha.com.my, Lycosasia.com.my, E-Borneo.com , Cari.com.my dan Malaysia Central.com.

Hasil kajian jelas menunjukkan bahawa terdapat dua kategori penterjemahan, syarikat penterjemahan dan penterjemah bebas. Syarikat penterjemahan menawarkan perkhidmatan mereka kepada para pelanggan baik di dalam mahupun di luar negara. Penterjemah bebas juga menggunakan laman web bagi mengiklankan perkhidmatan mereka atas dasar persaingan industri. Aktiviti persaingan sihat ini secara tidak langsung merancakkan lagi industri penterjemahan di Malaysia lebih-lebih lagi apabila hampir kesemua syarikat penterjemahan berpusat di Malaysia sendiri. Di samping itu, penterjemahan ke dalam bahasa Melayu juga sedikit sebanyak menyumbang kepada pasaran yang lebih luas. Di sini dapat disimpulkan bahawa bantuan atas talian bagi penterjemahan kini dapat menjadi wadah atau bantuan bagi penterjemah dalam menghasilkan terjemahan dengan masa yang lebih singkat lebih-lebih lagi penterjemahan teks berita.

Selain itu, Abdul Latif Bidin (2002) telah menghasilkan sebuah buku yang membincangkan panduan-panduan bagi menjadi seorang penterjemah komersial. Dalam buku ini beliau memberi fokus kepada penterjemah komersial. Terdapat maklumat asas bagi bidang penterjemahan dalam buku ini. Pengarang manghuraikan industri terjemahan serta beberapa perkembangan semasa dalam bidang ini. Beliau turut membincangkan peralatan dan kelengkapan yang perlu dimiliki untuk perniagaan penterjemahan. Selain membincangkan pasaran dan promosi yang perlu dilakukan oleh seseorang penterjemah, beliau juga menerapkan nilai professional dalam penterjemahan komersial. Akhir sekali,

beliau memberi penekanan terhadap kepentingan rangkaian dan usaha penterjemah untuk menimbulkan suasana bidang terjemahan yang baik.

Buku yang bertajuk “Mozipeyarpial Kolkaikal”(Seni Penterjemahan) yang ditulis oleh Victor (2002) pula mengupas tentang definisi terjemahan seterusnya membincangkan prinsip-prinsip penterjemahan. Selain itu, penulis juga menyatakan masalah yang dihadapi oleh seseorang penterjemah dan cara mengatasi masalah tersebut. Beliau juga menyatakan cara-cara untuk menghasilkan satu penterjemahan yang baik. Beliau turut mengariskan langkah-langkah mengatasi masalah penterjemahan. Namun begitu, beliau hanya menyentuh sedikit sahaja tentang sejarah perkembangan terjemahan.

Selain itu, Murugaiyan (2002) telah menulis sebuah buku yang bertajuk “Mozhipeyarppu Nudpam” (Teknik Penterjemahan). Beliau telah membincangkan pengkhususan yang perlu dilakukan dalam penterjemahan. Oleh sebab itu beliau membincangkan persamaan dalam penterjemahan. Selain itu membincangkan cara dan ahli contoh yang relevan sebagai rujukan untuk pembaca. Beliau juga membincangkan perbandingan antara ayat, perkataan, stail sesuatu bahasa yang perlu digunakan semasa penterjemahan. Daripada kupasan kami, beliau tidak lupa ahli penerangan yang lanjut dalam penterjemahan bahasa kiasan, peri bahasa, Thirukkural dan sebagainya.

Baker (1992) telah menghasilkan sebuah buku yang membincangkan kesamaan makna. Beliau telah membincangkan masalah ini dalam pelbagai peringkat, termasuklah kesamaan pada aras kata, kesamaan atas aras kata, kesamaan aras nahu, kesamaan aras tekstual pada tematik dan struktur informasi, kesamaan aras tekstual dari aspek kohesi, serta kesamaan pragmatik.

Sorotan yang terakhir ialah “Mozhipeyarpum Sollakkamum”(Penterjemahan Dan Pembentukan Kata) (Ganapathy, 1967) pula membincangkan teknik-teknik penterjemahan dan prinsip-prinsip penterjemahan. Selain itu beliau turut membincangkan penjanaan kata dalam buku tersebut. Dalam buku ini beliau telah mengenal pasti kelemahan dalam penterjemahan yang dilakukan oleh penterjemah-penterjemah dalam bidang pengkamusan saintifik, surat khabar, ensiklopedia sains dan sebagainya. Selain itu, beliau turut membuat pembetulan dokumen-dokumen rasmi kerajaan.

Budaya Dalam Penterjemahan

Goh (2011) dalam “Kebolehterjemahan Budaya Tabiat bahasa Cina-bahasa Melayu” memberikan penekanan kepada budaya tabiat bahasa Cina yang merangkumi kata kerja. Kajian ini telah mengambil beberapa petikan ayat daripada novel yang bertajuk Shui Hu Zhuan dan terjemahannya yang bertajuk Hikayat Pinggir Air. Petikan yang telah dikenal pasti dipilih kemudiannya dianalisis dengan lebih mendalam. Menurut pengkaji, masalah kebolehterjemahan sering kali berlaku sekiranya penterjemah menterjemah bahan yang jauh berbeza corak kehidupan, budaya dan tabiat dengan bahasa sasaran. Lebih-lebih lagi apabila budaya bahasa Cina sering kali bercanggah dengan budaya bahasa Melayu dalam konteks penterjemahan novel tersebut. Menurut pengkaji lagi, terdapat banyak konsep budaya bahasa Cina yang tidak terdapat dalam pandangan dunia orang Melayu yang merupakan pembaca sasaran. Sebagai contoh konsep Yin dan Yang, yang merujuk kepada unsur negatif dan unsur positif dalam alam semesta. Bagi melaksanakan kajian yang dinyatakan, pengkaji telah menggunakan Teori Analisis Komponen Makna Katz dan Fodor (1963), konsep kebolehterjemahan Baker (1998) dan Larson (1984) yang

dijadikan sebagai kayu pengukur untuk mengenal pasti keadaan kebolehterjemahan budaya, teori Kempson (1977) serta teori Chierchia dan McConnell-Ginet (1990).

Hasil kajian jelas menunjukkan bahawa kebanyakan petikan atau sampel bahasa Cina yang telah diambil oleh pengkaji tidak dapat diterjemahkan dengan mudah ke dalam bahasa Melayu. Maka ini menguatkan lagi hakikat kesukaran kebolehterjemahan yang telah dijangka oleh pengkaji. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa tahap kebolehterjemahan unsur budaya ini pula kebanyakannya bergantung kepada fungsi dan bentuk budaya bahasa sumber dengan bahasa Melayu. Dalam erti kata lain, jika terdapat budaya yang berbeza namun fungsi budaya tersebut adalah sama bagi kedua-dua bahasa, penterjemah masih lagi berpeluang untuk memanfaatkan teknik adaptasi. Pengkaji percaya bahawa jika terdapat bentuk dan fungsi budaya bahasa Cina dalam bahasa Melayu, tahap kebolehterjemahannya juga adalah lebih tinggi.

Secara keseluruhannya, pengkaji menyatakan bahawa bukan kesemua unsur budaya tabiat bahasa Cina terpaksa berhadapan dengan situasi yang menyebabkan bahasa tersebut tidak boleh diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dengan sempurna. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa walaupun terdapat perbezaan pandangan dunia, budaya, dan tabiat kehidupan antara masyarakat Cina dengan masyarakat Melayu, kedua-duanya juga masih mempunyai persamaan. Persamaan ini berlaku secara tidak langsung oleh persekitaran hidup masyarakat Cina di Malaysia bersama masyarakat Melayu dan berkongsi elemen budaya yang 'serupa' hampir setiap hari. Percampuran budaya inilah yang telah membolehkan lebih banyak amalan budaya tabiat masyarakat Cina diketahui, dipelajari dan difahami oleh orang Melayu tidak kiralah melalui bahan bacaan mahupun dengan bantuan media. Fenomena ini juga dapat meningkatkan lagi tahap kebolehterjemahan unsur budaya yang terlibat dalam proses penterjemahan.

Normalis Amzah (2008) dari Universiti Sains Malaysia juga telah menghasilkan tesis ijazah sarjana yang bertajuk “Unsur Budaya Dalam Terjemahan Bahasa Melayu : Analisis Karya Konusuke Matsushita”. Pengkaji telah menggunakan kaedah analisis teks yang terbahagi kepada analisis makro dan analisis mikro untuk menganalisis dan melihat unsur pengaruh budaya Jepun dalam teks terjemahan bahasa Melayu karya pengasas syarikat National Panasonic.

Analisis ini hanya melihat kepada empat jenis unsur budaya sahaja, iaitu Kata Hormat, Ungkapan Memberi dan Menerima, Bahasa Kiasan dan Realia kerana hanya keempat-empat jenis unsur ini sahaja yang mempunyai kekerapan yang paling tinggi dalam karya jutawan Jepun tersebut. Selain itu, pengkaji juga ingin melihat kaedah-kaedah yang digunakan oleh para penterjemah dalam menterjemah ayat-ayat yang mengandungi unsur-unsur budaya. Berdasarkan kajian, pengkaji mendapati bahawa tiada kaedah yang khusus dalam menterjemah unsur-unsur budaya. Hal ini kerana budaya bahasa sumber mempengaruhi bahasanya lebih-lebih lagi bahasa Jepun yang penuh dengan kata-kata hormat kepada orang yang lebih tua dan berpengaruh. Oleh itu, menjadi tanggungjawab bagi seorang penterjemah untuk menyesuaikan unsur budaya sesuatu bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Pengkaji telah menghasilkan satu analisis yang sangat berkesan dalam menyampaikan maklumat tentang penterjemahan yang melibatkan budaya kedua-dua bahasa sumber dan sasaran walaupun pada awalnya, penjelasan terhadap objektif kajian sedikit goyah dan kabur kerana ketiadaan teori asas yang kukuh dan meyakinkan.

Kajian yang dilakukan oleh Goh (2007) pula melihat ketepatan penterjemahan aspek-aspek budaya bahasa Mandarin yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Sejumlah 100 data yang meliputi kata, frasa, klausa dan ayat telah diambil daripada novel pilihan pengkaji iaitu Shui Hu Zhuan serta terjemahannya yang dilakukan oleh Lim

Chuan Boon iaitu Hikayat Pinggir Air. Bagi melihat ketepatan penterjemahan elemen budaya, pengkaji mengenal pasti teknik serta strategi teknik di samping menilai karya terjemahan dari tiga sudut yang berlainan iaitu penterjemah itu sendiri, penilai kedua serta pengkaji. Dengan menggunakan kaedah perbandingan, kajian yang bersifat kualitatif ini menganalisis data budaya dengan bersandarkan kepada teori-teori yang telah dipilih iaitu Teori Semiotik Jakobson (1959), Teori Skopos Vermeer (2000) dan Analisis Teks Berorientasikan Terjemahan Nord (1988).

Data kajian yang telah dianalisis mendapati bahawa tiada budaya bahasa Mandarin yang boleh diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Hal ini disebabkan oleh bentuk serta fungsi budaya Mandarin yang tidak terdapat dalam budaya Melayu. Oleh itu, penterjemahan yang terhasil pula bersifat kurang terjemah, lebih terjemah, salah terjemah dan penterjemahan kabur dan kosong maknanya. Data kajian juga menunjukkan bahawa tiada strategi yang sesuai digunakan bagi mengatasi masalah yang diatasi oleh penterjemah. Selain itu, hasil kajian juga mendapati penterjemahan budaya bukanlah sesuatu bentuk penterjemahan yang boleh dilakukan secara linear, namun ia lebih bersifat dwidimensi yang sangat mengambil kira keterlibatan bidang semantik dan sosiolinguistik.

Sebuah lagi kajian yang bertajuk “Penterjemahan Simpulan Bahasa Arab-Melayu: Satu Analisis Teori Relevans” oleh Muhammad Fauzi Jumingan (2004) juga telah melihat penterjemahan melalui aspek budaya. Hal ini kerana pengkaji telah memberikan penekanan yang mendalam terhadap simpulan bahasa Arab dan bahasa Melayu. Simpulan bahasa merupakan salah satu aspek keindahan yang hanya boleh difahami oleh penutur natif sesuatu bahasa itu sendiri. Seperti di Malaysia sendiri, kewujudan simpulan bahasa merupakan satu pembentukan kata yang mendapat tempias daripada unsur budaya yang telah diamalkan oleh nenek moyang terdahulu. Oleh itu, untuk memahami sesuatu

maksud simpulan bahasa, seseorang penterjemah itu perlu memahami budaya bahasa tersebut juga.

Menurut pengkaji lagi, bagi menterjemah sesuatu simpulan bahasa, seseorang penterjemah itu perlu menyingkap dua maksud yang terkandung dalam sesuatu simpulan bahasa itu sendiri iaitu maksud tersurat dan maksud tersirat. Kajian ini amat menitikberatkan penggunaan Teori Relevan yang telah diperkenal oleh Sperber dan Wilson (2004). Teori ini dikatakan sesuai bagi kajian yang dijalankan kerana teori ini lebih menekankan makna sesuatu perkataan mengikut kerelevanannya serta konteks keadaan di mana perkataan tersebut diujarkan. Dalam kajian ini, data telah dikumpul dan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu data penterjemahan langsung dan data penterjemahan tidak langsung.

Pengkaji telah melakukan analisis deskriptif dan analisis peta minda dalam mendapatkan hasil kajian yang tepat. Berdasarkan kedua-dua analisis yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa Teori Relevan yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (2004) yang memanfaatkan penterjemahan langsung sangat sesuai digunakan dalam melakukan penterjemahan seperti simpulan bahasa. Hal ini demikian kerana ciri asal serta kesan bacaan dapat dikekalkan dalam ruang lingkup pembaca sasaran seterusnya dapat menghasilkan interpretasi yang tepat bagi sesuatu penterjemahan yang asing.

Menurut pengkaji, teori relevan sangat membantu dalam memahami sesuatu makna ujaran yang berkait rapat dengan kognitif manusia. Makna yang bermain dalam minda manusia ini pula sudah semestinya dijana oleh psikologi manusia itu sendiri. Teknik penterjemahan langsung pula menguji minda manusia untuk membuat deduksi bagi sesuatu perkataan yang ditulis atau diujarkan. Proses deduksi ini sebenarnya dapat

membantu menajamkan minda para pembaca supaya mereka tidak menerima sesuatu makna perkataan itu dengan sebulat sahaja.

Hasil kajian ini juga jelas menunjukkan bahawa Teori Relevan merupakan satu jenis teori moden yang sangat unik dan berbeza dengan teori yang lain. Perbezaan ini ketara dapat dilihat apabila pengkaji mendapati bahawa teori-teori klasik penterjemahan sebelum ini hanya melihat kepada hasil terakhir atau produk penterjemahan yang sudah dihasilkan manakala Teori Relevan pula mampu melihat kepada proses penterjemahan itu sendiri sebelum lahirnya penterjemahan yang muktamad. Namun begitu menurut pengkaji lagi, kaedah penterjemahan langsung sebenarnya kelihatan taksa atau kabur pada awal penterjemahan yang berlaku. Walau bagaimanapun, hasil penterjemahan boleh menjadi sesuatu yang amat memuaskan apabila penjanaan minda manusia dapat membantu dengan baik.

Pengkaji menganggap bahawa analisis yang telah dilakukan dapat membantu dalam meningkatkan lagi penguasaan konsep bahasa itu sendiri. Pengkaji percaya bahawa sesuatu bahasa itu bukan hanya berlaku di luar minda atau dalam erti kata lain, bahasa yang hanya berfungsi untuk didengar atau dibaca sahaja. Hal ini kerana pengkaji percaya bahawa proses bahasa juga berlaku melalui minda manusia. Proses inilah yang meletakkan manusia di tempat yang sangat terpuji dan istimewa disebabkan oleh kebolehan manusia untuk memahami dunia sekeliling dengan bantuan minda.

Di sini jelas dapat dilihat bahawa sebenarnya pengkaji menganggap bahawa walaupun budaya bahasa sumber dan budaya bahasa sasaran jauh berbeza, namun kehadiran pemikiran kognitif yang kritikal dan konteks luaran dapat mengatasi keterbatasan budaya bahasa yang sering kali dianggap sukar oleh sesetengah penterjemah. Kemahiran

penterjemah untuk menggunakan kuasa pemikiran juga jelas menjadi salah satu faktor penting bagi produk penterjemahan yang sempurna sehingga menyebabkan para pembaca sasaran seolah-olah membaca buku yang asli.

Puteri Roslina Abdul Wahid (1964) dalam satu kajian yang bertajuk “Dinamisme dalam Karya Terjemahan Kreatif *“TUNNELS”* (Roderick & Brian Williams) pula melihat penterjemahan bagi teks kreatif. Seperti yang telah diketahui, teks kreatif tidaklah sama jika dibandingkan dengan teks-teks yang lain seperti teks keagamaan, teks rasmi mahupun teks tidak rasmi. Ini disebabkan oleh sifat teks kreatif sangat berkait rapat dengan imaginasi serta emosi penulis asal. Jadi di sini, dapat dilihat bahawa sebenarnya tugas penterjemah yang perlu menterjemahkan teks kreatif adalah lebih berat. Perkara yang paling utama bagi menterjemah teks kreatif sudah semestinya kesan yang terhasil daripada pembacaan. Prinsip utama dalam menterjemah teks jenis ini ialah penterjemah sepatutnya tahu tentang teknik menterjemah dengan baik supaya kesan yang terhasil pada pembaca bahasa sasaran adalah sama seperti pembaca bahasa sumber.

Istilah Dinamisme ini, seperti yang telah dibincangkan pada bab yang sebelumnya, merupakan satu istilah yang telah diperkenalkan oleh Nida (1964). Pada awal kelahiran pendekatan penterjemahan Dinamisme, ia hanya berkisar tentang konteks penterjemahan kitab Injil. Sebenarnya, Nida (1964) telah memperkenalkan dua pendekatan. Kedua-dua pendekatan tersebut ialah pendekatan formal dan pendekatan dinamik. Menurut pengkaji, terjemahan menggunakan pendekatan dinamik merujuk kepada penterjemahan yang berfungsi untuk menyampaikan mesej teks asal yang hendak disampaikan oleh penulis asal ke dalam teks sasaran dan terjemahan tersebut mestilah sama dari segi kesan pembacaan.

Menurut pengkaji lagi, pendekatan dinamik melibatkan tiga proses penting. Proses pertama ialah proses analisis, proses kedua ialah proses pemindahan mesej, dan proses ketiga pula adalah menstruktur semula nahu atau tatabahasa ke dalam bahasa sasaran.

Terjemahan dinamik tidak melibatkan elemen-elemen kemasukan seperti memasukkan unsur asing yang dianggap sebagai tidak menunjukkan ciri terjemahan. Terjemahan dinamik sebenarnya lebih memberi fokus kepada penterjemahan yang dilakukan dengan bersahaja seperti ditulis dalam bahasa penerima. Pendekatan penterjemahan ini cuba untuk memberi penekanan bahawa idea merupakan isu utama. Dalam erti kata lain, jumlah perkataan tidak perlu sama tetapi jumlah idea, iaitu jumlah maklumat daripada penulis asal perlu sama dengan hasil terjemahan. Pengkaji menganggap bahawa jika seseorang penterjemah ingin menyampaikan kesan yang sama, seharusnya tidak ada maklumat yang tertinggal atau ditokok tambah.

Menurut pengkaji lagi, seseorang penulis teks kreatif selalunya memanipulasikan bahasa dengan sebaik mungkin dalam usaha menyatakan apa yang terdapat dalam jiwa, raga dan pemikirannya. Oleh sebab ingin menjadikan hasil terjemahan betul-betul sama pada paras fizikalnya, maka masih lagi terdapat penterjemah yang terikut-ikut menggunakan gaya teks asal sehinggakan teks tersebut kelihatan seperti satu teks terjemahan semata-mata. Sebenarnya jika diikutkan pasaran bahan terjemahan sekalipun, bukan itu yang diinginkan oleh pembaca sasaran. Hal ini kerana teks terjemahan tidak dapat memperlihatkan keaslian seperti teks asal. Pengkaji percaya bahawa teks terjemahan sebegini sering kali mengaplikasikan pendekatan harfiah sehingga menyebabkan keciciran pada makna teks asal, susunan ayat yang kelihatan agak pelik dan janggal serta penggunaan istilah yang tidak tepat.

Selain itu terdapat juga keadaan teks terjemahan yang apabila dibaca, kelihatan terlalu meleret-leret atau terlampau mekanikal dan sekali gus melenyapkan keindahan teks kreatif itu sendiri. Apabila keindahan teks kreatif sudah lenyap, nilai estetikanya juga secara tidak langsung akan terhapus. Maka bagi mengatasi masalah tersebut, pengkaji telah melihat dan menganalisis karya penterjemahan hasil usaha Roderick dan Brian Williams, iaitu terowong (*Tunnel*) dan mendapati bahawa dalam menterjemah karya yang mempunyai unsur budaya, sudah menjadi satu kemestian untuk melihat usaha penterjemah yang sedaya upaya untuk menyampaikan mesej sehampir yang mungkin sama seperti teks asal. Namun begitu, masih lagi mengekalkan nilai-nilai estetik yang terdapat pada novel asal memandangkan ianya merupakan sesuatu yang istimewa bagi novel itu sendiri.

Pengkaji juga mendapati bahawa dalam mana-mana penterjemahan sekalipun, lebih-lebih lagi penterjemahan yang melibatkan dua arus budaya yang jauh berbeza seperti budaya barat ke budaya timur, ciri-ciri budaya itu sendiri amat penting bagi seseorang penterjemah. Hal ini demikian kerana budaya itu sendiri terbahagi kepada dua iaitu budaya kebendaan dan budaya bukan kebendaan, jadi dalam menterjemah makna yang berkaitan budaya, seseorang penterjemah boleh mengekalkan, menghilangkan atau mengubahsuaikan sesuatu unsur budaya dalam sesuatu istilah. Pengkaji juga mendapati bahawa perbezaan budaya yang ketara antara dua dunia sering kali menyukarkan kerja penterjemahan. Hal ini disebabkan oleh penggunaan kata tertentu yang boleh mencetuskan masalah penerimaan mesej dalam kalangan pembaca. Pengkaji telah memberikan contoh berdasarkan petikan di mana perkataan lembu digunakan. Menurut pengkaji, istilah “lembu” jika dalam budaya timur dianggap sebagai sesuatu yang dipandang rendah. Lebih-lebih lagi jika dipadankan dengan orang yang melakukan

pekerjaan atau berfikiran bodoh, namun begitu dalam budaya Barat istilah “lembu” tersebut tidak menghasilkan apa-apa kesan negatif.

Di sini jelas dapat dilihat bahawa seseorang penterjemah yang baik seharusnya tidak menggunakan terjemahan literal tetapi mengambil pendekatan dinamis bagi menggantikan perkataan-perkataan yang terdapat dalam sesuatu budaya yang menimbulkan kesan negatif kepada budaya lain. Hal ini dilakukan kerana perkataan tersebut seperti yang dinyatakan sebelum ini, boleh menimbulkan persepsi yang berbeza. Pengkaji percaya bahawa dalam apa jua bentuk teks, seseorang penterjemah itu perlu menunjukkan komitmen yang sangat tinggi, penguasaan bahasa yang tinggi dalam kedua-dua bahasa, berpengetahuan luas termasuklah pengetahuan tentang teori dan kaedah menterjemah yang sesuai untuk sesuatu teks itu. Maka jelaslah di sini bahawa dinamisme merupakan satu pendekatan yang membantu penterjemah dalam menghasilkan terjemahan teks kreatif yang boleh diterima oleh pembaca sasaran kerana kebolehan mereka yang ingin mengekalkan nilai-nilai estetik sesebuah karya prosa fiksi.

2.2 Ulasan Kritis

Secara keseluruhannya, dapat dilihat di sini bahawa kajian-kajian lepas telah berjaya membuktikan hakikat bahawa dalam menghasilkan sesuatu terjemahan, bukan teks itu yang harus diberikan perhatian, tetapi sikap penterjemah itu sendiri terhadap bahan terjemahan itu. Banyak kajian yang secara terus menyatakan bahawa kebanyakan penterjemahan yang berlaku kini merupakan penterjemahan yang mengaplikasikan pendekatan terjemahan moden yang telah diperkenalkan oleh Nida (1964). Pemilihan

untuk menggunakan pendekatan dinamik ini telah didorong oleh keperluan penterjemah yang sememangnya ingin menjadikan karya terjemahan mereka seperti sebuah karya asli tanpa cacat celanya dan sudah semestinya penterjemahan menggunakan pendekatan lama seperti penterjemahan harfiah atau literal adalah tidak sesuai lagi untuk digunakan.

Walau bagaimanapun, dalam konteks kajian pada kali ini, ulasan berita merupakan satu bentuk teks yang bersifat rasmi. Jadi besar kemungkinan pengkaji akan mendapati bahawa penterjemahan yang berlaku adalah lebih bersifat harfiah atau literal. Namun seperti yang dibincangkan dalam bab yang sebelumnya, struktur bahasa Tamil juga sememangnya berbeza jika dibandingkan dengan bahasa lain yang terdapat di Malaysia. Oleh itu, jika seseorang penterjemah ingin menggunakan bahan bantuan luar, sudah semestinya bukan penterjemahan mesin. Perkara ini disebabkan oleh ejaan dan binaan ayat bahasa Tamil yang sangat kompleks sehinggakan jika penterjemah menggunakan bantuan penterjemahan mesin dalam proses penterjemahan sekalipun, hasil penterjemahan hanya akan memburukkan lagi keadaan dan menimbulkan salah faham.

Perkara ini secara tidak langsung telah menyokong Mohamad Nor Amin bin Samsun Baharun dan Naimah Abdullah (2011) dalam satu kertas kerja yang bertajuk “Kesilapan Terjemahan Bahasa Arab-Bahasa Melayu dalam Ejen Carian Google: Satu Kajian Semantik”. Kertas kerja tersebut seperti yang telah dinyatakan, menganalisis kewujudan makna yang pelbagai daripada hasil terjemahan mesin atau teknologi yang semakin popular masa kini. Google.com merupakan salah satu ejen carian yang mendapat tempat di hati para pengguna, maka Google.com telah dipilih sebagai bahan kajian.

Seperti yang telah dikatakan sebelum ini, kesilapan yang terdapat pada terjemahan telah menampakkan lagi kelemahan terjemahan Google.com. Masih terdapat banyak

perkataan-perkataan yang gagal diterjemah dengan baik. Terdapat perkataan terjemahan yang tidak langsung berkaitan dengan perkataan asal dan makna terjemahan sangat menyimpang daripada makna asal perkataan. Google.com juga secara automatiknya akan memberikan perkataan bahasa Inggeris jika terdapat perkataan yang gagal diterjemahkan. Di sini kita dapat lihat bahawa kelemahan seperti yang ditunjukkan oleh mesin ini menunjukkan bahawa setiap perkataan mempunyai makna yang berbeza mengikut budaya bahasa khususnya bahasa Tamil. Oleh itu, adalah amat sukar bagi mesin untuk mentafsir makna-makna bahasa Tamil. Justeru, penguasaan bahasa Melayu dan Tamil adalah penting bagi menghasilkan terjemahan rasmi yang berformat.

Di samping itu, penterjemahan ulasan berita juga sebenarnya melibatkan kebolehan penterjemah yang dapat menguasai bahasa Tamil dan dalam pada masa yang juga menguasai laras bidang yang terlibat. Hal ini kerana, sesuatu ulasan berita pasti akan melibatkan beberapa bidang utama seperti bidang sukan, undang-undang, perubatan, dan lain-lain. Setiap bidang ini mempunyai larasnya yang berbeza baik yang umum mahupun yang khusus. Jadi, dalam menghasilkan satu terjemahan Tamil yang baik, seseorang penterjemah itu juga harus mempunyai sedikit sebanyak ilmu bidang yang akan dihuraikan. Seperti mana yang disarankan oleh Ho Chew Ngan dan Hasuria Che Omar (2011) dalam kertas kerja yang bertajuk analisis laras bahasa dan kebolehterjemahannya dalam drama komedi *Ugly Betty*.

Dalam konteks penterjemahan budaya pula, walaupun sukar untuk mendapat kajian yang menjurus ke arah budaya bahasa Tamil, namun kajian-kajian lepas yang ada sudah cukup untuk membuktikan bahawa penterjemahan antara dua bahasa yang mempunyai budaya yang berbeza mempunyai masalah dalam penyampaian makna jika kaedah serta pendekatan yang salah digunakan. Kajian yang dilakukan Goh (2012) dalam

kebolehterjemahan budaya tabiat bahasa Cina-bahasa Melayu boleh dijadikan panduan yang baik bagi kajian kali ini kerana kajian tersebut walaupun hanya memberikan penekanan kepada budaya tabiat bahasa Cina yang merangkumi kata kerja sahaja, kajian ini telah dapat menunjukkan bahawa masalah kebolehterjemahan sering kali berlaku sekiranya penterjemah menterjemah bahan yang jauh berbeza corak kehidupan, budaya dan tabiat dengan bahasa sasaran. Namun, hasil kajian yang memberansangkan jelas menunjukkan bahawa tahap kebolehterjemahan unsur budaya kebanyakannya bergantung kepada fungsi dan bentuk budaya bahasa sumber dengan bahasa Melayu. Dalam erti kata lain, jika terdapat budaya yang berbeza namun fungsi budaya tersebut adalah sama bagi kedua-dua bahasa, penterjemah masih lagi berpeluang untuk memanfaatkan teknik adaptasi. Pengkaji percaya bahawa jika terdapat bentuk dan fungsi budaya bahasa Cina dalam bahasa Melayu, tahap kebolehterjemahannya juga adalah lebih tinggi.

Kini karya-karya sastera, sains, perubatan, perundangan dan sebagainya telah diterjemahkan daripada bahasa lain kepada bahasa Tamil. Keadaan ini telah mencetuskan era pemikiran yang baru dan mengukuhkan lagi perkembangan bahasa Tamil. Dalam situasi ini, iaitu apabila sesuatu maklumat diterjemahkan kepada Bahasa Tamil, seorang penterjemah terpaksa menghadapi beberapa cabaran (Krishnan, 2006). Keadaan ini juga berlaku semasa penterjemahan daripada bahasa Melayu ke dalam Bahasa Tamil.

Bagi perkataan yang berkaitan dengan budaya Melayu, seseorang penterjemah tentu akan menghadapi masalah untuk mengenal pasti atau mencari padanan kata yang sesuai dan tepat dalam bahasa Tamil sewaktu proses penterjemahan berlaku. Tidak dapat dinafikan bahawa seseorang penterjemah itu masih menghadapi masalah dalam usaha ini walaupun mahir dalam kedua-dua bahasa. Contohnya, perkataan 'Nasi Lemak'. Perkataan ini wujud daripada gabungan dua perkataan: iaitu 'nasi' dan 'lemak'. Penterjemahannya tidak

bermasalah apabila perkataan-perkataan ini berada dalam keadaan yang berasingan iaitu ‘nasi’ diterjemahkan kepada ‘chooru’ dan ‘lemak’ pula diterjemahkan kepada ‘kozhuppu’. Masalah terjadi apabila rangkai kata ‘Nasi Lemak’ diterjemahkan kepada ‘kozhuppu chooru’. Hal ini demikian kerana maksud rangkai kata ‘kozhuppu chooru’ tidak mempunyai makna yang sama dengan ‘Nasi Lemak’ iaitu nasi yang dimasak dengan santan kelapa. Rangkai kata ‘kozhuppu chooru’ ini sebaliknya membawa makna nasi yang berlemak. Maka di sini, rangkai kata ‘Nasi Lemak’ terus dipinjam ke dalam bahasa sasaran (Bahasa Tamil) tanpa sebarang perubahan, iaitu, நாசி லெமாக்கி, untuk mengelak kekeliruan makna perkataan tersebut.

2.3 Kerangka Teori

Teori yang digunakan ialah Teori Dinamis yang diperkenalkan oleh Nida (1964). Nida (1964) merupakan tokoh yang paling berpengaruh dalam bidang penterjemahan. Secara amnya, teori Dinamis atau teori baru ini merupakan satu teori yang merujuk kepada penyalinan semula warta ke dalam bahasa sasaran yang merupakan penerima maklumat daripada bahasa sumber. Penerimaan maklumat yang berlaku ini pula merupakan hasil daripada penterjemahan yang berbentuk persamaan terdekat atau sejadi. Teori Dinamis yang diperkenalkan oleh beliau masih dipraktikkan secara meluas dalam bidang penterjemahan (Norizah Ardi, 2008). Teori ini sebenarnya lebih mengutamakan kehadiran maklumat yang terdapat pada teks asal, bukannya bentuk teks asal tersebut.

Dalam penterjemahan Dinamis juga, seseorang penterjemah itu seharusnya dapat melahirkan satu bentuk terjemahan yang bersifat telus. Dalam erti kata lain, seseorang penterjemah yang baik seharusnya mempunyai kemahiran yang tinggi dalam

menghasilkan sebuah terjemahan yang apabila dibaca, tidak kelihatan seperti sebuah terjemahan malah dianggap sebagai karya asal.

Kajian penentuan kualiti sesuatu teks telah dijalankan oleh Sanjun Sun (2012). Beliau menjalankan satu kajian tentang ukuran aras kesukaran dalam penterjemahan Bahasa Inggeris kepada Bahasa Cina. Beliau telah melibatkan 49 orang pelajar tahun ketiga dari sebuah universiti di wilayah Shandong, China dan 53 orang pelajar tahun pertama dari salah sebuah universiti di Beijing dan kumpulan responden kajian ini adalah daripada kelas penterjemahan. Salah satu objektif kajian ini adalah untuk menganalisis tahap kesukaran penterjemahan dengan kebolehan membaca teks. Dapatan kajian menunjukkan bahawa jika sesuatu teks adalah sukar, maka pelajar menghadapi lebih kesukaran dalam menterjemahkannya.

Dalam kajian penentuan kesukaran penterjemahan beliau telah memperkenalkan satu model yang bernama, '*Holistic Translation Scoring Criteria*'. Model ini memberi perincian tahap kualiti sesebuah teks penterjemahan. Dengan model ini beliau dapat menentukan tahap kualiti hasil penterjemahan responden dalam kajiannya. Model '*Holistic Translation Scoring Criteria*' ini mempunyai lima (5) kriteria untuk menentukan tahap kualiti sesuatu teks terjemahan. Setiap tahap tersebut juga mempunyai penskoran penentuan kualiti.

Tahap penterjemahan terbaik dikategorikan sebagai '*Excellent Translation*' (Penterjemahan Tepat) dengan penskoran sembilan (9) hingga sepuluh (10) mata. Pada tahap ini, teks terjemahan perlu menggambarkan kesemua maklumat teks asal, dengan kesilapan leksikal ringan. Tahap terjemahan seterusnya pula dikategorikan

sebagai '*Good Translation With Few Inaccuracies*' (Penterjemahan Yang Baik Dengan Ketidaktepatan Minimal) dengan penskoran tujuh (7) hingga lapan (8) mata. Pada tahap ini teks terjemahan perlu menjelaskan hampir keseluruhan teks asal dengan kesilapan yang agak sedikit. Tahap pertengahan pula dikatakan sebagai '*Passable Translation With Few Inaccuracies*' (Penterjemahan Yang Agak Baik Dengan Beberapa Tidak ketepatan) dengan penskoran lima (5) hingga enam (6). Pada tahap ini teks terjemahan perlu menggambarkan keseluruhan maklumat teks asal, dengan mempunyai beberapa kesilapan dalam erti kata, frasa, dan ayat. Pada tahap keempat teks terjemahan dikatakan sebagai, '*Inadequate Traslation With Frequent Inaccuracies*' (Penterjemahan Yang Kurang Baik Dengan Ketidaktepatan Kerap) dengan penskoran tiga (3) hingga empat (4) mata. Pada tahap ini teks terjemahan hanya menggambarkan separuh daripada maklumat teks asal, dengan kesilapan yang kerap. Tahap terjemahan terendah pula ialah '*Poor Translation*' (Penterjemahan Yang Lemah) dengan penskoran kosong (0) hingga dua (2) mata. Pada tahap terakhir ini, teks yang diterjemah hanya mencerminkan kurang daripada separuh maklumat teks asal.

Pengkaji dalam kajian penentuan kesukaran penterjemahan menggunakan beberapa teori dalam kajiannya seperti teori penguasaan bahasa kedua, yang diperkenalkan oleh Robinson (2011), Teori-teori Psikologi Nunnally (1978) serta Rayner dan Pollatsek (2012) juga digunakan untuk mengukur kompetensi mental responden dalam penstrukturan bahasa semasa penterjemahan. Teori kognitif Moreno dan Park (2010) juga digunakan oleh pengkaji untuk mengukur kebolehan pemprosesan bahasa dalam mental responden kajian. Teori Nida (1975) telah digunakan untuk pengukuran struktur bahasa terjemahan responden.

Saodah Abdullah (1990) melalui Noor Ida Ramli et al., (2011) ada menyatakan bahawa dalam menghasilkan suatu bentuk penterjemahan yang berpaksikan kepada teori Dinamis, kesan dan reaksi yang terdapat pada teks sumber haruslah sama seperti kesan dan reaksi yang terdapat pada karya asal atau bahasa sumber. Menurut Saodah (1990) lagi, persamaan kesan itu amat diperlukan kerana dalam konteks penterjemahan Dinamis, mesej bukanlah satu-satunya perkara utama yang perlu diambil perhatian, malah maklum balas pembaca serta pendengar juga perlulah sama seperti pembaca atau pendengar teks asal.

Pernyataan Nida ini juga telah disokong oleh Newmark (1981). Beliau ada menyatakan bahawa penterjemahan yang bersifat dinamik merupakan penterjemahan yang bersifat bebas. Hal ini kerana, penterjemahan seperti ini tidak lagi melihat keutamaan kaedah satu lawan satu. Beliau menganggap bahawa seseorang penterjemah yang baik sepatutnya mengetahui terlebih dahulu ciri-ciri keaslian yang terdapat dalam bahasa sasaran seperti struktur tatabahasa agar kesan yang terhasil daripada proses penterjemahan tersebut dapat dirasakan oleh pembaca bahasa sasaran sama seperti pembaca bahasa asal.

Nida (1964) telah mengemukakan enam (6) aspek penting dalam terjemahan Dinamis. Aspek-aspek tersebut ialah:

1. penyalinan semula maklumat

Nida (1969) menegaskan tentang penyalinan semula maklumat ke dalam bahasa sasaran (penerima). Tugas penyalinan semula maklumat ini banyak melibatkan penyesuaian

tatabahasa dan perkataan. Implikasi dalam aspek ini adalah untuk mengekalkan makna apabila gaya penulis asalnya terpaksa diubah. Contoh:

i. No smoking (tiada merokok) diubah kepada ‘dilarang merokok.’

Berdasarkan contoh di atas, dapat dilihat bahawa perkataan “no” sekiranya diterjemahkan secara harfiah akan menghasilkan perkataan “tidak” atau “tiada”. Namun apabila penterjemah menggunakan istilah “tiada merokok” atau “tidak merokok”, sudah pastinya akan menghasilkan satu kesan yang cukup berbeza bagi pembaca sasaran. Hal ini kerana, penggunaan istilah “tiada merokok” seolah-olah merujuk kepada tiada rokok manakala istilah “tidak merokok” pula apabila dibaca akan menghasilkan makna bahawa di kawasan tersebut tiada perokok. Istilah-istilah yang muncul hasil dari penterjemahan harfiah ini hanya akan membawa kepada perasaan serta kesan yang canggung bagi pembaca sasaran.

Oleh itu, sudah menjadi kewajipan bagi seseorang penterjemah untuk memastikan bahawa penggunaan perkataan yang sesuai digunakan walaupun tidak berpadanan dengan kata asal. Perkataan “dilarang” misalnya jika diterjemahkan semula ke dalam bahasa Inggeris sebenarnya merujuk kepada “prohibit”, suatu perkataan yang jauh berbeza nilainya jika dibandingkan dengan perkataan “no”.

Berdasarkan contoh yang diberikan juga kita dapat memahami bahawa penyalinan semula maklumat adalah bertujuan untuk menyampaikan warta dengan gaya bahasa yang paling bersahaja dan mudah difahami. Konteks mudah difahami ini bergantung kepada golongan sasaran yang bakal membaca teks terjemahan tersebut. Penyalinan semula maklumat juga

membolehkan teks menjadi lebih mudah serta bersahaja untuk difahami oleh golongan sasaran kerana frasa tersebut memberi makna yang dekat dengan jiwa sasaran. Secara amnya, kita boleh mengatakan bahawa kaedah penyalinan semula menunjukkan perbezaan antara dua bahasa dalam situasi yang sama tetapi cara pemikiran yang berbeza. Pendekatan ini juga boleh dilakukan dengan cara mengubah pandangan yang terdapat dalam bahasa sumber yang menyebabkan penyampaianya boleh mewujudkan variasi positif atau negatif.

2. Persamaan bukan keserupaan

Semasa menterjemah, tugas penting adalah menyalin maklumat dan bukan menyalin bentuk maklumat yang diungkapkan. Contoh:

Ungkapan, '*to kill two birds with one stone*' , dalam bahasa Inggeris diterjemah menjadi 'ஒரே கல்லில் இரு மாங்காய்' (oree kallil iru maanggai) dalam bahasa Tamil.

Dengan itu barulah kedua-dua ungkapan itu menjadi sama atau seerti. Di sini kita dapat lihat bahawa istilah '*to kill two birds with one stone*' sebenarnya merupakan satu bentuk ungkapan yang terdapat dalam bahasa Inggeris yang bermaksud membuat dua perkara dalam masa yang sama. Salah satu konsep asas dalam menterjemah mengikut pendekatan Dinamis ialah, penterjemahan tersebut mengikut budaya bahasa sasaran.

Adalah tidak relevan bagi seorang penterjemah untuk menterjemah secara harfiah jika ianya melibatkan ungkapan. Hal ini kerana ungkapan bahasa sumber dan bahasa sasaran adalah sangat berbeza mengikut budaya masing-masing. Maka, menjadi tanggungjawab seorang penterjemah untuk menterjemah ungkapan tersebut kepada satu lagi bentuk

ungkapan daripada bahasa sasaran yang mempunyai persamaan makna yang paling hampir dengan bahasa sumber.

Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya ungkapan '*to kill two birds with one stone*' diterjemahkan kepada 'ஒரே கல்லில் இரு மாங்காய்' (oree kallil iru maanggai) dalam bahasa Tamil.

3. Persamaan sejadi/formal

Menurut Nida (1969), dari segi bahasa, terjemahan yang baik ialah terjemahan yang langsung tidak berbau terjemahan. Ini bererti penterjemahan hendaklah menggunakan ciri-ciri asli yang dimiliki oleh bahasa penerima. Persamaan sejadi ini banyak menumpukan kepada konsep mesej sama ada dari segi bentuk mahupun isi kandungan. Maka persamaan sejadi ini bermaksud kualiti terjemahan yang dihasilkan dalam teks sasaran haruslah menepati ciri-ciri bentuk teks asal. Contoh: Ungkapan, '*An apple never fall far from its tree*' dalam bahasa Inggeris boleh diterjemahkan 'Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi' dalam bahasa Melayu.

Jika dilihat pada dasarnya, persamaan sejadi ini seakan-akan sama seperti kaedah persamaan bukan keserupaan. Namun begitu, kedua-dua aspek ini adalah berbeza. Persamaan sejadi merujuk kepada penterjemahan yang paling lazim. Seseorang penterjemah yang baik selalunya akan memastikan bahawa wujudnya persamaaan dari segi norma, gaya dan aspek kebudayaan (Noor Ida Ramli et al., 2011).

Dalam hal ini, makna atau mesej cuba disampaikan dengan cara yang berlainan, dan pembaca atau pendengar akan memahaminya setelah mendengar keseluruhan teks. Seperti yang dinyatakan, penterjemah juga perlu mewujudkan persamaan teks terjemahan dengan teks asal dari segi norma, gaya dan aspek kebudayaan. Ini bermakna, persamaan sejadi telah digunakan. Kaedah persamaan sejadi merupakan kaedah yang menterjemah fungsi warta supaya dapat memberi reaksi yang sama kepada pembaca atau pendengar seperti reaksi yang diterima oleh pembaca atau pendengar teks sumber. Oleh itu, ungkapan “Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi” merupakan satu bentuk padanan yang sesuai dari segi fungsinya dalam konteks teks sastra.

4. Persamaan terdekat/dinamik

Semestinya tiada dua perkataan yang betul-betul serupa maknanya antara dua bahasa yang berlainan. Ini bermaksud, penterjemah hanya boleh menterjemah dengan menggunakan persamaan yang paling dekat maknanya. Contohnya: Ungkapan ‘putih macam kapas’ boleh diterjemahkan menjadi ‘பால் போல வெண்மை’ (paal poola venmai). Perkara yang cuba ditekankan dalam persamaan terdekat ini adalah mesej teks sumber mestilah dipindahkan kepada teks sasaran dengan menghasilkan reaksi yang sama seperti teks asal.

Pada contoh di atas kita dapat mengetahui bahawa dalam budaya bahasa Tamil, tidak wujud perkataan “kapas”. Hal ini kerana, pokok kapas bukanlah satu elemen alam semula jadi yang dapat dijumpai dalam budaya serta penempatan masyarakat Tamil suatu ketika dahulu. Oleh itu, agak sukar bagi penterjemah untuk menterjemah perkataan “kapas” ke dalam bahasa Tamil.

Di sini munculnya satu tugas yang agak berat bagi seorang penterjemah untuk memastikan pembaca sasaran memahami sepenuhnya konteks serta makna dan dalam pada masa yang sama juga dapat marasai kesan serta reaksi yang sama seperti pembaca asal. Bagi memastikan pembaca sasaran memahami serta dapat memberi tindak balas yang sama seperti pembaca asal, maka perkataan “kapas” tersebut digantikan dengan perkataan yang paling hampir kesannya yang dapat diterima oleh pembaca sasaran iaitu “susu”.

Sudah menjadi lumrah bagi masyarakat Tamil untuk sentiasa mendapatkan bekalan susu bagi kelangsungan hidup mereka suatu ketika dahulu. Pada waktu itu jugalah, susu dianggap sebagai satu elemen yang paling putih yang terdapat dalam masyarakat Tamil. Walaupun warna susu tidaklah seputih warna kapas, namun dalam masyarakat Tamil, warna susu dianggap warna putih yang paling tinggi tahap kecerahannya, kebersihannya dan kelegapannya. Oleh itu, dengan menukarkan istilah “kapas” kepada “susu”, tidaklah menjadi masalah bagi pembaca untuk memahaminya kerana mereka juga mendapat serta merasai kesan yang sama seperti pembaca asal.

5. Keutamaan makna

Makna merupakan elemen yang penting dalam penterjemahan. Tugas seseorang penterjemah sudah sememangnya adalah untuk menyampaikan makna kepada golongan masyarakat yang membaca teks terjemahan. Kegagalan penterjemah untuk menyampaikan kesan makna yang merangkumi makna emosi, figuratif, konotatif dan sebagainya akan menjadi suatu cerminan kepada kegagalan penterjemah melakukan tugas yang telah dimandatkan.

Satu lagi aspek utama dalam penghasilan penterjemahan Dinamis ialah keutamaan makna. Keutamaan makna merujuk kepada kepentingan memahami makna sesuatu teks itu sebelum penterjemahan dilakukan ke dalam sesuatu bahasa sasaran. Salah faham makna boleh menjejaskan maksud teks yang hendak diterjemahkan itu. Bukan itu sahaja, salah faham ini juga akan menjejaskan keaslian terjemahannya dalam bahasa sasaran itu. Sebagai contoh: dalam bahasa Inggeris 'He has a new wife' tidak sepatutnya diterjemah menjadi 'அவருக்குப் புதிய மனைவி இருக்கிறாள்' (avarukkup puthiya manaivi irukkiraar). Ini kerana disebabkan oleh ketiadaan konsep isteri baru dalam budaya masyarakat India. Maka ayat tersebut sepatutnya diterjemahkan seperti berikut, 'அவருக்கு இளமையான மனைவி அமைந்துள்ளார்' (avarukku ilamaiyaana manaivi amainthullaar).

Ini jelas menunjukkan bahawa dalam melakukan sesuatu proses penterjemahan, seseorang penterjemah itu mestilah melihat makna yang bakal terhasil. Jika makna yang terhasil hanya sekadar memenuhi syarat bagi bahasa sumber, maka ia bukanlah satu bentuk penterjemahan yang baik. Hal ini seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, makna yang menjadi perhatian utama ialah makna yang bakal diterima oleh pembaca dan pendengar sasaran.

Perkara ini disokong dengan oleh Noor Ida Ramli et al., (2011) yang menyatakan bahawa penterjemah sepatutnya mengetahui budaya kedua-dua bahasa yang merujuk kepada budaya bahasa sumber dan budaya bahasa sasaran. Hal ini sangat penting kerana

seseorang penterjemah perlu sentiasa memastikan ketepatan sesuatu hasil penterjemahan. Budaya menurut Noor Ida Ramli et al., (2011) lagi melibatkan nilai, kebiasaan dan kepercayaan sesuatu komuniti bahasa yang sangat berkait rapat dengan aspek geografi, organisasi, aktiviti dan sebagainya.

Wills (1982) melalui Noor Ida Ramli et al., (2011) juga ada menyatakan bahawa sudah semestinya kebiasaan dan gaya hidup sesebuah komuniti bahasa itu berlainan dengan komuniti bahasa yang lain. Selain itu, seorang penterjemah juga semestinya menitikberatkan beberapa elemen utama dalam membezakan makna budaya. Antaranya ialah umur pembaca, tahap pendidikan pembaca yang berbeza antara satu sama lain serta jantina.

Wills juga ada menyatakan bahawa sesuatu penterjemahan itu juga perlu melihat aspek teks yang bakal diterjemahkan. Misalnya teks akademik atau bukan akademik, teks sastera, fiksyen, sains, hiburan, berita dan lain-lain.

6. Kepentingan gaya/stail

Bentuk sesuatu teks asal itu tidak boleh diubah apabila terjemahan dilakukan. Sebagai contoh, jika teks asal itu berbentuk laporan, surat rasmi, kertas kerja, pantun, sajak dan lain-lain, maka hasil terjemahannya dalam bahasa sasaran juga mestilah dalam bentuk yang sama dan mengekalkan format serta laras bahasa yang sama. Di sini penterjemah perlu memastikan gaya yang diterap dalam penterjemahan dapat membangkitkan reaksi yang serupa sekiranya membaca karya asal.

Pengkaji akan menggunakan enam-aspek yang dinyatakan di atas untuk menjawab persoalan kajian pertama. Hal ini demikian kerana dalam terjemahan ini Eugene A. Nida mengutamakan kesamaan semulajadi yang terdekat. Beliau juga menekankan makna dan stail mesej bahasa sumber. Oleh itu teks-teks terjemahan ulasan berita bahasa Tamil perlu mengutamakan kesamaan Dinamis seperti penyalinan semula maklumat, menterjemah bentuk-bentuk yang sama, persamaan yang mengekalkan ciri-ciri keaslian bahasa, dan persamaan makna terdekat serta gaya teks sumber.

2.4 Kesimpulan

Seperti yang telah dibincangkan dalam bab ini, terdapat beberapa kaedah yang tertentu dalam menterjemah sesebuah teks lebih-lebih lagi teks berita yang mempunyai unsur penegasan serta dibantu dengan perantaraan audio di samping perbezaan budaya yang ketara. Dalam bahagian ini juga, kita dapat melihat kaedah-kaedah yang digunakan untuk menterjemah teks berita bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil. Seperti yang ditegaskan oleh Katharina Reiss (2011) dalam bukunya '*Translation Criticism : The Potentials and Limitations*', fokus utama sesebuah terjemahan maklumat adalah kebolehannya untuk menghasilkan reaksi serta tindakan yang sama kepada pendengar atau pembaca dalam usaha untuk memikat hati mereka terhadap produk yang diiklankan.

Teks audio media seperti yang dibincangkan sebelum ini juga tidak boleh disamakan dengan transkripsi mudah komunikasi lisan yang lain. Walau bagaimanapun, agak penting kerana hal ini sebahagian daripada komponen yang agak besar yang lebih rencam.

Oleh itu, terdapat beberapa kaedah tertentu yang harus digunakan dalam menterjemah teks ulasan berita, lebih-lebih lagi teks berperantaraan audio supaya unsur penegasan yang terdapat dalam teks terjemahan mampu untuk mencetuskan reaksi yang sama seperti bahasa sumber kepada pendengar atau pembaca sekali gus dapat menyebabkan mereka mengambil tindakan seperti yang diharapkan oleh pengulas.

University of Malaya

BAB 3


METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Metodologi kajian merujuk kepada cara pengkaji melaksanakan kajian dengan mengaplikasikan beberapa kaedah yang dipercayai sesuai bagi menganalisa data dengan tepat dan jelas selain daripada menjadi panduan asas bagi pengkaji agar pengkaji tidak terpesong daripada tujuan utama (Noor Ida, 2010). Oleh itu, dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji bagi menyempurnakan kajian ini. Antara aspek utama yang dibincangkan dalam bab ini merangkumi reka bentuk kajian, sampel kajian, lokasi kajian, instrumen kajian, kajian rintis serta prosedur analisis data.

3.1 Proses Kajian

Menurut Sulaiman Masri (2005) pula, proses dan reka bentuk kajian merujuk kepada perancangan awal yang menentukan cara kajian dijalankan bagi melahirkan jawapan kepada objektif serta permasalahan kajian yang telah ditetapkan. Berikut merupakan gambar rajah 3.1 yang secara ringkas menjelaskan setiap proses yang terlibat dalam kajian ini.



Rajah 3.1: Proses Kajian

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif yang lebih bersifat subjektif dan kaedah kuantitatif yang mudah. Dalam konteks kajian ini, perangkaan dan peratusan digunakan untuk menjawab persoalan kedua yang sesuai dengan objektif utama kajian ini iaitu untuk mengenal pasti ciri penterjemahan dinamis ulasan berita. Maka dapat disimpulkan bahawa pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif yang mudah untuk menganalisis data.

Seperti yang dijelaskan, pengkaji menggunakan kaedah kajian kualitatif kerana kaedah ini mengandungi metodologi yang sering kali digunakan oleh ahli-ahli akademik lebih-lebih lagi dalam bidang sains sosial. Tambahan lagi, kajian ini juga lebih memberi penekanan terhadap kaedah penterjemahan yang digunakan dalam teks ulasan berita RTM berbanding penggunaan ukuran berangka. Oleh itu metodologi bagi kajian jenis ini selalunya dikaitkan dengan penggunaan teknik seperti pemerhatian, kumpulan tumpuan, penyelidikan, dan temu bual tertutup. Bagi kajian ini, temu bual tertutup telah dilaksanakan kerana kesesuaiannya yang membolehkan pengkaji bersemuka dan memahami perkara yang dinyatakan oleh responden yang terlibat. Dalam konteks kajian penterjemahan ini juga, penyelidikan kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual ini amat membantu, lebih-lebih lagi pengkaji dapat melihat sejauh mana kaedah penterjemahan yang dimanfaatkan oleh penterjemah dalam menterjemah ulasan berita.

Boleh dikatakan banyak kajian yang berkaitan dengan penterjemahan melibatkan kaedah kualitatif bagi mendapatkan dapatan kajian yang baik seperti kajian yang dilakukan oleh Radiah Yusoff (2007). Radiah yang melakukan kajian bertajuk “*Translating Kinship Terms to Malay*” juga telah memanfaatkan kaedah kualitatif bagi membandingkan terjemahan panggilan kekeluargaan bahasa Korea dan terjemahannya ke dalam bahasa Melayu.

Data dalam kajian ini dianalisis dan diterangkan secara deskriptif dengan menggunakan panduan teori penterjemahan yang telah diperkenalkan oleh Nida, khususnya teori penterjemahan dinamis. Mohd Majid Konting (1990) menyatakan bahawa analisis deskriptif merujuk kepada satu bentuk analisis kajian yang dimanfaatkan oleh pengkaji bagi memperoleh data daripada sesuatu keadaan yang dikawal dan diperhatikan. Mohd Majid Konting (1990) juga menyatakan bahawa setiap kajian yang dijalankan sangat

bergantung kepada pemahaman formal seseorang pengkaji jika dia ingin mendapatkan keseluruhan gambaran bagi sesuatu keadaan. Gambaran keseluruhan bagi keadaan yang dikaji ini amat penting kerana gambaran inilah yang akan mewujudkan kesimpulan sekali gus menjawab persoalan yang merangkumi kesemua aspek kajian.

Seperti yang telah dijelaskan, kajian ini merupakan kajian yang menggunakan analisis berbentuk deskriptif yang bertujuan untuk melihat penterjemahan dinamis ulasan berita bahasa Tamil RTM. Kajian deskriptif ini dapat menerangkan keadaan sebenar yang berlaku dalam kumpulan penterjemah yang dikaji, menerangkan hubung kait antara ciri penterjemahan dinamis yang digunakan dalam menghasilkan ulasan berita bahasa Tamil dan memberi kesimpulan yang lebih tepat mengenai permasalahan yang dihadapi oleh kumpulan penterjemah yang dikaji.

3.2 Pemilihan Analisis Data

Teori Penterjemahan Nida

Kajian ini merupakan kajian teks berdasarkan teori padanan penterjemahan yang diperkenalkan oleh Nida. Menurut Nida, penterjemahan padanan dikenali sebagai Penterjemahan Dinamis yang memberi fokus kepada mesej bahasa sumber dan bukannya pada bentuk format bahasa sumber. Nida memberikan definisi bagi Penterjemahan Dinamis seperti yang dinyatakan di bawah:

“the closest natural equivalent to the source-language message”,

(Nida, 1964, p.166).

Pernyataan di atas merujuk kepada padanan wajar yang terdekat dengan kandungan bahasa sumber. Mengikut definisi tersebut beliau menekankan enam (6) ciri penting dalam penterjemahan padanan dinamis. Iaitu penyalinan semula maklumat, persamaan bukan keserupaan, persamaan sejadi/formal, persamaan terdekat/dinamik, keutamaan makna, dan kepentingan gaya.

Mengikut definisi yang telah dikemukakan oleh beliau sebelum ini, dapat dikatakan bahawa penterjemahan ialah penyalinan semula ke dalam bahasa penerima maklumat daripada bahasa asal dalam bentuk persamaan yang terdekat dan bersahaja yang meliputi makna dan gaya teks asal. Definisi penterjemahan dinamis ini mengutarakan enam ciri penting seperti berikut:

Pertama ialah penyalinan semula maklumat. Nida (1964) dalam buku Aiono Mohd dan Abdullah Hassan (2000) menyatakan bahawa tugas penterjemah yang paling penting ialah menyalin semula maklumat yang terkandung dalam teks asal ke dalam bahasa penerima. Jika penterjemah melakukan apa-apa selain itu, maka dia dianggap telah melakukan kesilapan dalam tugasnya. Demi menjalankan tugas menyalin maklumat, banyak penyesuaian semula pada peringkat tatabahasa dan perkataan terpaksa dilakukan oleh penterjemah. Sebagai contoh, arahan '*no smoking*' yang ditulis di kawasan parkir kereta tidak sepatutnya diterjemahkan sebagai tiada merokok, sepatutnya ia diterjemahkan kepada dilarang merokok. Implikasi prinsip ini adalah demi mengekalkan makna dan apabila terpaksa, gaya penulis asalnya boleh diubah.

Kedua ialah persamaan lawan keserupaan. Semasa menjalankan tugasnya, seseorang penterjemah juga dikehendaki mencari bentuk -bentuk yang sama, bukan yang serupa (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2000). Dalam erti kata lain, tugas penterjemah bukan menyalin bentuk sebagaimana maklumat itu diungkapkan, tetapi adalah untuk menyalin semula maklumat. Sebagai contoh, ungkapan '*three shots tequila*' dalam bahasa Inggeris yang merujuk kepada sejenis arak hendaklah diterjemahkan menjadi tiga gelas tequila dalam bahasa Melayu, dengan itu barulah kedua-dua ungkapan itu dapat menyampaikan makna yang seerti.

Ketiga ialah persamaan yang bersahaja. Nida (1969) dalam Ainon Mohd et al. (2000) menyatakan bahawa dari sudut bahasa, terjemahan yang bagus dan dinamik ialah terjemahan yang tidak "berbau" atau kelihatan seperti terjemahan langsung apabila dibaca, malah hasil terjemahan perlulah menjadi seolah-olah sebuah karya asli yang ditulis oleh seorang pengarang tempatan. Di sini dapat difahami bahawa terjemahan hendaklah dibuat dengan menggunakan ciri-ciri asli yang dimiliki oleh bahasa sasaran, dan tidak sekali-kali mengadaptasi tatabahasa luar ke dalam bahasa sasaran. Ini akan kelihatan seperti memaksa bahasa Melayu mengambil bentuk-bentuk tatabahasa Inggeris ataupun ungkapan bahasa Inggeris yang asing baginya.

Namun begitu, Nida (1969) juga menegaskan bahawa satu lagi prinsip penterjemahan dinamis ini ialah teks-teks klasik bahasa sumber tidak boleh diterjemahkan menggunakan bahasa sasaran klasik sehingga dapat dirasakan usia teks itu. Sepatutnya hasil tulisan klasik tersebut hendaklah diterjemahkan menggunakan bahasa moden pada bahasa sasaran agar teks itu seolah-olah baru ditulis. Walau bagaimanapun, peristiwa-peristiwa pada zaman dahulu tidak boleh ditukar dengan peristiwa-peristiwa masa kini. Cara-cara peristiwa silam diungkapkan tidak boleh ditukar menjadi peristiwa baru. Berdasarkan

prinsip ini, terjemahan teks tidak boleh bersifat terjemahan kebudayaan, sebaliknya ia hanya boleh bersifat terjemahan bahasa sahaja (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2000). Peristiwa-peristiwa zaman lalu mestilah kekal sebagai peristiwa-peristiwa zaman lalu. Elemen yang penting ialah gaya bahasanya sahaja, bukan aspek-aspek kebudayaannya. Prinsip ini mengatakan bahawa terjemahan tidak boleh mengandungi elemen-elemen bahasa yang asing.

Keempat ialah persamaan terdekat. Namun begitu, seperti yang disokong oleh Puteri Roslina Abdul Wahid (2007), tidak ada dua perkataan yang betul-betul serupa maknanya antara dua bahasa yang berbeza. Maka seseorang penterjemah tidak dapat menterjemah dengan menggunakan persamaan yang tepat. Dalam maksud lain, penterjemah hanya boleh menterjemah menggunakan persamaan yang paling dekat maknanya sahaja. Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2000) menyatakan lagi, persamaan yang terdekat pula kadangkala tidak serupa dengan persamaan yang bersahaja.

Sebagai contoh, ungkapan “dia sudah buang tabiat” merupakan satu ungkapan yang terdapat dalam budaya Melayu. Ungkapan tersebut merujuk kepada seseorang yang melakukan pekerjaan yang tidak masuk akal atau luar biasa. Tetapi atas dasar bersahaja, penterjemah tidak boleh menterjemah ungkapan tersebut kepada *he “loss his habit”*, kerana ini akan memberikan maksud yang jauh menyimpang. Oleh itu cukuplah sekadar ungkapan tersebut diterjemahkan kepada ungkapan biasa yang digunakan dalam bahasa Inggeris seperti *“he is insane”* atau *“he is going nuts”*.

Seterusnya yang kelima ialah keutamaan makna. Dalam terjemahan, perkara yang diutamakan ialah isi atau maklumat yang terkandung dalam teks asal dan prinsip ini bermakna ada masanya penterjemah wajib membuat perubahan-perubahan yang radikal

supaya maklumat itu dapat dikekalkan dalam bahasa penerima (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2000). Misalnya, ungkapan “*what the hell*” tidak sepatutnya diterjemahkan menjadi “neraka apakah ini”. Hal ini disebabkan oleh konteks budaya Melayu yang tidak menganggap “*hell*” seperti sesuatu yang biasa, tetapi sangat dielakkan kerana masyarakat percaya neraka adalah bagi mereka yang berdosa dengan Allah S.W.T. dan ini akan menyebabkan kekeliruan makna apabila ditanyakan “neraka apakah ini?” Ungkapan tersebut sepatutnya akan memberikan makna yang sama jika dipadankan dengan keseluruhan konteks ayat dan boleh menghasilkan ungkapan seperti “Celaka!”, “Apa yang telah berlaku!”, “Sialan!” dan “Tak guna!”

Prinsip terakhir ialah kepentingan gaya. Menurut Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2000), walaupun makna adalah lebih utama daripada gaya, namun tidak boleh dinafikan bahawa aspek gaya mempunyai unsur kepentingannya yang tersendiri. Gaya dikatakan sebagai salah satu prinsip dinamis kerana kesan negatif akan timbul apabila unsur gaya yang baik tidak dimanfaatkan pada sesuatu teks lebih-lebih lagi terjemahan cara baru yang mementingkan kesan yang dialami oleh pembaca sasaran yang membaca teks terjemahan tersebut. Oleh itu, penterjemah seharusnya memberikan keutamaan kepada reaksi pembaca terhadap terjemahan tersebut dan di sinilah penterjemah memerlukan gaya penulisan yang baik untuk memberikan kesan yang sama. Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2000) juga ada menyatakan bahawa reaksi yang dialami oleh pembaca terjemahan mestilah serupa dengan reaksi yang dialami oleh pembaca teks asal. Jika pembaca teks asal berasa mudah memahami penulisan yang dibaca olehnya, maka pembaca teks terjemahan juga mesti berasa teks terjemahan itu mudah untuk difahami.

Pengkaji akan menggunakan keenam-enam aspek tersebut untuk menjawab persoalan pertama dalam kajian ini iaitu teks penterjemahan ulasan berita bahasa Tamil akan

dibandingkan dengan teks asal ulasan berita bahasa Melayu berdasarkan enam aspek teori penterjemahan oleh Nida (1969).

Di sini kita dapat melihat bahawa kaedah perbandingan akan dimanfaatkan bagi melihat persamaan dan perbezaan antara teks penterjemahan ulasan berita bahasa Tamil dengan ulasan berita bahasa Melayu. Martin Luther (1963) dalam Katharina Reiss (2011) menyatakan bahawa apabila sesuatu hasil terjemahan itu siap, sesiapa sahaja boleh membaca, membanding-banding dan mengkritiknya.

Namun begitu beliau berpendapat bahawa sebenarnya tanpa disedari, sebelum sesebuah karya terjemahan disiapkan, terdapat pelbagai bentuk kesukaran yang terpaksa ditempuhi oleh penterjemah sehinggalah lahirnya penulisan atau penterjemahan yang bersifat jelas, jernih dan bersih seperti suatu bentuk dataran yang pamah. Kesusahan serta kerumitan yang terpaksa ditempuhi oleh penterjemah sewaktu membuang segala 'kekotoran' pada bahan telah membantu menjadikan segala urusan menenggala untuk berlangsung dengan lebih mudah. Oleh itu, kritikan yang ingin diberikan kepada sesuatu hasil terjemahan perlulah memikirkan aspek-aspek yang lain juga, seperti usaha penterjemah itu sendiri.

Di sini kita dapat melihat terdapat faktor lain yang boleh mempengaruhi hasil terjemahan iaitu penterjemah itu sendiri. Katharina Reiss (2011) menyatakan dalam penulisannya yang bertajuk "Translation Criticism : The potentials and Limitation" bahawa faktor kedua yang bersifat subjektif dan boleh mewujudkan perbezaan besar antara karya asli dan versi bahasa sasaran ialah personaliti penterjemah itu sendiri. Menurutnya lagi, hal ini ada kaitannya dengan peribadi seseorang penterjemah yang tidak dapat tidak meninggalkan kesan pada terjemahan yang dibuatnya dan amat sukar untuk melihat wujudnya dua terjemahan yang hampir sama untuk apa-apa sahaja jenis teks.

Persamaan menurut Katharina (2011) sebenarnya bermaksud persamaan secara teliti dan terperinci. Wilhelm von Humboldt (1963) dalam Katharina (2011) juga memberikan kenyataan yang secara tidak langsung telah menyokong fakta yang diberikan dengan merujuk perbezaan personaliti penterjemah ini dan ciri yang ada padanya. Menurutnya, "sebahagian masyarakat yang tidak mampu menghayati karya klasik dahulu kala secara sendiri akan mula menjadi biasa melalui beberapa bentuk terjemahan berbanding satu teks sahaja. Terdapat pelbagai pendapat dan pandangan walaupun dengan semangatnya masih sama, setiap penterjemah menggambarkan kefahaman yang boleh mereka ungkapkan - dalam masa sama realiti hanya boleh ditemui hanya dalam teks asal."

Menurut Katharina (2011) lagi, faktor subjektif sebegini, jika diteliti dan dihalusi, ia mengandungi dua komponen. Pertama ialah kemahiran mentafsir oleh seseorang penterjemah memperlihatkan penguasaannya tentang tajuk yang diganggu oleh keterbatasan pentafsiran dalam fikiran. Keterbatasan ini juga boleh berlaku pada semua jenis teks termasuklah teks kesusasteraan. Komponen kedua ini juga melibatkan personaliti individu seseorang penterjemah yang memperlihatkan isu terjemahan sebagai masalah peribadi penterjemah. Apabila perkara sebegini berlaku, maka terdapat beberapa orang penterjemah yang menyelesaikan masalah tersebut sehingga menyebabkan pengubahsuaian yang sangat jauh berbeza berbanding dengan teks asal. Oleh itu, penterjemahan karya sastera lebih sesuai dikategorikan sebagai penterjemahan bebas lebih-lebih lagi jika terjemahan tersebut jelas memperlihatkan sikap dan personaliti penterjemah dan kekuatan artistiknya yang begitu menonjol dalam teks versi bahasa sasaran.

Nida (1964) juga dalam Katharina (2011) telah memberikan pendapat mengenai perkara ini dengan bijaksana dan berhati-hati; Sesuatu terjemahan itu tidak boleh dikatakan baik

atau buruk tanpa mengambil kira pelbagai faktor, yang perlu dipertimbangkan dengan pelbagai cara dan menghasilkan jawapan yang pelbagai. Justeru, terdapat pelbagai jawapan yang sah untuk persoalan: "Adakah ini terjemahan yang baik?". Namun begitu, Sekiranya hasil kerja penterjemah tersebut jelas tidak berdasarkan teks atau dokumen yang diberi, persoalan "Adakah ini terjemahan yang baik?" tidak lagi sesuai. Nida (1964) menambah lagi, isu yang paling sesuai diteliti ialah sama ada pentafsiran penterjemah dibandingkan dan dipertimbang dengan pentafsiran pengkritik, dan dalam konteks kajian ini, pengkaji yang akan melakukan perbandingan. Manakala dalam hal berkaitan penterjemahan bebas dan prinsip estetika, setiap satunya boleh dibandingkan. Selain itu, cara penilaian artistiknya ditangani dalam teks sumber dan teks sasaran juga dapat dilihat.

Namun, Nida (1964) menegaskan bahawa persoalan sama ada perbezaan teks terjemahan berbanding teks asal disebabkan keadaan yang objektif atau subjektif memerlukan pengkritik untuk menyedari bahawa kriteria dan kategori biasa yang kritikan terjemahan gunakan adalah tidak memadai dan tidak sesuai. Motif penterjemah membuat pindaan dan ubah suai dan juga implikasinya terhadap versi terjemahan dalam bahasa sasaran juga perlu dikaji. Sekiranya penterjemah tidak menjelaskan motifnya dalam prakata atau epilog, pengkritik sudah semestinya akan cuba untuk mengesan motif penterjemah. Hanya dengan demikian, dakwaan dalam perbandingan yang dibuat boleh dikatakan telah mencapai objektif yang sebenar.

3.3 Pemilihan Sempel

Sulaiman (2005) menyatakan bahawa tujuan utama kajian dilakukan adalah untuk mendapatkan data yang berfungsi sebagai jawapan bagi setiap persoalan sekali gus memenuhi objektif yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, bagi seseorang pengkaji

untuk mendapatkan data, bukan semua subjek dalam populasi akan terlibat. Oleh itu, pengkaji hanya perlu mendapatkan data daripada sebahagian populasi sahaja. Perkara ini berlaku kerana beberapa faktor luaran yang terlibat seperti penjimatan masa, kos kajian dan tenaga.

Dalam hal ini, pengkaji tidak perlu risau mengenai ketepatan data yang diperoleh bagi tujuan analisis kerana data yang hanya sebahagian daripada populasi besar tersebut masih boleh dianggap tepat walaupun hanya diambil pada kiraan minimum (Sulaiman, 2005). Hal ini kerana, sampel yang diambil daripada populasi besar tersebut akan mempunyai beberapa ciri yang sama seperti populasi keseluruhan. Dalam erti kata lain, data yang diperoleh dapat memberi gambaran yang mewakili sifat-sifat tertentu yang dimiliki oleh populasi keseluruhan. Sehubungan dengan itu, teknik persampelan memainkan peranan pentingnya bagi sesuatu kajian. Hal ini demikian kerana sampel yang dipilih mestilah sah dan relevan untuk objektif kajian tertentu. Saiz sampel juga sangat penting untuk menjamin ketepatan hasil kajian. Saiz sampel yang semakin besar, akan menghasilkan ketepatan kajian yang semakin tinggi.

Memandangkan kajian ini hanya berkisarkan kepada penterjemahan ulasan berita dari bahasa Melayu kepada bahasa Tamil, sudah semestinya kesemua responden merupakan penterjemah ulasan berita antara bahasa Melayu dan bahasa Tamil. Para penterjemah yang terlibat bagi kajian ini tidak dipilih berdasarkan tahap pengajian, gender, umur dan lain-lain. Oleh itu, teknik persampelan yang digunakan dalam kajian ini merupakan teknik persampelan rawak mudah. Persampelan jenis Rawak Mudah ialah pengambilan unit analisis secara bebas. Selepas satu unit itu dipilih, kemungkinan ia tidak akan dipilih lagi. Pemilihan satu unit tidak mengubah kemungkinan unit lain kerana kesemua unit dalam populasi mempunyai kebarangkalian yang sama (Sulaiman, 2005).

Bagi kajian ini, sampel kajian yang dipilih ialah lima (5) buah teks ulasan berita bahasa Melayu dan lima (5) buah teks penterjemahannya dalam bahasa Tamil yang telah disiarkan di RTM sepanjang bulan Februari 2013. Analisis akan dijalankan terhadap teks-teks tersebut mengikut apa yang dibincangkan dalam persoalan kajian dan objektif kajian.

3.4 Lokasi Kajian

Bagi kajian ini, pengkaji telah memilih Radio Television Malaysia (RTM) sebagai tapak utama kajian. Hal ini demikian kerana siaran berita RTM sahaja yang boleh dikatakan mantap, konsisten serta menyeluruh di samping mempunyai versi bahasa yang pelbagai jika hendak dibandingkan dengan siaran radio swasta dan lain-lain. Umum mengetahui bahawa RTM ialah sebuah agensi di Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan yang bertanggungjawab untuk menyebarkan maklumat melalui siaran radio, TV dan media baharu yang lain. Sebagai stesen penyiaran awam, RTM sudah mempunyai 35 buah stesen radio, dua buah stesen TV, TV1-7 melalui ASTRO dan Muzik Aktif melalui jalur lebar di bawah naungannya. Minnal FM merupakan salah satu siaran radio yang aktif bernaung di bawah RTM. Minnal FM ialah sebuah stesen radio yang beroperasi selama 24 jam sehari dan masyarakat India di Malaysia khususnya, merupakan pendengar sasaran bagi siaran ini serta semua golongan masyarakat dari seluruh pelosok dunia.

3.5 Responden

Responden merujuk kepada orang yang memberi keterangan atau maklumat tentang sesuatu perkara iaitu pemberi maklumat yang mahir bertutur dalam bahasa yang dikaji (Zamalia, 2011). Responden bahasa boleh terdiri daripada orang yang mempunyai

pengaruh atau pengalaman dalam sesuatu bidang yang hendak dikaji. Bagi kajian ini, seramai lima (5) orang penterjemah yang terlibat dalam aktiviti penterjemahan teks ulasan berita bahasa Tamil telah bersetuju untuk ditemu bual oleh pengkaji.

3.6 Batasan Kajian

Bagi kajian pada kali ini, pengkaji telah membataskan kajiannya kepada lima (5) buah teks ulasan berita bahasa Melayu dan lima (5) buah teks penterjemahannya dalam bahasa Tamil yang disiarkan di RTM Minnal FM. Analisis akan dijalankan terhadap teks-teks tersebut mengikut apa yang telah dibincangkan dalam persoalan kajian dan objektif kajian.

Ulasan berita merupakan suatu teks berita yang membincangkan isu semasa dalam negara dan luar negara. Kebanyakan isu tersebut adalah berkaitan dengan sosial, budaya, dan ekonomi. Perbincangan yang terdapat dalam teks tersebut adalah untuk memberikan pandangan dan nasihat kepada pendengar agar mereka peka terhadap isu yang diwartakan. Adakalanya teks ulasan berita merangkumi isu politik, dan dasar kerajaan untuk menarik perhatian para pendengar radio.

Ulasan berita bahasa Tamil pula dipilih kerana keunikan bahasa Tamil itu sendiri yang mencerminkan budaya masyarakat India. Selain itu, bahasa Tamil juga mempunyai struktur tatabahasa yang sangat berbeza dan boleh menyebabkan kesulitan bagi para penterjemah untuk menterjemah dengan baik.

3.7 Instrumen Kajian "Taipkan Tajuk Anda Di Sini!"

3.7.1 Soal Selidik Penterjemahan

Instrumen kajian bermaksud alat yang digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan data-data serta maklumat-maklumat yang diperlukan. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah soal selidik (Lampiran A). Borang soal selidik digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan data-data serta maklumat-maklumat yang diperlukan untuk kajian ini. Dalam kajian ini, penyelidik memberikan borang soal selidik kepada para penterjemah yang telah dikenal pasti sebagai responden. Instrumen soal selidik ini diambil daripada sarjana Sanjun Sun (2012) dalam kajian *'Measuring Difficulty in English-Chinese Translation: Towards a General Model of Translation Difficulty'* dan diadaptasikan mengikut kehendak penyelidikan pengkaji dalam kajian ini.

Instrument soal selidik (Lampiran A) mempunyai dua bahagian, iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi maklumat latar belakang responden iaitu jantina, umur, taraf pendidikan, pengalaman perkhidmatan dalam media siaran, pengalaman penterjemahan teks dalam media siaran, dan tahap kesukaran menterjemah teks ulasan berita bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil. Setiap persoalan mempunyai ruang penandaan. Responden hanya perlu menandakan ruang-ruang tersebut. pengumpulan data responden daripada Bahagian A akan memberikan maklumat latar belakang penterjemah yang berkhidmat di RTM.

Bahagian B (Lampiran A) pula merangkumi persoalan berkaitan dengan pengalaman penterjemahan responden dalam penterjemahan teks ulasan berita bahasa Melayu ke dalam teks bahasa Tamil. Bahagian ini mempunyai enam (6) soalan yang perlu dijawab oleh responden. Setiap soalan mempunyai ruang penanda kecuali bagi soalan B1. Bagi soalan B1, responden perlu memberi jawapan dalam bentuk durasi (minit atau jam) bagi jumlah masa yang diambil untuk menterjemah ulasan berita bahasa Melayu ke dalam ulasan berita bahasa Tamil. Manakala bagi soalan B2 hingga B4, responden dikehendaki

menanda ruang yang disediakan. Penandaan ruang bernombor 1,2, dan 3 digunakan untuk menentukan tahap kesukaran menterjemah ulasan berita bahasa Melayu ke dalam ulasan berita bahasa Tamil. Skala 1 mewakili paling susah, 2 mewakili susah dan 3 mewakili kurang susah. Pada bahagian ini, responden perlu menyusun kedudukan daripada 1 hingga 3 terhadap tahap kesukaran dalam tugas penterjemahan. Dalam soalan pada bahagian B juga disediakan ruang '*lain-lain, sila nyatakan*' kepada responden untuk menyatakan maklumat tambahan mengenai kesukaran menterjemah ulasan berita bahasa Melayu ke dalam ulasan berita bahasa Tamil.

3.7.2 Temu Bual

Menurut Nik Azis (1996), data bagi kajian boleh diperoleh dengan memanfaatkan teknik temu bual supaya dapat memantapkan hasil dapatan kajian. Secara dasarnya, temu bual dapat membantu dalam mengumpulkan data yang agak mendalam kerana sesuatu soalan itu boleh diperkembang lagi atau dilanjutkan sehingga mencapai kesemua aspek kajian dengan lebih terperinci. Dalam kajian ini, temu bual berstruktur telah digunakan oleh pengkaji dengan menyediakan protokol temu bual secara sistematik.

3.7.3 Temu bual berstruktur

Menurut Nik Azis (1996) lagi, teknik temu bual yang digunakan dalam kajian juga boleh menjadi satu bentuk temu bual berstruktur. Dalam temu bual berstruktur, penemu bual mempunyai hak untuk melaksanakan kawalan yang agak ketat kepada responden yang terlibat.

Seseorang pengkaji yang juga merupakan penemu bual perlu menyediakan satu rancangan atau jadual dengan teliti dan mengemukakan soalan secara terus terang serta mengikut susunan yang telah ditetapkan oleh penemu bual sendiri. Dalam konteks kajian ini, data yang dikumpulkan melalui temu bual digunakan untuk mengenal pasti bentuk-bentuk kesukaran yang dihadapi penterjemah dalam bidang mereka.

Bagi instrumen temu bual, pengkaji telah mengemukakan enam (6) soalan berstruktur (Lampiran B) kepada responden. Dalam instrumen ini, terdapat soalan utama dan beberapa soalan sampingan bagi setiap soalan utama tersebut. Soalan pertama bertanyakan pengalaman tugas penterjemahan responden. Soalan kedua pula adalah mengenai jumlah masa untuk menterjemah ulasan berita bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil. Manakala soalan ketiga bertanyakan kaedah-kaedah yang digunakan oleh penterjemah semasa menterjemah ulasan berita. Jika penterjemah tidak menggunakan sebarang kaedah untuk menterjemah ulasan berita, responden perlu menyatakan cara-cara yang digunakan untuk menterjemah ulasan berita tersebut. Soalan keempat pula meyenit cabaran yang dihadapi oleh penterjemah pada jenis-jenis perkataan sewaktu

menterjemah serta cara-cara mengatasi cabaran tersebut. Soalan kelima pula melihat cabaran penterjemahan pada peringkat ayat dan cara-cara penterjemah mengatasi cabaran tersebut. Soalan keenam pula berbunyi seperti berikut;

‘Apakah langkah-langkah yang anda ambil untuk mengekalkan stail atau gaya teks asal ulasan berita dalam teks penterjemahan supaya mengekalkan reaksi yang sama pada pendengar kedua-dua bahasa tersebut?’

Bagi soalan ini, pengkaji memerlukan maklumat daripada responden tentang langkah-langkah yang diambil oleh mereka untuk mengekalkan stail atau gaya teks asal ulasan berita dalam teks penterjemahan supaya dapat mengekalkan reaksi yang sama pada pendengar kedua-dua bahasa tersebut, iaitu pendengar ulasan berita bahasa Melayu melalui siaran perdana RTM dan pendengar ulasan berita bahasa Tamil Minnal FM RTM.

Pengkaji mengadakan temu bual dengan kebenaran daripada responden-responden yang terlibat (Lampiran C). Sesi temu bual yang dijalankan mematuhi etika penyelidikan (Cresswell, 2002) dengan menggunakan borang kebenaran mengadakan temu bual kepada responden. Seramai lima (5) orang responden (penterjemah ulasan berita bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil) telah ditemu bual. Temu bual tersebut dijalankan di pejabat warta berita RTM Minnal FM. Temu bual ini dijalankan secara berkumpulan dengan melibatkan kelima-lima orang penterjemah ulasan berita bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil berserta pengkaji. Temu bual ini berlangsung selama dua jam. Segala maklumat dan respon yang dikemukakan oleh responden digunakan oleh pengkaji bagi menjawab persoalan-persoalan dalam kajian ini.

3.7.4 Protokol temu bual

Protokol temu bual (Lampiran B) yang disediakan oleh pengkaji mengandungi arahan-arahan proses temu bual , soalan-soalan yang akan diajukan kepada responden kajian dan ruang untuk mengambil nota (Cresswell, 2002). Justeru itu pengkaji menyediakan protokol temu bual yang akan digunakan ketika menjalankan temu bual . Protokol temu bual semistruktur ini juga mengandungi soalan-soalan panduan untuk temu bual .

Bersama dengan protokol temu bual ini, satu Borang Persetujuan (Lampiran C) akan disertakan. Borang Persetujuan ini bertujuan untuk mendapatkan kebenaran responden temu bual secara sukarela dan juga untuk memaklumkan kepada mereka tentang tujuan dan prosedur temu bual .

Pengkategorian Teks Berdasarkan Kriteria Panilaian Penterjemahan Holistik

Jadual pengkategorian teks berdasarkan kriteria penilaian penterjemahan holistik digunakan [diadaptasi daripada Sanjun Sun (2012, ms.118)] untuk menjawab persoalan ketiga. Instrumen pengkategorian teks (Lampiran D) berdasarkan kriteria penilaian penterjemahan holistik mempunyai keterangan klasifikasi tahap kualiti teks terjemahan ulasan berita bahasa Tamil. Tahap kualiti teks terjemahan ulasan berita bahasa Tamil diukur melalui peratusan. Setiap tahap peratus mempunyai keterangan penentuan kualiti teks terjemahan.

Tahap teks penterjemahan yang tertinggi diklasifikasikan sebagai ‘penterjemahan yang tepat’. Pada tahap ini, teks terjemahan tersebut perlu memperoleh peratusan antara 95 hingga 100. Kiraan peratusan diukur mengikut panduan berikut:

Peratus Ketepatan Kualiti Teks terjemahan	=	$\frac{\text{Jumlah kesalahan ayat teks terjemahan}}{\text{Jumlah ayat teks terjemahan}} \times 100$
	=	Peratus Kelemahan - 100

Berikut adalah panduan penentuan tahap kualiti teks terjemahan berdasarkan peratusan ketepatan penterjemahan

Tahap Kualiti Teks terjemah	Peratus Ketepatan terjemah
Penterjemahan tepat	95% ke atas
Penterjemahan yang baik dengan ketidaktepatan minimal.	80% ke atas
Penterjemahan yang agak baik dengan beberapa ketidaktepatan	60% ke atas
Penterjemahan yang kurang baik dengan ketidaktepatan yang kerap.	60% ke bawah
Penterjemahan yang lemah	50% ke bawah

Setiap tahap kualiti teks terjemahan mempunyai keterangan penentuan kualiti (Lampiran I) berdasarkan peratus ketepatan terjemahan. Ketepatan penterjemahan diukur; sejauh mana teks terjemahan menggambarkan kesemua maklumat daripada teks asal, kekerapan kesilapan terjemahan pada peringkat kata, frasa, ayat, pengolahan corak ayat yang jelas, lancar, berkohesi, dan boleh dibaca serta difahami.

3.8 Kaedah Penganalisisan Data

3.8.1 Persoalan Kajian 1

Data akan dianalisis secara kualitatif. Bagi soalan kajian pertama, pengkaji akan menganalisis lima (5) buah teks penterjemahan ulasan berita bahasa Tamil dengan membandingkan teks asal ulasan berita bahasa Melayu berdasarkan Teori Penterjemahan dinamik Nida (1969).

3.8.2 Persoalan Kajian 2

Data akan dianalisis berdasarkan dapatan data soal selidik dan temu bual semistruktur. Pengkategorian data akan dibuat. Pengkategorian tersebut akan merangkumi;-

i. Peringkat kata

“Kata” merupakan unit tatabahasa terkecil dan bebas. Bentuk kata yang mengambil imbuhan disebut kata terbitan, Manakala “Kata” yang tidak menerima imbuhan pula disebut sebagai kata dasar. Sementara “Imbuhan” merujuk kepada bentuk terikat yang dicantumkan pada kata dasar dalam proses pembentukan kata. Kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Tamil mempunyai golongan kata seperti yang dinyatakan di atas. Maka pengkaji akan menggunakan golongan kata tersebut dalam kajian kesulitan penterjemahan ulasan berita bahasa Melayu kepada ulasan berita bahasa Tamil.

ii. Peringkat frasa

“Frasa” bermaksud satu kata atau lebih yang dapat bertugas sebagai subjek, predikat atau objek dalam pembinaan sesuatu ayat. Nahu Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima (2009, p. 279), menyatakan:

‘Frasa adalah unit yang dalam skala tatatingkat nahu menduduki peringkat di atas kata dan di bawah ayat. Ianya terdiri daripada sekurang-kurangnya dua kata yang letaknya berturutan tetapi tidak mempunyai subjek dan predikat’.

iii. Peringkat ayat

‘Ayat’ didefinisikan sebagai unsur yang paling tinggi dalam tatabahasa. Dalam ayat terdapat unsur-unsur seperti kata, frasa, dan klausa. Penggabungan unsur-unsur inilah yang membentuk binaan yang dikatakan ayat (Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima, 2009).

Melalui pengkodan tersebut pengkaji akan mengenal pasti kelemahan terjemahan seseorang penterjemah sewaktu menterjemah perkataan, frasa, dan ayat dan keseluruhan teks penterjemahan.

3.8.3 Persoalan Kajian 3

Bagi persoalan kajian ketiga, pengkaji akan menggunakan instrumen Kriteria Penilaian Penterjemahan Holistik (Lampiran D) yang diadaptasi dari Sanjun Sun (2012) untuk

menentukan kualiti teks penterjemahan. Instrumen Kriteria Penilaian Penterjemahan Holistik akan mengkategorikan keseluruhan teks penterjemahan seperti berikut:-

- i. Penterjemahan tepat.
- ii. Penterjemahan yang baik dengan ketidaktepatan minimal.
- iii. Penterjemahan yang agak baik dengan beberapa ketidaktepatan
- iv. Penterjemahan yang kurang baik dengan ketidaktepatan yang kerap.

Pengkaji akan menentukan kesahihan data kualiti teks penterjemahan dengan merujuk kepada pensyarah yang pakar dalam bidang penterjemahan dan dua (2) orang penterjemah bertauliah yang dianugerahkan Diploma daripada Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (Lampiran I dan J).

3.9 Kesimpulan

Pada bahagian ini, pengkaji telah menerangkan kesemua aspek metodologi yang terlibat bagi menjayakan kajian penterjemahan ini. Secara ringkasnya, Keenam-enam aspek penting dari Teori Penterjemahan Nida (1969) akan digunakan untuk menganalisis teks penterjemahan. Seterusnya pengkaji akan mengenal pasti unsur-unsur bahasa (kata, frasa, dan ayat) yang menyulitkan penterjemahan. Manakala penentuan kualiti keseluruhan teks kajian akan dinilai berdasarkan Kriteria Penilaian Penterjemahan Holistik.

Kajian ini merupakan satu kajian yang bersifat kualitatif dan data kajian yang diperoleh bagi kajian ini pula dianalisis dan diterangkan secara deskriptif. Kajian yang bersifat

kualitatif telah dipilih kerana kesesuaiannya dengan objektif utama kajian yang ingin melihat kaedah dan teknik penterjemahan dinamis ulasan berita. Di samping itu, data lebih mudah diperoleh dan difahami sekali gus membolehkan proses analisis dijalankan dengan lebih mendalam dalam masa yang singkat. Penyelidikan kualitatif ini menggunakan kaedah temu bual kerana kaedah tersebut membantu pengkaji untuk melihat sejauh mana kaedah penterjemahan dimanfaatkan oleh penterjemah dalam menterjemah ulasan berita.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.0 Pengenalan

Dalam bab ini, data yang dikumpulkan daripada lima (5) ulasan berita bahasa Melayu yang diterjemahkan ke dalam bahasa Tamil akan dianalisa bagi menjawab tiga (3) persoalan kajian berikut:


1. Apakah ciri-ciri penterjemahan dinamik yang digunakan oleh para penterjemah dalam penterjemahan teks ulasan berita bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil?
2. Apakah kelemahan yang terdapat dalam terjemahan ulasan berita bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil pada peringkat kata, frasa, dan ayat?

3. Bagaimanakah tahap kualiti teks penterjemahan ulasan berita bahasa Tamil berdasarkan rujukan kriteria Penilaian Penterjemahan Holistik?

4.1 Analisis Data

Bagi menyempurnakan kajian ini, data kajian dianalisis berdasarkan tiga (3) objektif utama yang telah ditetapkan iaitu, mengenal pasti ciri penterjemahan dinamis yang digunakan oleh para penterjemah dalam menterjemah ulasan berita bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil, mengenal pasti unsur-unsur bahasa (kata, frasa, dan ayat) serta gaya yang menyulitkan proses penterjemahan ulasan berita bahasa Melayu ke ulasan berita bahasa Tamil serta menentukan tahap kualiti teks penterjemahan ulasan berita bahasa Tamil berasaskan Kriteria Penilaian Penterjemahan Holistik yang dicadangkan Sunjun Sun (2012). Gambar rajah 4.1 menunjukkan rangka analisis data kajian.

4.2 Rangka analisis Data Kajian Ini



4.3 Perbincangan Dapatan Kajian Persoalan 1

Persoalan kajian pertama ialah ‘Apakah ciri penterjemahan dinamis (enam ciri penting seperti yang disarankan oleh Nida) yang digunakan oleh penterjemah dalam proses penterjemahan ulasan berita bahasa Melayu ke ulasan berita bahasa Tamil?’ Secara ringkas enam (6) ciri penterjemahan dinamis yang disarankan oleh Nida adalah seperti berikut:

1. Penyalinan semula maklumat - mengekalkan maklumat penting dalam teks asal dalam teks sasaran.
2. Persamaan bukan keserupaan - tugas penting penterjemah adalah menyalin maklumat dan bukan menyalin bentuk maklumat yang diungkapkan.
3. Persamaan sejadi - terjemahan yang langsung tidak berbau terjemahan; ini bererti penterjemahan hendaklah menggunakan ciri-ciri asli yang dimiliki oleh bahasa penerima.
4. Persamaan terdekat/dinamik - mesej teks sumber mestilah dipindahkan kepada teks sasaran dengan menghasilkan reaksi yang sama seperti teks asal; maklumat teks asal dipermudahkan untuk pemahaman khalayak.
5. Keutamaan makna-seseorang penterjemah mesti memahami maksud teks asal dengan sepenuhnya untuk menyampaikan kesan makna yang merangkumi makna emosi, figuratif, konotatif dan sebagainya.

6. Persamaan gaya/stail - jika teks asal itu berbentuk laporan, surat rasmi, kertas kerja, pantun, sajak dan lain-lain, maka hasil terjemahannya dalam bahasa sasaran juga mestilah dalam bentuk yang sama dan mengekalkan format serta laras bahasa yang sama.

Analisis dan perbincangan berikut berdasarkan petikan contoh-contoh yang terbaik bagi setiap ciri penterjemahan dinamis yang jelas terlihat dalam sampel kajian lima (5) teks ulasan berita bahasa Tamil yang diterjemahkan daripada lima (5) teks asal ulasan berita bahasa Melayu. Contoh-contoh di bawah mewakili dapatan kajian keseluruhannya.

Keratan Teks 4.1: Tajuk Imbuhan Pesara

TEKS 1: Imbuhan Pesara	
TEKS ASAL (BAHASA MELAYU)	Jasa dan pengorbanan golongan pesara tidak pernah dilupakan. Sumbangan yang diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan dihargai. Penghargaan yang paling ringkas 19-Julai, diisytihar sebagai Hari Pesara. Tidak lagi tidak bukan sebagai menghargai jasa serta pengorbanan mereka.
TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	பதவி ஓய்வு பெற்றவர்களின் சேவையும் தியாகமும் மறக்கப்பட்டதில்லை. அவர்கள் சேவைக்காலம் முழுவதும் ஆற்றிய பங்கு போற்றப்படுகிறது. ஜூலை மாதம் 19-ஆம் தேதி, "பதவி ஓய்வு பெற்றவர்கள் தினம்", என அரசாங்கம் பிரகடனப்படுத்தியுள்ளது.
TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	Jasa dan pengorbanan golongan pesara tidak pernah dilupakan. Sumbangan yang diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan dihargai. 19-Julai, diisytihar sebagai Hari Pesara oleh kerajaan.
CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	1. penyalinan semula maklumat: Maklumat teks asal dikekalkan dalam teks sasaran, mengikut kesesuaian bahasa sasaran. 2. Persamaan sejadi: Keaslian bahasa teks sasaran tidak terjejas. Ciri-ciri bentuk teks asal dikekalkan.

	3. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan.
--	--

Dalam keratan teks 4.1 penterjemah dapat mengekalkan kandungan teks asal dalam teks penterjemahannya. Ciri penyalinan semula maklumat dan persamaan sejadi atau formal yang digunakan dalam penterjemahan teks dapat menyampaikan semua maklumat daripada teks asal bahasa Melayu kepada teks sasaran bahasa Tamil. Penyalinan maklumat dalam teks sasaran dapat menunjukkan kesinambungan daripada teks asal. Sebagai contohnya ayat berikut:

Teks Asal: *‘Sumbangan yang diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan dihargai.’*

Dapat diterjemahkan kepada bahasa sasaran seperti berikut:

Teks Sasaran: *‘அவர்கள் சேவைக்காலம் முழுவதும் ஆற்றிய பங்கு போற்றப்படுகிறது.’*

Keratan Teks 4.2: Tajuk Imbuhan Pesara

TEKS 1: Imbuhan Pesara	
TEKS ASAL (BAHASA MELAYU)	Pengumuman itu dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Sri Najib Tun Razak tahun lepas sempena perhimpunan perdana pesara kerajaan 1Malaysia. Ia sebagai maklum balas spontan Perdana Menteri terhadap permintaan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS).

TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	பொதுச் சேவை ஊழியர்கள் சம்மேளனம்- (CUEPACS) கேட்டுக் கொண்டதற்கு இணங்க பிரதமர் DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK இதனை அறிவித்தார்கடந்த . ஆண்டில்,ஒரே மலேசியா அரசாங்கப் பணி ஓய்வு " நடைபெற்றபோது "பெற்றவர்கள் பிரதான பேரணி, பிரதமர் இந்த அறிவிப்பைச் செய்தார்.
TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	Pengumuman itu dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Sri Najib Tun Razak atas permintaan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS). Perdana Menteri membuat pengumuman ini pada tahun lepas sempena perhimpunan perdana pesara kerajaan 1Malaysia
CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	1. penyalinan semula maklumat: Maklumat teks asal dikekalkan dalam teks sasaran, mengikut kesesuaian bahasa sasaran. 2. Persamaan sejadi/formal: Keaslian bahasa teks sasaran tidak terjejas. Ciri-ciri bentuk teks asal dikekalkan. 3. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan.

Dalam keratan teks 4.2, penterjemah berjaya mengekalkan maklumat teks asal pada teks sasaran. Keaslian bahasa sasaran iaitu struktur bahasanya tidak terjejas. Pemilihan kata dan penyusunan ayat bahasa sasaran digunakan dengan betul. Berikut ialah contoh ayat penggunaan ciri persamaan sejati:

Teks Asal: *'Pengumuman itu dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Sri Najib Tun Razak tahun lepas sempena perhimpunan perdana pesara kerajaan 1Malaysia.'*

Teks Sasaran: *'கடந்த ஆண்டில், "ஒரே மலேசியா அரசாங்கப் பணி ஓய்வு பெற்றவர்கள் பிரதான பேரணி" நடைபெற்றபோது, பிரதமர் இந்த அறிவிப்பைச் செய்தார்.'*

Keratan Teks 4.3: Tajuk Imbuhan Pesara Keratan

TEKS 1: Imbuhan Pesara	
TEKS ASAL (BAHASA MELAYU)	Ya, mungkin ada yang menganggap ini perkara remeh. Tetapi tidak pada pandangan Perdana Menteri. Beliau melihat perkara berkenaan sesuatu yang penting dengan terus mengotakannya. Itu baru satu penetapan tarikh. Belum lagi skim insentif dan imbuhan-imbuhan lain yang telah, mahupun sedang dirancang untuk golongan pesara.
TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	பதவி ஓய்வு பெற்றவர்கள் தினம் அற்ப விசயம் என சிலர் கருதக் கூடும். ஆனால் பிரதமர் இவ்வாறு கருதாமல் அந்த வாக்குறுதியை நிறைவேற்றுகிறார். பதவி ஓய்வு பெற்றவர்களுக்கு சிறப்புத் திட்டம், ஊக்குவிப்புச் சலுகை உட்பட, மேலும் பல சலுகைகள் திட்டமிடப்பட்டு வருகின்றன.
TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	mungkin ada yang menganggap sambutan hari pesera adalah perkara remeh. Tetapi tidak pada pandangan Perdana Menteri. Beliau melihat perkara berkenaan sesuatu yang penting dengan terus mengotakannya. Termasuk skim insentif dan imbuhan-imbuhan lain yang telah, mahupun sedang dirancang untuk golongan pesara.
CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	1. penyalinan semula maklumat: Maklumat teks asal dikekalkan dalam teks sasaran, mengikut kesesuaian bahasa sasaran. 2. Persamaan sejadi/formal: Keaslian bahasa teks sasaran tidak terjejas. Ciri-ciri bentuk teks asal dikekalkan. 3. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan.

Dalam keratan teks 4.3 penterjemah dapat mengekalkan maklumat teks asal dalam teks sasaran tanpa menjejaskan keaslian teks sasaran. Berikut ialah contoh ayat daripada keratan di atas;

Teks Asal: *‘mungkin ada yang menganggap ini perkara remeh. Tetapi tidak pada pandangan Perdana Menteri. Beliau melihat perkara berkenaan sesuatu yang penting dengan terus mengotakannya.’*

Teks Sasaran: *‘பதவி ஓய்வு பெற்றவர்கள் தினம் அற்ப விசயம் என சிலர் கருதக் கூடும். ஆனால் பிரதமர் இவ்வாறு கருதாமல் அந்த வாக்குறுதியை நிறைவேற்றுகிறார்’*

Keratan Teks 4.4: Tajuk Imbuhan Pesara

TEKS 1: Imbuhan Pesara	
TEKS ASAL (BAHASA MELAYU)	Selain itu, kerajaan juga sedia membantu mewujudkan Wisma Pesara. Ia bagi membolehkan pesara kakitangan awam menjalankan pelbagai aktiviti.
TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	<u>பொதுத் துறையிலிருந்து பதவி ஓய்வு பெற்றவர்களுக்கு, நீண்டகாலமாகவே உதவிகளும் வழங்கப்பட்டு வருகின்றன.</u> பொதுத் துறையிலிருந்து பதவி ஓய்வு பெற்றவர்களுக்கு மையம் நிறுவப்படுவதில் உதவுவதற்கும் அரசாங்கம் முன்வந்துள்ளது. அவர்கள் பல்வேறு நடவடிக்கைகளை மேற்கொள்வதற்குப் பயனாக இது அமையும்.
TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	Bantuan diberi sejak lama kepada golongan pesara perkhidmatan awam. kerajaan juga sedia membantu

	mewujudkan Wisma Pesara. Ia bagi membolehkan mereka menjalankan pelbagai aktiviti.
CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	1. Persamaan bukan keserupaan: Menyalin maklumat dan bukan menyalin bentuk maklumat yang diungkapkan. 2. Persamaan terdekat / dinamik: Penterjemahan yang paling dekat dengan maknanya. Menghasilkan reaksi sama seperti teks asal. 3. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan.

Dalam keratan teks 4.4 penterjemah menggunakan ciri yang berlainan, tidak seperti ciri terjemahan teks-teks sebelum ini yang terdapat ciri persamaan bukan keserupaan dan ciri persamaan terdekat atau dinamik. Walaupun maklumat teks asal dapat diterjemahkan oleh penterjemah, maklumat tambahan juga diberikan dalam teks penterjemahan tanpa menjejaskan makna teks asal. Berikut ialah ayat yang menunjukkan kedua-dua ciri tersebut:

Teks asal:	-
Teks sasaran:	<u>பொதுத் துறையிலிருந்து பதவி ஓய்வு பெற்றவர்களுக்கு, நீண்டகாலமாகவே உதவிகளும் வழங்கப்பட்டு வருகின்றன.</u>

Di sini penterjemah berusaha untuk memberikan keterangan tambahan kepada maklumat teks asal supaya pendengar jelas memahami kandungan siaran ulasan berita.

Keratan Teks 4.5: Tajuk PB1M (Pasar Bergerak Satu Malaysia)

TEKS 2: PB1M (Pasar Bergerak Satu Malaysia)	
TEKS ASAL	Pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi mengurangkan beban rakyat di negara ini, dalam menghadapi kos sara hidup yang semakin

(BAHASA MELAYU)	meningkat. Setiap bantuan yang dihulur atau program yang dilancar, jelas untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Ini termasuk subsidi yang besar untuk barang keperluan, bantuan sara hidup dan kawalan harga barang serta menetapkan gaji minimum.
TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	வாழ்க்கைச் செலவு அதிகரித்து வரும் இக்கால கட்டத்தில், மக்களின் சுமையைக் குறைக்க அரசாங்கம் பல்வேறு முயற்சிகளை மேற்கொண்டு வருவது குறிப்பிடத்தக்கதாகும். வழங்கப்படும் ஒவ்வொரு உதவியும் தொடக்கி வைக்கப்படும் ஒவ்வொரு திட்டமும் குறைந்த நடுத்தர வருமானம் பெறுவோரை இலக்காகக் கொண்டே திட்டமிடப்படுகிறது. அத்தியாவசியப் பொருள்களுக்கான உதவித் தொகை, வாழ்க்கைச் செலவுக்கான உதவித் தொகை, பொருள்களின் விலைக் கட்டுப்பாடு, குறைந்தபட்ச சம்பளம் போன்றவற்றை உதாரணமாகக் கூறலாம்.
TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	Pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi mengurangkan beban rakyat di negara ini, dalam menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat. Setiap bantuan yang dihulur atau program yang dilancar, jelas untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Sebagai contoh: subsidi yang besar untuk barang keperluan, bantuan sara hidup, dan kawalan harga barang serta menetapkan gaji minimum.
CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	1. penyalinan semula maklumat: Maklumat teks asal dikekalkan dalam teks sasaran, mengikut kesesuaian bahasa sasaran. 2. Persamaan sejadi/formal: Keaslian bahasa teks sasaran tidak terjejas. Ciri-ciri bentuk teks asal dikekalkan. 3. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan.

Keratan teks 4.5 merupakan suatu teks yang lengkap penterjemahannya. Maklumat teks asal dapat diterjemahkan dengan tepat ke dalam bahasa sasaran iaitu bahasa Tamil. Berikut adalah beberapa ayat contoh daripada keratan teks 4.5 yang menunjukkan penggunaan ciri tersebut.

Contoh 1:

Teks asal:	<i>Setiap bantuan yang dihulur atau program yang dilancar, jelas untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana.</i>
Teks sasaran:	<i>வழங்கப்படும் ஒவ்வொரு உதவியும் தொடக்கி வைக்கப்படும் ஒவ்வொரு திட்டமும் குறைந்த நடுத்தர வருமானம் பெறுவோரை இலக்காகக் கொண்டே திட்டமிடப்படுகிறது.</i>

Contoh 2:

Teks asal:	<i>Ini termasuk subsidi yang besar untuk barang keperluan, bantuan sara hidup dan kawalan harga barang serta menetapkan gaji minimum.</i>
Teks sasaran:	<i>அத்தியாவசியப் பொருள்களுக்கான உதவித் தொகை, வாழ்க்கைச் செலவுக்கான உதவித் தொகை, பொருள்களின் விலைக் கட்டுப்பாடு, குறைந்தபட்ச சம்பளம் போன்றவற்றை உதாரணமாகக் கூறலாம்.</i>

Frasa ‘*golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana*’ dalam contoh 1 dapat diterjemahkan dengan tepat dalam bahasa sasaran, iaitu ‘*குறைந்த நடுத்தர வருமானம் பெறுவோரை*’. Perkataan-perkataan ‘*barang keperluan*’, ‘*bantuan sara hidup*’, dan ‘*gaji minimum*’ dalam contoh 2 dapat diterjemahkan maksudnya ke dalam bahasa sasaran dengan tepat. Iaitu ‘*அத்தியாவசியப் பொருள்களுக்கான*,

'வாழ்க்கைச் செலவுக்கான உதவித் தொகை', dan 'குறைந்தபட்ச சம்பளம்'.

Keratan Teks 4.6: Tajuk PB1M (Pasar Bergerak Satu Malaysia)

TEKS 2: PB1M (Pasar Bergerak Satu Malaysia)	
TEKS ASAL (BAHASA MELAYU)	Selepas inisiatif Kedai Rakyat Satu Malaysia, KR1M, kerajaan Barisan Nasional, BN melancarkan satu lagi inisiatif bagi membantu rakyat, iaitu dengan pengenalan Pasar Bergerak 1Malaysia, PB1M. Ia bermatlamat membantu rakyat mengurangkan kesan kenaikan harga barang, dengan mendapatkan barang keperluan pada harga berpatutan.
TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	ஒரே மலேசியா மக்கள் கடைகளுக்குப் பிறகு, மக்களுக்கு மேலும் உதவும் நோக்கத்தில், ஒரே மலேசியா நடமாடும் சந்தையை அரசாங்கம் அறிமுகப்படுத்தியுள்ளது. பொருள்களின் விலை உயர்வால் ஏற்படும் தாக்கத்தை குறைப்பதை இது நோக்கமாக கொண்டதாகும். மேலும் நியாயமான விலையில் அத்தியாவசியப் பொருள்கள் கிடைப்பதையும் இது உறுதி செய்யும்
TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	Selepas inisiatif Kedai Rakyat Satu Malaysia, BRIM, kerajaan melancarkan satu lagi inisiatif bagi membantu rakyat, iaitu dengan pengenalan Pasar Bergerak 1Malaysia.
CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	1. Persamaan bukan keserupaan: Menyalin maklumat dan bukan menyalin bentuk maklumat yang diungkapkan. 2. Keutamaan makna: Memahami makna teks asal untuk mengekalkan keaslian terjemahan. 3. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan.

Dalam keratan teks 4.6 penterjemah menggunakan dua (2) ciri untuk menterjemah teks asal kepada teks sasaran. Kedua-dua ciri tersebut mempunyai persamaan antara satu sama lain. Kedua-duanya menekankan penterjemahan makna teks asal kepada teks sasaran

walaupun keaslian teks asal tidak dinyatakan dalam teks sasaran dan maklumatnya tidak terjejas. Contoh seperti ayat berikut:

Contoh 1:

Teks asal:	<i>Selepas inisiatif Kedai Rakyat Satu Malaysia, BR1M, <u>kerajaan Barisan Nasional, BN</u> melancarkan satu lagi inisiatif bagi membantu rakyat, iaitu dengan pengenalan Pasar Bergerak 1Malaysia, PB1M.</i>
Teks sasaran:	<i>ஒரே மலேசியா மக்கள் கடைகளுக்குப் பிறகு, மக்களுக்கு மேலும் உதவும் நோக்கத்தில், ஒரே மலேசியா நடமாடும் சந்தையை அரசாங்கம் அறிமுகப்படுத்தியுள்ளது.</i>

Dalam ayat teks asal, perkataan '*kerajaan Barisan Nasional, BN*' dinyatakan. Dalam teks sasaran pula perkataan itu digantikan dengan perkataan '*அரசாங்கம்*' yang bermaksud kerajaan. Walaupun perkataannya berlainan dalam kedua-dua teks, maksud teks tersebut masih dapat dikekalkan oleh penterjemah.

Contoh 2:

Teks asal:	<i>Ia <u>bermatlamat membantu rakyat</u> mengurangkan kesan kenaikan harga barang, dengan mendapatkan barang keperluan pada harga berpatutan.</i>
Teks sasaran:	<i>பொருள்களின் விலை உயர்வால் ஏற்படும் தாக்கத்தை குறைப்பதை இது நோக்கமாக கொண்டதாகும். மேலும் நியாயமான விலையில் அத்தியாவசியப் பொருள்கள் கிடைப்பதையும் இது உறுதி செய்யும்.</i>

Dalam ayat teks asal, frasa '*bermatlamat membantu rakyat*' dinyatakan. Dalam teks sasaran, perkataan tersebut tidak diterjemahkan. Di sini penterjemah menggunakan pendekatan 'Menyalin maklumat dan bukan menyalin bentuk seperti yang diungkapkan dalam teks asal'. Pengguguran frasa tersebut tidak mengaburkan makna kepada pendengar sewaktu siaran.

Keratan Teks 4.7: Tajuk PB1M (Pasar Bergerak Satu Malaysia)

TEKS 2: PB1M (Pasar Bergerak Satu Malaysia)	
TEKS ASAL (BAHASA MELAYU)	Konsepnya mudah, hanya melibatkan sebuah bas yang diubah suai untuk mengedar barang keperluan harian terus kepada pengguna. Bas itu pula akan diiringi beberapa lori kecil yang juga diubah suai, bergerak ke lokasi yang dijadualkan. Kumpulan sasar adalah penduduk di Projek Perumahan Rakyat, PPR, Projek Perumahan Awam di Bandar, masyarakat berpendapatan rendah dan sederhana, serta mangsa bencana alam. Sekali gus menawarkan perkhidmatan dari pintu ke pintu, terus kepada pengguna. Pendek kata ia memudahkan orang ramai untuk mendapatkan barang keperluan tanpa perlu pergi jauh dari kawasan kediaman.
TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	நடமாடும் சந்தையின் உருவாக்கம் எளிதானதுதான். மக்களுக்கு அன்றாட அத்தியாவசியப் பொருள்களை நேரடியாக விநியோகம் செய்வதற்கான மாற்றியமைக்கப்படும் பேருந்து மட்டுமே அந்நடவடிக்கையில் சம்பந்தப்படுகிறது. அந்தப் பேருந்துடன், மாற்றியமைக்கப்பட்ட சில சிறிய லாரிகளும் செல்லும், நகர்புறங்களில் பொது

	வீடமைப்புத் திட்டப் பகுதிக்கும் மக்கள் வீடமைப்பு திட்ட பகுதிக்கும் பொருள்களை விநியோகிக்கும் நடவடிக்கைகளில் அவை ஈடுபடும். இயற்கை பேரிடரால் பாதிக்கப்பட்ட மக்களையும் அச்சேவை உள்ளடக்கியிருக்கும். வீட்டுக்கு வீடு என்ற அடிப்படையில் அச்சேவை வழங்கப்படும். தங்கள் குடியிருப்பு பகுதிகளிலிருந்து தொலைவுக்குச் செல்லாமல், தேவையான பொருள்களைப் பொது மக்கள் வசதியாக வாங்க இது நல்லதொரு வசதியாகும்
TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	Konsepnya mudah, hanya melibatkan sebuah bas yang diubah suai untuk mengedar barang keperluan harian terus kepada pengguna. Bas itu pula akan diiringi beberapa lori kecil yang juga diubah suai. Ianya akan bergerak ke kawasan penduduk di Projek Perumahan Rakyat, PPR, Projek Perumahan Awam di Bandar. Pkhidmatan ini juga akan dihulurkan kepada mangsa bencana alam. Sekali gus menawarkan perkhidmatan dari pintu ke pintu. Ia memudahkan orang ramai untuk mendapatkan barang keperluan tanpa perlu pergi jauh dari kawasan kediaman.
CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	1. Persamaan bukan keserupaan: Menyalin maklumat dan bukan menyalin bentuk maklumat yang diungkapkan. 2. Keutamaan makna: Memahami makna teks asal untuk mengekalkan keaslian terjemahan. 3. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan.

Keratan teks 4.7 diterjemah dengan ciri persamaan bukan keserupaan dan ciri keutamaan makna. Di sini penterjemah memberi keutamaan kepada mesej yang disampaikan kepada para pendengar radio. Maka penterjemah membuat pengguguran pada beberapa ayat dalam teks sasaran. Berikut ialah contoh ayat daripada teks asal yang menjalani pengguguran dalam teks sasaran.

Contoh 1:

Teks asal:	<i>bergerak ke lokasi yang dijadualkan</i>
Teks sasaran:	<i>Tidak diterjemah</i>

Pengguguran ayat yang dinyatakan di atas tidak akan memberi implikasi pada makna dalam teks sasaran. Pergerakan ‘Kenderaan Pasar Bergerak’ ke kawasan perumahan merupakan mesej yang penting hendak disampaikan oleh penterjemah kepada pendengar siaran radio. Isu jadual lokasi pergerakan kenderaan tidak diutamakan.

Contoh 2:

Teks asal:	<i>masyarakat berpendapatan rendah dan sederhana</i>
Teks sasaran:	<i>Tidak diterjemah</i>

Dalam contoh 2 frasa ‘*masyarakat berpendapatan rendah dan sederhana*’ ditinggalkan dalam teks sasaran oleh penterjemah. Penterjemah meninggalkan frasa tersebut untuk mengeneralisasikan maklumat daripada teks asal kepada teks sasaran. Perkataan ‘பொது மக்கள்’ dalam teks sasaran sudah memadai untuk mewakili kesemua jenis lapisan masyarakat.

Keratan Teks 4.8: Tajuk PB1M (Pasar Bergerak Satu Malaysia)

TEKS 2: PB1M (Pasar Bergerak Satu Malaysia)

TEKS ASAL (BAHASA MELAYU)	Pelancarannya disempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Putrajaya. Buat permulaan, ia hanya beroperasi di kawasan sasaran, terutama di semua pasar tani di Lembah Klang serta Selangor. Namun Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, FAMA merancang membangunkan konsep dasar bergerak itu di zon tengah, zon utara dan zon selatan. Malah Perdana Menteri meminta supaya dua lagi inisiatif pasar bergerak itu mula beroperasi selewat-lewatnya April.
TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	புத்ரா ஜெயாவில் பிரதமர் தொடக்கி வைத்த இச்சேவை தொடக்கத்தில் கிள்ளான் பள்ளதாக்குக்கு மற்றும் சிலாங்கூரிலுள்ள அனைத்து விவசாய சந்தைப் பகுதிகளில் மேற்கொள்ளப்படும். இருப்பினும் மத்திய, வடக்கு, தெற்கு என மூன்று பகுதிகளில் நடமாடும் சந்தை திட்டத்தை விரிவுபடுத்த கூட்டரசு விவசாய விற்பனை வாரியம், FAMA எண்ணியுள்ளது. பிரதமர் கூட ஏப்ரல் மாதத்தில் அத்தகைய மேலுமிரு சந்தைகளை அமைக்கும்படி ஊக்குவித்துள்ளது குறிப்பிடத்தக்கதாகும்
TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	Pelancarannya disempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Putrajaya. Buat permulaan, ia hanya beroperasi di kawasan sasaran, terutama di semua pasar tani di Lembah Klang serta Selangor. Namun Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, FAMA merancang membangunkan konsep dasar bergerak itu di zon tengah, zon utara dan zon selatan. Malah Perdana Menteri meminta supaya dua lagi inisiatif pasar bergerak itu mula beroperasi pada bulan April.
CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	1. penyalinan semula maklumat: Maklumat teks asal dikekalkan dalam teks sasaran, mengikut kesesuaian bahasa sasaran. 2. Persamaan sejadi/formal: Keaslian bahasa teks sasaran tidak terjejas. Ciri-ciri bentuk teks asal dikekalkan. 3. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan.

Keratan teks 4.8 dapat diterjemah oleh penterjemah dengan menggunakan ciri penyalinan semula maklumat dan ciri persamaan sejadi atau formal. Keutamaan diberi kepada semua maklumat teks asal yang diterjemahkan kepada bahasa sasaran tanpa menjejaskan struktur tatabahasanya. Berikut merupakan contoh ayat keratan bagi menjelaskan ciri yang dinyatakan.

Contoh 1:

Teks asal:	<i>Pelancarannya disempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Putrajaya. Buat permulaan, ia hanya beroperasi di kawasan sasaran, terutama di semua pasar tani di Lembah Klang serta Selangor.</i>
Teks sasaran:	புத்ரா ஜெயாவில் பிரதமர் தொடக்கி வைத்த இச்சேவை தொடக்கத்தில் கிள்ளான் பள்ளதாக்குக்கு மற்றும் சிலாங்கூரிலுள்ள அனைத்து விவசாய சந்தைப் பகுதிகளில் மேற்கொள்ளப்படும்

Perkataan-perkataan seperti ‘Pasar Tani’ dan ‘Lembah Klang’ dari teks asal bahasa Melayu dapat diterjemahkan kepada: ‘**விவசாய சந்தைப் பகுதி**, ‘**கிள்ளான் பள்ளதாக்கு**’ dalam bahasa sasaran bahasa Tamil. Maklumatnya jelas disampaikan kepada pendengar ulasan berita tersebut.

Contoh 2:

Teks asal:	<i>Namun Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, FAMA merancang membangunkan konsep dasar bergerak itu di zon tengah, zon utara dan zon selatan.</i>
------------	---

Teks sasaran:	இருப்பினும் மத்திய, வடக்கு, தெற்கு என மூன்று பகுதிகளில் நடமாடும் சந்தை திட்டத்தை விரிவுபடுத்த கூட்டரசு விவசாய விற்பனை வாரியம், FAMA எண்ணியுள்ளது.
---------------	---

Dalam contoh 2 perkataan kata nama khas, 'Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, FAMA' diterjemahkan kepada, 'கூட்டரசு விவசாய விற்பனை வாரியம், FAMA' dalam bahasa sasaran. Nama agensi kerajaan 'FAMA' yang diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran merupakan nama rasmi yang sering digunakan dalam media massa Bahasa Tamil. Maka para pendengar radio berbahasa Tamil akan jelas dengan maklumat yang disampaikan oleh pembaca ulasan berita itu.

Keratan Teks 4.9: Tajuk PB1M (Pasar Bergerak Satu Malaysia)

TEKS 2: PB1M (Pasar Bergerak Satu Malaysia)	
TEKS ASAL (BAHASA MELAYU)	Dalam sehari, bas berkenaan mampu memberi perkhidmatan di tiga lokasi, membawa muatan barang keperluan bernilai kira-kira dua puluh ribu ringgit. Barang yang dijual adalah seperti yang ditawarkan di <u>BR1M</u> dan pasar tani. Harganya pula lebih murah berbanding di pasar raya biasa.
TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	மாற்றியமைக்கப்பட்ட பேருந்தில் ஒரு நாளில் மூன்று இடங்களில் சேவை வழங்கக்கூடிய வசதிகள் உள்ளன. 20 ஆயிரம் ரிங்கிட் மதிப்புள்ள பொருள்களை அதில் கொண்டு செல்ல முடிவதோடு, <u>ஒரே மலேசியா கடைகள்</u> , விவசாயச் சந்தைகளில் விற்கப்படும் பொருள்களும் அங்கு கிடைக்கும். வழக்கமான பேரங்காடிகளில் விற்கப்படும் பொருள்களின் விலையை விட இங்கு விலைக் குறைவு

TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	Dalam sehari, bas berkenaan mampu memberi perkhidmatan di tiga lokasi, membawa muatan barang keperluan bernilai kira-kira dua puluh ribu ringgit. Barang yang dijual adalah seperti yang ditawarkan di <u>KR1M</u> dan pasar tani. Harganya pula lebih murah berbanding di pasar raya biasa.
CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	1. penyalinan semula maklumat: Maklumat teks asal dikekalkan dalam teks sasaran, mengikut kesuaian bahasa sasaran. 2. Persamaan sejadi/formal: Keaslian bahasa teks sasaran tidak terjejas. Ciri-ciri bentuk teks asal dikekalkan. 3. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan

Dalam keratan teks 4.9 penterjemah meneruskan ciri yang sama seperti di keratan teks 4.8 untuk menterjemah teks asal kepada teks sasaran. Ciri penyalinan semula maklumat dan ciri persamaan sejadi atau formal memfokuskan pada mesej bahasa sumber Nida, (1964) dan bukannya bentuk. Maka segala maklumat dari teks asal dapat diterjemahkan dalam teks sasaran. Berikut ialah contoh ayat daripada keratan teks 4.9;

Contoh 1:

Teks asal:	<i>membawa muatan barang keperluan bernilai kira-kira dua puluh ribu ringgit. Barang yang dijual adalah seperti yang ditawarkan di KR1M dan pasar tani.</i>
Teks sasaran:	<i>20 ஆயிரம் ரிங்கிட் மதிப்புள்ள பொருள்களை அதில் கொண்டு செல்ல முடிவதோடு, ஒரே மலேசியா கடைகள் விவசாயச் சந்தைகளில் விற்கப்படும் பொருள்களும் அங்கு கிடைக்கும்</i>

Akronim ‘BR1M’ daripada teks asal diterjemahkan ke dalam teks sasaran bahasa Tamil seperti berikut, ‘ஒரே மலேசியா கடைகள்’. Di sini penterjemah menjelaskan kata akronim ‘BR1M’ dalam ayat yang sepenuhnya. Ini menonjolkan usaha penterjemah

untuk memudahkan para pendengar mengikuti siaran ulasan berita bahasa Tamil dengan jelas.

Keratan Teks 4.10: Tajuk PB1M (Pasar Bergerak Satu Malaysia)

TEKS 2: PB1M (Pasar Bergerak Satu Malaysia)	
TEKS ASAL (BAHASA MELAYU)	Dengan konsep pasar mini bergerak , PB1M menawarkan produk barangan runcit, barang kawalan, produk Perusahaan Kecil dan Sederhana, PKS tempatan serta barangan segar , yang dijual pada harga yang kompetitif . Pengguna tidak perlu bimbang kerana peniaga yang ingin menyertai program itu, perlu mematuhi syarat ketat FAMA, terutama dari segi kesihatan. Ini bagi memastikan pengguna memperoleh barang yang selamat dan bermutu. Produknya pula perlu memenuhi piawaian kesihatan dan mempunyai sijil halal dari segi kandungannya.
TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	நடமாடும் சந்தையில், சில்லறை பொருள்களும் விலை கட்டுப்படுத்தப்பட்ட பொருள்களும் உள்நாட்டு சிறிய, நடுத்தர தொழில் தயாரிப்பு பொருள்களும் காய்கறிகளும் விற்கப்படும். இந்த வர்த்தகத்தில் ஈடுபடுவோர் FAMA-வின் கடுமையான நிபந்தனைகளைப் பின்பற்ற வேண்டியிருக்கிறது. இங்கு விற்கப்படும் பொருள்கள் தரமானவை, ஆரோக்கியத்துக்கு கேடு ஏற்படுத்தாதவை, ஹலால் சான்றிதழ் உள்ளவை. எனவே பொது மக்கள் இவ்விசயத்தில் சிறிதேனும் ஐயம் கொள்ளத் தேவையில்லை
TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	Dengan konsep pasar bergerak, menawarkan produk barangan runcit, barang kawalan, produk Perusahaan Kecil dan Sederhana, serta sayur-sayuran. Peniaga yang ingin menyertai program itu perlu mematuhi syarat ketat FAMA. Barang jualan di sini bermutu tinggi, dan berselamat. Mempunyai sijil halal, maka pengguna tidak perlu bimbang.

CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	1. Persamaan bukan keserupaan: Menyalin maklumat dan bukan menyalin bentuk maklumat yang diungkapkan. 2. Keutamaan makna: Memahami makna teks asal untuk mengekalkan keaslian terjemahan. 3. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan.
----------------------------------	---

Dalam keratan teks 4.10 penterjemah dapat menterjemah maklumat teks asal kepada teks sasaran dengan menggunakan ciri persamaan bukan keserupaan dan ciri keutamaan makna. Berikut merupakan contoh ayat daripada keratan teks 4.10 bagi menjelaskan ciri yang dinyatakan;

Contoh 1:

Teks asal:	<i>Dengan konsep pasar mini bergerak, PB1M menawarkan produk barangan runcit, barang kawalan, produk Perusahaan Kecil dan Sederhana, PKS tempatan serta barangan segar, yang dijual pada harga yang kompetetif.</i>
Teks sasaran:	நடமாகும் சந்தையில், சில்லறை பொருள்களும் விலை கட்டுப்படுத்தப்பட்ட பொருள்களும் உள்நாட்டு சிறிய, நடுத்தர தொழில் தயாரிப்பு பொருள்களும் காய்கறிகளும் விற்கப்படும்

Perkataan teks asal, ‘*pasar mini bergerak*’, ‘*barangan segar*’, dan ‘*kompetetif*’ diterjemahkan dalam teks sasaran seperti berikut; ‘**நடமாகும் சந்தையில்**’, ‘**காய்கறிகளும்**’, dan ‘**விற்கப்படும்**’ Penggunaan kosa kata yang sedemikian masih menjamin kualiti teks dan maklumat yang sampai pada pendengar tanpa kekaburan.

Ciri keutamaan makna juga dapat dilihat dalam teks penterjemahan keratan teks 4.10. Penterjemah dapat memberi keutamaan kepada maklumat teks asal, maka beliau menterjemahkan perkataan-perkataan berikut seperti contoh di bawah.

Contoh 2:

Teks Asal	Teks Sasaran	Keterangan
FAMA	FAMA	Penggunaan kata akronim FAMA disiarkan tanpa diterjemah ke dalam bahasa Tamil. Hal ini kerana keterangan akronim itu telah dinyatakan dalam keratan teks 2.4.
sijil halal	ஹலால் சான்றிதழ் [halāl cānritāl]	Perkataan halal pada teks asal disebutkan dalam siaran untuk memudahkan pemahaman pendengar warta.

Keratan Teks 4.11: Tajuk PB1M (Pasar Bergerak Satu Malaysia)

TEKS 2: PB1M (Pasar Bergerak Satu Malaysia)	
TEKS ASAL (BAHASA MELAYU)	PB1M juga merupakan pendekatan <i>serampang dua mata</i> . Ia bertujuan membantu pengusaha memasarkan produk masing-masing selain mengembangkan perniagaan mereka berdasarkan permintaan pasaran. Sedikit sebanyak ia limpahan rezeki kepada mereka yang terbabit dalam program berkenaan. Manakala bagi pengguna, mereka boleh melakukan penjimatan disamping

	memperolehi barangan yang lebih murah, segar, terjamin mutu kebersihannya.
TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	நடமாடும் சந்தைகள், இரு நோக்கங்களைக் கொண்டுள்ளது. தொழில்முனைவர்கள் தங்கள் பொருள்களை விற்க உதவுவதோடு, சந்தை தேவைக்கு ஏற்ப வர்த்தகத்தை விரிவுபடுத்தவும் வகை செய்கிறது. இதனால், அவர்களின் வருமானமும் அதிகரிக்கும். பயனீட்டாளர்களோ மலிவாக பொருள்களை வாங்கி பணத்தை மிச்சப்படுத்தலாம்
TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	Pasar bergerak ini mempunyai dua tujuan. Iaitu membantu pengusaha memasarkan produk masing-masing selain mengembangkan perniagaan mereka berdasarkan permintaan pasaran. Sedikit sebanyak ia limpahan rezeki kepada mereka dan pengguna pula boleh melakukan penjimatan disamping memperolehi barangan dengan murah.
CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	1.Persamaan bukan keserupaan: Menyalin maklumat dan bukan menyalin bentuk maklumat yang diungkapkan. 2.Keutamaan makna: Memahami makna teks asal untuk mengekalkan keaslian terjemahan. 3.Persamaan terdekat / dinamik: Maklumat teks asal dipermudahkan untuk pemahaman khalayak. 4. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan.

Dalam keratan teks 4.11 terdapat tiga (3) ciri yang digunakan oleh penterjemah seperti yang dinyatakan dalam keratan teks di atas. Penggunaan ciri ini memudahkan maklumat teks asal untuk disampaikan dalam teks sasaran. Sebagai contohnya, perumpamaan dalam teks asal ‘*serampang dua mata*’ yang bermaksud berganda keuntungan tidak diterjemahkan ke dalam teks sasaran dalam bentuk perumpamaan. Malah penterjemah

memberi maknanya dalam bentuk keterangan, iaitu ‘**இரு நோக்கங்கள்**’. Perkataan ini menjadi penerangan kepada perumpamaan tersebut dan memudahkan pemahaman pendengar bahasa sasaran. walaupun perumpamaan bermaksud serupa dalam bahasa sasaran ‘**ஒரே கல்லில் இரு மாங்காய்**,’ namun penterjemah menggunakan pendekatan mempermudah untuk pemahaman khalayak.

Keratan Teks 4.12: Tajuk Dadah

TEKS 3: Dadah	
TEKS ASAL (BAHASA MELAYU)	Gejala ketagihan dadah, antara masalah yang masih membelenggu masyarakat kita.
TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	<u>‘உள்ளம் பெருங்கோயில்- ஊன் உடம்பு ஆலயம்’ என்கிறது திருமந்திரம்.</u> கோயிலுக்குச் சமமான இந்த உடலையும் உள்ளத்தையும் குப்பைக்குச் சமமாக்கிறது ஒரு பழக்கம். அதனை போதை எனக் குறிப்பிடுவது வழக்கம்
TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	<u>Kitab suci ‘thirumantiram’ mengibaratkan tubuh manusia sebagai kuil dan jiwa di dalamnya tempat bagi Tuhan.</u> Tubuh dan jiwa yang sebagini suci ini dijadikan sampah dengan perbuatan ketagihan dadah.
CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	1.Persamaan terdekat / dinamik: Maklumat teks asal dipermudahkan untuk pemahaman khalayak. 2. Keutamaan makna: Memahami makna teks asal untuk mengekalkan keaslian terjemahan. 3. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan

Dalam keratan teks 4.12 pendekatan penterjemah untuk menterjemah teks asal amat berbeza jika dibandingkan dengan ciri sebelum ini. Penggunaan ciri terdekat atau dinamik terserlah dalam teks sasaran. Struktur ayat dalam teks asal tidak berbau langsung dalam

teks sasaran. Dalam penterjemahan beliau menggunakan pantun untuk mengukuhkan makna yang hendak disampaikan. Iaitu betapa bahayanya dadah kepada tubuh dan jiwa manusia. Perkataan ‘**membelenggu masyarakat**’ dalam teks asal menginterpretasikan bahawa gejala dadah akan menghancurkan seseorang individu dan akhirnya akan merebak (membelenggu) kepada serta memusnahkan seluruh masyarakatnya. Pendengar siaran ulasan berita bahasa Tamil yang mempunyai latarbelakang budaya Hindu akan menghayati lirik pantun tersebut dan akan berwaspada terhadap gejala ketagihan dadah.

Keratan Teks 4.13: Tajuk Dadah

TEKS 3: Dadah	
TEKS ASAL (BAHASA MELAYU)	Saban hari ada saja kes berkaitan bahan terlarang itu. Biarpun kesan negatif penyalahgunaanya diketahui ramai , namun masih ada individu yang terus membiarkan diri terjebak , dengan jenayah berkenaan.
TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	நாள் தவறினாலும் தவறும், போதைப் பொருள் பழக்கத்தால் பாதிக்கப்பட்டோர் பற்றிய செய்தியை நாம் கேட்பதும்- பார்ப்பதும்- படிப்பதும் தவறாது.
TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	Setiap hari kita dengar, lihat, dan membaca berita tentang mangsa kepada penyalahgunaan dadah.

CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	1.Persamaan terdekat / dinamik: Maklumat teks asal dipermudahkan untuk pemahaman khalayak. 2. Keutamaan makna: Memahami makna teks asal untuk mengekalkan keaslian terjemahan. 3. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan
----------------------------------	--

Keratan teks 4.13 menunjukkan penterjemahan teks asal bahasa Melayu tersebut diterjemahkan kepada teks sasaran bahasa Tamil dengan menggunakan dua ciri, iaitu ciri persamaan terdekat atau dinamik dan ciri keutamaan makna. Penterjemah menggugurkan beberapa frasa dari teks asal sewaktu menterjemah kepada teks sasaran. Hal ini demikian kerana usaha penterjemah mengutamakan maklumat teks asal dalam teks sasaran. Frasa-frasa; '**bahan terlarang**', '**Biarpun kesan negaif penyalahgunaanya diketahui ramai**', dan '**membiarkan diri terjebak**', tidak diterjemah dalam bahasa Tamil di teks sasaran. Malah inti teks asal sahaja diutamakan untuk penterjemahan. Maka makna teks asal dikekalkan untuk menjamin keaslian terjemahan.

Keratan Teks 4.14: Tajuk Dadah

TEKS 3: Dadah	
TEKS ASAL (BAHASA MELAYU)	Penagih memerlukan wang setiap hari bagi mendapatkan bekalan. Kesan pengaruh dadah boleh mendorong mereka melakukan jenayah untuk mendapatkan wang secara segera, seperti mencuri, merompak, dan membunuh- yang sekali gus mengancam keselamatan dan kesejateraan negara serta masyarakat.
TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	போதைப் பழக்கம் அதிகமாக அதிகமாக, அவர்களின் பணத்தேவை அதிகரிக்கிறது. முதலில் வீட்டில் சின்னச் சின்னத் திருட்டு. பிறகு அண்டை வீடு... அக்கம் பக்கம் என விரிவடைகிறது. <u>ஆட்டைக் கடித்து, மாட்டைக்</u>

	<u>கடித்து, கடைசியில் மனிதனைக் கடித்தகதை எனும் சொல்வதைப் போல் திருட்டு, கொள்ளை, வழிப்பறி எனப் போய், கொலை செய்யும் அளவுக்குக் கொண்டுச் செல்கிறது, இந்தப் போதைப் பழக்கம். போதைப் பழக்கத்திற்காக ஏங்குவோருக்கு என்ன, யாருக்கு, எதைச் செய்கிறோம் என்ற சுய உணர்வு இல்லாமல் போகிறது. இவை மட்டுமா, நாட்டின் பாதுகாப்புக்கும் பொது அமைதிக்கும் மருட்டல் ஏற்படுத்தவும் இவர்களின் செயல்கள் செல்கின்றன.</u>
TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	Apabila ketagihan dadah meningkat, keperluan wang pun akan meningkat untuk mendapatkan dadah. Untuk itu mereka mula mencuri wang di rumah kemudian diteruskan ke rumah jiran dan berkembang di persekitaran jiran tetangga tempat tinggal. <u>Bagaikan memburu binatang kecil kambing kemudian binatang besar lembu akhirnya manusia pula.</u> Perbuatan mencuri, merombak, meragut dan akhirnya melakukan pembunuhan. Perbuatan kaji dilakukan kepada sesiapa saja, di mana saja tanpa kesedaran diri oleh penagih dadah. Malah, ianya mengancam keselamatan dan kesejahteraan negara serta masyarakat.
CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	1.Persamaan terdekat / dinamik: Maklumat teks asal dipermudahkan untuk pemahaman khalayak. 2. Keutamaan makna: Memahami makna teks asal untuk mengekalkan keaslian terjemahan. 3. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan. 3. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan.

Berdasarkan keratan teks 4.14, penterjemah memperkembangkan maklumat teks asal selaras dengan persamaan terdekat atau dinamik dan keutamaan makna. Maklumat-

maklumat berikut yang tidak dinyatakan dalam teks asal dinyatakan pula dalam teks sasaran, iaitu;

‘ஆட்டைக் கடித்து, மாட்டைக் கடித்து, கடைசியில் மனிதனைக் கடித்தகதை எனும் சொல்வதைப் போல் திருட்டு, கொள்ளை, வழிப்பறி எனப் போய், கொலை செய்யும் அளவுக்குக் கொண்டுச் செல்கிறது, இந்தப் போதைப் பழக்கம். போதைப் பழக்கத்திற்காக ஏங்குவோருக்கு என்ன, யாருக்கு, எதைச் செய்கிறோம் என்ற சுய உணர்வு இல்லாமல் போகிறது.’

Perumpamaan bahasa Tamil digunakan dalam teks sasaran walaupun perumpamaan sedemikian dalam teks asal tidak dinyatakan. Perumpamaan tersebut adalah seperti berikut;

‘ஆட்டைக் கடித்து, மாட்டைக் கடித்து, கடைசியில் மனிதனைக் கடித்தகதை எனும் சொல்வதைப் போல்

Petkan di atas merupakan perumpamaan yang dinyatakan dalam bahasa Tamil ke dalam teks sasaran. Ini bermakna penterjemah berusaha untuk memberi pemahaman inti teks asal tentang betapa bahayanya penagihan dadah kepada pendengar bahasa sasaran bahasa Tamil. Di sini, jelas kelihatan pendekatan persamaan terdekat atau dinamik dan pendekatan keutamaan makna yang diguna pakai dalam teks sasaran.

Keratan Teks 4.15: Tajuk Dadah

TEKS 3: Dadah	
TEKS ASAL	Harapan bagi mengurangkan jenayah dadah yang kini menjadi isu nasiaonal, turut bergantung kepada keberkesanan usaha

(BAHASA MELAYU)	menyedarkan masyarakat mengenai kemudaratannya. Usaha pihak berkuasa memberkas anggota sindiket dadah semata-mata sudah pasti tidak mencukupi, jika tanpa sokongan masyarakat. Apatah lagi jenayah yang membabitkan pelbagai golongan. Untuk itu antara lain semua pihak terutama ibu bapa, seharusnya memainkan peranan mengawal anak-anak, agar tidak terperangkap dengan gejala tidak sihat itu.
TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	குற்றச்செயல்கலை ஒடுக்க, தேசிய அடைவுநிலைக்கான முக்கியத் துறைகளின் கீழ் அரசாங்கம் பல்வேறு முயற்சிகளை மேற்கொண்டு வரும் வேளையில், போதைப் பொருள் சமூகத்தில் குறிப்பாக இளையோரிடையே அதிகரித்து வருவது அந்த முயற்சிக்கு பெரும் மருட்டலாக அமைகிறது. வகுத்த சட்டங்களும், தீட்டிய திட்டங்களும் <u>விழலுக்கு இறைத்த நீராய்</u> வீணாகின்றன. <u>திருடனாய் பார்த்து திருந்தாவிட்டால் திருட்டை ஒழிக்க முடியாது</u> என்பது பட்டுக்கோட்டையார் பாடல் வரி. அது போல போதைப் பொருளுக்கு அடிமையானவர் அதில் இருந்து மீள வேண்டும் எனக் <u>கங்கணம் கட்டி</u> அதற்கான முயற்சிகளில் ஈடுபடாத வரை, அதில் இருந்து அவர் விடுபட முடியாது. இளைய சமூதாயம் போதைப் பழக்கத்தில் சிக்காமல் இருப்பதை உறுதி செய்யும் மிகப் பெரியா பொறுப்பு மூத்த தலைமுறைக்கு உண்டு. அதிலும் பெற்றோருக்கும் ஆசிரியருக்கும் பெரும் பங்கு உண்டு.

TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	Saban masa kerajaan sedang berusaha untuk membelenggu jenayah tersebut di peringkat kebangsaan melalui agensi kerajaan yang tertentu. Tetapi peningkatan ketagihan gejala dadah dalam kalangan pemuda menggugat usaha kerajaan. Undang-undang, dan tindakan yang dirancang semuanya gagal, bagi ‘<i>mencurah air ke daun keladi</i>’. Selagi tak menyesal selagi itu tak berubah. Selagi penagih dadah tak teguh dengan pendirian maka tidak boleh terlepas dari ketagihan dadah. Semua pihak terutama ibu bapa, dan guru-guru seharusnya memainkan peranan mengawal anak-anak, agar tidak terperangkap dengan gejala ketagihan dadah itu.
CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	1.Persamaan terdekat / dinamik: Maklumat teks asal dipermudahkan untuk pemahaman khalayak. 2. Keutamaan makna: Memahami makna teks asal untuk mengekalkan keaslian terjemahan. 3. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan.

Keratan teks 4.15 diterjemah mengikut ciri persamaan terdekat atau dinamik serta ciri keutamaan makna. Penterjemah berusaha untuk menjelaskan atau menerangkan inti pati teks asal dengan pelbagai cara iaitu penggunaan peribahasa, serta pepatah bahasa Tamil dalam teks sasaran seperti contoh berikut;

Contoh 1:

- i. ‘**விழலுக்கு இறைத்த நீராய்**, ‘
- ii. **திருடனாய் பார்த்து திருந்தாவிட்டால் திருட்டை ஒழிக்க**
- iii. **முடியாது**, ‘**கங்கணம் கட்டி**’

dan penjelasan yang berlebihan seperti contoh berikut;

contoh 2:

‘குற்றச்செயல்கலை ஒடுக்க, தேசிய அடைவுநிலைக்கான முக்கியத் துறைகளின் கீழ் அரசாங்கம் பல்வேறு முயற்சிகளை மேற்கொண்டு வரும் வேளையில், போதைப் பொருள் சமூகத்தில் குறிப்பாக இளையோரிடையே அதிகரித்து வருவது அந்த முயற்சிக்கு பெரும் மருட்டலாக அமைகிறது.’

Keratan contoh kedua menunjukkan usaha penterjemah memudahkan pemahaman pendengar siaran ulasan berita tersebut. Teknik penggunaan peribahasa, dan pepatah bahasa Tamil daripada budaya masyarakat Tamil merupakan satu pendekatan untuk penyampaian maklumat oleh penterjemah. Teknik ini akan memberi impak yang mendalam untuk kesedaran pendengar tentang bahayanya penyalahgunaan dadah kepada golongan muda. Ini secara tidak langsung menyedarkan ibu bapa untuk bertindak menyelamatkan anak-anak mereka daripada gejala ketagihan dadah. Walaupun beberapa ayat daripada teks asal ditinggalkan semasa penterjemahan dalam bahagian sasaran, maklumat-maklumat penting daripada teks asal masih dapat disampaikan oleh penterjemah. Kedua-dua ciri penterjemahan dinamis dalam keratan 4.15 memberi peluang kebebasan penggunaan pelbagai teknik penterjemahan tanpa menjejaskan maklumat kepada penterjemah.

Keratan Teks 4.16: Tajuk Malaysia – Selatan Thai

TEKS 4: Malaysia – Selatan thai	
TEKS ASAL (BAHASA MELAYU)	Selepas berjaya mengusahakan perjanjian damai bersejarah di selatan Filipina - Malaysia sekali lagi membantu mewujudkan keamanan di Asia Tenggara

TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	தென் பிலிப்பின்சில் வரலாற்றுப்பூர்வ அமைதி உடன்பாடு காண்பதில் முக்கிய பங்காற்றிய வெற்றிக்குப் பின்னர், தென் கிழக்காசியாவில் அமைதியை ஏற்படுத்துவதில் மலேசியா மீண்டும் உதவியுள்ளது.
TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	Selepas berjaya mengusahakan perjanjian damai bersejarah di selatan Filipina - Malaysia sekali lagi membantu mewujudkan keamanan di Asia Tenggara
CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	1. penyalinan semula maklumat: Maklumat teks asal dikekalkan di teks sasaran, mengikut kesesuaian bahasa sasaran. 2. Persamaan sejadi/formal: Teks sasaran tidak terjejas keaslian bahasa sasaran. ciri-ciri bentuk teks asal dikekalkan. 3. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan.

Keratan teks 4.16 daripada teks siaran Malaysia – Selatan Thai, penterjemah dapat menterjemah teks asal ke dalam teks sasaran dengan menggunakan ciri penyalinan semula maklumat dan persamaan sejadi atau formal (Norizah, 2011). Semua maklumat daripada teks asal dapat disampaikan sepenuhnya ke dalam teks sasaran. Penggunaan kata dan penyusunan ayat yang tepat dalam teks sasaran dapat menyampaikan semua maklumat daripada teks asal. Contoh berikut dapat membuktikannya.

Contoh 1:

Teks asal:	<i>‘Malaysia sekali lagi membantu mewujudkan keamanan di Asia Tenggara’</i>
Teks sasaran:	தென் கிழக்காசியாவில் அமைதியை ஏற்படுத்துவதில் மலேசியா மீண்டும் உதவியுள்ளது.

Keratan Teks 4.17: Tajuk Malaysia – Selatan Thai

TEKS 4: Malaysia – Selatan thai	
TEKS ASAL	Ini dengan termeterainya perjanjian konsesus yang merintis jalan ke arah rundingan damai antara Kerajaan Thailand

(BAHASA MELAYU)	dengan kumpulan pejuang pembebasan di selatan negara itu, Barisan Revolusi Nasional (BRN) , khamis lalu.
TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	இம்முறை தாய்லாந்து அரசாங்கத்துக்கும் அந்நாட்டின் தென்பகுதியில் செயல்படும் தேசிய புரட்சி முன்னணி BRN-னுக்கும் இடையில் கடந்த வியாழக்கிழமை அமைதிப் பேச்சுக்கு வழி வகுக்கும் உடன்பாடு கையெழுத்தானது ¹
TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	termeterainya perjanjian konsesus yang merintis jalan ke arah rundingan damai antara kerajaan Thailand dengan Barisan Revolusi Nasional (BRN), di Selatan Negara itu Khamis lalu.
CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	1. penyalinan semula maklumat: Maklumat teks asal dikekalkan dalam teks sasaran, mengikut kesesuaian bahasa sasaran 2. Persamaan sejadi/formal: Keaslian bahasa teks sasaran tidak terjejas. Ciri bentuk teks asal dikekalkan. 3. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan.

Teks asal daripada keratan teks 4.17 siaran Malaysia – Selatan Thai, diterjemahkan dengan menggunakan ciri penyalinan semula maklumat dan persamaan sejadi atau formal (Norizah, 2011). Maklumat tentang termeterainya perjanjian antara Kerajaan Thailand dengan kumpulan Barisan Revolusi Nasional (BRN) daripada teks asal telah diterjemahkan dengan jelas ke dalam teks sasaran bahasa Tamil. Walaupun frasa *‘kumpulan pejuang pembebasan’* tidak diterjemahkan ke dalam teks sasaran keratan 4.17, ianya telah dinyatakan dalam frasa, *‘Barisan Revolusi Nasional (BRN)’*.

Keratan Teks 4.18: Tajuk Malaysia-Selatan Thai

TEKS 4: Malaysia – Selatan thai

TEKS ASAL (BAHASA MELAYU)	Inisiatif yang diusahakan Malaysia itu membuka ruang dialog untuk menamatkan keganasan di Yala, Patani dan Narathiwat yang sudah meragut ribuan nyawa.
TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	மலேசியாவின் இம்முயற்சி இதுவரை ஆயிரம் பேரை பலி கொண்ட YALA, PATANI, NARATHIWAT மாநிலங்களில் நிகழும் வன்செயல்கள் முடிவுக்கு வருவதற்கான கலந்துரையாடலுக்கு வழி வகுத்துள்ளது.
TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	Inisiatif yang diusahakan Malaysia menamatkan keganasan di Yala, Patani dan Narathiwat yang sudah meragut ribuan nyawa melalui membuka ruang dialog.
CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	1. penyalinan semula maklumat: Maklumat teks asal dikekalkan dalam teks sasaran, mengikut kesesuaian bahasa sasaran. 2. Persamaan sejadi/formal: Keaslian bahasa teks sasaran tidak terjejas. Ciri-ciri bentuk teks asal dikekalkan. 3. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan.

Keratan teks 4.18, daripada teks siaran Malaysia-Selatan Thai juga diterjemah dengan ciri penyalinan semula maklumat dan persamaan sejadi atau formal (Norizah, 2011). Semua maklumat daripada teks asal diterjemahkan dengan jelas ke dalam teks sasaran bahasa tamil dan kata-kata nama khas, '*Yala, Patani dan Narathiwat*' dikekalkan dalam tulisan rumi dalam teks sasaran untuk memudahkan pembaca berita menyebut dengan nada bunyi yang tepat.

Keratan Teks 4.19: Tajuk Malaysia – Selatan Thai

TEKS 4: Malaysia – Selatan thai	
TEKS ASAL (BAHASA MELAYU)	Kesediaan Thailand menerima bantuan Kuala Lumpur selaku pihak berkecuali yang tidak mempunyai kepentingan peribadi, merupakan satu perkembangan yang baik
TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	சுய நலன் கருதாத மலேசியாவின் உதவியை தாய்லாந்து ஏற்றுக் கொண்டுள்ளது. நல்லதொரு மேம்பாடாகும்
TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	Kesediaan Thailand menerima bantuan Malaysia yang tidak mempunyai kepentingan peribadi, merupakan satu perkembangan yang baik.
CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	1. Persamaan bukan keserupaan: Menyalin maklumat dan bukan menyalin bentuk maklumat yang diungkapkan. 2. Keutamaan makna: Memahami makna teks asal untuk mengekalkan keaslian terjemahan. 3. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan.

Keratan teks 4.19, daripada teks siaran Malaysia-Selatan Thai, penterjemah cuba menjelaskan maklumat daripada teks asal ke dalam teks sasaran. Pengguguran perkataan berlaku dalam penterjemahan teks sasaran Bahasa Tamil. Frasa berbunyi '*selaku pihak berkecuali*', daripada teks asal tidak dinyatakan dalam teks sasaran. Perkataan '*Kuala Lumpur*' daripada teks asal pula digantikan dengan perkataan, '*மலேசியாவின்*' (*Malaysia*) dalam teks sasaran. Perubahan ini tidak menyebabkan kekeliruan pada makna teks asal. Maka penterjemah berjaya menyampaikan maklumat (Norisah, 2011) daripada teks asal dengan menggunakan ciri yang disebutkan di atas.

Keratan Teks 4.20: Tajuk Malaysia- Selatan Thai

TEKS 4: Malaysia – Selatan thai	
TEKS ASAL (BAHASA MELAYU)	Selatan Thailand mempunyai banyak kumpulan kecil yang tidak bersatu dan berpecah dengan kepercayaan dan komitmen kedua-dua belah pihak, kita yakin Malaysia mampu berdepan dengan

	apa jua cabaran dalam mencari penyelesaian yang berkekalan di selatan Thailand.
TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	தென் தாய்லாந்தில் பிளவுபட்ட சிறிய குழுக்கள் பல உள்ளதையும் பரிசீலிப்பது அல்லது குறைந்தது பெரும்பான்மை உள்ள பிரிவினைவாத தரப்பு ஒன்றையாவது ஒன்று சேர்ப்பது சிரமமான பணியாகும். இரு தரப்புகளின் நம்பிக்கை மற்றும் கடப்பாட்டின் அடிப்படையில் தென் தாய்லாந்து நெருக்கட்டிக்கு, நீடித்த தீர்வைக் காண, எந்தவொரு சவாலையும் மலேசியா எதிர்கொள்ள முடியுமென நம்பிக்கை உள்ளது
TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	Selatan Thailand mempunyai banyak kumpulan kecil yang tidak bersatu. Ini sukar untuk menyatukan kumpulan tersebut. sekurang-kurangnya untuk menyatukan kumpulan pemisah yang besar menjadi cabaran besar. Malaysia yakin mampu berdepan dengan dua kumpulan yang mempunyaai idealogi yang berbeza dalam mencari penyelesaian yang berkekalan di selatan Thailand.
CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	1. Persamaan bukan keserupaan: Menyalin maklumat dan bukan menyalin bentuk bagaimana diungkapkan. 2. Keutamaan makna: Memahami makna teks asal untuk mengekalkan keaslian terjemahan. 3. Persamaan terdekat / dinamik: Maklumat teks asal dipermudahkan untuk pemahaman khalayak. 4. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan

Penterjemah melakukan modifikasi dengan menambah keterangan dalam teks sasaran apabila menterjemah teks asal pada keratan teks 4.20. Penterjemah juga tidak mengekalkan bentuk teks asal dalam teks sasaran seperti yang dinyatakan dalam pendekatan persamaan bukan keserupaan. Contohnya ayat-ayat berikut;

Contoh 1:

i. 'பிளவுபட்ட சிறிய குழுக்கள் பல உள்ளதையும் பரிசீலிப்பது அல்லது குறைந்தது பெரும்பான்மை உள்ள பிரிவினைவாத தரப்பு ஒன்றையாவது ஒன்று சேர்ப்பது சிரமமான பணியாகும்.'

ii. 'இரு தரப்புக்களின் நம்பிக்கை மற்றும் கடப்பாட்டின் அடிப்படையில்'.

Kenyatan yang diberikan merupakan maklumat tambahan untuk mempermudah pemahaman pendengar siaran ulasan berita bahasa Tamil. Di sini penterjemah menggunakan pendekatan persamaan terdekat atau dinamik dalam penterjemahannya.

Penterjemah telah berjaya menyampaikan maklumat daripada teks asal ke dalam teks sasaran dengan mengambil kira kandungan maklumat daripada teks asal dan bukannya bentuk teks asal (Norisah, 2011) seperti yang dinyatakan dalam pendekatan persamaan bukan keserupaan.

Keratan Teks 4.21: Lahad Datu 2

Teks 5: Lahad Datu 2	
TEKS ASAL (BAHASA MELAYU)	Insiden pencerobohan kumpulan bersenjata Filipina di Lahad Datu Sabah sudah masuk minggu ketiga.

TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	ஒட்டு மொத்த உலகத்தின் கவனத்தையும் ஈர்த்துள்ளது, முன்றாவது வாரமாக நீடிக்கும் சபா லாஹாட் டாத்துவில் பிலிப்பின்சை சேர்ந்த ஆயுதமேந்திய கும்பல் ஒன்றின் ஊடுருவல்.
TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	Insiden pencerobohan kumpulan bersenjata Filipina di Lahad Datu Sabah berlarut minggu ketiga menarik perhatian seluruh dunia.
CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	1. Persamaan bukan keserupaan: Menyalin maklumat dan bukan menyalin bentuk maklumat yang diungkapkan. 2. Keutamaan makna: Memahami makna teks asal untuk mengekalkan keaslian terjemahan. 3. Persamaan terdekat / dinamik: Maklumat teks asal dipermudahkan untuk pemahaman khalayak. 4. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan.

Keratan teks 4.21 daripada teks ulasan berita bertajuk Lahad Datu 2 menunjukkan kewibawaan penterjemah memindahkan maklumat daripada teks asal ke dalam teks sasaran. Penterjemah memandang pencerobohan kumpulan bersenjata sebagai isu serius. Maka untuk menarik perhatian pendengar siaran ulasan berita tentang isu tersebut, beliau telah membuat penambahan pada teks sasaran dengan memasukkan ayat yang berikut;

‘**ஒட்டு மொத்த உலகத்தின் கவனத்தையும் ஈர்த்துள்ளது**, yang

bermaksud, ‘*menarik perhatian seluruh dunia*’. Ciri terdekat atau dinamik terbentuk pada penterjemahan tersebut apabila penterjemah berusaha untuk memanfaatkan pendekatan tersebut bagi menarik minat pendengar siaran ulasan. Di samping itu, penterjemah juga mengekalkan maklumat pada teks sasaran bahasa Tamil seperti yang dinyatakan dalam teks asal bahasa Melayu. Ini jelas menunjukkan keterampilan

penterjemah menggunakan ciri persamaan bukan keserupaan. Penterjemah menyedari kepentingan pengekalan makna daripada teks asal sewaktu membuat penterjemahan.

Keratan Teks 4.22: Lahad Datu 2

Teks 5: Lahad Datu 2	
TEKS ASAL (BAHASA MELAYU)	Insiden tersebut bertambah rumit apabila berlaku serangan balas oleh kumpulan itu di Semporna semalam, menyebabkan lima anggota polis terkorban. Peristiwa tersebut menimbulkan banyak persoalan dan memberi cabaran besar kepada pemerintah.
TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	ஆம் உலகே பிரமிக்கும் பல்லின மக்கள் வாழும் அமைதிப் பூங்காவான மலேசியாவில் இச்சம்பவம் நிகழ்ந்திருப்பது இக்கட்டான சூழ்நிலையை உருவாக்கியுள்ளது. நேற்று SEMPORNA-வில் அக்கும்பல் மேற்கொண்ட தாக்குதலில் ஐந்து போலிஸ்காரர்கள் மரணமடைந்துள்ளது அரசாங்கத்திற்கு மிகப்பெரிய சவாலாக அமைந்திருக்கிறது.
TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	Sebagai sebuah negara yang dikagum oleh dunia luar, adanya masyarakat berbilang kaum dan hidup dengan aman dan damai, Tetapi insiden tersebut merumitkan keadaan di Malaysia. Insiden tersebut bertambah rumit apabila berlaku serangan balas oleh kumpulan itu di Semporna semalam, menyebabkan lima anggota polis terkorban.
CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	Persamaan bukan keserupaan: Menyalin maklumat dan bukan menyalin bentuk bagaimana diungkapkan. Keutamaan makna: Memahami makna teks asal untuk mengekalkan keaslian terjemahan. Persamaan terdekat / dinamik: Maklumat teks asal dipermudahkan untuk pemahaman khalayak. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan.

Keratan teks 4.22 daripada tajuk Lahad Datu 2 mencerminkan pendekatan penterjemah seperti yang terdapat pada keratan teks 4.21. Penggunaan ciri persamaan bukan keserupaan, keutamaan makna, dan ciri terdekat atau dinamik wujud pada teks sasaran penterjemah. Penambahan maklumat pada teks sasaran iaitu, ayat: ‘**உலகே பிரமிக்கும் பல்லின மக்கள் வாழும் அமைதிப் பூங்காவான மலேசியாவில்**, yang bermaksud ‘*Sebagai sebuah negara yang dikagumi oleh dunia luar, adanya masyarakat berbilang kaum dan hidup dengan aman dan damai,*’ menjelaskan penggunaan ciri persamaan terdekat atau dinamik. Penambahan maklumat pada teks sasaran membantu pendengar warga berita itu untuk mengikuti isu tersebut dengan lebih teliti. Teknik penyalinan maklumat dengan mengubah suai bentuk ayat teks asal jelas dapat dilihat melalui ayat di atas. Penterjemah juga berjaya mengekalkan keaslian penterjemahan melalui pengekalan makna teks asal tersebut.

Keratan Teks 4.23: Lahad Datu 2

Teks 5: Lahad Datu 2	
TEKS ASAL (BAHASA MELAYU)	Mengikut sumber risikan pencerobohan itu dirancang rapi dan kumpulan penceroboh telah mula memasuki Sabah sejak empat bulan lalu. Presiden Filipina , Benigno Aquino 111 pula dipetik berkata menurut risikan Negara itu kumpulan itu mendapat tajaan sekurang-kurangnya tiga pihak. Siapakah pihak terbabit?
TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	வேவு தகவலின் படி அது திட்டமிட்ட ஊடுருவல் என தெரியவருகிறது. நான்கு மாதங்களுக்கு முன்னரே அந்தச் சதிச்செயல் திட்டமிடப்பட்டிருக்கலாம் என கூறப்படுகிறது. இந்த மோசடியில் மூன்று தரப்பினருக்கு தொடர்பு இருக்கலாம் என

	தெரியவந்திருப்பதாக அதிபர் BENIGNO AQUINO குறிப்பிட்டுள்ளார்.
TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	Mengikut sumber risikan pencerobohan itu dirancang rapi. Pencerobohan ini dirancang sejak empat bulan lalu. Presiden Benigno Aquino menyatakan pencerobohan ini disangka ada bekaitan dengan tiga kumpulan.
CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	1. Persamaan bukan keserupaan: Menyalin maklumat dan bukan menyalin bentuk maklumat yang diungkapkan. 2. Keutamaan makna: Memahami makna teks asal untuk mengekalkan keaslian terjemahan. 3. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan.

Keratan teks 4.23 daripada tajuk Lahad Datu 2 diterjemah mengikut ciri persamaan bukan keserupaan dan ciri keutamaan makna. Bagi teks ini, penterjemah telah melakukan beberapa pengguguran pada beberapa perkataan daripada teks asal. Perkataan-perkataan dan ayat berikut:

‘telah mula memasuki Sabah’, ‘Filipina’, ‘111’ dan ‘Siapakah pihak terbabit?’

telah digugurkan. Namun begitu, maklumat penting dalam keratan teks asal itu masih dikekalkan dalam teks sasaran. Pendengar siaran ulasan berita Tamil tidak akan mengalami keciciran maklumat yang disampaikan seperti dalam teks Ulasan Bahasa Melayu.

Keratan Teks 4.24: Lahad Datu 2

Teks 5: Lahad Datu 2	
TEKS ASAL (BAHASA MELAYU)	Kenyataan Naib Presiden PKR Tan Chua dalam keadilandaily.com semalam yang menyatakan kejadian itu adalah konspirasi UMNO dan ia adalah sandiwara kerajaan untuk menakut-nakutkan rakyat, tentunya ada motif tertentu. Sebagai rakyat Negara ini apa pun pendirian politiknya, Tan Chua seharusnya tidak membuat tuduhan melulu tanpa bukti.
TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	இந்த ஊடுருவலுக்கும் அமனோவுக்கும் தொடர்பு இருப்பதுடன் மக்களிடத்தில் அச்ச உணர்வை உண்டாக்கும் அரசாங்கத்தின் நடவடிக்கையே இதுவென PKR உதவி தலைவர் TIAN CHUA, KEADILANDAILY.COM மின்னியல் இதழில் தகவல் வெளியிட்டுள்ளது மிகவும் கவலையளிக்கிறது. ஆதாரம் இன்றி இத்தகைய குற்றம் சாட்டை அவர் வெளியிட்டிருக்கலாமா!
TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	Kenyataan Naib Presiden PKR Tan Chua dalam media elektronik keadilandaily.com yang menyatakan kejadian itu adalah kaitan UMNO dan ia untuk menakut-nakutkan rakyat. Perkara yang sangat menyedihkan ini patutkah beliau meyatakan tanpa sebarang bukti!
CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	1. Persamaan bukan keserupaan: Menyalin maklumat dan bukan menyalin bentuk maklumat yang diungkapkan. 2. Keutamaan makna: Memahami makna teks asal untuk mengekalkan keaslian terjemahan. 3. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan

Dalam keratan teks 4.24 daripada teks bertajuk Lahad Datu 2 penterjemah masih mengekalkan ciri persamaan bukan keserupaan dan ciri keutamaan makna. Dalam usaha

untuk memberikan keutamaan kepada maklumat, maka penterjemah hanya membuat perubahan pada peringkat kata sahaja. Perubahan ini hanya untuk mengukuhkan maklumat dalam teks sasaran supaya memudahkan pemahaman pendengar ulasan berita Tamil. Perkataan '*konspirasi*' daripada teks asal digantikan dengan '*நடவடிக்கையே*' dalam teks sasaran. Perkataan '*மின்னியல் இதழில்*' ditambahkan ke dalam teks sasaran untuk memperkenalkan keadilan 'daily.com' supaya menunjukkan makna entiti perkataan sebagai sejenis media elektronik.

Ayat daripada teks asal '*Tan Chua seharusnya tidak membuat tuduhan melulu tanpa bukti*', diterjemahkan kepada, '*ஆதாரம் இன்றி இத்தகைய குற்றம் சாட்டை அவர் வெளியிட்டிருக்கலாமா!*'. Ayat teks asal merupakan ayat kenyataan, namun ayat dalam teks sasaran merupakan ayat wasangka. Walaupun bentuk ayatnya berbeza, maklumat yang disampaikan adalah masih sama.

Keratan Teks 4.25: Lahad Datu 2

Teks 5: Lahad Datu 2	
TEKS ASAL (BAHASA MELAYU)	Dari kenyataannya itu jelas beliaulah yang cuba mengalih perhatian rakyat daripada masalah tersebut. Adakah kerana media asing melaporkan terdapat hubungan pihak pembangkang dengan kumpulan penceroboh itu mendorong beliau untuk mengalih perhatian rakyat.
TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	அயல்நாட்டு ஊடகங்கள் கூறுவதை போல், இந்த ஊடுருவல் சம்பவத்திற்கும் எதிர்கட்சிக்கும் தொடர்பு இருக்கலாம் என்பதால் மக்களின் கவனத்தை திசை திருப்பும் நோக்கில்தான் அவர் இத்தகலை

	வெளியிட்டிருக்க கூடும் எனும் சந்தேகமும் தற்போது வலுத்துள்ளது.
TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	hubungan pihak pembangkang dengan kumpulan penceroboh dilaporkan oleh media asing. Oleh itu jelas beliau menyatakan sedemikian cuba mengalih perhatian rakyat daripada kenyataan tersebut.
CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	1. penyalinan semula maklumat: Maklumat teks asal dikekalkan dalam teks sasaran, mengikut kesesuaian bahasa sasaran. 2. Persamaan sejadi/formal: Keaslian bahasa teks sasaran tidak terjejas. Ciri bentuk teks asal dikekalkan. 3. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan

Dalam keratan teks 4.25 daripada teks bertajuk Lahad Datu 2, penterjemah dapat mengekalkan maklumat teks asal dalam teks sasaran. Penstrukturan ayat pada teks sasaran dibuat tanpa menjejaskan maklumat. Keadaan ini perlu dilakukan untuk menjamin keaslian bahasa tersebut. Sebagai contoh ayat berikut;

Teks asal: '**kenyataannya itu jelas beliaulah yang cuba mengalih perhatian rakyat daripada masalah tersebut**'.

Teks sasaran: இந்த ஊடுருவல் சம்பவத்திற்கும் எதிர்கட்சிக்கும் தொடர்பு இருக்கலாம் என்பதால் மக்களின் கவனத்தைச் திசை திருப்பும் நோக்கில்.....

Kedua-dua ayat tersebut menunjukkan penyalinan maklumat tanpa menjejaskan keaslian bahasa sasaran.

Keratan Teks 4.26: Lahad Datu 2

Teks 5: Lahad Datu 2	
TEKS ASAL (BAHASA MELAYU)	Sebagai rakyat Negara yang berdaulat ini apakah kita akan “memper-ia-kan” apa sahaja tindakan mereka yang sanggup menggadai Negara kerana cita-cita peribadi. Walaupun dari mana asal kita tetapi sebagai penduduk Malaysia kita seharusnya memastikan kedaulatan dan keamanan Negara ini terus terjamin Seperti kata patah Melayu, “dimana bumi dipijak disitu langit dijunjung” .
TEKS SASARAN (BAHASA TAMIL)	நாட்டின் குடிமகன் எனும் வகையில் நம்முள் எவரும் சுய லாபத்திற்காகத் தாயகத்தைப் பணையம் வைக்கும் நடவடிக்கையை அனுமதிக்கக்கூடாது. வேறுபாடுகள் பல இருப்பினும் தாய்மண்ணின் இறையான்மையையும் அமைதியையும் நிலைநிறுத்த வேண்டியது நமது கடமை
TERJEMAHAN SEMULA TEKS SASARAN	Sebagai rakyat Negara yang berdaulat ini kita tidak boleh membenarkan apa sahaja tindakan mereka yang sanggup mengadai Negara kerana cita-cita peribadi. Kita seharusnya memastikan kedaulatan dan keamanan negara walaupun ada perbezaan antara kita.
CIRI PENTERJEMAHAN DINAMIS	1. Persamaan bukan keserupaan: Menyalin maklumat dan bukan menyalin bentuk bagaimana diungkapkan. 2.Persamaan terdekat / dinamik: Maklumat teks asal dipermudahkan untuk pemahaman khalayak. 3. Keutamaan makna: Memahami makna teks asal untuk mengekalkan keaslian terjemahan. 4. Kepentingan gaya/ stail: Bentuk teks asal itu tidak diubah apabila terjemahan dilakukan.

Keratan teks 4.26 daripada teks bertajuk Lahad Datu 2 diterjemah dengan ciri persamaan bukan keserupaan, persamaan terdekat atau dinamik, dan keutamaan makna. Bagi ciri persamaan bukan keserupaan, penterjemah menstrukturkan ayat teks asal berikut:

“..... apakah kita akan “memper-ia-kan” apa sahaja tindakan mereka”

yang berbentuk soalan diterjemahkan kepada;

**“.....தாயகத்தைப் பணையம் வைக்கும் நடவடிக்கையை
அனுமதிக்கக்கூடாது.”**

yang berbentuk arahan. Walaupun bentuknya berbeza, maklumat daripada teks asal masih dikekalkan dalam teks sasaran. Contoh yang seterusnya bagi persamaan yang dinyatakan tersebut adalah seperti ayat berikut daripada teks asal:

“Walaupun dari mana asal kita.....”

yang tersirat maksud penduduk Malaysia yang berbilang kaum yang mempunyai latar belakang yang berbeza. Ayat yang mempunyai maksud yang sama dinyatakan dalam teks sasaran secara tersurat iaitu:

“வேறுபாடுகள் பல இருப்பினும்.”

perubahan struktur ayat tadi tidak menjejaskan makna teks asal. Ciri keutamaan makna digunakan oleh penterjemah untuk mengekalkan keaslian terjemahan.

Penggunaan teknik penjelasan untuk peribahasa Melayu, **“di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung”** daripada teks asal ke dalam teks sasaran menunjukkan penggunaan ciri persamaan terdekat atau dinamik. Penterjemah memberi penjelasan dalam teks sasaran seperti berikut:

அமைதியையும்

நிலைநிறுத்த

வேண்டியது

நமது கடமை."

yang bermaksud, memastikan kedaulatan dan keamanan negara.

Jadual 0.1: Jadual Rumusan Penggunaan Ciri-ciri Penterjemahan Ulasan Berita Bahasa Melayu Ke Dalam Bahasa Tamil.

JADUAL ANALISIS KESELURUHAN PENGGUNAAN CIRI-CIRI PENTERJEMAHAN								JUMLAH
BIL	TAJUK TEKS ULASAN BERITA	Penyalinan semula maklumat	Persamaan bukan keserupaan	Persamaan sejadi/formal	Persamaan terdekat / dinamik	Keutamaan makna	Kepentingan Gaya/ stail	
1	IMBUHAN PESARA	6	2	6	-	2	8	24
2	PASAR BERGERAK 1 MALAYSIA (PB1M)	5	2	5	1	4	8	25
3	DADAH	2	2	2	4	4	6	20
4	MALAYSIA – SELATAN THAI	6	7	6	6	8	15	48
5	LAHAD DATU 2	2	10	2	3	10	12	39
JUMLAH		21	23	21	14	28	49	156

Jadual 0.2: Jadual Peratus Rumusan Penggunaan Ciri-ciri Penterjemahan Ulasan Berita Bahasa Melayu ke dalam Bahasa Tamil.

JADUAL PERATUS RUMUSAN PENGGUNAAN CIRI PENTERJEMAHAN			
BIL	CIRI-PENTERJEMAHAN	JUMLAH	PERATUS
1	Kepentingan Gaya/ stail	26	31%

2	Keutamaan makna	28	18%
3	Persamaan bukan keserupaan	23	15%
4	Penyalinan semula maklumat	21	14%
5	Persamaan sejadi/formal	21	14%
6	Persamaan terdekat / Dinamik	14	09%
JUMLAH		156	100%

4.4 Rumusan Dapatan Kajian Persoalan 1

Ciri kepentingan gaya atau stail telah digunakan dalam semua teks ulasan berita bahasa Tamil. Menurut Nida (1969), tujuan penterjemah menggunakan ciri kepentingan gaya secara meluas adalah untuk mengekalkan makna teks asal. Maka penterjemah menggunakan gaya atau stail tersendiri untuk menterjemah peribahasa, perumpamaan, rangkai kata dan sebagainya dalam teks sasaran untuk mengekalkan makna kandungan teks-teks tersebut. Sebagai contoh dalam keratan teks 4.11 bertajuk PB1M (Pasar Bergerak Satu Malaysia), perumpamaan bahasa Melayu ‘serampang dua mata’, boleh diterjemah ke dalam Bahasa Tamil seperti berikut, ‘ஒரு கல்லில் இரு மாங்காய்’, namun begitu penterjemah tidak menggunakan ciri ini dalam penterjemahannya kerana bentuk teks berita diberi keutamaan.

Secara keseluruhannya, penggunaan ciri penterjemahan dinamis yang diperkenalkan oleh Nida (1969) digunakan secara meluas oleh penterjemah-penterjemah ulasan berita bahasa

Tamil. Enam (6) jenis ciri iaitu keutamaan makna, persamaan bukan keserupaan, penyalinan semula maklumat, persamaan sejadi atau formal, dan persamaan terdekat atau dinamik digunakan secara meluas kecuali ciri kepentingan gaya. Walaupun penterjemah-penterjemah ulasan berita tidak bertauliah dalam bidang penterjemahan, hasil mereka masih bersepadan dengan ciri dinamis ini. Dalam keenam-enam ciri penterjemahan dinamis, ciri keutamaan makna kerap digunakan untuk menterjemah teks asal ulasan berita bahasa Melayu ke dalam ulasan berita bahasa Tamil. Ini bermaksud, ciri keutamaan makna menyelamatkan mereka daripada belenggu kesukaran penterjemahan.

Pilihan ciri keutamaan makna Nida (1969) dapat diaplikasikan untuk menyampaikan maklumat penting dalam teks asal kepada teks sasaran. Matlamat ulasan berita yang disiarkan di rangkaian radio RTM adalah untuk menyampaikan maklumat isu semasa dalam dan luar negara kepada pendengar rangkaian tersebut. Oleh sebab penterjemah memberi keutamaan kepada maklumat, maka ciri ini digunakan sebanyak 28 kali daripada jumlah keseluruhan 156 kali kekerapan ciri penterjemahan dalam lima (5) buah teks Ulasan berita itu.

Ciri yang ketiga terbanyak digunakan dalam proses penterjemahan ini ialah ciri persamaan bukan keserupaan. Menurut pentaksiran Nida (1969), apabila maklumat daripada teks asal diterjemahkan kepada teks sasaran, bentuk teks sasaran tidak semestinya sama dengan teks asal. Perubahan pada penstrukturan perkataan dan ayat akan berlaku pada teks sasaran untuk mengekalkan maklumat seperti yang dinyatakan dalam teks asal. Pengguguran atau penambahan beberapa perkataan atau ayat akan berlaku pada teks sasaran tanpa menjejaskan maklumat teks asal. Ciri persamaan bukan keserupaan ini digunakan secara meluas dalam kesemua teks sasaran. Ciri persamaan bukan keserupaan merupakan kedua terbanyak digunakan dalam teks sasaran bahasa Tamil. Ciri ini dikenal

pasti digunakan sebanyak 23 kali daripada jumlah 156 kali ciri penterjemahan bersamaan dengan 15% daripada jumlah peratusan penterjemahan. Ciri ini merupakan laluan mudah untuk menterjemah teks asal bahasa Melayu kepada teks sasaran bahasa Tamil. Ciri ini memberi kebebasan kepada penterjemah untuk menyampaikan maklumat dalam apa jua bentuk ayat atau pemilihan kata. Tujuan utama mereka adalah untuk menyampaikan maklumat dengan jelas kepada pendengar siaran berita di rangkaian radio RTM.

Ciri penyalinan maklumat dan ciri sejadi pula mencatatkan jumlah bilangan kekerapan yang sama banyak iaitu 21 kali daripada jumlah 156 kali terjemahan. Hampir 14% daripada jumlah penterjemahan memanfaatkan ciri ini. Penggunaan kedua-dua ciri ini banyak terdapat dalam teks penterjemahan bertajuk 'Malaysia-Selatan Thai'. Hampir kesemua keratan dalam teks sasaran bahasa Tamil terdapat penggunaan kedua-dua ciri ini. Penterjemah telah berjaya mengekalkan maklumat daripada teks asal ke dalam teks sasaran tanpa meninggalkan sebarang maklumat daripada teks asal bahasa Melayu tersebut. Semua maklumat itu dapat disampaikan mengikut struktur bahasa sasaran bahasa Tamil. Keaslian bahasa sasaran perlulah dijaga dan dalam pada masa yang sama, ciri bentuk teks asal dikekalkan.

Pendekatan ciri persamaan terdekat atau dinamik digunakan sebanyak 14 kali atau 9% daripada jumlah ciri penterjemahan. Menurut ciri ini, penterjemah mempunyai kebebasan bahasa untuk menyampaikan maklumat dalam teks sasaran. Di sini keutamaan diberikan kepada pendengar siaran ulasan berita bahasa Tamil. Maklumat yang hendak disampaikan daripada teks asal haruslah jelas dan difahami mengikut budaya bahasa mereka. Maka penterjemah berusaha memberikan penjelasan kepada rangkai kata, peribahasa, perumpamaan, dan maklumat tersirat dalam teks asal bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil untuk memudahkan pemahaman pendengar warta ulasan berita

bahasa Tamil. Sebagai contoh pada keratan teks 4.11 yang bertajuk PB1M (Pasar Bergerak Satu Malaysia), perumpamaan Bahasa Melayu, ‘serampang dua mata’, tidak digantikan dalam bentuk peribahasa teks sasaran. Penterjemah menggunakan teknik menjelaskan makna tersirat perumpamaan tersebut dalam bahasa sasaran iaitu ‘இரு நோக்கங்களைக் கொண்டுள்ளது’. Ini akan memudahkan pemahaman pendengar ulasan berita tersebut.

Walaupun keenam-enam ciri ini digunakan secara meluas, namun terdapat juga beberapa kelemahan dalam penterjemahan teks sasaran bahasa Tamil. Khususnya pada peringkat kata, frasa, dan ayat. Perkara ini akan dibincang secara mendalam dalam persoalan kajian seterusnya.

4.5 Dapatan Kajian Persoalan 2

Persoalan kajian kedua ialah, ‘Apakah kelemahan yang terdapat dalam terjemahan ulasan berita bahasa Melayu kepada ulasan berita bahasa Tamil pada peringkat kata, frasa, dan ayat?’ Sejumlah lima (5) buah teks ulasan berita bahasa Melayu yang diterjemah ke dalam Bahasa Tamil dikaji untuk tujuan ini. Setiap teks dianalisis seperti berikut:

- i. Penterjemahan tidak tepat: merujuk kepada keadaan berlakunya ketidaktepatan penterjemahan pada peringkat kata, frasa, dan ayat. Pengguguran dalam penterjemahan yang sepatutnya diterjemahkan kerana ada maklumat yang penting atau lengkap juga diambil kira.

ii. Penterjemahan kurang tepat: merujuk kepada penterjemahan yang secara amnya maksud boleh diterima tetapi mungkin terdapat pilihan penggunaan bahasa yang lebih sesuai untuk konteks tertentu, maka terjemahan boleh diperbaiki lagi. Penterjemahan kurang tepat pula disenaraikan pada turutan kata, frasa, dan ayat.

Setiap kelemahan seperti yang dinyatakan di atas disenaraikan pada turutan kata, frasa, dan ayat. Bagi penterjemahan tidak tepat pula, kata, frasa atau ayat yang digugurkan juga akan disenaraikan.

Jadual 0.3: Penterjemahan Tidak Tepat dalam Teks Imbuhan Pesara

TEKS I: IMBUHAN PESARA				
BIL.	TEKS ASAL BAHASA MELAYU	TEKS SASARAN BAHASA TAMIL: TERJEMAHAN TIDAK TEPAT	TERJEMAHAN SEPATUTNYA	UNSUR - UNSUR BAHASA
1	Sememangnya lebih 400-ribu pesara penjawat awam...	பதவி ஓய்வு பெற்ற 400-க்கும் அதிகமானவர்களின்	400- ஆயிரத்திற்கும் அதிகமானவர்கள்.	Kata

		<i>lebih 400 pesara penjawat awam</i>		
2	Golongan pesara	பதவி ஓய்வு பெற்றவர்கள். <i>pesara berjawatan</i>	பணி ஓய்வாளர்கள்.	Frasa
3	Ini agar imbuhan yang diterima semasa persaraan berbaloi dengan apa yang telah disumbangkan	Tidak terjemah	பணி ஓய்வு பெற்ற போது கிடைக்கும் சலுகைகள் சேவைக் காலத்துப் பங்களிப்புக்கு நிகரானதாக இருக்குமாறு உறுதி செய்துக் கொள்ள வேண்டும்.	Ayat
4	Beliau melihat perkara berkenaan sesuatu yang penting dengan terus mengotakannya. Itu baru satu penetapan tarikh.	Tidak terjemah	பிரதமரின் பார்வையில் பிரகடணத் திகதியானது முக்கியமானதாகக் கருதி அறிவித்துள்ளார். இப்போதைக்கு இது ஒரு திகதி அறிவிப்பு.	Ayat

Dalam jadual 0.3 bagi teks bertajuk ‘Imbuhan Pesara’, terdapat terjemahan tidak tepat pada peringkat kata, frasa, dan ayat. Pada peringkat kata, perkataan nilai ‘ribu’ **‘Lebih 400-ribu’** digantikan dengan perkataan nilai ratus dalam terjemahan. **‘400-க்கும்**

அதிகமானவர்களின்’ yang *‘bermaksud lebih 400 orang’*. Kesilapan

penterjemahan ini menyebabkan penyampaian maklumat yang salah. Pada peringkat frasa pula, frasa ‘Golongan pesara’ diterjemahkan kepada, ‘**பதவி ஓய்வு பெற்றவர்கள்**’, yang bermaksud golongan *pesara berjawatan tinggi*.. Penambahan frasa adjektif *berjawatan tinggi* memberi maksud yang tidak dinyatakan dalam teks asal. Frasa yang sepatutnya digunakan ialah ‘**பணி ஓய்வாளர்கள்**’.

Pada peringkat ayat, penterjemah telah tertinggal dua potong ayat daripada teks asal ke dalam teks sasaran. Ayat pertama ialah:

‘Ini agar imbuhan yang diterima semasa persaraan berbaloi dengan apa yang telah disumbangkan.’

Ayat daripada teks asal yang dinyatakan di atas perlu diterjemah seperti berikut:

**‘பணி ஓய்வு பெற்ற போது கிடைக்கும் சலுகைகள்
சேவைக் காலத்துப் பங்களிப்புக்கு நிகரானதாக
இருக்குமாறு உறுதி செய்துக் கொள்ள வேண்டும்.’**

Insentif-insentif yang diberikan oleh kerajaan kepada pesara merupakan tanda penghargaan atas sumbangan mereka semasa tempoh berkhidmat untuk kerajaan. Ini bermaksud semasa tempoh perkhidmatan, penjawat-penjawat awam perlulah memberi perkhidmatan yang sempurna sejajar dengan insentif-insentif yang diberikan oleh kerajaan selepas persaraan. Maka ayat tertinggal terjemah itu secara tersiratnya memohon pesara-pesara untuk memberikan sokongan kepada kerajaan dan terus menikmati insentif-

insentif kerajaan tersebut. Oleh itu maklumat ayat tersebut perlu dikekalkan dalam teks sasaran untuk pendengar siaran ulasan berita bahasa Tamil.

Ayat seterusnya yang tidak terjemah ialah:

‘Beliau melihat perkara berkenaan sesuatu yang penting dengan terus mengotakannya. Itu baru satu penetapan tarikh.’

Ayat teks asal ini menyatakan pengumuman hari pesara oleh perdana menteri yang merupakan perkara penting bagi golongan pesara kerana ia akan membawa banyak faedah kepada mereka selepas bersara daripada perkhidmatan. Golongan pesara juga perlu berterima kasih dan memberikan sokongan yang padu kepada perdana menteri. Oleh sebab ayat ini tertinggal dalam teks sasaran, maka hilanglah maklumat yang diharapkan oleh penerbit untuk disiarkan kepada pendengar warta tersebut. Sepatutnya, ayat di atas perlulah diterjemah seperti berikut untuk mencapai matlamat siaran ulasan berita. :

‘பிரதமரின் பார்வையில் பிரகடணத் திகதியானது முக்கியமானதாகக் கருதி அறிவித்துள்ளார். இப்போதைக்கு இது ஒரு திகதி அறிவிப்புதான்.’

Jadual 0.4: Penterjemahan Kurang Tepat Dalam Teks Imbuhan Pesara

Dalam jadual 0.4 bagi teks bertajuk Imbuhan Pesara, frasa yang berbunyi ‘*perkhidmatan*

TEKS I: IMBUHAN PESARA				
BL.	TEKS ASAL BAHASA MELAYU	TEKS SASARAN BAHASA TAMIL: TERJEMAHAN KURANG TEPAT	TERJEMAHAN SEPATUTNYA	UNSUR - UNSUR BAHASA
1	Perkhidmatan yang berkesan	சிறந்த சேவையை Perkhidmatan cemerlang	பயனான சேவையை	Frasa
2	Jangan leka atau dikelabui mata dengan imbuhan yang bakal diterima semasa persaraan. Sebaliknya terus menanam tekad meningkatkan kecemerlangan dengan amalan kerja yang cepat, tepat dan berintegriti <u>tanpa karena birokrasi.</u>	அவர்கள், பதவி ஓய்வு பெறும்போது கிடைக்கவிருக்கின்ற சேவைக்கால சலுகைத் தொகையை நினைத்து, மதிமயங்கிப் போகாமல் விரைவான சரியான உயர் நெறிகொண்ட வேலைப் பண்பை சிறந்தோங்கச் செய்ய வேண்டும் Jangan leka atau dikelabui mata dengan imbuhan yang bakal diterima semasa persaraan. Sebaliknya terus menanam tekad meningkatkan amalan kerja cepat, tepat dan berintegriti.	அவர்கள், பதவி ஓய்வு பெறும்போது கிடைக்கவிருக்கின்ற சேவைக்கால சலுகைத் தொகையை நினைத்து, மதிமயங்கிப் போகாமல் விரைவு, நிறைவு, <u>அதிகாரத்தைப்</u> <u>புறந்தள்ளிய</u> <u>உத்தமமான</u> <u>சேவை</u> ஆகியவற்றை முன்னிறுத்தி தொடர்ந்து மன உறுதியுடன் சிறந்த சேவையை வெளிபடுத்த வேண்டும்.	Frasa
3	Ya mungkin ada yang menganggap ia perkara remeh. Tetapi tidak pada pandangan Perdana Menteri. <i>Beliau melihat perkara</i>	பதவி ஓய்வு பெற்றவர்கள் தினம் அற்ப விசயம் என சிலர் கருதக் கூடும். ஆனால், பிரதமர் இவ்வாறு கருதாமல்	இத்தினம் அற்பமானதாக சிலர் நினைக்கக் கூடும். ஆனால் பிரதமரின் பார்வையில் அப்படியல்ல. அவர்	Ayat

yang berkesan’ pada ruangan bil.1 yang diterjemah kepada ‘*சிறந்த சேவையை*’

	<i>berkenaan sesuatu yang penting dengan terus mengotakannya</i>	அந்த வாக்குறுதியை நிறைவேற்றுகிறார்.	அத்தினத்தை முக்கியமானதாகக் கருத்தில் கொண்டு பிரகடனம் செய்துள்ளார்	
		Mungkin ada yang menganggap Hari jawatan pesara ini perkara remeh. Tetapi perdana Menteri memunaikan janjinya tanpa memandang begitu.		

dalam bahasa Tamil. Perkataan tersebut membawa makna ‘perkhidmatan yang cemerlang’ dalam teks sasaran. Perkataan yang sepatutnya ialah ‘**பயனான சேவையை**’. Walaupun kata ‘**சிறந்த சேவையை**’ dan ‘**பயனான சேவையை**’ mempunyai kesinambungan makna pada perkhidmatan, namun masih terdapat berbezaan yang halus. Frasa ‘**பயனான சேவையை**’ merujuk kepada pihak yang menerima perkhidmatan daripada seseorang. Manakala ‘**சிறந்த சேவையை**’ pula merujuk kepada orang yang memberi perkhidmatan kepada seseorang. Maka ini memberi kekeliruan atau intepertasi makna yang salah kepada pendengar.

Contoh pada jadual 0.4 bil. 2 yang berbunyi ‘***Sebaliknya terus menanam tekad meningkatkan kecemerlangan dengan amalan kerja yang cepat, tepat dan berintegriti tanpa karehah birokrasi.***’ frasa ‘***tanpa karehah birokrasi***’ terlepas dalam teks sasaran bahasa Tamil. Frasa ini memberi penekanan kepada penjawat awam, bahawa karehah birokrasi tidak akan membawa kebaikan kepada mereka jika ianya diamalkan dalam karehah perkhidmatan. Tambahan pula, ia juga akan mewujudkan ketegangan antara

pekerja di tempat perkhidmatan. Maka untuk memberi penekanan kepada maklumat ini, frasa tersebut wajib dikekalkan dalam teks sasaran.

Pada peringkat ayat juga terdapat kelemahan penterjemahan kurang tepat. Pada peringkat ini, penterjemah tertinggal beberapa maklumat pada ayat bil.3 Jadual 0.4 sewaktu menterjemah kepada teks sasaran Bahasa Tamil. Ayat tersebut adalah seperti berikut:

‘Beliau melihat perkara berkenaan sesuatu yang penting dengan terus mengotakannya.’

Ayat di atas kurang tepat diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran, seperti berikut

‘அந்த வாக்குறுதியை நிறைவேற்றுகிறார்.’

yang bermaksud ‘beliau menunaikan janjinya’. Di sini penterjemah tidak memberi penekanan kepada kepentingan pelancaran Hari Pesara oleh Perdana Menteri. Ayat ***‘அந்த வாக்குறுதியை நிறைவேற்றுகிறார்.’*** tidak memadai untuk makna ayat teks asal. Maka ayat di bawah sepatutnya melengkapkan semua maklumat seperti yang terdapat dalam teks asal :

‘பிரதமரின் பார்வையில் அப்படியல்ல. அவர் அத்தினத்தை முக்கியமானதாகக் கருத்தில் கொண்டு பிரகடனம் செய்துள்ளார்’

Jadual 0.5: Penterjemahan Tidak Tepat dalam Teks PB1M

TEKS 2: PB1M (Pasar Bergerak 1 Malaysia)				
BIL.	TEKS ASAL BAHASA MELAYU	TEKS SASARAN BAHASA TAMIL: TERJEMAHAN TIDAK TEPAT	TERJEMAHAN SEPATUTNYA	UNSUR - UNSUR BAHASA
1	Dijual <u>pada harga yang kompetitif</u>	விற்கப்படும்	சந்தையில் போட்டித்தன்மை மிக்க விலையில் விற்கப்படும்.	Frasa
		Dijual		

Jadual 0.5 menunjukkan analisis teks terjemahan bertajuk PB1M (Pasar Bergerak 1 Malaysia). Berdasarkan jadual, terjemahan tidak tepat hanya boleh dilihat pada peringkat frasa sahaja. frasa tersebut seperti berikut:

‘Dijual pada harga yang kompetitif’

Frasa sepatutnya diterjemahkan ke dalam teks sasaran seperti berikut:

‘விற்கப்படும்’

yang bermaksud dijual. Penterjemahan yang sepatutnya adalah seperti berikut:

‘சந்தையில் போட்டித்தன்மை மிக்க விலையில் விற்கப்படும்’.

Walaupun makna perkataan dinyatakan dalam teks sasaran tetapi frasa ‘dijual’ bersifat umum. Dalam teks asal, pengarang ingin membezakan harga barang jualan di kedai biasa dengan di Pasar Bergerak 1 Malaysia (PB1M). Pengarang ingin menyatakan bahawa harga jualan barang di PB1M lebih murah jika dibandingkan dengan kedai biasa. Maklumat ini akan merangsang masyarakat untuk membeli di PB1M. Ini secara tidak langsung akan menjayakan matlamat kerajaan untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk meningkatkan pendapatan mereka jika menceburi program ini. Perkataan ‘dijual’ sahaja daripada teks sasaran tidak membawa makna tersebut dan tidak hairanlah jika pendengar warta tidak tertarik dengan program ini. Walaupun hanyalah satu perkataan sahaja, tetapi ianya memberi impak pada seluruh maklumat pada teks sasaran.

Jadual 0.6: Penterjemahan Kurang Tepat dalam Teks PB1M

TEKS I: PB1M (Pasar Bergerak 1 Malaysia)				
BIL.	TEKS ASAL BAHASA MELAYU	TEKS SASARAN BAHASA TAMIL: TERJEMAHAN KURANG TEPAT	TERJEMAHAN SEPATUTNYA	UNSUR - UNSUR BAHASA
1	<u>Membantu</u> golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana.	குறைந்த, நடுத்தர வருமானம் பெறுவோரை <u>இலக்காகக்</u> கொண்டது.	குறைந்த, நடுத்தர வருமானம் பெறுவோருக்கு <u>உதவுவதற்காகக்</u> கொண்டது	Kata

		Bertarget kepada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana.		
2	Subsidi yang besar.	உதவித் தொகை subsidi	பெரிய அளவிலான உதவித் தொகை.	Frasa
3	Kerajaan Barisan Nasional BN	அரசாங்கம் kerajaan	தேசிய முன்னணி அரசாங்கம்.	Frasa
4	Pasar mini bergerak	நடமாடும் சந்தை Pasar pergerak	நடமாடும் சிறு சந்தை.	Kata
5	Selewat-lewatnya April.	ஏப்ரல் மாதத்தில் pada bulan April	ஏப்ரல் மாதத்திற்குள்.	Kata
6	Kumpulan sasaran Masyarakat berpendapatan rendah dan sederhana, serta mangsa bencana alam	இயற்கைப் பேரிடரால் பாதிக்கப்பட்ட மக்களையும் அச்சேவை உள்ளடக்கியிருக்கும் perkhidmatan ini akan merangkumi mangsa bencana alam	குறைந்த, நடுத்தர வருமானம் பெறுபவர்களும் இயற்கைப் பேரிடரில் பாதிக்கப்பட்டவர்களும் இலக்காகக் கொண்டிருக்கும்.	Ayat Terikat
7	Manakala bagi pengguna, mereka boleh melakukan penjimatan di samping memperolehi barang yang lebih murah, segar, terjamin mutu dan kebersihannya.	பயனிட்டாளர்களோ மலிவாக பொருளை வாங்கி பணத்தை மிச்சப்படுத்தலாம் pengguna sendiri boleh menjimatkan wang dengan membeli barangan harga murah.	பயனிட்டாளர்களோ, பணத்தை மிச்சப்படுத்துவதோடு, தர உத்திரவாதமும் தூய்மையும் சுத்தமும் கொண்ட பொருளை மலிவாகப் பெறலாம்.,	Ayat terikat

Jadual 0.6 menyenaraikan segala unsur-unsur bahasa yang kurang tepat diterjemah bagi ulasan berita bertajuk PB1M (Pasar Bergerak 1 Malaysia). Pada peringkat kata, perkataan dalam jadual 0.6 bil. 1 menunjukkan perkataan '*membantu*' dalam ayat: '*Membantu golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana*' diterjemahkan kepada இலக்காக dalam teks terjemahan yang bermaksud *sasaran*. Sebenarnya perkataan உதவுவதற்காக perlu digantikan dalam teks terjemahan supaya makna teks asal lebih tepat. Perkataan இலக்காக tidak menepati makna perkataan '*membantu*' dalam teks asal. Perkataan இலக்காக dalam teks sasaran membawa maksud '*Bertarget kepada*'. Di sini penterjemahan kurang tepat telah berlaku bagi perkataan 'membantu' dalam teks sasaran Bahasa Tamil.

Seterusnya frasa '*Subsidi yang besar*' diterjemahkan kepada உதவித் தொகை yang bermaksud '*wang bantuan atau subsidi*'. Dalam teks asal bantuan subsidi sudah sememangnya dihulurkan kepada golongan berpendapatan rendah untuk menanganai kos sara hidup. Perlu diketahui bahawa subsidi yang besar bukan saja untuk menanggung sara hidup, malah ia juga termasuklah barang keperluan, kawalan harga barang, dan penetapan gaji minimum. Dalam teks sasaran makna sedemikian kurang tepat kerana penekanan yang dibawa oleh frasa '*yang besar*' tidak wujud pada perkataan உதவித் தொகை. Maka frasa 'பெரிய அளவிலான உதவித் தொகை' lebih sesuai digunakan untuk makna yang tepat.

Perkataan seterusnya ialah '**அரசாங்கம்**' (kerajaan) pada bil.3 jadual 0.6 yang digunakan dalam teks sasaran untuk frasa '**Kerajaan Barisan Nasional BN**'. Walaupun terdapat kesinambungan makna antara dua perkataan tersebut iaitu pihak pentadbir negara, tetapi motif tersirat untuk mempromosikan Parti Barisan Nasional tidak wujud dalam teks sasaran. Maka frasa '**தேசிய முன்னணி அரசாங்கம்**' lebih sesuai pada teks sasaran untuk motif tersebut disampaikan kepada pendengar ulasan berita bahasa Tamil.

Seterusnya perkataan adverba dalam frasa '**Selewat-lewatnya April,**' membawa maksud Pasar Mini Bergerak perlu beroperasi selewat-lewatnya pada bulan April, tetapi terjemahannya '**ஏப்ரல் மாதத்தில்**' yang membawa maksud **pada bulan April**. Di sini hanya wujud kekurangan ketepatan tempoh masa, yang dimaksudkan '**selewat-lewatnya**' dalam teks asal dan '**pada**' daripada teks sasaran. Penggunaan perkataan '**selewat-lewatnya**' dalam ulasan berita asal membawa keterangan bahawa pelancaran 'PB1M' boleh dilakukan dalam tempoh antara bulan Januari hingga bulan April. Manakala pada teks terjemahan pula, penggunaan perkataan '**pada**' membawa keterangan bahawa pelancaran tersebut akan dijalankan tepat pada bulan April sahaja. Terjemahan yang kurang tepat pada tahap kata dalam teks sasaran menyebabkan gangguan minimum bagi penyampaian maklumat keseluruhan teks asal.

Terjemahan yang kurang tepat pada peringkat ayat juga berlaku pada teks sasaran PB1M. Pengkaji akan membandingkan beberapa ayat daripada teks asal kepada teks sasaran. Ayat bil.6 Jadual 0.6 berikut merupakan teks asal:

‘Kumpulan sasaran Masyarakat berpendapatan rendah dan sederhana, serta mangsa bencana alam’

telah diterjemahkan ke dalam teks sasaran seperti berikut:

***‘இயற்கைப் பேரிடரால் பாதிக்கப்பட்ட மக்களையும்
அச்சேவை உள்ளடக்கியிருக்கும்.’***

Penyataan di atas membawa makna ‘perkhidmatan ini akan merangkumi mangsa bencana alam’. Di sini keratan ayat ‘*masyarakat berpendapatan rendah dan sederhana*’ tertinggal dalam terjemahan. Jelas di sini maklumat ayat terjemahan tidak dilengkapi dengan maklumat daripada teks asal. Maka pengkaji mencadangkan agar ayat teks asal perlu diterjemah seperti berikut supaya maklumat teks sasaran lengkap seperti yang dinyatakan dalam teks asal.

***‘குறைந்த, நடுத்தர வருமானம் பெறுபவர்களும்
இயற்கைப் பேரிடரில் பாதிக்கப்பட்டவர்களும் இலக்காகக்
கொண்டிருக்கும்.’***

Ayat seterusnya pula daripada bil.7 Jadual 0.6 yang berbunyi:

‘Manakala bagi pengguna, mereka boleh melakukan penjimatan di samping memperoleh barang yang lebih murah, segar, terjamin mutu dan kebersihannya.’

Telah salah diterjemah kepada teks sasaran seperti yang berikut:

**‘பயனீட்டாளர்களோ மலிவாக பொருளை வாங்கி
பணத்தை மிச்சப்படுத்தலாம்’**

Jika ayat ini diterjemah kembali ke dalam teks asal, ianya akan berbunyi seperti berikut:

‘pengguna sendiri boleh menjimatkan wang dengan membeli barangan harga murah.’

Ayat di atas sudah tentu hanya mewakili sebahagian maklumat daripada ulasan berita bahasa Melayu. Maklumat ‘barang bermutu’, ‘segar’, ‘terjamin mutu’, dan ‘kebersihan’ tertinggal daripada terjemahan. Penekanan pada segala kebaikan yang akan diterima oleh pengguna iaitu jaminan mutu barangan terlepas dalam ulasan berita bahasa Tamil. Ayat teks asal tersebut sepatutnya diubah suai menjadi kenyataan seperti berikut:

**‘பயனீட்டாளர்களோ, பணத்தை மிச்சப்படுத்துவதோடு, தர
உத்திரவாதமும் தூய்மையும் சுத்தமும் கொண்டு
பொருளை மலிவாகப் பெற்று பணத்தைச்
சிக்கனப்படுத்தலாம்.’**

Penterjemahan seperti di atas membolehkan maklumat yang disampaikan kepada pendengar radio dapat meningkatkan tahap keyakinan mereka terhadap PB1M yang akan dilancarkan oleh kerajaan.

Jadual 0.7: Penterjemahan Tidak Tepat dalam Teks Dadah

TEKS 3: DADAH				
BIL.	TEKS ASAL BAHASA MELAYU	TEKS SASARAN BAHASA TAMIL: TERJEMAHAN TIDAK TEPAT	TERJEMAHAN SEPATUTNYA	UNSUR - UNSUR BAHASA
1	Gejala ketagihan dadah, antara masalah yang masih membelenggu masyarakat kita.	Tidak diterjemahkan	போதைப் பொருள் மீதான தவறான பழக்கம் இன்னமும் நமது சமுதாயத்தைப் பீடித்துள்ள பிரசனையாக உள்ளது	Ayat
2	Seperti yang dinyatakan Timbalan Pengarah 111 (Perlucutan Harta/Tahanan/Perundangan) Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Jamaludin Kudin, kegiatan itu jika tidak ditangani, boleh memudaratkan negara. Ini kerana ia boleh mempengaruhi ekonomi bebas.	Tidak diterjemahkan	Bukit Aman Polis தலைமை காவல் நிலைய போதைப் பொருள் துடைத்தொழிப்பு சிறப்புப் பிரிவு 3-ஆம் துணை இயக்குநர் (சொத்து பறிமுதல்/ தடுப்புக் காவல்/ சட்டம்) Senior Asisten Komisioner Jamaludin Kudin குறிப்பிடுவது போல், இக்குற்றச்	Aayat

			செயலைத் தடுக்காவிட்டல் பொருளாதரத்திற் குப் பாதிப்பு ஏற்பட்டு, நாட்டுக்குக் குந்தகத்தை விளைவிக்கும்.	
3	Umum mengetahui, bahan di dalam dadah sememangnya mendatangkan bahaya. Halusinogen misalnya, mampu menyebabkan halusinasi, atau khayalan yang merosakkan jiwa manusia. Terdapat dalam bentuk asli dan tiruan, halusinogen mendatangkan ilusi, sehingga sukar bagi penggunaanya membezakan antara yang benar dan sebaliknya. Dadah halusinogen seperti LSD dan Mescaline, memberi kesan ganjil termasuk perubahan imej tubuh, merasa diri besar dan melayang-layang, serta rasa tenang dan riang, sehingga menyebabkan secara psikologi, mereka lebih bergantung kepada dadah	Tidak diterjemahkan	போதைப் பொருள் ஆபத்தானது என்பது அனைவருக்கும் தெரிந்தாதே. உதாரணத்திற்கு Halusinogen வகை போதைப் பொருள் உயிருக்கு மிகவும் ஆபத்தானது. இவ்வகைப் போதைப் பொருளிலும் கலப்படங்கள் உள்ளன. அதை அடையாளம் காண்பதும் சிரமமாகும். halusinogen வகையை சேர்ந்த LSD, Mescaline போதைப் பொருள் வித்தியாசமான விளைவுகளை	Ayat

			ஏற்படுத்தும். உடல் தோற்றத்தில் மாற்றமான உணர்வு, உடல் பெரிதானது போலவும், எடை குறைந்து மிதப்பது போலவும், சலனமற்ற உணர்வினை ஏற்படுத்தி மனதைப் பாதிக்கச் செய்கிறது. இவர்கள் இவ்வகை போதைப் பொருளுக்கு அடிமையாவதற் கு இதுவே காரணமாகும்.	
4	Usaha pihak berkuasa <u>memberkas anggota sindiket dadah</u> semata-mata sudah pasti tidak mencukupi, jika tanpa sokongan masyarakat	Tidak diterjemahkan	போதைப் பொருள் நடவடிக்கையில் ஈடுபடுபவர்களை ப் பிடிப்பது சுலபமான செயலல்ல. பொது மக்களின் ஆதரவு இல்லாமல் இக்காரியத்தைச் செய்ய முடியாது.	Ayat

5	Perlu difahami, jenayah dadah tidak akan dapat dibendung, selagi masih wujud permintaan dan penawaran.	Tidak diterjemahkan	போதப் பொருளுக்கான தேவையும், விற்பனையும் உள்ளவறை போதைப் பொருள் குற்றச் செயலை ஒழிக்க முடியாது.	Ayat
---	--	---------------------	--	------

Jadual 0.7 merujuk kepada teks bertajuk Dadah mempunyai penterjemahan tidak tepat yang ketara pada ulasan sasaran. Ini dapat dilihat pada beberapa potongan ayat daripada teks asal yang langsung tidak diterjemah ke dalam bahasa sasaran. Ini secara tidak langsung akan menyebabkan kehilangan maklumat penting ulasan berita Tamil. Berikut merupakan contoh-contoh ayat daripada jadual 0.7 yang terdapat kelemahan terjemahan. Terjemahan ini akan dibincangkan pada bahagian seterusnya.

Ayat bil.1 daripada Jadual 0.7 :

‘Gejala ketagihan dadah, antara masalah yang masih membelenggu masyarakat kita.’

Ayat di atas tidak diterjemah ke dalam bahasa sasaran Tamil. Maklumat ayat tersebut adalah sangat penting untuk memberi peringatan kepada pendengar siaran radio. Walaupun isu-isu ketagihan dadah sudah diketahui oleh masyarakat, namun masih terdapat segintir masyarakat yang tidak memandangnya dengan serius. Maklumat dadah membelenggu masyarakat dalam ulasan berita Melayu sangat perlu untuk memberi penekanan terhadap tahap keseriusan masalah sosial ini. Apabila maklumat ini tercicir daripada siaran maka hilanglah kesedaran pendengar siaran ulasan berita Tamil. Dalam usaha untuk menyampaikan mesej peringatan kepada masyarakat, ayat tersebut boleh diterjemahkan seperti berikut:

‘போதைப் பொருள் மீதான தவறான பழக்கம் இன்னமும்

நமது சமுதாயத்தைப் பீடித்துள்ள பிரச்சனையாக உள்ளது.’

Ayat-ayat bil.2 pada Jadual 0.7 merupakan kenyataan penting yang dilaporkan oleh seorang pegawai berjawatan tertinggi. Tetapi ayat-ayat ini telah tercicir dalam penterjemahan. Ayat-ayat yang tidak terjemah tersebut adalah seperti berikut:

‘Seperti yang dinyatakan Timbalan Pengarah 111 (Perlucutan Harta/Tahanan/Perundangan) Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Jamaludin Kudin, kegiatan itu jika tidak ditangani, boleh memudaratkan negara. Ini kerana ia boleh mempengaruhi ekonomi bebas.’

Seseorang penterjemah diamanahkan untuk menyampaikan segala maklumat penting daripada teks asal ke dalam teks sasaran. Ini adalah salah satu prinsip yang perlu ada pada penterjemah (Ainon Mohd. 2006:69). Oleh sebab terdapat maklumat yang tertinggal dalam penterjemahan, maka para pendengar ulasan berita bahasa Tamil akan kehilangan maklumat ini. Ayat teks asal bil.2 pada Jadual 4.6.5 sepatutnya perlu diterjemahkan seperti berikut:

‘Bukit Aman Polis தலைமை காவல் நிலைய போதைப் பொருள் துடைத்தொழிப்பு சிறப்புப் பிரிவு 3-ஆம் துணை இயக்குநர் (சொத்து பறிமுதல்/ தடுப்புக் காவல்/ சட்டம்) Senior Asisten Komisioner Jamaludin Kudin குறிப்பிடுவது போல், இக்குற்றச்

**செயலைத் தடுக்காவிட்டல் பொருளாதரத்திற்குப் பாதிப்பு
ஏற்பட்டு, நாட்டுக்குக் குந்தகத்தை விளைவிக்கும்.’**

Penterjemahan seperti di atas membolehkan maklumat-maklumat daripada teks asal ini lengkap diterima oleh kumpulan sasaran siaran Radio Tamil.

Ayat bil.3 daripada Jadual 0.7 juga tertinggal dalam penterjemahan. Ayat-ayat tersebut adalah seperti berikut:

‘Umum mengetahui, bahan di dalam dadah sememangnya mendatangkan bahaya. Halusinogen misalnya, mampu menyebabkan halusinasi, atau khayalan yang merosakkan jiwa manusia. Terdapat dalam bentuk asli dan tiruan, halusinogen mendatangkan ilusi, sehingga sukar bagi penggunanya membezakan antara yang benar dan sebaliknya. Dadah halusinogen seperti LSD dan Mescaline, memberi kesan ganjil termasuk perubahan imej tubuh, merasa diri besar dan melayang-layang, serta rasa tenang dan riang, sehingga menyebabkan secara psikologi, mereka lebih bergantung kepada dadah’

Apabila keseluruhan teks atas tidak diterjemahkan, ini bermakna kesemua maklumat daripada teks itu telah hilang dari penterjemahan. Teks asal tersebut menerangkan isu dadah jenis baru ‘Halusinogen’ yang berleluasa digunakan oleh penagih dadah. Dalam teks tersebut juga menyatakan bahawa jenis dadah tersebut memberi kesan bahaya kepada penggunanya. Ketagihan dadah jenis ‘ Halusinogen’ mengakibatkan penagih dadah sanggup melakukan apa saja demi dadah tersebut sedangkan pengedar sindiket dadah pula mengaut kekayaan melalui pengedaran dadah jenis ini. Semua maklumat tersebut telah hilang pada teks sasaran dan ini mencatatkan penyampaian maklumat kepada

pendengar radio ulasan berita Tamil. Ayat teks asal bil.5 daripada Jadual 4.6.5 sepatutnya diterjemahkan seperti berikut:

‘போதைப் பொருள் ஆபத்தானது என்பது அனைவருக்கும் தெரிந்தாதே. உதாரணத்திற்கு Halusinogen வகை போதைப் பொருள் உயிருக்கு மிகவும் ஆபத்தானது. இவ்வகைப் போதைப் பொருளிலும் கலப்படங்கள் உள்ளன. அதை அடையாளம் காண்பதும் சிரமமாகும். halusinogen வகையை சேர்ந்த LSD, Mescaline போதைப் பொருள் வித்தியாசமான விளைவுகளை ஏற்படுத்தும். உடல் தோற்றத்தில் மாற்றமான உணர்வு, உடல் பெரிதானது போலவும், எடை குறைந்து மிதப்பது போலவும், சலனமற்ற உணர்வினை ஏற்படுத்தி மனதைப் பாதிக்கச் செய்கிறது. இவர்கள் இவ்வகை போதைப் பொருளுக்கு அடிமையாவதற்கு இதுவே காரணமாகும்.

Penterjemahan di atas memberikan maklumat penting tentang bahaya dadah jenis ‘Halusinogen’ kepada pendengar Radio Tamil RTM.

Ayat bil.4 daripada Jadual 0.7 juga tertinggal dalam penterjemahan. Ayatnya adalah seperti berikut:

‘Usaha pihak berkuasa memberkas anggota sindiket dadah semata-mata sudah pasti tidak mencukupi, jika tanpa sokongan masyarakat’.

Apabila ayat tersebut diterjemahkan ke dalam teks sasaran, ianya akan berbunyi seperti berikut:

**‘போதைப் பொருள் நடவடிக்கையில் ஈடுபடுபவர்களைப்
பிடிப்பது சுலபமான செயலல்ல. பொது மக்களின் ஆதரவு
இல்லாமல் இக்காரியத்தைச் செய்ய முடியாது.’**

Ayat tersebut menyatakan tentang usaha pihak berkuasa untuk membanteras sindiket dadah dan tanggungjawab masyarakat untuk menyokong usaha tersebut. Apabila makna tersebut tertinggal dalam teks sasaran, secara langsung pendengar warta juga tidak diingatkan betapa pentingnya usaha mereka untuk membantu dalam membanteras masalah dadah.

Akhir sekali ialah ayat bil.5 pada jadual 0.7 yang juga tidak kelihatan penterjemahannya dalam ulasan sasaran. Ayatnya adalah seperti berikut:

‘Perlu difahami, jenayah dadah tidak akan dapat dibendung, selagi masih wujud permintaan dan penawaran.’

Penterjemahan ayat tersebut sepatutnya seperti berikut:

**‘போதைப் பொருளுக்கான தேவையும், விற்பனையும்
உள்ளவறை போதைப் பொருள் குற்றச் செயலை ஒழிக்க
முடியாது.’**

Penterjemahan seperti di atas adalah untuk memberi penegasan terhadap tanggungjawab semua rakyat Malaysia dalam mencegah masalah dadah.

Jadual 0.8: Penterjemahan Kurang Tepat dalam Teks Dadah

TEKS 3: DADAH				
BIL.	TEKS ASAL BAHASA MELAYU	TEKS SASARAN BAHASA TAMIL: TERJEMAHAN KURANG TEPAT	TERJEMAHAN SEPATUTNYA	UNSUR - UNSUR BAHASA
1	Pendedahan menerusi media mengenai ketua sindiket dadah mengaut kejayaan bernilaian jutaan ringgit menerusi perbuatan yang merosakkan anak bangsa kita.	உண்மையில், இது போலப் பன்மடங்கு கூடுதலான எடையில், மதிப்பில் போதைப் பொருள் விநியோகம் நடப்பதாக, போலீஸ் ஐயுறுகிறது.. இளைய சமூகத்தையே பாழாக்கும் இந்தப் போதைப் பொருள் கடத்தலில், உள்நாட்டவர் மட்டும் ஈடுபடவில்லை.	உண்மையில், இது போலப் பன்மடங்கு கூடுதலான எடையில், மதிப்பில் போதைப் பொருள் விநியோகம் நடப்பதாக, தகவல் ஊடகங்கள் வழி	

		அந்நிய கும்பல்களும், உள்நாட்டினரைப் பயன்படுத்தி, இந்தச் சமூகவிரோத செயல்களில் ஈடுபட்டு, செல்வம் கொழிக்க தாயகம் செல்கின்றன Sebenarnya, gejala penyeludupan dadah yang membinasakan generasi muda ini bukan hanya melibatkan warganegara tempatan. Malah, terdapatnya campur tangan kumpulan asing yang amat giat dalam mengaut keuntungan melalui perniagaan haram ini dengan mempertaruhkan warganegara tempatan.	தெரிய வருகிறது. இளைய சமூகத்தையே பாழாக்கும் இந்தப் போதைப் பொருள் கடத்தலில் ஈடுபட்டு, செல்வம் கொழிக்க செய்கின்றன	
2	<u>Apatah lagi jenayah dadah membabitkan pelbagai golongan.</u> Untuk itu antara lain semua pihak terutama ibu bapa, seharusnya memainkan peranan mengawal anak-anak, agar tidak terperangkap dengan gejala tidak sihat itu	இளைய சமூகம், போதைப் பழக்கத்தில் சிக்காமல் இருப்பதை உறுதிசெய்யும் மிகப் பெரிய பொறுப்பு, மூத்த தலைமுறைக்கு உண்டு. அதிலும் பெற்றோருக்கும் ஆசிரியர்களுக்கும் பெரும் பங்கு உண்டு. Adalah tanggungjawab generasi tua untuk memastikan generasi muda tidak terlibat dalam gejala dadah khususnya ibu bapa serta para guru.	போதைப் பொருள் குற்றச் செயலில் பலத்தரப்பினர் ஈடுபட்டுள்ளனர். ஆகையால் ஆரோக்கியமற்ற இப்பழக்கத்தில் பிள்ளைகள் சிக்கிக் கொள்வதிலிருந்து பாதுகாக்க: எல்லாத் தரப்பினரும், குறிப்பாக பெற்றோர் முக்கிய பங்காற்ற வேண்டும்.	Ayat

3	‘Biarpun kesan negatif penyalahgunaannya diketahui ramai, namun masih ada individu yang terus membiarkan diri terjebak dengan jenayah berkenaan.	‘போதைப் பொருள் பழக்கம், உட்கொண்டால் மட்டுமல்ல; அதனை விநியோகித்தால் கூட, மரணம் நிச்சயம் எனத் தெரிந்தும், அந்தப் படுகுழியில் வீழ்வோரின் எண்ணிக்கை அதிகரித்துவருவது’ ‘Bukan hanya gejala pengambilan dadah, malah <u>aktiviti perniagaan dadah</u> juga boleh mengundang kematian nyawa. Walaupun perkara ini diketahui umum, namun jumlah orang yang melibatkan diri dalam gejala negatif ini <u>terus meningkat dan membimbangkan semua pihak.</u>’	போதைப் பொருள் தவறான பயன்பாடு எதிர்மறையான விளைவுகளைக் கொடுக்கும் என்று பலருக்கும் தெரிந்தும் கூட, சிலதரப்பினர் இக்குற்றச் செயலில் இன்னமும் ஈடுபட்டு வருகின்றனர்.	
---	---	--	--	--

Seterusnya pengkaji akan membincangkan penterjemahan kurang tepat teks dadah berdasarkan analisis Jadual 0.8. Ayat bil.1 daripada Jadual 0.8 boleh dikatakan sebagai terjemahan yang kurang tepat. Ada sebahagian maklumat tertinggal pada teks sasaran iaitu pada binaan ayat ‘**Apatah lagi jenayah dadah membabitkan pelbagai golongan**’ yang terlepas daripada terjemah. Ayat tersebut membawa maklumat mengenai sindiket dadah yang dilakukan oleh pelbagai golongan. Tambahan lagi, golongan tersebut sukar dikesan oleh pihak berkuasa dan golongan tersebut akan mudah mempengaruhi anak-anak muda dalam gejala tersebut. Oleh itu, pihak berkuasa memohon kepada ibu bapa supaya mengawal anak-anak mereka daripada gejala tidak sihat ini. Apabila ayat tersebut

tidak diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran, ia telah mengaburi maklumat dalam keratan teks tersebut. Oleh itu, ayat tersebut seharusnya diterjemahkan seperti berikut:

‘போதைப் பொருள் குற்றச் செயலில் பலத்தரப்பினர்
ஈடுபட்டுள்ளனர். **ஆகையால்** **ஆரோக்கியமற்ற**
இப்பழக்கத்தில் பிள்ளைகள் சிக்கிக் **கொள்வதிலிருந்து**
பாதுகாக்க: எல்லாத் தரப்பினரும், குறிப்பாக பெற்றோர்
முக்கிய பங்காற்ற வேண்டும்.

Jadual 0.9: Penterjemahan Tidak Tepat dalam Teks Malaysia-Selatan Thai

TEKS 4: MALAYSIA – SELATAN THAI				
BIL.	TEKS ASAL BAHASA MELAYU	TEKS SASARAN BAHASA TAMIL: TERJEMAHAN TIDAK TEPAT	TERJEMAHAN SEPATUTNYA	UNSUR - UNSUR BAHASA
1	kumpulan pejuang pembebasan	Tidak terjemah	பிரிவினைவாத போராட்டக் குழு	Frasa
2	menamatkan keganasan ... sudah meragut <u>ribuan</u> nyawa.	இது வரை... <u>ஆயிரம்</u> பேரை பலி கொண்டது.	<u>பல்லாயிரம்</u> பேரைப் பலிகொண்டது.	Kata

		Sudah meragut seribu nyawa		
3	selepas sekian lama bergolak.	Tidak terjemah	நீண்ட நாள் போரட்டத்திற்குப் பிறகு.	Frasa

Jadual 0.9 menunjukkan analisis penterjemahan tidak tepat teks ‘Malaysia – Thai’. Pengkaji dapat mengenal pasti beberapa ketidaktepatan penterjemahan daripada teks sasaran ulasan berita bahasa Tamil dengan perbandingan bersama teks asal bahasa Melayu. Keadaan terjemahan tidak tepat berlaku pada unsur-unsur bahasa frasa, dan perkataan.

Frasa bil.1 Jadual 0.9 yang berbunyi, ‘*kumpulan pejuang pembebasan*’ tidak diterjemahkan ke dalam teks sasaran. Terjemahan frasa tersebut dalam teks sasaran sepatutnya, ‘*பிரிவினைவாத போராட்டக் குழு*’. Kehilangan frasa ini akan mengaburkan maklumat pada ulasan sasaran. Dalam teks sasaran, kumpulan ‘*Badan Revolusi Nasional (BRN)*’ (*தேசிய புரட்சி முன்னணி BRN*) akan diinterpretasikan sebagai sebuah badan politik di negara Thai oleh pendengar ulasan berita bahasa Tamil. Jelas sekali di sini bahawa maklumat yang diterjemahkan adalah tidak tepat seperti yang terdapat dalam ulasan asal. Seterusnya frasa bil.3 pada jadual juga tidak diterjemahkan ke dalam teks sasaran. Frasa, ‘*selepas sekian lama bergolak*’ membawa maksud pergolakan antara kerajaan Thai dengan kumpulan pejuang pembebasan di selatan Thai berterusan untuk jangka masa yang agak lama. Oleh sebab frasa itu tidak diterjemah ke dalam teks sasaran, maka hilanglah maklumat penting untuk

pendengar ulasan berita bahasa Tamil. Frasa tersebut sepatutnya diterjemahkan ke dalam teks sasaran seperti berikut, **‘நீண்ட நாள் போரட்டத்திற்குப் பிறகு’**.

Frasa bil.2 pada Jadual 0.9 yang berbunyi, **‘sudah meragut ribuan nyawa’** bermaksud beribu-ribu orang meninggal dunia dalam rusuhan di selatan negara Thai. Namun dalam teks sasaran, ayat yang diterjemahkan telah menjadi, **‘ஆயிரம் பேரை பலி கொண்டது’**. Ini membawa maksud bahawa dalam rusuhan tersebut hanya seribu orang sahaja yang meninggal dunia. Kedua-dua kenyataan tersebut amat beza maknanya. Pendengar ulasan berita Tamil akan mendapat maklumat yang salah tentang jumlah nyawa yang terkorban dalam rusuhan di selatan negara Thai. Perkataan ‘seribu’ dalam bahasa Tamil perlu dibetulkan dengan, **‘பல்லாயிரம்’** supaya ketepatan makna boleh dikekalkan.

Frasa bil. 3 daripada Jadual 0.9 yang berbunyi **‘selepas sekian lama bergolak’** juga tidak diterjemah dalam ulasan sasaran. Maklumat tentang pergolakan di selatan Thai yang agak lama berlaku telah tertinggal dalam ulasan sasaran. Keciciran ini menyebabkan pendengar ulasan berita sasaran tidak mendapat gambaran tentang tempoh masa pergolakan yang agak panjang. Frasa tersebut perlulah diterjemahkan seperti berikut, **‘நீண்ட நாள் போரட்டத்திற்குப் பிறகு’**.

Kesimpulannya, kesemua potongan ayat daripada Jadual 0.9 membawa makna yang tidak tepat atau kehilangan maklumat dalam teks sasaran ulasan berita bahasa Tamil. Di sini wajib dikatakan bahawa sebagai seorang penterjemah, hasil terjemahannya perlulah

memberikan kesan yang betul seperti yang dialami oleh pendengar teks asal (Ainon, 2006).

Jadual 0.10: Penterjemahan Kurang Tepat dalam Teks Malaysia-Selatan Thai

TEKS I: MALAYSIA SELATAN - THAI				
BIL.	TEKS ASAL BAHASA MELAYU	TEKS SASARAN BAHASA TAMIL: TERJEMAHAN KURANG TEPAT	TERJEMAHAN SEPATUTNYA	UNSUR - UNSUR BAHASA
1	...Perlu mencari punca sebenar pergolakan ,	சர்ச்சைக்கான உண்மையான காரணம் கண்டறியப்படும் mengenalpastikan punca sebenar kepada kontroversi	போராட்டத்திற்கான உண்மையான காரணம் கண்டறியப்படும்.	kata
2	Kesediaan Thailand menerima bantuan Kuala Lumpur selaku pihak berkecuali yang tidak mempunyai kepentingan peribadi, merupakan satu perkembangan yang baik.	சுய நலன் கருதாத மலேசியாவின் உதவியை தாய்லாந்து ஏற்றுக் கொண்டுள்ளது. நல்லதொரு மேம்பாடாகும். Penerimaan bantuan Malaysia yang tidak bersifat mementingkan diri oleh kerajaan Thailand. adalah suatu perkembangan yang sihat.	சுய நலன் கருதாத அணி சேரா தரப்பினரான மலேசியாவின் உதவியை தாய்லாந்து ஏற்றுக் கொண்ட செயல் நல்லதொரு மேம்பாடாகும்.	Frasa
3	Lebih-lebih lagi dengan pengalaman mengusahakan perjanjian damai bersejarah	தென் பிலிப்பின்ஸ் மிண்டானோ மக்களுக்கான அமைதி உடன்பாட்டை ஏற்படுத்துவதில்	தென் பிலிப்பின்ஸ் மிண்டானோ மக்களுக்காக கடந்த அக்டோபர் மாதம் வரலாற்றுப் பூர்வ அமைதி	Kata

	bagi penduduk Mindanao di selatan Filipina, Oktober lalu sehingga menyaksikan kewujudan wilayah autonomi Bangsamoro.	கடந்த அக்டோபர் மாதம் மலேசியா அடைந்த வெற்றி, BANGSAMORO சுயாட்சி வட்டாரத்தை உருவாக்கியுள்ளது குறிப்பிடத்தக்கதாகும்.	உடன்படுக்கையால் BANGSAMORO எனும் சுயாட்சி வட்டாரத்தை உருவாக்கி அனுபவம் கண்டுள்ளது.	
		kejayaan Malaysia hasil daripada campur tangannya dalam mewujudkan perjanjian damai bagi masyarakat Mindano di Filipina Selatan pada oktober lalu menjurus kepada pembentukan suatu wilayah bebas yang bernama Bangsamoro.		
4	Selatan Thailand mempunyai banyak kumpulan kecil yang tidak bersatu dan berpecah. Ia tentunya menyukarkan Malaysia untuk menarik semua atau sekurang-kurangnya majoriti kumpulan pemisah, bersatu di bawah satu payung.	தென் தாய்லாந்தில் பிளவுபட்ட சிறிய குழுக்கள் பல உள்ளதையும் பரிசீலிப்பது அல்லது குறைந்தது பெரும்பான்மை உள்ள பிரிவினைவாத தரப்பு ஒன்றையாவது ஒன்று சேர்ப்பது சிரமமான பணியாகும்.	தென் தாய்லாந்தில் ஒன்றுபடாது பிளவுபட்டிருக்கும் சிறிய குழுக்கள் பல உள்ளன. அனைத்துக் குழுக்களையும் அல்லது பெரும்பான்மையாக உள்ள பிரிவினைவாத தரப்பினரையாவது ஒரு குடையின் கீழ் ஒன்று சேர்ப்பது என்பது மலேசியாவுக்குச் சிரமமான பணியாகும்.	Ayat
		adanya pelbagai kumpulan kecil yang berasingan di bahagian Selatan Thailand. Usaha untuk menyatukan semula kesemua pihak ini atau sekurang-kurangnya		

		sebahagian besar kumpulan pejuang pembebasan itu adalah perkara yang amat sukar untuk dilakukan.		
5	Jika pihak berkuasa Thailand bersetuju mengadakan dialog dengan semua pihak berkepentingan dan kumpulan yang terlibat-	சம்பந்தப்பட்ட அனைத்து தரப்புகளுடன் பேச்சு நடத்த தாய்லாந்து இணக்கம் தெரிவித்துள்ள வேளை, Thailan bersetuju untuk melakukan sesi dialog proses damai dengan semua pihak yang terlibat	முக்கியத்துவம் வாய்ந்த தரப்பினர் மற்றும் தொடர்புடைய தரப்பினர் அனைவரிடமும் தாய்லாந்தின் அதிகாரப்பூர்வ தரப்பினர் பேச்சு வார்த்தை நடத்த இணக்கம் தெரிவித்தால்,	Ayat
6	Malaysia pula akan sedaya upaya membantu melancarkan fungsi Kumpulan Kerja Bersama – badan yang ditubuhkan untuk mengadakan dialog proses damai berkenaan.	மலேசியாவோ அந்த முயற்சிகள் சுமுகமாக நடைபெறுவதை உறுதி செய்யும் பணியில் ஈடுபடும். manakala Malaysia pula akan memastikan urusan tersebut berjalan secara lancar.	அமைதி பேச்சு வார்த்தைக்காக அமைக்கப்பட்ட ஒத்துழைப்பு பணிக் குழு, தனது செயல்பாடு சுமுகமாக நடைபெற தனது முழு உதவியையும் மலேசியா வழங்கும்,	Ayat

Jadual 0.11 menunjukkan analisis penterjemahan yang kurang tepat bagi teks Malaysia-Selatan Thai. Semasa penyalinan maklumat daripada teks asal ke dalam teks sasaran dijalankan, penterjemah akan memberikan maklumat tambahan untuk penekanan sesuatu makna (Newmark 1981). Sewaktu ini ada kemungkinan akan berlakunya ketinggalan maklumat daripada teks asal. Ini akan menjejaskan penyampaian kesemua maklumat daripada teks asal ke dalam teks sasaran dan seterusnya akan berlaku ketidaktepatan penterjemahan. Keadaan ini jelas dapat dilihat pada analisis Jadual 0.12.

Perkataan teks asal '**pergolakan**', daripada ayat bil.1 daripada Jadual 0.13 telah diterjemahkan kepada '**சர்ச்சைக்கான**' dalam teks sasaran yang bermaksud '**kontroversi**'. Di sini, makna ayat terjemahan menjadi kurang tepat, Dalam teks sumber, perkataan '**pergolakan**' membawa makna kekacauan atau keadaan yang tidak tenang, makakala perkataan '**kontroversi**' membawa makna perselisihan fahaman. Dalam teks ulasan berita, perkara pokok perbincangan ialah perjuangan pembebasan kawasan autonomi. Dalam situasi ini pergolakan akan terjadi akibat kontroversi antara dua belah pihak. Perkataan yang lebih wajar digunakan pada teks sasaran ulasan berita bahasa Tamil ialah '**போராட்டத்திற்கான**'

Ayat bil.2 daripada Jadual 0.10 adalah seperti berikut:

'Kesediaan Thailand menerima bantuan Kuala Lumpur selaku pihak berkecuali yang tidak mempunyai kepentingan peribadi, merupakan satu perkembangan yang baik.'

Ayat di atas diterjemahkan ke dalam teks sasaran ulasan berita seperti berikut:

***‘சுய நலன் கருதாத மலேசியாவின் உதவியை தாய்லாந்து
ஏற்றுக் கொண்டுள்ளது. நல்லதொரு மேம்பாடாகும்.’***

Penterjemah dapat menyampaikan sebahagian maklumat daripada teks asal kepada teks sasaran, namun begitu makna penterjemahannya masih lagi kurang tepat apabila frasa yang digariskan pada teks asal tidak diterjemah. Seharusnya, ayat terjemahan yang lengkap akan mengandungi kesemua maklumat termasuk frasa *‘selaku pihak berkecuali’* yang sepatutnya diterjemahkan seperti berikut:

***‘சுய நலன் கருதாத அணி சேரா தரப்பினரான
மலேசியாவின் உதவியை தாய்லாந்து ஏற்றுக் கொண்டுள்ளது.
நல்லதொரு மேம்பாடாகும்.’***

Seterusnya ialah terjemahan ayat daripada bil.3 dalam Jadual 0.10 yang kurang tepat pada teks sasaran ulasan berita bahasa Tamil. Ayat teks asal adalah seperti berikut:

***‘Lebih-lebih lagi dengan pengalaman mengusahakan perjanjian damai
bersejarah bagi penduduk Mindanao di selatan Filipina, Oktober lalu
sehingga menyaksikan kewujudan wilayah autonomi Bangsamoro.’***

Penyataan telah diterjemahkan ke dalam teks sasaran seperti berikut:

‘தென் பிலிப்பின்ஸ் மிண்டானோ மக்களுக்கான அமைதி

உடன்பாட்டை ஏற்படுத்துவதில் கடந்த அக்டோபர் மாதம்

மலேசியா அடைந்த வெற்றி, BANGSAMORO சுயாட்சி

வட்டாரத்தை உருவாக்கியுள்ளது குறிப்பிடத்தக்கதாகும்.’

Frasa ‘perjanjian damai bersejarah’ hanya diterjemahkan kepada ‘**அமைதி**

உடன்பாட்டை’(perjanjian damai) dalam ulasan berita bahasa Tamil. Makna kedua-

dua frasa ini tidak membawa maklumat yang sama dengan sepenuhnya. Frasa yang terdapat pada teks asal memberi penekanan bahawa perjanjian damai itu bukan satu-satunya perjanjian biasa, malah ianya akan menjadi satu peristiwa bersejarah buat masa akan datang dan akan diwartakan ke dalam dokumen bertulis. Manakala frasa

‘**அமைதி உடன்பாட்டை**’(perjanjian damai) dalam ulasan berita Tamil merujuk

kepada satu perjanjian biasa antara dua belah pihak yang tiada kepentingan unsur sejarah.

Terjemahan berikut akan menyempurnakan semua maklumat daripada teks asal:

‘தென் பிலிப்பின்ஸ் மிண்டானோ மக்களுக்காக கடந்த

அக்டோபர் மாதம் வரலாற்றுப் பூர்வ அமைதி

உடன்படுக்கையால் BANGSAMORO

Ayat teks asal pada bil.4 dalam Jadual 0.10 adalah satu lagi bahagian ulasan berita bahasa Melayu yang mendapat penterjemahan kurang tepat dalam ulasan berita bahasa Tamil. Ayat teks asal adalah seperti berikut:

‘Selatan Thailand mempunyai banyak kumpulan kecil yang tidak bersatu dan berpecah. Ia tentunya menyukarkan Malaysia untuk menarik semua atau sekurang-kurangnya majoriti kumpulan pemisah, bersatu di bawah satu payung. ‘

Selepas proses penterjemahan dijalankan, ayat bergaris pada teks asal telah hilang daripada teks sasaran. Maklumat ayat yang tidak diterjemah ini sebenarnya membicarakan usaha Malaysia untuk mengadakan perikatan damai antara dua belah pihak. Kehilangan maklumat ayat tersebut daripada teks sasaran mewujudkan persoalan tentang pihak yang berusaha untuk mendamaikan kedua-dua belah pihak di Selatan Thai. Maka untuk menyempurnakan maklumat tersebut ayat terjemahan berikut adalah lebih sesuai:

***‘தென் தாய்லாந்தில் ஒன்றுபடாது பிளவுபட்டிருக்கும்
சிறிய குழுக்கள் பல உள்ளன. அனைத்துக் குழுக்களையும்
அல்லது பெரும்பான்மையாக உள்ள பிரிவினைவாத
தரப்பினரையாவது ஒரு குடையின் கீழ் ஒன்று சேர்ப்பது
என்பது மலேசியாவுக்குச் சிரமமான பணியாகும்.*** ‘

Seterusnya ayat bil.5 dalam Jadual 0.10 dalam ulasan berita adalah seperti berikut:

‘Jika pihak berkuasa Thailand bersetuju mengadakan dialog dengan semua pihak berkepentingan dan kumpulan yang terlibat’

Ayat tersebut telah diterjemahkan ke dalam teks sasaran Tamil seperti berikut:

‘சம்பந்தப்பட்ட அனைத்து தரப்புகளுடன் பேச்சு நடத்த தாய்லாந்து இணக்கம் தெரிவித்துள்ள வேளை,

Jika dibandingkan ayat teks sasaran dengan ayat teks asal, terjemahan kurang tepat dapat dikesan daripada teks sasaran. Walaupun penterjemah mencuba menyatakan maklumat teks asal pada teks sasaran, namun sedikit maklumat masih lagi ketinggalan. Maklumat yang tertinggal tersebut dapat dilihat pada keratan ayat di bawah:

‘dengan semua pihak berkepentingan dan kumpulan yang terlibat’

Dalam keratan ini, penerbit sebenarnya cuba untuk menyatakan bahawa dalam proses pendamaian di Selatan Thai, masih terdapat kumpulan pejuang utama yang memohon wilayah autonomi Bangsamoro, dan kumpulan-kumpulan perjuangan lain yang tidak terlibat secara langsung. Ayat teks asal akan berbunyi seperti berikut jika diterjemahkan sepenuhnya:

‘முக்கியத்துவம் வாய்ந்த தரப்பினர் மற்றும் தொடர்புடைய தரப்பினர் அனைவரிடமும் தாய்லாந்தின்

இணக்கம் தெரிவித்தால்,

Ayat terjemahan ulasan berita bahasa Tamil daripada bil.7 dalam Jadual 0.10 juga mengandungi maklumat yang kurang tepat jika dibandingkan dengan teks asal ulasan berita bahasa Melayu. Sebahagian maklumat daripada teks asal gagal diterjemahkan ke dalam teks sasaran oleh penterjemah. Ayat teks asal adalah seperti berikut:

'Malaysia pula akan sedaya upaya membantu melancarkan fungsi Kumpulan Kerja Bersama – badan yang ditubuhkan untuk mengadakan dialog proses damai berkenaan.'

Dalam ayat ini, keratan '**melancarkan fungsi Kumpulan Kerja Bersama -badan yang ditubuhkan,**' tidak terjemah ke dalam teks sasaran. Penubuhan **Kumpulan Kerja Bersama** untuk proses pendamaian itu merupakan maklumat penting dan perlu disampaikan kepada pendengar warta berita. Kegagalan penterjemah untuk menterjemah maklumat tersebut telah menyebabkan hasil penterjemahan menjadi kurang lengkap. Justeru, ayat yang lengkap yang sepatutnya diterjemahkan kepada teks sasaran adalah seperti berikut:

Jadual 0.14: Penterjemahan Tidak Tepat Teks Lahad Datu 2

TEKS 7 : LAHAD DATU 2				
BIL	TEKS ASAL BAHASA MELAYU	TEKS SASARAN BAHASA TAMIL: TERJEMAHAN TIDAK TEPAT	TERJEMAHAN SEPATUTNYA	UNSUR - UNSUR B1AHASA
1	Mengikut sumber risikan pencerobohan itu dirancang rapi dan kumpulan penceroboh telah mula memasuki Sabah sejak empat bulan lalu. (1)Presiden Filipina, Benigno Aquino 111 pula dipetik berkata menurut risikan Negara itu kumpulan itu mendapat tajaan sekurang-kurangnya tiga pihak. (2) Siapakah pihak terbabit?	வேவு தகவலின் படி அது திட்டமிட்ட ஊடுருவல் என தெரியவருகிறது. நான்கு மாதங்களுக்கு முன்னரே அந்தச் சதிச்செயல் திட்டமிடப்பட்டிருக்கலாம் என கூறப்படுகிறது. இந்த மோசடியில் மூன்று தரப்பினருக்கு தொடர்பு இருக்கலாம் என தெரியவந்திருப்பதாக (1)அதிபர் BENIGNO AQUINO குறிப்பிட்டுள்ளார். (1) Presiden Filipina, Benigno Aquino (2) tidak terjemah	1. Filipina அதிபர் Benigno Aquino 111 2. யார் அந்த தரப்பினர்?	1. Kata 2Ayat
2	Insiden itu sesungguhnya	இந்த மருட்டல்களுக்கு	1. அன்னிய சக்திகளின்	1. Ayat 2. Frasa

	meletakkan kerajaan (1) dalam situasi yang perlu berhadapan masalah ancaman luar di samping isu-isu yang ditimbulkan (2) pihak tertentu yang cuba mengeruhkan keadaan ekoran peristiwa itu.	மத்தியில் நாட்டில் 2. பல்வேறு தரப்பினர் அவ்விவகாரத்தை மேலும் குழப்பும் வகையில் நடந்துக்கொள்வது அரசாங்கத்திற்கு மற்றும் ஒரு சவால் என்றே கூறவேண்டும். (1) tidak terjemah 2. pelbagai pihak.	மருட்டலை எதிர்நோக்கு சூழலில். 2. குறிப்பிட்டத் தரப்பினர்.	
3	Apa yang harus diambil iktibar ialah tiada pihak luar yang berani datang atau mencampuri urusan dalaman Negara ini tanpa mendapat sokongan pihak tertentu atau rakyat sendiri.	Tidak terjemah	மக்களின் ஆதரவோ, அல்லது குறிப்பிட்ட தரப்பினரின் ஆதரவோ இல்லாமல் உள்நாட்டு விவகாரங்களில் தலையிட அன்னிய தரப்பினர்களுக்கு தைரியம் கிடையாது.	Ayat
4	Kenyataan Naib Presiden PKR Tan Chua dalam keadilandaily.com semalam yang menyatakan kejadian itu adalah	இந்த ஊடுருவலுக்கும் அம்னோவுக்கும் தொடர்பு இருப்பதுடன் மக்களிடத்தில் அச்ச உணர்வை	வேறுபட்ட அரசியல் கொள்கை உடையவராக இருப்பினும், இந்நாட்டின் குடிமகனான	Ayat

	konspirasi UMNO dan ia adalah sandiwara kerajaan untuk menakutkan rakyat, tentunya ada motif tertentu. Sebagai rakyat negara ini apa pun pendirian politiknya, Tan Chua seharusnya tidak membuat tuduhan melulu tanpa bukti.	உண்டாக்கும் அரசாங்கத்தின் நடவடிக்கையே இதுவென PKR உதவி தலைவர் TIAN CHUA, KEADILANDAILY.COM மின்னியல் இதழில் தகவல் வெளியிட்டுள்ளது மிகவும் கவலையளிக்கிறது ஆதாரம் இன்றி இத்தகைய குற்றம் சாட்டை அவர் வெளியிட்டிருக்க லாமா!.. Bolehkah beliau mengeluarkan tuduhan sebegini tanpa bukti!...	Tan Chua ஆதாரமற்ற குற்றச்சாட்டை வெளியிடக் கூடாது.	
--	---	--	--	--

Jadual 0.11 menerangkan penterjemahan tidak tepat bagi teks bertajuk Lahad Datu 2. Ketidaktepatan makna dalam penterjemahan dapat dikenal pasti pada peringkat kata, frasa, dan ayat di teks sasaran siaran Bahasa Tamil. Dalam petikan bil.1, terdapat satu ketidaktepatan makna di peringkat kata dan ayat. Pada peringkat kata, perkataan **‘Presiden Filipina, Benigno Aquino III’** daripada teks asal telah diterjemahkan kepada, **‘அதிபர் BENIGNO AQUINO’** daripada teks sasaran. Kata Nama khas sememangnya tidak boleh diubah bentuknya apabila diterjemahkan ke mana-mana bahasa sekalipun. Dalam teks sasaran, frasa **‘Presiden Benigno Aquino’** tidak diikuti dengan nama negaranya. Ini akan mengelirukan pendengar warta kerana para pendengar tidak dapat mengenali negara asal presiden yang mengeluarkan kenyataan yang serius itu. Maka

maklumat penuh seseorang itu perlulah dinyatakan apabila kenyataan mereka dikeluarkan. Nama presiden tersebut perlulah disebut sepenuhnya seperti, '*Filipina அதிபர் Benigo Aquino 111*'. Ayat persoalan '*Siapakah pihak terbabit?*' daripada teks asal juga tidak kelihatan pada teks sasaran. Ayat berbentuk soalan ini merupakan satu kenyataan yang bertujuan untuk menarik perhatian pendengar siaran sekali gus akan menimbulkan minat pada pendengar untuk terus mengikuti siaran tersebut. Ayat berbentuk soalan ini juga memainkan peranan penting untuk mencari jawapan pada persoalan pihak yang terlibat dalam pencerobohan di Lahad Datu, Sabah. Ayat seperti ini juga diujarkan bagi menyatakan sesuatu yang kurang pasti. Apabila ayat persoalan ini tercicir, ciri yang tersebut hilang sama sekali pada teks sasaran ulasan berita bahasa Tamil.

Teks bil.2 pada jadual 0.11 juga terdapat dua unsur frasa terjemahan yang kurang tepat iaitu frasa pertama pada teks sasaran seperti berikut:

*...dalam situasi yang perlu berhadapan masalah ancaman luar
pihak tertentu...'*

Penyataan di atas tidak terjemah ke dalam teks sasaran. Frasa tersebut sepatutnya boleh diterjemahkan seperti berikut:

*'அன்னிய சக்திகளின் மருட்டலை எதிர்நோக்கு சூழலில்.
குறிப்பிட்டத் தரப்பினர்.'*

Frasa tersebut sepatutnya diterjemahkan sedemikian supaya semua maklumat teks asal dapat dikekalkan pada teks sasaran. Frasa ke dua: '**pihak tertentu**' daripada teks asal diterjemahkan kepada '**பல்வேறு தரப்பினர்**' yang bermaksud '**pelbagai pihak**'.

Walaupun kedua-dua frasa tersebut membawa isu pihak yang terlibat di Lahad Datu, namun masih terdapat perbezaan makna. Frasa '**pihak tertentu**' melibatkan satu kumpulan individu atau seseorang sahaja, manakala frasa '**pelbagai pihak**' pula melibatkan beberapa orang atau kumpulan individu. Dalam teks asal, penerbitnya cuba mencari jawapan pihak yang terlibat dalam pencerobohan di Lahad Datu dengan menggunakan frasa 'pihak tertentu'. Maka frasa, '**குறிப்பிட்டத் தரப்பினர்**' lebih sesuai digunakan pada teks sasaran untuk mengekalkan makna sebenar yang ingin disampaikan.

Ayat bil.3 daripada Jadual 0.11 langsung tidak diterjemahkan ke dalam teks sasaran. Ayat tersebut adalah seperti berikut:

'Apa yang harus diambil iktibar ialah tiada pihak luar yang berani datang atau mencampuri urusan dalaman negara ini tanpa mendapat sokongan pihak tertentu atau rakyat sendiri.'

Kehilangan ayat tersebut akan menyebabkan ketidaktepatan makna daripada ulasan berita sasaran. Maklumat penting yang terkandung dalam ayat yang tercicir ini seharusnya diterjemahkan seperti berikut:

**‘மக்களின் ஆதரவோ, அல்லது குறிப்பிட்ட தரப்பினரின்
ஆதரவோ இல்லமல் உள்நாட்டு விவகாரங்களில்
தலையிட அன்னிய தரப்பினர்களுக்கு தைரியம் கிடையாது.’**

Dalam teks bil.4 daripada Jadual 0.11 juga terdapat sebahagian ayat terjemahan yang tidak tepat pada teks pada sasaran. Ayat asal berbunyi seperti berikut:

**‘Sebagai rakyat negara ini apa pun pendirian politiknya, Tan Chua
seharusnya tidak membuat tuduhan melulu tanpa bukti.’**

Ayat tersebut telah diterjemahkan dalam teks sasaran seperti berikut:

**‘ஆதாரம் இன்றி இத்தகைய குற்றம் சாட்டை அவர்
வெளியிட்டிருக்கலாமா!..’**

Ayat terjemahan ini kehilangan beberapa maklumat. Pertama, sebagai seorang rakyat kita perlulah bertanggungjawab atas keselamatan negara. Kedua, sebagai seorang ahli politik, beliau haruslah mementingkan kesejahteraan rakyat. Maka untuk menyempurnakan penyampaian maklumat, ayat tersebut perlulah diterjemahkan seperti ayat di bawah:

**‘வேறுபட்ட அரசியல் கொள்கை உடையவராக
இருப்பினும், இந்நாட்டின் குடிமகனான Tan Chua ஆதாரமற்ற
குற்றச்சாட்டை வெளியிடக் கூடாது.’**

Jadual 0.15: Penterjemahan Kurang Tepat dalam Teks Lahad Datu 2

TEKS 7 : LAHAD DATU 2				
BI L.	TEKS ASAL BAHASA MELAYU	TEKS SASARAN BAHASA TAMIL: TERJEMAHAN TIDAK TEPAT	TERJEMAHAN SEPATUTNYA	UNSUR - UNSUR BAHAS A
1	Insiden tersebut bertambah rumit apabila berlaku serangan balas oleh kumpulan itu di Semporna semalam, menyebabkan lima anggota polis terkorban. <u>Peristiwa tersebut menimbulkan banyak persoalan</u> dan memberi cabaran besar kepada pemerintah.	ஆம், உலகே பிரமிக்கும் பல்லின மக்கள் வாழும் அமைதிப் பூங்காவான மலேசியாவில் <u>இச்சம்பவம் நிகழ்ந்திருப்பது இக்கட்டான சூழ்நிலையை உருவாக்கியுள்ளது. நேற்று</u> SEMPORNA-வில் அக்கும்பல் மேற்கொண்ட தாக்குதலில் ஐந்து போலிஸ்காரர்கள் மரணமடைந்துள்ளது <u>அரசாங்கத்திற்கு மிகப்பெரிய சவாலாக அமைந்திருக்கிறது.</u> Peristiwa tersebut menimbulkan keadaan rumit.	1. இச்சம்பவம் நிகழ்ந்திருப்பது பல ஐயங்களை ஏற்படுத்தியுள்ளது.	Ayat
2	Untuk makluman, Media asing iaitu	INQUIRER NEWS-சும் REUTERS-சும் இந்த	1. எதிர்க்கட்சிகள்	1.Ayat 2. Ayat

	portal berita Inquirer News memetik (1)pihak perisikan Filipina menyatakan pencerobohan itu berkait rapat dengan janji yang ditawarkan pembangkang termasuk menawarkan sokongan. (2)Agensi berita antarabangsa Rueters pula melaporkan pencerobohan itu berlaku atas jemputan pemimpin pembangkang Negara ini.	ஊடுருவலுக்கும் எதிர்கட்சிக்கும் தொடர்பு இருப்பதாக தகவல்களை வெளியிட்டுள்ளன. யாருடைய ஆதரவும் இன்றி அந்த ஆயுதமேந்திய கும்பல் நாட்டிற்குள் நுழைந்திருக்க கூடிய சாத்தியமும் இல்லை என்பதையும் அனைவரும் உணர வேண்டும். Pihak media INQUIRER NEWS dan REUTERS telah menyatakan bahawa terdapatnya penglibatan parti pembangkang dalam kes pencerobohan di Lahad Datu. Semua pihak perlu sedar bahawa sudah pastinya pasukan angkatan bersenjata tidak dapat mencero bohi sempadan negara tanpa sokongan mana-mana pihak	ன் ஒப்பந்தத்தின் பேரிலும் வழங்கப்பட்ட சலுகையின் பேரிலும் இந்த ஊடுருவல் ஏற்பட்டுள்ளதாக Filipina நாட்டு உலவுத்துறை தெரிவித்துள்ளது. 2. இந்நாட்டின் எதிர்க் கச்சி ஆச்சியாளர்களின் அழைப்பின் பேரில் இந்த ஊடுருவல் நிகழ்ந்துள்ளதாக அனைத்துலக செய்தி நிருவனம் REUTERS வெளியிட்டுள்ளது.	
4	<u>Sejarah juga telah membuktikan keruntuhan banyak Negara sejak dari zaman dahulu hingga kini adalah berikutan campur</u>	உலகின் பல சாம்ராஜியங்கள் கூடவே இருந்து குழிப்பறிக்கும் துரோகிகளாலே கவிழ்ந்தது	அன்று முதல் இன்று வரை உலகில் பல நாடுகள் வீழ்ந்ததற்குக் காரணம்,	Ayat

	tangan luar dan tindakan pengkhianatan segelintir mereka yang berpengaruh terhadap Negara sendiri.	என்பதை நினைவிற்கொள்வோம்... Tidak dilupakan juga bahawa, pelbagai kerajaan empayar dunia telah merosot akibat daripada tindakan muslihat pengkhianat dalam negara.	அன்னிய சக்திகளின் தலையீடும் சொந்த நாட்டிலேயே இருந்து கொண்டு குழிப்பறிக்கும் சிலரின் செயல்களே என வரலாறு உறுதிப்படுத்துகிறது	
--	---	--	--	--

Seterusnya pengkaji akan membincangkan penterjemahan kurang tepat teks asal Lahad Datu ke dalam teks sasaran ulasan berita bahasa Tamil perpendukan Jadual 0.12. Bagi keratan teks Bil.1, sebahagian ayatnya diterjemahkan dengan kurang tepat. Keadaan ini terjadi apabila frasa berikut iaitu, '*Peristiwa tersebut menimbulkan banyak persoalan*' terjemah kepada, '**இச்சம்பவம் நிகழ்ந்திருப்பது இக்கட்டான சூழ்நிலையை உருவாக்கியுள்ளது**'. jika frasa ini diterjemahkan kembali ke dalam bahasa asalnya, akan berbunyi seperti, '*Peristiwa tersebut menimbulkan keadaan rumit*'. Malah frasa yang sebenarnya ialah, '**இச்சம்பவம் நிகழ்ந்திருப்பது பல ஐயங்களை ஏற்படுத்தியுள்ளது**'.

Keratan teks bil.2 pada Jadual 0.12 mempunyai dua (2) keratan ayat yang diterjemahkan dengan kurang tepat ke dalam teks sasaran. Ayat-ayatya adalah seperti berikut:

1. *pihak perisikan Filipina menyatakan pencerobohan itu berkait rapat dengan janji yang ditawarkan pembangkang termasuk menawarkan sokongan.*

2. *Agensi berita antarabangsa Rueters pula melaporkan pencerobohan itu berlaku atas jemputan pemimpin pembangkang Negara ini.*

Kedua-dua ayat tersebut membincangkan kejadian pencerobohan di Lahad Datu, Sabah. Ayat pertama merupakan kenyataan daripada pihak perisikan Filipina, dan ayat kedua pula merupakan kenyataan dari agensi berita antarabangsa Rueters. Penterjemah telah mengeneralisasikan maklumat tersebut yang telah dilaporkan oleh ‘*Inquirer News*’, dan ‘*Reuters*’ sedangkan maklumat dalam ayat pertama dilaporkan oleh pihak perisikan Filipina. Di sini terjemahan kurang tepat telah berlaku akibat keguguran nama pihak perisikan Filipina. Jika ayat-ayat tersebut diterjemahkan, ia akan berbunyi seperti berikut:

‘1. **எதிர்க்கட்சிகளின் ஒப்பந்தத்தின் பேரிலும் வழங்கப்பட்ட சலுகையின் பேரிலும் இந்த ஊடுருவல் ஏற்பட்டுள்ளதாக Filipina நாட்டு உலவுத்துறை தெரிவித்துள்ளது.**

‘2. **இந்நாட்டின் எதிர்க்கட்சி ஆச்சியாளர்களின் அழைப்பின் பேரில் இந்த ஊடுருவல் நிகழ்ந்துள்ளதாக அனைத்துலக செய்தி நிருவணம் REUTERS வெளியிட்டுள்ளது.**

Keratan teks bil 4. pada Jadual 0.12 juga telah diterjemahkan dengan kurang tepat. Maklumat *'pengkhianatan segelintir mereka yang berpengaruh terhadap negara*

sendiri' daripada teks asal tidak diterjemahkan daripada teks sasaran. Penterjemah hanya menyatakan maklumat keruntuhan banyak negara dengan menggantikan ayat, *'pelbagai kerajaan empayar dunia telah merosot'*. Walaupun maklumat yang dimasukkan ke dalam teks sasaran itu kurang tepat, namun ayat tersebut masih mempunyai sebahagian maklumat daripada teks asal. Sewajarnya, ayat diterjemahkan dengan lengkap ke dalam teks sasaran seperti berikut:

*'அன்று முதல் இன்று வரை உலகில் பல நாடுகள்
வீழ்ந்ததற்குக் காரணம், அன்னிய சக்திகளின் தலையீடும்
சொந்த நாட்டிலேயே இருந்து கொண்டு குழிப்பறிக்கும் சிலரின்
செயல்களே என வரலாறு உறுதிப்படுத்துகிறது.'*

Dengan selesainya analisis dan perbincangan tentang ketidaktepatan dan kurang tepat dalam kelima-lima teks ulasan berita bahasa Melayu yang telah diterjemah ke dalam bahasa Tamil, persoalan kajian kedua dapat dijawab.

BIL	TAJUK TEKS TERJEMAHAN	TERJEMAHAN TIDAK TEPAT (TTT)				TERJEMAHAN KURANG TEPAT (TKT)				JUMLAH BESAR KELEMAHAN TERJEMAH
		KATA	FRASA	AYAT	JUMLAH TTT	KATA	FRASA	AYAT	JUMLAH TKT	
		BIL	BIL	BIL	BIL	BIL	BIL	BIL	BIL	BIL
1	IMPUHAN PESAR	1	1	2	4	0	2	1	3	7
2	PB1M (PASAR BERGERAK 1 MALAYSIA)	0	1	0	1	3	2	2	7	8
3	DADAH	0	0	12	12	0	0	2	2	14
4	MALAYSIA- THAI	1	2	0	3	2	1	3	6	9
5	LAHAD DATU 2	1	1	4	6	0	0	4	4	10
JUMLAH		3	5	18	26	5	5	12	22	48

4.6 Rumusan Analisis Persoalan 2

Jadual 0.16: Analisis Kelemahan Unsur-Unsur Bahasa Teks Terjemahan Ulasan Berita

Persoalan kajian kedua ialah ‘Apakah kelemahan yang terdapat dalam terjemahan ulasan berita bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil pada peringkat kata, frasa, dan ayat? Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, dapat dilihat bahawa setiap teks terjemahan bahasa sasaran mempunyai kelemahan terjemahan unsur-unsur bahasa. Kelemahan-

kelemahan ini dapat dilihat pada unsur-unsur bahasa dari segi kata, frasa, dan ayat. Teks asal ialah teks ulasan berita bahasa Melayu dan teks sasaran ialah teks ulasan berita bahasa Tamil. Setiap teks yang dipilih dianalisis mengikut ciri penterjemahan tidak tepat dan penterjemahan kurang tepat dalam teks sasaran bahasa Tamil. Kedua-dua teks ini disiarkan sebagai warta ulasan berita di rangkaian radio RTM.

Analisis keseluruhan kelemahan terjemahan ditunjukkan pada Jadual 0.13. Secara keseluruhan, kesemua teks terjemahan mempunyai kelemahan pada semua peringkat unsur bahasa, iaitu kata, frasa, dan ayat.

4.7 Kesimpulan

Daripada berbincangan di atas, didapati setiap teks terjemahan ulasan berita bahasa Tamil mempunyai kelemahan dalam terjemahannya. Kebanyakan kelemahan terjemahan berlaku pada unsur ayat bahasa Tamil. Ayat merupakan unsur yang paling tinggi yang menggabungkan kata, frasa, dan klausa. Jika kesalahan terjemahan berlaku pada tahap kata, frasa, dan klausa, maka secara langsung akan menjejaskan penyampaian maklumat ayat tersebut. Berdasarkan hasil dapatan ini, kita dapat menentukan kualiti sesuatu teks terjemahan berpandukan jumlah kelemahan terjemahan di peringkat ayat. Jaminan kualiti teks terjemahan dari segi stuktur bahasa dan maklumat akan dibincang pada persoalan 3 di bab ini.

4.8 Dapatan Kajian Persoalan 3

Kajian persoalan ketiga ialah ‘Bagaimanakah tahap kualiti teks penterjemahan ulasan berita Tamil berdasarkan kriteria Penilaian Penterjemahan Holistik?’ Dalam persoalan ini, pengkaji memberi tumpuan kepada aspek penentuan kualiti teks terjemahan ulasan

berita bahasa Tamil. Penentuan kualiti teks terjemahan akan dijalankan berdasarkan kepada Kriteria Penilaian Penterjemahan Holistik. Kriteria Penilaian Penterjemahan Holistik ini disarankan oleh Sunjun Sun (2012). Beliau telah menggunakan kriteria ini untuk kajiannya yang bertajuk “*Measuring Difficulty in English Chinese Translation: Towards a General Model of Translation Difficulty*” di Universiti Kent State, USA. Beliau mengkaji kualiti teks terjemahan daripada Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Cina bagi pelajar Sarjana Muda di dua buah Universiti di Cina.

Bagi konteks kajian pada kali ini, pengkaji mengadaptasi dan mengubah suai Jadual Kriteria Penilaian Penterjemahan Holistik yang disarankan oleh Sunjun Sun (2012) untuk menentukan tahap kualiti teks penterjemahan ulasan berita bahasa Tamil daripada teks asal bahasa Melayu.

4.9 Kriteria Penilaian Penterjemahan Holistik

Jadual 0.17: Kriteria Penilaian Penterjemahan Holistik

Tahap Kualiti	Keterangan
Penterjemahan yang tepat Ketepatan 95% ke atas	Penterjemahan yang tepat, menggambarkan semua petikan asal dengan hanya satu (1) atau dua (2) kesilapan leksikal yang ringan. Ia mencerminkan gaya dan nada petikan asal dengan secukupnya. Penterjemahannya adalah tepat dari segi pemilihan kata yang sesuai dan penggunaan pelbagai corak ayat.
Penterjemahan yang baik dengan ketidaktepatan minimal. Ketepatan 80% ke atas	Penterjemahan mencerminkan hampir keseluruhan petikan asal dengan kesilapan yang agak sedikit dalam memahami erti kata tunggal, frasa, ayat dan idea. Secara keseluruhannya penterjemahan adalah jelas, lancar, dan berkohehi sehingga teks tersebut boleh dibaca dan difahami.

Penterjemahan yang agak baik dengan beberapa ketidaktepatan Ketepatan 60% ke atas	Penterjemahan yang menggambarkan keseluruhan makna petikan asal dengan mempunyai beberapa kesilapan dalam memahami erti kata tunggal, frasa, ayat, dan idea. Sebahagian besar penterjemahan boleh dibaca dan difahami.
Penterjemahan yang kurang baik dengan ketidaktepatan yang kerap. Ketepatan kurang daripada 60%	Penterjemahan hanya menggambarkan separuh daripada petikan asal dengan mempunyai kesilapan yang kerap dalam memahami erti kata tunggal, frasa, ayat, dan idea. Beberapa bahagian penterjemahan tidak boleh dibaca dan difahami.
Penterjemahan yang lemah Ketepatan kurang daripada 50%	Penterjemahan yang mencerminkan kurang daripada separuh dari petikan asal. Hampir semua ayat mengandungi kesilapan dalam memahami erti kata tunggal, frasa, ayat dan idea. Sebahagian besar penterjemahan tidak boleh dibaca dan difahami.

Jadual 0.14 ialah **Kriteria Penilaian Penterjemahan Holistik** yang disarankan oleh Sanjun Sun (m.s.118). Jadual 0.14 merupakan satu panduan untuk menilai kualiti sesuatu teks terjemahan secara holistik. Jadual 0.14 menunjukkan 5 pengukuran tahap kualiti teks terjemahan iaitu:

- i. Penterjemahan tepat
- ii. Penterjemahan yang baik dengan ketidaktepatan minimal
- iii. Penterjemahan yang agak baik dengan beberapa ketidaktepatan
- iv. Penterjemahan yang kurang baik dengan ketidaktepatan yang kerap
- v. Penterjemahan yang lemah

Setiap tahap kualiti terjemahan tersebut mempunyai keterangan yang terperinci. Keterangan terperinci tersebut menjadi kayu pengukur tahap kualiti teks terjemahan. Setiap keterangan tersebut telah dinyatakan pada ruangan 'Keterangan' di Jadual 0.14. Pada ruangan tahap kualiti juga dinyatakan peratus ketepatan terjemahan bagi setiap tahap

kualiti untuk memudahkan justifikasi. Penentuan peratus ketepatan terjemahan telah dinyatakan pada Jadual 0.14

Jadual 0.18: Analisis Peratus Ketepatan Teks Terjemahan Ulasan Berita

BIL	TAJUK TEKS TERJEMAHAN	JUMLAH AYAT DALAM TEKS SASARAN	JENIS KELEMAHAN TERJEMAHAN AYAT			JUMLAH BESAR KELEMAHAN TERJEMAHAN AYAT	PERATUS KETEPATAN TERJEMAHAN TEKS
			AYAT TIDAK TERJEMAH	AYAT TIDAK TEPAT TERJEMAH	AYAT KURANG TEPAT TERJEMAH		
		BIL	BIL	BIL	BIL	BIL	%
1	IMBUHAN BESAR	23	2	2	3	7	70
2	PB1M (PASAR BERGERAK 1 MALAYSIA)	29	0	1	7	8	72
3	DADAH	34	10	2	2	14	60
4	MALAYSIA- THAI	24	1	2	6	9	62
5	LAHAD DATU 2	26	1	5	4	10	70

Jadual 0.15 menunjukkan analisis peratus ketepatan teks terjemahan ulasan berita bahasa Tamil. Pengkaji menggunakan kiraan peratus untuk memudahkan penentuan kualiti teks

terjemahan. Gabungan peratus ketepatan teks terjemahan dengan kriteria penilaian penterjemahan holistik akan menentukan kualiti teks terjemahan tersebut. Penentuan kelemahan pada teks terjemahan ditentukan melalui kelemahan terjemahan ayat pada teks tersebut. Ayat merupakan unsur yang paling tinggi yang menggabungkan kata, frasa, dan klausa. Jika kesalahan terjemahan berlaku pada mana-mana tahap kata, frasa, dan klausa ianya secara langsung akan menjejaskan ayat tersebut untuk menyampaikan maklumat. Dengan ini, pengkaji dapat menentukan kualiti sesuatu teks terjemahan berpandukan jumlah ketepatan terjemahan pada peringkat ayat dalam teks terjemahan masing-masing.

Kiraan peratus ketepatan juga dinyatakan pada ruangan peratus ketepatan terjemahan teks dalam Jadual 0.15. Kiraan peratus ketepatan tersebut diukur mengikut tahap kelemahan terjemahan pada teks sasaran. Jika peratus ketepatan terjemahan adalah tinggi pada teks tersebut, maka ia menunjukkan tahap kualiti yang tinggi. Manakala peratus ketepatan terjemahan yang rendah pada teks pula menunjukkan tahap kualitinya yang rendah. Sebagai contoh, teks ulasan berita perhimpunan pesara mempunyai tujuh (7) kelemahan terjemahan ayat daripada jumlah 23 ayat daripada teks tersebut. Maka peratus kualiti teks tersebut dikira berdasarkan fomula berikut:

Peratus Ketepatan	=	Jumlah kesalahan ayat teks	X	100
Kualiti Teks		terjemahan		
terjemah		Jumlah ayat teks terjemahan		
	=	Peratus Kelemahan - 100		

Kiraan peratus ketepatan kualiti terjemahan teks ulasan berita imbuhan pesara bahasa Tamil adalah seperti berikut:

$$= \frac{\text{Jumlah kesalahan ayat teks terjemahan} = 7 \text{ (rujuk jadual 0.15)}}{\text{Jumlah ayat teks terjemahan}} \times 100$$

Peratus ketepatan Kualiti Teks terjemah	Jumlah ayat teks terjemahan = 23 (rujuk jadual 0.15)
=	30 - 100
=	70%

Hasil pengiraan di atas menunjukkan bahawa peratus kualiti teks ulasan berita bertajuk Imbuhan Pesara Bahasa Tamil ialah 70%. Kiraan 70% menentukan kualiti teks sasaran tersebut berada pada tahap penterjemahan yang agak baik dengan beberapa ketidaktepatan.

Berikut ialah jadual keterangan penentuan tahap kualiti teks sasaran berdasarkan peratus ketepatan kualiti teks terjemah.

Jadual 0.19: Tahap Kualiti Teks Terjemah Berdasarkan Peratus ketepatan

Tahap Kualiti Teks terjemah	Peratus Ketepatan terjemah
Penterjemahan tepat	95% ke atas
Penterjemahan yang baik dengan ketidaktepatan minimal.	80% ke atas
Penterjemahan yang agak baik dengan beberapa ketidaktepatan	60% ke atas
Penterjemahan yang kurang baik dengan ketidaktepatan yang kerap.	60% ke bawah
Penterjemahan yang lemah	50% ke bawah

**Jadual 0.20: Analisis Tahap Ketepatan Kualiti Teks Terjemah Ulasan Berita
Bahasa Tamil**

Bil	Tajuk Teks Terjemahan	Tahap Kualiti	Peratus Ketepatan (%)
1	IMBUHAN BESAR	Penterjemahan yang agak baik dengan beberapa ketidaktepatan	70
2	PB1M	Penterjemahan yang agak baik dengan beberapa ketidaktepatan	72
3	DADAH	Penterjemahan yang agak baik dengan beberapa ketidaktepatan	60
4	MALAYSIA- THAI	Penterjemahan yang agak baik dengan beberapa ketidaktepatan	62
5	LAHAD DATU 2	Penterjemahan yang agak baik dengan beberapa ketidaktepatan	70

4.10 Analisis Kualiti Teks Terjemahan Ulasan berita

Mengikut panduan Kriteria Penilaian Penterjemahan Holistik, teks terjemahan Imbuhan Pesara menepati tahap Penterjemahan yang agak baik dengan beberapa ketidaktepatan. Teks terjemahan Imbuhan Pesara menggambarkan sebahagian besar petikan asal ulasan berita bahasa Melayu. Teks terjemahan ini mewakili 70% daripada jumlah ketepatan terjemahan. Ketidaktepatan makna dalam teks terjemahan berlaku pada beberapa kata, frasa, dan ayat. Merujuk kepada Jadual 0.3, terjemahan yang tidak tepat berlaku pada unsur kata, frasa, dan ayat. Pada peringkat ayat, dua (2) potongan ayat tidak diterjemah. Jika dibandingkan dengan keseluruhan teks, ia hanyalah ketidaktepatan minimum dan kehilangan maklumat dalam keseluruhan teks adalah tidak kritikal bagi ulasan berita yang bertajuk ‘Imbuhan Pesara’ ini.

Penterjemah dapat menggambarkan keseluruhan makna teks asal dengan mempunyai beberapa kesilapan seperti yang dinyatakan di atas. Teks terjemah tersebut menunjukkan keaslian bahasa sasaran. Elemen-elemen terjemahan tidak kelihatan pada teks terjemahan ‘Imbuhan Pesara’. Sebagai contoh, ayat teks asal terjemahan dalam teks sasaran mengikut keaslian bahasa sasaran seperti berikut;

Contoh 1:

Teks asal:

Jasa dan pengorbanan golongan

pesara tidak pernah dilupakan. Sumbangan yang diberikan

sepanjang tempoh perkhidmatan, dihargai.

Teks sasaran:

பதவி ஓய்வு பெற்றவர்களின் சேவையும் தியாகமும்

மறக்கப்படவில்லை. அவர்கள் சேவைக்காலம்

முழுவதும் ஆற்றிய

பங்கு போற்றப்படுகிறது

Contoh 2:

Teks asal:

Pengumuman itu dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun

Razak tahun lepas sempena perhimpunan perdana pesara kerajaan 1

Malaysia. Ia sebagai maklum balas spontan Perdana Menteri terhadap

permintaan Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam

Perkhidmatan Awam (CUEPACS).

Teks sasaran:

பொதுச் சேவை ஊழியர்கள் சம்மேளனம் – CUEPACS

கேட்டுக்

கொண்டதற்கு இணங்க, பிரதமர் DATUK SERI NAJIB

TUN

RAZAK இதனை அறிவித்தார். கடந்த ஆண்டில், "ஒரே

மலேசியா அரசாங்கப் பணி ஓய்வு பெற்றவர்கள்

பிரதான

பேரணி" நடைபெற்றபோது, பிரதமர் இந்த

அறிவிப்பைச்

செய்தார்.

Ayat-ayat dalam teks sasaran di atas mengekalkan kesemua maklumat daripada teks asal. Di samping itu, penyusunan kata dan penstrukturan ayat tidak menunjukkan bentuk bahasa terjemahan. Malah keaslian bahasa sasaran iaitu bahasa Tamil dikekalkan sepenuhnya. Walaupun terdapat terjemahan yang kurang tepat (Jadual; 0.4) pada beberapa bahagian dalam teks sasaran, ianya hanya menyebabkan kesan minimum dalam penyampaian maklumat kepada pendengar. Secara keseluruhannya, Pendengar ulasan berita daripada rangkaian radio siaran Tamil masih mendapat maklumat keseluruhan yang sama seperti yang diterima oleh pendengar rangkaian radio siaran bahasa Melayu.

4.11 Kualiti Teks Terjemah PB1M (Pasar Bergerak 1 Malaysia)

Teks terjemah ulasan berita PB1M (Pasar Bergerak 1 Malaysia) mempunyai peratus ketepatan terjemahan sebanyak 72% daripada jumlah teks terjemahan. Teks tersebut menggambarkan keseluruhan makna teks asal ulasan berita. Kualiti terjemahan teks PB1M berada pada tahap penterjemahan yang agak baik dengan beberapa ketidaktepatan. Dalam teks terjemahan ulasan berita PB1M, terdapat beberapa kesilapan dalam memahami erti kata, frasa, dan ayat. Pada bahagian terjemahan yang tidak tepat, hanya terdapat satu ayat sahaja (Jadual: 0.5), iaitu '**harga yang kompetitif**' yang diterjemah seperti '**விற்கப்படும்**'(dijual). Kata yang paling tepat untuk menyampaikan makna kata asal tersebut ialah '**போட்டித்தன்மை மிக்க விலை**,'.

Unsur-unsur kata, frasa, dan ayat yang diterjemahkan ke dalam teks ulasan berita PB1M bahasa sasaran juga terdapat beberapa kesilapan dalam memahami maknanya. Sebagai contoh kata ‘membantu’ diterjemahkan kepada ‘இலக்கு’ dalam teks sasaran. Kata ‘உதவுவதற்காக’ paling sesuai untuk menentukan makna dalam teks sasaran tersebut (Jadual: 0,6). Contoh bagi unsur bahasa frasa yang silap diterjemah ialah ‘subsidi yang besar’. Frasa tersebut telah diterjemahkan kepada ‘உதவித் தொகை’(subsidi). Kata ini menunjukkan sedikit kesilapan pada penterjemahan. Kata ‘பெரிய அளவிலான உதவித் தொகை’ merupakan terjemahan yang paling sesuai bagi situasi teks tersebut (Jadual: 0.6). Pada peringkat ayat juga terdapat sedikit kesilapan makna dalam terjemahan teks tersebut. Contohnya ayat berikut:

‘Manakala bagi pengguna, mereka boleh melakukan penjimatan di samping memperoleh barang yang lebih murah, segar, terjamin mutu dan kebersihannya.’

telah diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran seperti berikut:

‘பயனீட்டாளர்களோ மலிவாக பொருளை வாங்கி பணத்தை மிச்சப்படுத்தலாம்,’ (*pengguna sendiri boleh menjimatkan wang dengan membeli barangan harga murah.*)

Dalam terjemahan tersebut keciciran maklumat barlaku dan memberi sedikit kesan pada makna ayat tersebut jika dibandingkan dengan teks asal iaitu maklumat barangan bermutu dan sayur-sayuran yang segar tidak diterjemahkan. Ayat berikut adalah lengkap mewakili makna teks asal:

**‘பயினீட்டாளர்களோ, பணத்தை
மிச்சப்படுத்துவதோடு, தர உத்திரவாதமும்
தூய்மையும் சுத்தமும் கொண்ட பொருளை
மளிவாகப் பெறலாம்.’**

Contoh-contoh yang dinyatakan di atas menunjukkan sedikit kesilapan pada terjemahan teks sasaran. Jika kesilapan-kesilapan sedemikian dielakkan dalam teks terjemahan, maka teks tersebut boleh berada pada tahap ‘Penterjemahan yang Tepat’. Berikut merupakan beberapa contoh ayat yang menunjukkan penterjemahan yang boleh difahami dengan jelas daripada teks ulasan berita PB1M.

‘Pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi mengurangkan beban rakyat di negara ini, dalam menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat.’

Ayat di atas merupakan teks asal ulasan berita yang telah diterjemahkan kepada:

**‘வாழ்க்கைச் செலவு அதிகரித்து வரும் இக்கால
கட்டத்தில், மக்களின் சுமையைக் குறைக்க**

**அரசாங்கம் பல்வேறு முயற்சிகளை மேற்கொண்டு
வருவது குறிப்பிடத்தக்கதாகும்.**

Penyataan di atas merupakan terjemahan ke dalam teks sasaran ulasan berita bahasa Tamil. Kedua-dua ayat tersebut mempunyai makna yang tepat. Penyampaian makna tersebut ke dalam teks sasaran tidak menunjukkan unsur-unsur bahasa teks asal. Berdasarkan teks, dapat dilihat bahawa penyampaian maklumatnya berkoheesi mengikut struktur bahasa sasaran. Seterusnya ayat-ayat berikut dari teks asal;

‘Selepas inisiatif Kedai Rakyat Satu Malaysia, KR1M, kerajaan Barisan Nasional, BN melancarkan satu lagi inisiatif bagi membantu rakyat, iaitu dengan pengenalan Pasar Bergerak 1Malaysia, PB1M. Ia bermatlamat membantu rakyat mengurangkan kesan kenaikan harga barang, dengan mendapatkan barang keperluan pada harga berpatutan.

Penyataan di atas telah diterjemahkan kepada teks sasaran seperti berikut:

**‘ஒரே மலேசியா மக்கள் கடைகளுக்குப் பிறகு,
மக்களுக்கு மேலும் உதவும் நோக்கத்தில், ஒரே
மலேசியா நடமாடும் சந்தையை அரசாங்கம்
அறிமுகப்படுத்தியுள்ளது. பொருள்களின் விலை
உயர்வால் ஏற்படும் தாக்கத்தைக் குறைப்பதை இது**

நோக்கமாக கொண்டதாகும். மேலும் நியாயமான
விலையில் அத்தியாவசியப் பொருள்கள்
கிடைப்பதையும் இது உறுதி செய்யும்.’

Ayat-ayat terjemahan teks sasaran di atas memenuhi kesemua maklumat daripada teks asal. Maklumat-maklumat tersebut diataskan mengikut bahasa sasaran. Penyampaian maklumat yang jelas, lancar dan berkoherensi menjamin kualiti bahasa sasaran. Apabila pendengar mendengar siaran tersebut, pendengar tidak akan dapat mengesan unsur-unsur bahasa yang berlainan.

4.12 Kualiti Teks Terjemahan Dadah

Teks sasaran ulasan berita Dadah menepati tahap **Penterjemahan yang agak baik dengan beberapa ketidaktepatan**. Ini disebabkan oleh kesan daripada ketidaktepatan penterjemahan dan beberapa kesilapan terjemahan ayat-ayat daripada teks sasaran. Teks terjemahan ulasan berita Dadah mencatatkan ketepatan terjemahan sebanyak 60% daripada keseluruhan terjemahan teks asal ulasan berita Dadah.

Semasa proses terjemahan teks asal ulasan berita Dadah kepada teks sasaran dijalankan, penterjemah telah menggugurkan beberapa potong ayat daripada teks asal. Berikut merupakan contoh ayat-ayat diterjemahkan dengan kurang tepat:

‘Pendedahan menerusi media mengenai ketua sindiket dadah mengaut kejayaan bernilaian jutaan ringgit menerusi perbuatan yang merosakkan anak bangsa kita.’ (Jadual 0.8)

Ayat tersebut tidak diterjemahkan langsung ke dalam teks sasaran. Maklumat tentang kegiatan dadah oleh ketua sindiket dan keuntungan nilai ringgit yang tinggi diperolehinya serta anak bangsa yang merosakkan diri dengan ketagihan dadah telah hilang daripada teks sasaran. Ini akan mencacatkan penyampaian maklumat kepada pendengar ulasan berita terjemahan.

Contoh ayat kedua adalah seperti berikut;

‘Seperti yang dinyatakan Timbalan Pengarah 111 (Perlucutan Harta/Tahanan/Perundangan) Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Jamaludin Kudin, kegiatan itu jika tidak ditangani, boleh memudaratkan negara. Ini kerana ia boleh mempengaruhi ekonomi bebas.’(Jadual 0.7).

Bagi ayat di atas, penerbit ingin menyampaikan maklumat kesan gejala dadah yang dikatakan oleh Timbalan Pengarah 111 (Perlucutan Harta/Tahanan/Perundangan) Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Bukit Aman. Namun begitu, maklumat ini juga telah hilang pada teks sasaran. Maka pendengar radio teks ulasan berita bahasa Tamil telah kehilangan maklumat penting daripada siaran. Oleh itu, penterjemah perlulah menitikberatkan semua maklumat sewaktu menterjemah sesuatu teks. Jika tidak, pendengar akan rugi dan tidak akan merasai kesan yang sama seperti pendengar asal teks ulasan berita tersebut.

Seterusnya contoh ayat-ayat berikut:

‘Umum mengetahui, bahan dalam dadah sememangnya mendatangkan bahaya. Halusinogen misalnya, mampu menyebabkan halusinasi, atau khayalan yang merosakkan jiwa manusia. Terdapat dalam bentuk asli dan tiruan, halusinogen mendatangkan ilusi, sehingga sukar bagi penggunanya membezakan antara yang benar dan sebaliknya. Dadah halusinogen seperti LSD dan Mescaline, memberi kesan ganjil termasuk perubahan imej tubuh, merasa diri besar dan melayang-layang, serta rasa tenang dan riang, sehingga menyebabkan secara psikologi, mereka lebih bergantung kepada dadah.’(Jadual 0.7)

Ayat-ayat di atas langsung tidak diterjemah ke dalam teks sasaran ulasan berita ‘Dadah’. Ayat yang dinyatakan di atas membawa banyak maklumat tentang kesan dadah kepada penagihnya. Penggunaan dadah jenis ‘Halusinogen’ berleluasa dalam kalangan penagih

dadah. Penggunaannya memberi kesan yang ganjil dan ini menyebabkan penagih lebih bergantung kepada dadah jenis ini. Oleh itu dadah jenis tiruan ini terjadi atas permintaan tinggi terhadap dadah jenis ‘Halusinogen’. Semua maklumat ini tidak kelihatan pada teks sasaran. Pendengar ulasan berita teks sasaran akan kehilangan maklumat yang dinyatakan.

Penterjemahan kurang tepat juga menentukan tahap kualiti teks terjemahan ulasan Berita ‘Dadah’. Beberapa maklumat daripada teks asal hilang apabila diterjemahkan ke dalam teks sasaran. Ini mungkin disebabkan oleh kecuaiian penterjemah atau menganggap mesej tersebut tidak penting baginya untuk diterjemah. Sebagai contoh, ayat daripada teks asal berikut:

‘Biarapun kesan negatif penyalahgunaannya diketahui ramai, namun masih ada individu yang terus membiarkan diri terjebak dengan jenayah berkenaan.’(Jadual: 0.8)

Ayat daripada teks asal tersebut telah diterjemahkan ke dalam teks sasaran seperti berikut:

‘போதைப் பொருள் பழக்கம், உட்கொண்டால் மட்டுமல்ல; அதனை விநியோகித்தால் கூட, மரணம் நிச்சயம் எனத் தெரிந்தும், அந்தப் படுகுழியில் வீழ்வோரின் எண்ணிக்கை அதிகரித்துவருவது’(jadual: 0.8)

Maklumat daripada teks sasaran tidak sepadan dengan teks asal. Terjemahan semula kepada teks asal telah menghasilkan ayat berikut:

‘Bukan hanya gejala pengambilan dadah, malah aktiviti perniagaan dadah juga boleh mengundang kematian nyawa. Walaupun perkara ini diketahui umum, namun jumlah orang yang melibatkan diri dalam gejala negatif ini terus meningkat dan membimbangkan semua pihak.’(Jadual 0.8)

Ayat yang digaris pada teks atas tidak dinyatakan di teks asal. Walaupun ayat yang digariskan mempunyai kaitan dengan gejala dadah, ianya tidak menepati bentuk ayat teks asal tersebut. Penterjemah membuat interpretasinya sendiri sehingga menjejaskan keaslian teks asal. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, jaminan ketepatan terjemahan bukan saja bergantung kepada maklumat pada teks asal yang diterjemah malah bentuk teks asal juga dikira semasa terjemahan. Jika penterjemah mengambil kira maklumat dan bentuk maklumat tersebut disampaikan daripada teks asal kepada teks sasaran, ianya tentu akan menjamin kualiti teks sasaran di tahap Penterjemahan Tepat.

4.13 Kualiti Teks Terjemahan Malaysia-Thai

Teks terjemahan ulasan berita “Malaysia-Thai” berada pada tahap penterjemahan yang agak baik dengan beberapa ketidaktepatan. Teks terjemahan ‘Malaysia-Thai’ mempunyai ketepatan terjemahan sebanyak 62% daripada jumlah ketepatan terjemahan teks tersebut. Pengkaji dapat menentukan tahap kualiti teks tersebut berdasarkan bilangan terjemahan yang tidak tepat dan bilangan terjemahan yang kurang tepat. Kriteria-kriteria tahap kualiti yang disarankan oleh Sanjun Sun (2012) juga telah dimanfaatkan untuk penentuan kualitinya.

Teks terjemahan ulasan berita ‘Malaysia – Thai’ telah berjaya menggambarkan keseluruhan makna daripada teks asal dengan hanya mempunyai beberapa kesilapan dalam pemahaman erti pada kata, frasa, dan ayat. Pada tahap terjemahan ketidaktepatan makna, penterjemah telah melakukan kesilapan pada unsur frasa. Sebagai contoh, frasa ‘**sudah meragut ribuan nyawa**’(Jadual 0.9) daripada teks asal telah diterjemahkan kepada ‘**ஆயிரம் பேரை பலி கொண்டது**’ yang bermaksud sudah meragut seribu nyawa. Bayangkan maksud pada teks asal beribu-ribu nyawa diragut dalam rusuhan tersebut. Kesilapan terjemahan sedemikian akan mempengaruhi kualiti teks terjemahan.

Penterjemahan kurang tepat juga akan diambil kira bagi menentukan kualiti teks terjemahan. Berikut ialah contoh ayat:

‘Kesediaan Thailand menerima bantuan Kuala Lumpur selaku pihak berkecuali yang tidak mempunyai kepentingan peribadi, merupakan satu perkembangan yang baik.’ (Jadual 0.10)

Bagi ayat di atas, rangkap ‘selaku pihak berkecuali’ tidak diterjemahkan ke dalam teks sasaran. Walaupun ianya tidak memberi kesan kepada bentuk teks sasaran, namun kehilangan makna tetap terjadi pada teks tersebut. Maka rangkap tersebut perlu diterjemahkan kepada ‘**அணி சேரா தரப்பினரான**’ dalam teks terjemahan.

Kesilapan terjemahan walaupun sedikit seperti ini, masih perlu diawasi untuk menjamin kualiti teks terjemahan.

Secara keseluruhannya teks terjemahan ulasan berita ‘Malaysia-Thai’ telah berjaya menggambarkan keseluruhan makna teks asal ulasan berita dengan mempunyai beberapa kesilapan seperti yang dinyatakan sebelum ini. Hampir keseluruhan teks terjemahan boleh disiarkan dan boleh difahami oleh pendengarnya sama seperti pendengar siaran ulasan berita di rangkaian perdana.

4.14 Kualiti Teks Terjemahan Lahad Datu 2

Teks terjemahan ulasan berita ‘Lahad Datu 2’ mencatatkan ketepatan sebanyak 70% daripada jumlah ketepatan terjemahan, iaitu sejumlah Sembilan (9) kelemahan terjemahan daripada pelbagai unsur bahasa. Teks terjemahan ulasan berita ‘Lahad Datu 2’ berada pada tahap penterjemahan yang agak baik dengan beberapa ketidaktepatan. Teks terjemahan ini menggambarkan keseluruhan maklumat daripada teks asal dengan mempunyai kesilapan terjemahan pada beberapa kata, frasa dan ayat. Kesilapan terjemahan berlaku pada dua tahap, iaitu tahap terjemahan tidak tepat dan tahap terjemahan kurang tepat.

Pada tahap terjemahan ketidaktepatan makna, penterjemah melakukan beberapa kesilapan unsur bahasa pada tahap peringkat frasa dan ayat. Sebagai contoh, frasa ‘**dalam situasi yang perlu berhadapan masalah ancaman luar**’ (Jadual 0.11) daripada teks asal tidak diterjemahkan ke dalam teks sasaran. Teks sasaran itu hanya memberikan satu kenyataan umum sahaja dan tidak menekankan situasi yang perlu dihadapi oleh kerajaan untuk mencari penyelesaian.

Pada unsur ayat pula, ketidaktepatan terjemahan berlaku pada beberapa tempat dalam teks tersebut. Sebagai contoh ayat berikut daripada Jadual 0.11:

‘Sebagai rakyat negara ini apa pun pendirian politiknya, Tan Chua seharusnya tidak membuat tuduhan melulu tanpa bukti.’

Ayat tersebut merupakan satu kenyataan penting untuk menangani isu politik negara. Jika ayat ini tidak dijelaskan dalam teks sasaran maka pendengar ulasan berita bahasa sasaran akan ketinggalan maklumatnya. Sebagai contoh, ayat terjemahan pada teks sasaran, **‘ஆதாரம் இன்றி இத்தகைய குற்றம் சாட்டை அவர்**

வெளியிட்டிருக்கலாமா!.. ‘ tidak mempunyai maklumat yang jelas seperti dalam

teks asal. Dalam situasi ini, penterjemah perlulah peka terhadap isu semasa, supaya pendengar teks terjemahan dapat mengikuti ulasan sama seperti pendengar teks asal. Kesilapan ini masih boleh diatasi dalam terjemahan untuk menjamin kualiti teks tersebut.

Terjemahan yang kurang tepat dalam teks sasaran juga akan menentukan kualiti teks tersebut. Sebagai contoh ayat berikut:

‘Peristiwa tersebut menimbulkan banyak persoalan,’

Telah diterjemahkan ke dalam teks sasaran menjadi, **‘Peristiwa tersebut menimbulkan keadaan rumit’** (jadual 0.12). Walaupun penterjemah ada menyentuh tentang peristiwa pada teks sasaran, tetapi ianya kurang tepat jika dibandingkan dengan makna teks asal. Kesilapan seperti ini masih boleh diperbaiki demi mendapatkan kualiti teks sasaran yang baik.

Penterjemahan secara umum juga menentukan kualiti teks terjemahan. Sebagai contoh, ayat daripada teks asal berikut;

‘pihak perisikan Filipina menyatakan pencerobohan itu berkait rapat dengan janji yang ditawarkan pembangkang termasuk menawarkan sokongan.’

telah diterjemahkan ke dalam teks sasaran seperti berikut;

‘இந்த ஊடுருவலுக்கும் எதிர்கட்சிக்கும் தொடர்பு இருப்பதாக தகவல்களை வெளியிட்டுள்ளன.’

Jika ayat ini diterjemahkan semula ke dalam bahasa asal iaitu bahasa Melayu, ianya berbunyi seperti berikut;

‘Pihak media telah menyatakan bahawa terdapatnya penglibatan parti pembangkang dalam kes pencerobohan.’

Jelas di sini bahawa ayat terjemahan teks sasaran merupakan satu kenyataan yang umum jika dibandingkan dengan teks asal ulasan berita ‘Lahad Datu 2’. Jika hendak mengekalkan kualiti teks terjemahan, penterjemah perlulah mengelakkan kenyataan umum dan memberikan tumpuan kepada semua maklumat teks asal supaya dapat menghasilkan kesan yang sama kepada pendengar siaran berita kedua-dua bahasa.

4.15 Rumusan Dapatan Kajian Persoalan ke-3

Secara keseluruhan, kesemua teks terjemahan mempunyai ketepatan terjemahan yang hampir serupa iaitu antara 62% hingga 70% daripada jumlah ketepatan keseluruhan teks-teks tersebut. Kesemua teks terjemahan berada pada tahap penterjemahan yang agak baik dengan beberapa ketidaktepatan.

Setiap teks terjemahan mencerminkan gaya dan nada teks asal, iaitu gaya bentuk rencana yang dikekalkan pada seluruh teks terjemahan. Penterjemah juga menggunakan pelbagai corak ayat berdasarkan unsur-unsur bahasa Tamil. Penggunaan struktur bahasa Tamil dengan tepat pada teks-teks terjemahan tidak menimbulkan keraguan bahasa asing sewaktu pendengar mendengar siaran ulasan berita tersebut.

Penggunaan peribahasa dan sajak Bahasa Tamil dalam teks terjemahan mengikut kesesuaian makna dan maklumat bahasa sasaran menyerlahkan keterampilan penterjemah-penterjemah. Secara keseluruhannya, teks-teks terjemahan jelas dan berkohesi dalam penyampaian maklumat dari teks asal ulasan berita.

Namun demikian, terdapat juga kesilapan terjemahan dalam beberapa bahagian teks sasaran. Keadaan ini mungkin berlaku disebabkan oleh kesuntukan masa untuk proses penterjemahan. Kesilapan minimal ini tidak boleh dikira sebagai satu kecacatan besar dalam penyampaian maklumat keseluruhan teks sasaran.

4.16 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa bidang penterjemahan teks ulasan berita tidak jauh bezanya dengan menterjemah teks-teks umum yang lain. Namun yang menjadi permasalahannya di sini, walaupun teks yang terlibat bersifat umum, keindahan bahasa masih perlu diberikan perhatian. Keindahan bahasa ini secara umumnya berbeza dengan bahasa Melayu dan bahasa Tamil. Oleh itu, pengkaji tidak dapat menafikan bahawa penterjemah terpaksa mengambil jalan lain untuk menyampaikan mesej utama teks-teks asal tersebut.

Pengkaji juga dapat menyimpulkan bahawa ciri penterjemahan Dinamik yang telah diperkenalkan oleh Nida (1969) amat membantu dalam menghasilkan terjemahan yang lebih menumpukan kepada makna asal teks ulasan. Selain itu, berdasarkan Kriteria Penilaian Penterjemahan Holistik, tahap kualiti bagi teks-teks penterjemahan dalam

bahasa Tamil boleh dikatakan berada pada tahap penterjemahan tepat dan penterjemahan yang baik dengan ketidaktepatan minimal. Maka dengan itu, dapatlah pengkaji katakan di sini bahawa kesemua objektif kajian telahpun dipenuhi dan setiap persoalan yang diberikan juga dapat dijawab sepenuhnya.

University of Malaya

BAB 5

Perbincangan, Kesimpulan, Dan Cadangan

5.0 Pengenalan

Penterjemahan merupakan satu proses untuk menyampaikan segala maklumat daripada bahasa Sumber iaitu bahasa asal kepada bahasa sasaran dengan mengekalkan segala mesej atau inti pati wacana tersebut dengan tepatnya (Asmah Omar, 1979). Penterjemahan merupakan salah satu cabang akademik yang sudah semakin lama bertapak di Malaysia. Kewujudan bidang ini adalah bertuntaskan kepada keperluan ilmu global yang merujuk kepada ilmu-ilmu yang bersifat antarabangsa. Sudah semestinya dalam menyampaikan maklumat, idea serta ilmu yang bermanfaat, penterjemahan memainkan peranannya yang utama iaitu memindahkan inti pati daripada bahasa asal kepada bahasa sasaran.

Dalam konteks kajian ini pula, kita dapat melihat bahawa bidang penterjemahan ulasan berita bukanlah sesuatu perkara yang asing lagi, memandangkan sudah terdapat banyak siaran televisyen dan radio yang menyiarkan berita dalam bahasa yang berbeza seperti berita Mandarin, berita bahasa Melayu, berita bahasa Tamil dan sebagainya. Namun bagi kajian pada kali ini, hanya terjemahan ulasan berita bahasa Tamil sahaja yang akan diberikan penekanan. Hal ini kerana bahasa Tamil juga mempunyai keindahannya yang tersendiri. Namun begitu masih ramai lagi penterjemah yang gagal untuk menyampaikan maklumat daripada bahasa sumber ke dalam bahasa Tamil dengan terang dan jelas.

5.1 Rumusan Kajian

Bagi kajian pada kali ini, pengkaji mempunyai beberapa objektif yang seharusnya dipenuhi. Objektif-objektif tersebut adalah mengenal pasti ciri penterjemahan dinamik yang digunakan oleh para penterjemah dalam menterjemah ulasan berita bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil, mengenal pasti kelemahan unsur-unsur bahasa (kata, frasa, dan ayat) dalam proses penterjemahan ulasan berita bahasa Melayu dalam ulasan berita bahasa Tamil dan menentukan tahap kualiti teks penterjemahan ulasan berita bahasa Tamil berasaskan Kriteria Penilaian Penterjemahan Holistik.

Objektif-objektif yang telah ditetapkan ini sepatutnya dapat menjawab persoalan-persoalan kajian termasuklah kaedah yang digunakan oleh para penterjemah dalam menterjemah teks ulasan berita bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil, kelemahan unsur bahasa (kata, frasa, dan ayat) dalam proses penterjemahan ulasan berita bahasa Melayu kepada ulasan berita bahasa Tamil, serta tahap kualiti teks penterjemahan ulasan berita bahasa Tamil yang berasaskan rujukan kriteria penilaian penterjemahan holistik yang disarankan oleh Sanjun Sun (2012).

5.2 Rumusan Dapatan Kajian

Tujuan kajian adalah untuk mencari jawapan keberkesanan penterjemahan ulasan berita bahasa Melayu ke dalam ulasan berita bahasa Tamil. Dalam usaha ini, pengkaji mencetuskan tiga (3) persoalan demi mengukuhkan dapatan kajian ini. Persoalan pertama tertumpu kepada kaedah yang digunakan oleh penterjemah untuk menyalin semula ulasan berita bahasa Melayu ke dalam ulasan berita Bahasa Tamil. Dapatan kajian menunjukkan kaedah penterjemahan dinamis Nida (1969) yang digunakan secara meluas oleh

penterjemah untuk menyampaikan maklumat daripada teks asal bahasa Melayu ke dalam teks sasaran bahasa Tamil.

Persoalan kedua dalam kajian ini memberi tumpuan kepada kelemahan-kelemahan terjemahan yang berlaku apabila teks asal bahasa Melayu diterjemahkan kepada teks sasaran ulasan berita bahasa Tamil. Pengkaji memberi tumpuan pada kelemahan unsur-unsur bahasa iaitu pada tahap ayat, frasa, dan kata pada bahasa sasaran. Secara umumnya, terdapat kelemahan terjemahan pada semua peringkat unsur bahasa yang dinyatakan di atas.

Persoalan ketiga pula memberi tumpuan kepada kualiti teks-teks terjemahan. Penentuannya berdasarkan dapatan persoalan kedua serta berpandukan jadual kriteria penilaian penterjemahan holistik saranan Sanjun Sun (2012). Kelima-lima teks sasaran tersebut berada pada tahap antara penterjemahan tepat dan penterjemahan baik dengan ketidaktepatan minimal.

5.3 Perbincangan Persoalan Kajian

5.3.1 Persoalan Kajian 1

Berdasarkan analisis persoalan pertama daripada Bab 4, penggunaan kaedah dinamis dalam penterjemahan teks asal ulasan berita bahasa Melayu ke dalam ulasan berita bahasa Tamil dapat dikesan. Kaedah ini digunakan secara meluas dalam kelima-lima teks sasaran ulasan berita. Dapatan ini selari dengan kajian Nurhazilah Husin (2005) menjalankan kajian penterjemahan risalah bank daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu. Dalam penghasilan semula maklumat risalah bank daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu, kaedah Dinamis memberi kesan yang baik. Beberapa aspek seperti

kaedah penyalinan semula maklumat, kaedah persamaan sejadi, dan kaedah kepentingan gaya atau stail dapat digunakan dalam pengasilan semula risalah bahasa Melayu.

Kaedah kepentingan gaya atau stail tidak menjadi pilihan untuk penterjemah menterjemah peribahasa daripada teks asal kepada teks sasaran. Beberapa peribahasa daripada teks asal tidak diterjemahkan ke dalam teks sasaran seperti yang diungkapkan dalam teks asal. Penterjemah hanya menggunakan kaedah persamaan bukan keserupaan dan kaedah persamaan terdekat atau dinamik. Sebagai contoh, pada keratan teks 4.11 bertajuk PB1M (Pasar Bergerak Satu Malaysia), perumpamaan Bahasa Melayu ‘serampang dua mata’ tidak digantikan dalam bentuk peribahasa pada teks sasaran. Penterjemah telah menggunakan kaedah-kaedah tersebut untuk menjelaskan makna tersirat perumpamaan tersebut dalam bahasa sasaran, iaitu ‘இரு நோக்கங்களைக் கொண்டுள்ளது’. Sebenarnya perumpamaan bahasa Melayu, ‘serampang dua mata’, boleh diterjemahkan ke dalam perumpamaan Bahasa Tamil seperti berikut, ‘ஒரு கல்லில் இரு மாங்காய்’. Ini berbeza dengan hasil kajian Nurhazilah Husin (2005) yang mendapati bahawa kaedah gaya atau stail perlu diberikan keutamaan sewaktu penghasilan semula maklumat risalah bank daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh dua golongan sasaran yang berbeza. Golongan sasaran ulasan berita ialah penerima maklumat bukan komersial. Manakala golongan pembaca risalah bank pula ialah golongan komersial. Apabila sesuatu iklan seperti risalah mempunyai nilai komersial, ianya akan direka dengan lebih kreatif dan menggunakan gaya bahasa yang menarik untuk menarik perhatian pembacanya. Oleh itu, penterjemah perlu mengambil kira perkara-perkara tersebut untuk mengekalkan gaya

bahasa pada risalah bahasa Melayu dalam usaha untuk menarik perhatian golongan sasaran supaya menerima tawaran daripada bank berkenaan.

Dapatan kajian Mohd. Zaki Bin Abdul Rahman, Ahmad Arifin Bin Sapar dan Maheram Ahmad (2003) dalam satu analisis terhadap strategi penterjemahan peribahasa Arab-Melayu teks ‘Kasih dan Harapan’ cerpen terjemahan daripada bahasa Arab yang bertajuk “Layl al-Hayara” mengukuhkan lagi dapatan kajian ini. Pengkaji memilih korpus-korpus yang berkaitan dengan Kasih dan Harapan. Pengkaji membuat analisis berdasarkan kepada teori Dinamis Nida dan Taber (1967). Dalam kajian tersebut, mereka menyatakan bahawa sekiranya bahasa asal menggunakan peribahasa, bahasa sasaran juga harus memadankannya dengan peribahasa. Walau bagaimanapun, sekiranya peribahasa bahasa asal tidak mempunyaai padanannya dengan bahasa sasaran disebabkan oleh faktor budaya dan sebagainya, maka dibenarkan bagi seseorang penterjemah untuk menukarkannya kepada ungkapan biasa. Dapatan ini sepadan dengan dapatan analisis persoalan yang pertama. Peribahasa daripada teks sumber tidak diterjemahkan kepada peribahasa dalam teks sasaran. Penterjemah hanya menukarkannya kepada ungkapan biasa dengan menggunakan kaedah persamaan terdekat serta persamaan bukan keserupaan.

Penggunaan kaedah dinamis dalam penterjemahan sesuatu teks berunsur sosial adalah amat digalakkan. Penterjemahan dalam kaedah ini dilakukan bersahaja seperti ditulis dalam bahasa penerima (Nida.1964). Roslina Abdul Wahid (1964) dalam satu kajian yang bertajuk ‘Dinamisme dalam Karya Terjemahan Kreatif “*TUNNELS*” (Roderick & Brian Williams)’ juga telah menggunakan teori Dinamis Nida (1964) dalam kajiannya. Menurut pengkaji, terjemahan pendekatan dinamik merujuk kepada penterjemahan yang berfungsi untuk menyampaikan maklumat teks asal yang hendak disampaikan oleh penulis asal ke dalam teks sasaran dan terjemahan tersebut mestilah sama dari segi pembacaan teks asal.

Perlu ditegaskan di sini bahawa idea merupakan isu utama. Dalam erti kata lain, kebolehan penterjemah untuk memanipulasikan bahasa dengan sebaik mungkin dalam usaha menyatakan apa yang terdapat dalam teks asal. Dapatan kajian bagi persoalan kajian pertama amat sepadan dengan kenyataan pengkaji Roslina Abdul Wahid.

Siaran ulasan berita merupakan teks yang berorientasikan budaya sosial masyarakat. Maka penterjemah perlulah peka dengan budaya masyarakat teks terjemahan, supaya kesan yang terhasil pada pendengar warta sasaran adalah sama seperti pendengar warta asal. Maka di sini kaedah dinamis Nida (1969) amat sesuai untuk penterjemahan teks ulasan berita mengikut budaya masyarakat sasaran. Kaedah ini memberi peluang kepada penterjemah untuk memanipulasikan bahasa sasaran dengan sebaik mungkin dalam usaha menyatakan apa yang terdapat dalam teks asal bersesuaian dengan masyarakat sasaran. Ini sepadan dengan dapatan Roslina Abdul Wahid (1964).

5.3.2 Persoalan Kajian 2

Persoalan kajian kedua pula memberikan tumpuan kepada kelemahan terjemahan unsur-unsur bahasa (ayat, frasa, and ayat) dalam teks sasaran ulasan berita bahasa Tamil. Pengkaji dapat mengenal pasti bahawa setiap teks terjemahan mempunyai kelemahan-kelemahan seperti yang dinyatakan sebelum ini. Setiap kelemahan unsur-unsur bahasa tersebut dikategorikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama menyenaraikan unsur bahasa terjemahan yang tidak tepat, manakala bahagian kedua pula menyenaraikan unsur-unsur bahasa terjemahan kurang yang tepat. Setiap kelemahan tersebut disenaraikan dalam jadual 4.6.1 hingga jadual 0.12 dalam bab 4.

Semasa menterjemah sesuatu teks asal ke dalam teks sasaran, kesilapan pada peringkat kata, frasa, dan ayat akan berlaku dalam usaha penyampaian maklumat (Newmark, 1981). Dari segi pemilihan kata, penterjemah sering menghadapi kesulitan pemilihan kata yang berpadanan dengan kata teks asal. Dari segi frasa dan ayat pula, penterjemahan struktur ayat pada teks sasaran akan terpesong dalam penyampaian maklumat daripada teks asal. Kehilangan maklumat juga akan terjadi pada teks sasaran semasa penterjemah menstruktur frasa dan ayat dalam bahasa sasaran (Nida, 1969). Situasi ini jelas dapat dilihat dalam kajian ini. Hasil kajian pengkaji adalah sama dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Goh (2011). Dalam kajian beliau, Goh (2011) telah berjaya membuktikan kewujudan padanan kata kerja yang meliputi terjemahan taksa, terjemahan tepat, terjemahan salah, terjemahan berlebihan, dan terjemahan berkurangan.

Penguguran kata, frasa, dan ayat telah berlaku apabila menterjemah teks ulasan berita bahasa Melayu ke dalam teks ulasan berita bahasa Tamil. Keadaan ini memberi implikasi kepada penyampaian maklumat daripada teks asal kepada teks sasaran. Dalam hal ini, penterjemah telah tertinggal beberapa maklumat daripada teks asal untuk dimasukkan ke dalam teks sasaran ulasan berita bahasa Tamil. Ini telah memberikan kesan kepada kualiti teks sasaran serta ketinggalan maklumat oleh pendengar siaran ulasan berita. Walau bagaimanapun, dapatan ini amat berbeza dengan dapatan Rokiah Awang (2009). Kajian beliau melihat cara-cara istilah-istilah tertentu diterjemahkan ke dalam akhbar bahasa Melayu. Dapatan kajian menyatakan bahawa penterjemah berita tidak menterjemah beberapa istilah atau kata tertentu sepenuhnya ke dalam teks sasaran bahasa Melayu tetapi menggantikannya dengan kata-kata pinjaman. Ini merupakan salah satu usaha yang disumbangkan oleh penterjemah dalam terjemahan berita bagi memudahkan makna perkataan atau teks untuk disampaikan kepada pembacanya.

Usaha penggantian kata seperti kajian Rokiah Awang (2009) tidak dilakukan oleh penterjemah dalam kajian ini. Keadaan ini berlaku atas beberapa kemungkinan yang perlu diambil kira oleh penterjemah ulasan berita tersebut. Pengkaji mendapati bahawa kemungkinan yang paling ketara ialah kesuntukan masa untuk menterjemah teks asal ke dalam teks sasaran. Kenyataan ini memang diakui oleh penterjemah ulasan berita tersebut apabila sesi temu bual semistruktur dijalankan. Menurut responden, mereka hanya diberikan masa selama 45 minit hingga 60 minit untuk menterjemah teks ulasan berita bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil bagi persiapan siaran ulasan berita tersebut.

Kemungkinan yang kedua ialah ketiadaan kelayakan bertauliah dalam bidang penterjemahan dalam kalangan penterjemah –penterjemah di rangkaian RTM Radio 6. Maklumat ini didapati melalui kajian soal selidik awal yang dijalankan oleh pengkaji. Jika penterjemah-penterjemah tersebut mempunyai kelayakan penterjemahan, maka mereka boleh menghasilkan sesuatu teks terjemahan yang merangkumi kesemua maklumat daripada teks asal untuk disampaikan ke dalam teks sasaran. Kualiti teks sasaran akan dapat dikekalkan dan pendengar warta juga akan mendapat kesemua maklumat seperti pendengar warta teks asal.

5.3.3 Persoalan Kajian 3

Persoalan kajian 3 membincangkan kualiti teks penterjemahan ulasan berita bahasa Tamil berdasarkan kriteria penilaian penterjemahan holistic yang disarankan oleh Sanjun Sun (2012). Pengkaji mendapati bahawa kelima-lima teks terjemahan bahasa Tamil berada pada tahap penterjemahan yang agak baik dengan beberapa ketidaktepatan. Hal ini kerana kelima-lima teks terjemahan ulasan berita bahasa Tamil tersebut mempunyai peratus ketepatan antara 62% hingga 70% peratus daripada jumlah ketepatan keseluruhan teks

tersebut. Ini bermaksud teks-teks terjemahan tersebut menggambarkan keseluruhan maklumat teks asal ulasan berita bahasa Melayu. Walaupun terdapat beberapa kesilapan terjemahan pada unsur-unsur kata, frasa, dan ayat, namun teks-teks terjemahan itu masih boleh diguna pakai untuk siaran ulasan berita kepada pendengar-pendengar rangkaian siaran radio.

Kajian penentuan kualiti sesuatu teks telah dijalankan oleh Sanjun Sun (2012). Beliau menjalankan satu kajian yang mengukur aras kesukaran dalam penterjemahan bahasa Inggeris kepada bahasa Cina. Beliau melibatkan 49 orang pelajar tahun ketiga daripada sebuah universiti di wilayah Shandong, China dan 53 orang pelajar tahun pertama daripada salah sebuah universiti di Beijing, Kefus. Kumpulan responden kajian ini adalah daripada kelas penterjemahan. Salah satu objektif kajian ini adalah untuk menganalisis tahap kesukaran penterjemahan dengan kebolehan membaca teks. Dapatan kajian menunjukkan bahawa jika sesuatu teks adalah sukar, maka pelajar menghadapi lebih kesukaran dalam menterjemahkannya. Dapatan kajian beliau mempunyai persamaan dengan dapatan kajian ini. Bagi kajian ini, pengkaji juga mendapati kualiti teks terjemahan ditentukan oleh tahap kesukaran sesuatu teks asal. Jika tahap kesukaran teks asal adalah tinggi, maka kualiti teks sasaran akan rendah, dan juga dengan sebaliknya.

5.4 batasan kajian

Bagi kajian ini, pengkaji telah memilih RTM sebagai tapak utama kajian. Hal ini kerana siaran berita RTM sahaja yang boleh dikatakan mantap, konsisten serta menyeluruh di

samping mempunyai versi bahasa yang pelbagai jika hendak dibandingkan dengan siaran radio swasta dan lain-lain.

Bagi kajian pada kali ini, pengkaji telah membataskan kajiannya kepada 20 teks ulasan berita bahasa Melayu dan penterjemahannya dalam bahasa Tamil yang disiarkan di RTM Minnal FM. Analisis telah dijalankan ke atas teks-teks tersebut mengikut apa yang telah dibincangkan dalam persoalan kajian dan objektif kajian. Ulasan berita adalah suatu teks berita yang membincangkan isu semasa dalam dan luar negara. Kebanyakan isu tersebut adalah berkaitan dengan sosial, budaya, dan ekonomi. Perbincangan yang terdapat dalam teks tersebut adalah untuk memberikan pandangan dan nasihat kepada pendengar agar mereka peka terhadap isu yang diwartakan.

Data kajian ini pula dianalisis dan diterangkan secara deskriptif dengan menggunakan panduan Teori Penterjemahan yang telah diperkenalkan oleh Nida (1969). Keenam-enam aspek penting daripada teori penterjemahan dinamis Nida akan digunakan untuk menganalisis teks penterjemahan. Seterusnya pengkaji akan mengenal pasti kelemahan unsur-unsur bahasa (kata, frasa, dan ayat) dalam proses penterjemahan ulasan berita bahasa Melayu ke dalam ulasan berita bahasa Tamil. Penentuan kualiti keseluruhan teks kajian akan dinilai berdasarkan kriteria penilaian penterjemahan holistik (Diadaptasi dan diubah suai daripada Sanjun Sun (2012, ms. 118).

5.5 Isu-Isu Etika

Pengkaji telah mendapatkan kebenaran daripada pihak pentadbiran Universiti Malaya untuk menjalankan kajian lapangan di RTM Angkasa Puri. Dengan kebenaran ketua siaran unit berita RTM 'Minnal FM', pengkaji telah dapat mengumpul bahan-bahan

kajian ulasan berita berbentuk teks siaran. Pengkaji juga telah menyediakan Protokol Temu bual yang mengandungi arahan proses perjalanan temu bual , soalan yang akan diajukan kepada sampel kajian dan ruang untuk mengambil nota (Cresswell, 2002). Justeru itu, pengkaji menyediakan protokol Temu bual yang akan digunakan ketika menjalankan temu bual semistruktur. Protokol temu bual ini juga mengandungi soalan-soalan panduan.

Selain itu, borang persetujuan juga disertakan bersama dengan protokol temu bual ini. Borang persetujuan ini bertujuan untuk mendapatkan kebenaran sampel temu bual secara sukarela dan juga untuk memaklumkan kepada mereka tentang tujuan dan prosedur temu bual . Segala teks yang diterjemahkan untuk kajian ini telah disahkan oleh pensyarah pakar penterjemahan serta dua (2) orang penterjemah bertauliah iaitu En. Selvajothi @ Pillai Ramalingam dan Isai Amutan Krishnan yang merupakan pemegang Diploma Penterjemahan dari Institut Terjemahan Negara dengan kerjasama Persatuan Penterjemah Malaysia.

5.6 Cadangan Untuk Kajian Akan Datang

Dalam bab yang sebelum ini, sudah dijelaskan bahawa dalam dunia penterjemahan, keserupaan dalam penterjemahan amat dititikberatkan oleh semua penterjemah. Namun demikian, ia bukanlah perkara yang mudah bagi seseorang penterjemah. Menurut Puteri Roslina Abdul Wahab (2007), tiada dua perkataan yang benar-benar membawa makna yang sama makna dalam dua bahasa yang berlainan. Sebagai contohnya, perkataan

‘pesara’ tidak mempunyai padanan kata tunggal (satu kata) yang seerti dalam bahasa Tamil seperti bahasa Melayu.

Sehubungan dengan itu, kajian ini diharapkan dapat membantu untuk menampung kajian terhadap penterjemahan dalam bahasa Tamil yang amat kurang jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain di negara kita. Tambahan pula, bahasa Tamil merupakan salah satu bahasa ibunda bagi etnik bangsa Tamil serta bahasa yang digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat India di Malaysia. Dalam skop bidang penyiaran pula, penggunaan bahasa Tamil dalam siaran radio dan televisyen kerajaan dan swasta juga membuka ruang untuk menjalankan kajian seperti ini.

Selain daripada itu, kajian ini juga mempunyai potensi sebagai salah satu garis panduan kepada penterjemah yang ingin menterjemahkan teks bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil. Kajian seperti ini dapat membantu bidang penyiaran untuk mempertingkatkan mutu penterjemahan daripada bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil. Lebih-lebih lagi, negara Malaysia merupakan sebuah negara berbilang bahasa yang memanfaatkan bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Tamil, bahasa Cina, dan juga beberapa bahasa peribumi seperti bahasa Iban, bahasa Kadazan dan lain-lain lagi digunakan secara meluas. Dalam situasi ini, penterjemahan daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain tetap akan berlaku khususnya dalam bidang komunikasi dan penyiaran. Penterjemahan merupakan tugas utama untuk mewartakan berita kepada masyarakat yang berbilang bahasa.

Kajian ini boleh dilanjutkan dengan menggunakan kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif. Penggunaan kedua-dua kaedah ini akan dapat menghasilkan penemuan yang lebih menyakinkan dalam bidang penterjemahan antara bahasa Melayu dan bahasa Tamil di negara Malaysia yang mempunyai penduduk berbilang kaum. Memandangkan

pengkaji hanya dapat menggunakan lima (5) buah teks asal bahasa Melayu dan lima (5) buah teks terjemahan bahasa Tamil untuk kajian ini, maka pengkaji amat menggalakkan agar kajian-kajian akan datang untuk memperbanyak teks-teks kajian tersebut supaya dapatan kajian akan lebih bervariasi dan ini sekali gus akan dapat memartabatkan lagi usaha-usaha penterjemahan antara bahasa Melayu dan bahasa Tamil.

5.7 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengkaji amat berpuas hati dengan kajian yang telah dilakukan. Tidak dapat dinafikan bahawa teori penterjemahan Nida (1969) amat berguna dalam menganalisa penterjemahan di antara dua budaya bahasa yang berbeza.. Di sini juga pengkaji dapat menyimpulkan bahawa dalam menterjemah sesuatu teks, keutamaan makna yang bersahaja adalah amat penting kerana ia sedikit sebanyak dapat membantu pendengar teks untuk memahami perkara tersirat dan tersurat yang cuba untuk disampaikan oleh pihak-pihak tertentu.

Dalam konteks penterjemahan radio pula, para penterjemah berjaya menyampaikan maksud yang utama kepada para pendengar ulasan berita bahasa Tamil walaupun terdapat sedikit kesukaran yang terpaksa dihadapi dalam menterjemah keindahan bahasa Melayu. Para penterjemah bahasa Tamil rata-ratanya mempunyai tahap kemahiran menterjemah yang baik. Dapatan kajian pula telah berjaya menjawab segala persoalan yang diutarakan pada awal kajian dan sekali gus memenuhi kesemua objektif yang telah ditetapkan.

RUJUKAN

- A. Hassan, & L. Kok On. (2005). *Terjemahan dan pengglobalan ilmu*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Adenan Ayob. (2009). *Bahasa Kebangsaan*. Petaling Jaya: Oxford Fajar
- Abd.Latif Bidin. (2002). *Panduan Menjadi Penterjemah Komersial*. Kuala Lumpur: Pustaka Cipta Sdn.Bhd.
- Ardi, N., Mohamad, M., Rashidin, R., & Jantan, Z. (2009). *Pengantar Prinsip Penterjemahan*.
- Asmah Omar. (1979). *Aspek penterjemahan dan interpretasi*. Kuala Lumpur: Pusat Bahasa Universiti Malaya.
- Asmah Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir* (15 ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Ainon Mohd., & Abdullah Hassan. (2006). *Teori dan Teknik Terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Azman Che Mat Ahmad Nazuki@Marzuki Yaakub & Ghani Ismail. 2009. *Analisis Terjemahan Melayu Arab Sebagai Strategi Pembelajaran: Satu Kajian Rintis*. Dicapai pada 19 Ogos, 2013, daripada <http://eprints.uitm.edu.my/5292/>
- Azizah Mokhzni. (1984, Disember). Peranan Penterjemahan Dalam Pembinaan Bahasa Melayu. Kertas kerja yang dibentang di Seminar Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu. Ke- IV, Kuala Lumpur.
- Baker, M. (1992). *In Other Words: A Course book on Translation*. London: Routledge.
- Ganapathy. (1967). *Mozhipeyarpum Sollakkamum*. Chennai: Arul Nilaiyam.
- Bell, R. T. (1991). *Translation and translating: Theory and practice*. Taylor & Francis.
- Chen, D.H., & Zhang, N.F. (2002). *Western theories of translation (in Chinese)*. Hong Kong: City University of Hong Kong.

Chierchia, G. McConnell-Ginet (1990) *Meaning and Grammar: An Introduction to Semantics*. MIT press.

Creswell, J. W. (2002). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. University of Nebraska. Lincoln.

Cook, G. (2003). *Applied linguistics*. Oxford University Press.

Dan Holtshouse & Rudy L. Ruggles. (2006). *Glosari Pengajian Ilmu Penterjemahan dan Interpretasi*. Wangsa Maju: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad

Gile, Daniel. (1995). *Basic concepts and models for interpreter and translator training*. Netherlands. John benlamins publishing co.

Goh, S.S. (2007). *Kebolehterjemahan Aspek-aspek Budaya Dalam Terjemahan "Shui Hu Zhuan"*. Dicapai pada 19 Ogos, 2013, daripada http://eprints.usm.my/9089/1/kebolehterjemahan_aspek-aspek_budaya_dalam_terjemahan.pdf

Goh, S.S. (2010). Peranan Terjemahan Dalam Penguasaan Kosa Kata Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Beraliran Cina . *Pancadimensi Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa: Trend Dan Amalan*. Pulau Pinang:Penerbit Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang, 327-336.

Goh, Sang Seong. (2011). *Penterjemahan Kata Kerja Bahasa Cina-Bahasa Melayu: Satu Analisis Ketepatan Makna Padanan*. Dicapai pada 19 Ogos, 2013, daripada http://journalarticle.ukm.my/675/1/pp35_56.pdf

Goh,S.S. (2012). *Kebolehterjemahan Budaya Tabiat Bahasa Cina-Bahasa Melayu*. Dicapai pada 19 Ogos, 2013, daripada <http://psasir.upm.edu.my/3464/>

Nur Hafeza Binti Ahmad Marekan & Goh,S.S.(2012). *Pemindahan Mesej Mentifaks Melayu Dalam Terjemahan Novel Sungai Mengalir Lesu*. Dicapai pada 19 Ogos, 2013, daripada <http://journalarticle.ukm.my/5554/>

Halliday, M. A. (1992). Language as system and language as instance: The corpus as a theoretical construct. In *Directions in corpus linguistics: Proceedings of Nobel Symposium* (Vol. 82, pp. 61-78).

Halimatussa'diah. (2008). *An investigation into The Translation of Computer-Related Terminology in a Computer Magazine: With Special Reference to Chip Computer and Communication Magazine*. Dicapai pada 19 Ogos, 2013, daripada <http://eprints.usm.my/9530/>

Harimurti Kridalaksana. (1983). *Kamus Linguistik Jakarta*. Penerbit PT Ramedia.

Hassan, A. (2007). *Linguistik Am*. Kuala Lumpur: PTS Professional Sdn. Bhd.

Hatim, B. & Munday, J. (2005). *Translation: An Advanced Resource Book*. London: Routledge.

Herskovits, A. (1987). *Language and spatial cognition*. Cambridge University Press.

Ho, C.N & Hasuria Che Omar. (2011). *Analisis Laras Bahasa dan Kebolehterjemahannya Dalam Drama Komedi Ugly Betty*. Dicapai pada 19 Ogos, 2013, daripada <http://english.um.edu.my/anuvaada/PAPERS/HO.pdf>

Hu, L. T., & Bentler, P. M. (1998). Fit indices in covariance structure modeling: Sensitivity to underparameterized model misspecification. *Psychological methods*, 3(4), 424.

Ibrahim, Z., & Yassim, A. R. M. (2006). *Kajian Bahasa Dan Terjemahan*. Penerbit Universiti Malaya.

Intan Safinaz Zainudin & Quah, C.K. (2004). *Perkhidmatan Terjemahan Dalam-Talian Malaysia: Satu Kajian Awal*. Dicapai pada 19 Ogos, 2013, daripada <http://eprints.ukm.my/234/>

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kanchana Devi Sibeperegasam. (2007). *Penterjemahan Perkataan Taksa: Satu Analisis Berdasarkan Novel Harry Potter and The Chamber of Secrets Oleh J.K.Rowling dan Hasil Terjemahannya Harry Potter dan Bilik Rahsia*. Dicapai pada 20 Ogos, 2013, daripada http://eprints.usm.my/9209/1/penterjemahan_perkataan_taksa.pdf
- Kanmani.s (2007). *Penterjemahan Berita Di Televisyen: Kaedah Dan Peranan Penterjemah*. Kuala Lumpur.Universiti Malaya.
- Katharina Reiss. (2011). *Kritikan Terjemahan : Potensi dan Batasan*. Wangsa Maju: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad
- Khairunisah Sayed Ibrahim. (2008). *Unsur Budaya dalam Koleksi Terjemahan Cerita Jenaka Bahasa Melayu- Bahasa Jerman Satu Analisis*. Dicapai pada 20 Ogos, 2013, daripada http://dspace.fsktm.um.edu.my/bitstream/1812/414/1/Khairunisah%20Syed%20Ibrahim_Thesis.pdf
- Kempson, R. M. (1977). *Semantic theory*. Cambridge University Press.
- Konting, M. M. (1990). *Educational research methods*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Krishnavanie Shunmugam. (2010). *A Study of Malay Pantun Translations into English*. Dicapai pada 20 Ogos, 2013, daripada <http://www.sabrizain.org/malaya/library>
- Larson, M. L. (1984). *Meaning-based translation: A guide to cross-language equivalence*. Lanham: University press of America.
- Lyons, J. (1977). *Semantics (vols i & ii)*. Cambridge CUP.
- M. Georges. (1991). *Masalah teori terjemahan*. Kuala Lumpur: Percetakan Maziza sdn. Bhd. (P306 mou)
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2004). *Penterjemahan Simpulan Bahasa Arab-Melayu: Satu Analisis Teori Relevans*. Dicapai pada 19 Ogos, 2013, daripada <http://psasir.upm.edu.my/3464/>

Muthukumar B. P. (2013). *Satu Kajian Kesilapan Penterjemahan Teks Bahasa Tamil ke Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya .

Maria. (2008). Penterjemahan Iklan dalam Akhbar Tamil. Dicapai pada 20 Ogos, 2013, daripada http://dspace.fsktm.um.edu.my/xmlui/bitstream/handle/1812/433/Yokammal%20Mariasomla_Chapter%201-5.pdf

Masri, S. (2005). *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan: esei, proposal, tesis*. Utusan Publications.

Mohd, A., & Hassan, A. (2008). *Teori dan teknik terjemahan*. PTS Professional.

Mohd. Zaki Bin Abdul Rahman, Ahmad Arifin bin Sapar & Maheram Ahmad. 2013. *Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Arab-Melayu Terhadap Teks “Kasih danHarapan”*. Dicapai pada 20 Ogos, 2013, daripada http://ojie.um.edu.my/filebank/published_article/4849/Article_1_V_1_Issue_2.pdf

Mohamad Nor Amin Bin Samsun Baharun & Naimah Bt Abdullah. (2011). Kesilapan Terjemahan Bahasa Arab - Bahasa Melayu Dalam Ejen Carian Google: Satu Kajian Semantik. Dicapai Pada 20 Ogos, 2013, Daripada Http://Www.Academia.Edu/1014566/Kesilapan_Terjemahan_Bahasa_Arab_-_Bahasa_Melayu_Dalam_Ejen_Carian_Google_Satu_Kajian_Semantik

Moreno, R., & Park, B. (2010). Cognitive load theory: Historical development and relation to other theories. *Cognitive load theory*. Cambridge University Press.

Munday, Jeremy (2008). *Introducing translation studies: Theories and applications*. (2nd ed.). London & New York: Routledge Taylor & Francis Group.

Murugaiyan SivaKumar. (2002). *Mozhipeyarppu Nudpam*. Ilanggai: Poobaalasinga Buthaha Salai.

Newmark, P. (1981). *Approaches to translation* (Vol. 1, p. 982). Oxford: Pergamon Press.

Newmark, P. (1988). *A textbook of translation* (Vol. 66). New York: Prentice hall.

Nida, E. A. (1975). *Language structure and translation: essays* (Vol. 8). Stanford University Press.

Nida, E. A. (1964). (2000). *Principles of Correspondences in Venutti Lawrence: The Translations Studies Reader*. London: Routledge.

Nida, E. A., & Taber, C.R. (1969). *The Theory and Practise of Translation*. Leiden: E.J. Brill

Nord, C. (1997). *A functional typology of translations*. John Benjamins.

Nord, C. (1992). Text analysis in translator training. Dollerup & Loddergaard (ed.). *Teaching Translation and Interpreting*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.

Nord, C. (1998). Text analysis in translation theory, methodology, and didactic application of a model for translation-oriented text analysis. Heidelberg: (P306 Nor).

Nord, C. (2001). *Translation theories explained. Translating as a purposeful activity*. Menchester: St. Jerome publishing. (P360 Nor).

Nor Rasimah Abdul Rashid, Zarina Suriya Ramlan (2011) *Aspek-Aspek Jarak Kuasa Dalam Proses Terjemahan : Satu Tinjauan Awal*. Persidangan Penterjemahan Antarabangsa (Ke-13 : 19-21 Jul 2011 : Shah Alam). Kuala Lumpur : Persatuan Penterjemah Malaysia, 637-651.

Norizah Ardi, Midiyana Mohamad, Rozaimah Roshidin, & Zuraidah Jantan. (2011). *Asas dan Kemahiran Menterjemah*. Malaysia: August Publishing.

Normalis Amzah. (2008). *Unsur Budaya dalam Terjemahan Bahasa Jepun Ke Bahasa Melayu: Analisis Karya Konosuke Matsushita*. Dicapai pada 20 Ogos, 2013, daripada <http://eprints.usm.my/10409/>

Noor Ida Ramli, Norizah Ardi & Aini Aziz. (2011). *Asas dan Kemahiran Menterjemah*. Puchong : August Publishing Sdn .Bhd

Puteri Roslina Abdul Wahid. (1964). *Dynamism in Creative Translation: TEROWONG (TUNNELS) (Roderick & Brian Williams)*. Dicapai pada 20 Ogos, 2013, daripada <http://english.um.edu.my/anuvaada/papers/puteri.pdf>

Puteri Roslina Abdul Wahid. (2007). *Pengantar Penterjemahan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Scholar Press (M).

Rayner, K., Pollatsek, A., Ashby, J., & Clifton Jr, C. (2012). *Psychology of reading*. Psychology Press.

Robinson, P. (Ed.). (2001). *Cognition and second language instruction*. Ernst Klett Sprachen.

Rokiah Awang. (2004). *Translating Militants Radicals and Suicide Bombers in The Malay Newspapers*. Dicapai pada 20 Ogos, 2013, daripada <http://eprints.usm.my/9974/>

Puteri Roslina Abdul Wahid. (2007). *Dinamisme dalam Karya Terjemahan Kreatif Tunnels*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Sanjun Sun. (2012). *Measuring difficulty in English-Chinese translation: Towards A General Model of Translation Difficulty*. Kent State University. USA.

Sperber, D., & Wilson, D. (2004). *Relevance theory. Handbook of Pragmatics*. Oxford: Blackwell.

Vinay, J. P., & Darbelnet, J. (1958). *A Methodology for Translation* (JC Sager & M.-J. Hamel, Trans.). *The translation studies reader*, Routledge London.

Vijayaletchumy.S., Noor Aina Dani, Abdul Rashid Daing Melebek, & Wan Ruzanna Wan Mohammad (2011). *Kaedah Terjemahan Dalam Kalangan Mahasiswa*. Persidangan Penterjemahan Antarabangsa (Ke-13: 19-21 Jul 2011: Shah Alam). Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia, 550-561.

Victor. (2002). *Mozipeyarpial Kolkaikal*. Paari Nilayam : Chennai.

Wilss, Wolfram. (1982). *The science of translation problems and methods*. Germany: Übersetzungswissenschaft

Wilson, P. (1965). Quine on translation. *Inquiry*, Taylor & Francis.

Yusoff, R. (2007). Translating kinship terms to Malay. *Language and Communication*. *Translation Journal*, 11(3).

Zainal Abidin Naning. (2011). *Proses Penerjemahan Dan Persoalan Semantik*.
Persidangan Penerjemahan Antarabangsa (Ke-13: 19-21 Jul 2011: Shah Alam).
Kuala Lumpur: Persatuan Penerjemah Malaysia, 153-162.

Zhang, M. F. (2005). Function Plus Loyalty: On Nord's Functionalist Approach to Translation [J]. *Journal of Foreign Languages*, 1, 60-65.

Zubaidah Ibrahim-Bell (2006). *Translating Travel Literature*. *Foreign Literature Studies*. Hunkuk University of Foreign Studies.